



NEGERI PULAU PINANG

PENYATA RASMI

**MESYUARAT KEDUA
PENGKAL PERSIDANGAN KELIMA**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KETIGA BELAS**

**2 NOVEMBER 2017,
6 NOVEMBER 2017 HINGGA 14 NOVEMBER 2017**

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

Dikeluarkan oleh

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
BAHAGIAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
PULAU PINANG**

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEDUA PENGGAJIAN PERSIDANGAN KELIMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

Kandungan	Muka Surat
Kehadiran Ahli Yang Berhormat	4 - 5
SOALAN-SOALAN LISAN	
Soalan No. 48 – Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen)	6
Soalan No. 50 – Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa)	6
Soalan No. 54 - Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee)	7
Soalan No. 55 – Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng)	7
Soalan No. 57 - Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady)	9
Soalan No. 58 – Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu)	9
Soalan No. 60 – Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee)	11
Soalan No. 62 – Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon)	15
Soalan No. 63 – Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin)	16
Soalan No. 65 – Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad)	19
Soalan No. 69 – Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng)	23
Soalan No. 70 – Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria)	24
Soalan No. 71 – Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor)	25
PENGUMUMAN MELANJUTKAN MASA PERSIDANGAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI DI BAWAH PERATURAN 6A(1)	27

Kandungan	Muka Surat
SESI PERBAHASAN PEMBENTANGAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAHUN 2018 DAN USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN TAHUN 2018	
Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.	27
Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.	35
SESI PENGULUNGAN PEMBENTANGAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAHUN 2018 DAN USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN TAHUN 2018	
Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin) mengambil bahagian dalam sesi pengulangan.	40
Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh) mengambil bahagian dalam sesi pengulangan.	71
Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh) mengambil bahagian dalam sesi pengulangan.	87
SESI PENGULUNGAN DISAMBUNG SEMULA	
Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh) menyambung semula pengulangan.	91
Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang) mengambil bahagian dalam sesi pengulangan.	92
Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng) mengambil bahagian dalam sesi pengulangan.	94
Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng) mengambil bahagian dalam sesi pengulangan.	105
Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim) mengambil bahagian dalam sesi pengulangan.	117
UCAPAN PENANGGUHAN OLEH YB. YANG DI-PERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI	123

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEDUA PENGAL PERSIDANGAN KELIMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

Tarikh : 13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)
Masa : 9.30 Pagi
Tempat : Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.

HADIR

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
1.	Y.A.B. Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
2.	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua, Dewan Undangan Negeri
3.	YB. Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon	Timbalan Ketua Menteri I / Pantai Jerejak
4.	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II /Perai
5.	YB. Chow Kon Yeow	Padang Kota
6.	YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim	Batu Maung
7.	YB. Chong Eng	Padang Lalang
8.	YB. Lim Hock Seng	Bagan Jermal
9.	YB. Law Heng Kiang	Batu Lancang
10.	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
11.	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
12.	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
13.	YB. Dato' Haji Maktar Bin Haji Shapee	Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri/Sungai Bakap
14.	YB. Wong Hon Wai	Air Itam
15.	YB. Ong Kok Fooi	Berapit
16.	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
17.	YB. Tanasekharan A/L Autherapady	Bagan Dalam
18.	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
19.	YB. Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga
20.	YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji	Seri Delima
21.	YB. Ong Chin Wen	Bukit Tengah
22.	YB. Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
23.	YB. Cheah Kah Peng	Kebun Bunga
24.	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
25.	YB. Teh Lai Heng	Komtar
26.	YB. Yap Soo Huey	Pulau Tikus
27.	YB. Soon Lip Chee	Jawi
28.	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubok
29.	YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa	Batu Uban
30.	YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid	Telok Ayer Tawar
31.	YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad	Pulau Betong
32.	YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin	Pinang Tunggai
33.	YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria	Sungai Acheh
34.	YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad	Penaga
35.	YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid	Permatang Berangan
36.	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor	Sungai Dua
37.	YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah	Telok Bahang
38.	YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman	Bertam

TIDAK HADIR

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
1.	YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man	Permatang Pasir
2.	YB. Nordin Bin Ahmad	Bayan Lepas

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.

Bil.	Nama	Jawatan
1	YB. Dato' Seri Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2	YB. Dato' Anas Bin Ahmad Zakie	Penasihat Undang-Undang Negeri
3	YB. Dato' Sarul Bahiyah Binti Haji Abu	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Cik Maheswari A/P Malayandy	-	Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Encik Mohd Roshidi Bin Azmi	-	Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan mula bersidang pada jam 9.30 pagi.

Setiausaha Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Bacaan Doa.

Timbalan Setiausaha Dewan:

"Bacaan Doa".

Setiausaha Dewan:

Soalan Lisan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan disambungkan dengan soalan lisan. Pagi ini kita akan mula dengan soalan 47, soalan YB. Sungai Dua. YB. Sungai Dua tak sempat berada dalam Dewan, soalan akan dilangkau. Soalan seterusnya soalan 48. Silakan.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):

YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan, soalan saya soalan no.48.

No. 48. Berapakah Projek Tebatan Banjir yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa MMK Tebatan Banjir sejak tahun 2013 menggunakan Tabung Caruman Perparitan? Berapakah nilai setiap projek tersebut?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih dan selamat pagi YB. Dato' Yang di-Pertua. Untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh YB. Bukit Tengah berhubung dengan caruman perparitan dan projek yang dilaksanakan dari tahun 2013 sehingga kini adalah sebanyak 277 projek bernilai RM135.5 juta telah diluluskan oleh Jawatankuasa MMK Tebatan Banjir bagi tahun 2013 sehingga Julai 2017. Bilangan projek mengikut tahun bagi kesemua daerah dan nilainya adalah seperti berikut. Saya rasa cuma bagi angka besar bagi setiap daerah sahaja. Bagi Daerah Timur Laut, untuk tempoh ini, RM46.8 juta, bagi Barat Daya, RM21.55 juta, bagi SPU, RM3.97 juta, bagi SPT, RM52.28 juta dan bagi SPS, RM10.89 juta untuk melaksanakan 277 projek. Sekian.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Padang Kota. Seterusnya saya ingin persilakan soalan 49 dari YB. Bayan Lepas. YB. Bayan Lepas pun tak ada dalam Dewan. 49 akan dilangkau. Seterusnya soalan 50. Sila.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan, soalan saya ialah soalan 50.

No. 50. Kos sara hidup semakin meningkat dan membebankan golongan yang berpendapatan rendah termasuk penaja berlesen yang berniaga kecil-kecilan. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memberikan suntikan Typhoid secara percuma kepada para penaja kecil-kecilan dan menjadikan program ini salah satu daripada produk i-sejahtera Kerajaan Negeri kita?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih YB. Batu Uban kerana kemukakan soalan berhubung dengan suntikan Typhoid bagi penaja-penaja. Untuk makluman Dewan, buat masa ini pihak Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk memberikan suntikan imunisasi Typhoid secara percuma kepada para penaja kecil. Untuk makluman, caj yang dikenakan untuk suntikan imunisasi Typhoid oleh kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan adalah RM37.10 bagi warga tempatan dan RM68.90 bagi warga asing. Caj yang dikenakan oleh agensi lain dan klinik swasta adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan caj yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Pulau Pinang. Sekian.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Padang Kota. Maka seterusnya saya minta soalan 51, soalan YB. Sungai Pinang. YB. Sungai Pinang tak sempat. Soalan dilangkau. Seterusnya soalan 52, soalan daripada YB. Pulau Tikus. YB. Pulau Tikus pun tak ada dalam Dewan. Soalan dilangkau. Seterusnya soalan 53, soalan daripada YB. Seri Delima, YB. Seri Delima tak ada dalam Dewan, soalan pun dilangkau. Soalan seterusnya, saya persilakan Pengkalan Kota.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):

YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan, soalan saya soalan 54.

- No. 54. Sila nyatakan dengan teliti berapakah jumlah peruntukan yang telah diberi oleh Kerajaan Negeri kepada semua sekolah di negeri ini berbanding dengan Kerajaan Persekutuan.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Terima kasih di atas soalan daripada YB. Pengkalan Kota. Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan khusus di bawah Program Bantuan Pendidikan untuk Sekolah-sekolah Bantuan Modal atau Bantuan Kerajaan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil adalah berjumlah RM10.25 juta setahun sejak tahun 2013 sehingga sekarang. Untuk sekolah agama adalah sebanyak RM55.4 juta tanpa kira pemberian tanah bernilai puluhan juta ringgit sejak tahun 2008.

Kerajaan Negeri juga menyediakan peruntukan pembangunan di bawah maksud pembangunan P13 Butiran 04 - Sekolah Agama Rakyat untuk tujuan membiayai kos membaiki, menaiktaraf dan membina sekolah-sekolah agama di Pulau Pinang. Jumlah peruntukan pembangunan yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri daripada 2008 hingga 2017 bagi Sekolah Agama Rakyat adalah berjumlah RM22 juta.

Di samping Program Bantuan Pendidikan ini, Kerajaan Negeri mulai tahun 2008 telah memberikan sumbangan tambahan *ex-gratia* sebanyak RM50 sebulan kepada guru-guru KAFA. Pada tahun 2016, sebanyak RM930 ribu telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri kepada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang untuk pembayaran pemberian *ex-gratia* kepada seramai 1550 orang guru KAFA. Kerajaan Negeri juga mulai tahun 2010 telah memperuntukan dalam bajet tahunan pemberian bantuan khas kewangan ataupun bonus kepada guru-guru KAFA dan mulai tahun 2012 telah menyediakan bajet untuk tujuan pemberian saguhati Hari Raya Aidilfitri kepada guru-guru agama, tahfiz, pondok dan juga TADIS.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga telah membelanjakan sebanyak RM62.69 juta dari tahun 2008 sehingga kini untuk tujuan pengambilan tanah bagi projek-projek keagamaan Islam seperti pembinaan masjid, surau, sekolah agama dan sebagainya. Secara keseluruhan, jumlah peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri untuk pembiayaan sekolah-sekolah agama di Negeri Pulau Pinang tanpa mengira kos pengambilan tanah dari tahun 2008 hingga 2017 adalah berjumlah RM55,038 juta dengan pengambilan tanah ataupun pemberian tanah kerajaan kosnya akan menambah perbelanjaan untuk sekolah agama sekurang-kurangnya hampir RM10 juta lagi. Pecahan peruntukan yang diluluskan mengikut tahun daripada tahun 2008 hingga 2017 adalah seperti jadual dan saya tidak berhajat untuk membacakan tapi kita akan lampirkan jawapan ini secara bertulis. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Pantai Jerejak. Saya minta soalan 55.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Selamat pagi YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan. Soalan saya, soalan 55.

- No. 55 Apakah status tiga projek lebuh raya di Pulau Pinang iaitu jalan raya berkembar dari Tanjung Bungah ke Teluk Bahang, jalan pintas yang menghubungkan Gurney Drive ke Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu dan jalan pintas yang menghubungkan Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu ke Bandar Baru Air Itam?

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Terima kasih kepada Yang Berhormat daripada KOMTAR. Beliau menanya berkenaan status tiga (3) buah jalan-jalan utama. Status pelaksanaan projek jalan-jalan utama di Pulau Pinang adalah seperti berikut, kajian kebolehlaksanaan untuk projek jalan-jalan utama yang melibatkan tiga (3) pakej. Iaitu pakej satu (1), jalan terlibat dengan pembinaan jalan berkembar daripada Tanjung Bungah ke Telok Bahang. Kedua, yang melibatkan jalan pintasan atau *bypass* daripada Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Ayer Itam dan pakej tiga (3), jalan pintasan dari Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Persiaran Gurney. Semua ketiga-tiga pakej ini, kajian kebolehlaksanaan telah disiapkan pada 12 Mei 2015. Reka bentuk terperinci awalan atau *primary detail design* juga telah siap pada 26 Januari 2016 untuk membolehkan kajian penilaian kesan kepada alam sekitar iaitu *Detailed Environmental Impact Assessment* dimulakan. Laporan kajian DEIA telah siap dan dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar untuk pertimbangan kelulusan iaitu pada 21 April 2017.

Pembinaan bagi projek-projek jalan utama dijangka bermula pada pertengahan 2018 iaitu *next year middle* setelah mengambilkira faktor-faktor berikut, satu (1), kelulusan DEIA oleh Kerajaan Persekutuan. Kedua, proses pengambilan balik tanah oleh Pejabat Daerah dan Tanah dan juga proses pelepasan tanah persekutuan oleh JKPTG dan yang ketiga, penyiapan kerja-kerja tebus guna tanah bagi tanah yang akan diguna sebagai bayaran kos projek. Itu saja Yang Berhormat.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Bagan Jermal. Sila.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Terima kasih YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan. Sila huraikan sekali lagi sebab-sebab jalan berkembar dari Telok Bahang seterusnya ke Tanjung Tokong, mengapa ada *missing link* dan apakah cadangan kerajaan untuk *missing link* ini dan siapa bertanggungjawab, bila akan siap? Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

YB. Dato' Speaker, *missing link* iaitu daripada Lembah Permai untuk pergi ke Jalan Tanjung Tokong. Peringkat jalan ini kita telah merangkumkan dia di bawah SRS iaitu *South Reclamation Scheme* yang diterajui oleh Konsortium Gamuda. Jadi, ini telah ada satu (1) idea, sudah ada satu (1) rancangan supaya ia dikaji daripada Lembah Permai untuk pergi ke Tanjung Tokong, memang ada dia.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. KOMTAR.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Terima kasih YB. Bagan Jermal yang beri penjelasan tadi tapi saya ingin nak tahu penjelasan tadi adalah projek ini masih ikut jadual atau mengalami kelewatan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Memang dia ada kelewatan sedikit kerana kita masih tunggu perkara-perkara seperti yang saya sebut iaitu kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar dan juga masalah-masalah mengenai pengambilan balik tanah. Sekiranya kita belum dapat itu kelulusan DEIA, tak ada makna kalau kita *proceed* dengan pengambilan tanah dan sekiranya kelulusan DEIA tidak dapat diperolehi maka wang yang kita belanja untuk pengambilan balik tanah itu, tidak akan berkesan juga atau sia-sia sahaja.

Jadi kita kena satu peringkat demi satu peringkat, *step by step* lepas dapat kita, *go a head with the proceed of the* pengambilan tanah. Selepas ada tanah, baru kita boleh terus untuk buat fizikal projek di tapak.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Bagan Jermal.

Ahli Kawasan Komtar (YB. Teh Lai Heng):

YB. Dato' Speaker, soalan ketiga.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

Ahli Kawasan Komtar (YB. Teh Lai Heng):

YB. Bagan Jermal, adakah kelewatan ini akan menyebabkan kos projek ketiga-ketiga ini untuk akan meningkat.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Buat masa ini, harga atau kos syiling untuk projek ini masih sama. Tiada perbincangan mengenai kos tambahan untuk projek ini, masih kekal pada RM6.314 bilion. Ya.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Komtar dan YB. Bagan Jermal. Seterusnya soalan 56. Soalan 56 YB. Bertam, tidak ada dalam Dewan. Soalan dilangkau. Soalan seterusnya 59. Saya persilakan. 57, saya persilakan. *Sorry.*

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

YB. Dato' Speaker, soalan saya ialah soalan nombor 57.

No. 57. Bilakah rumah mampu milik yang sedang dibina di Kampung Jawa, Bagan Dalam akan siap?

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih YB. Dato' Speaker dan juga pada YB. Bagan Dalam, ke atas soalan berkenaan rumah mampu milik yang sedang dibina di Kampung Jawa, Bagan Dalam dan apakah status dia.

Untuk makluman YB. Dato' Speaker dan semua yang hadir, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang ataupun PDC, sedang giat memajukan beberapa projek perumahan mampu milik di seluruh Negeri Pulau Pinang. Dan di Daerah Seberang Perai Utara, PDC sedang dalam fasa melaksanakan pembinaan projek Jiran Residensi di Kampung Jawa, Butterworth, *I think that* kawasan Bagan Dalam. Dan projek ini YB. Dato' Speaker, bakal menyediakan sebanyak 353 unit rumah mampu milik jenis 'B', ataupun kos sederhana rendah dan 354 unit rumah mampu milik 'C', ataupun rumah mampu milik yang tidak melebihi RM250,000.00.

Dan untuk makluman semua, projek ini dijadualkan siap pada Oktober 2018, di mana untuk projek ini kemajuan terkini ialah sebanyak 83%, YB. Dato' Speaker. Pelaksanaan Projek-projek Rumah-rumah mampu milik ini, merupakan bukti dan iltizam Kerajaan Negeri dalam penyediaan kediaman yang mencukupi dan dijual pada harga yang berpatutan dan dibangunkan di lokasi-lokasi strategik untuk manfaat seluruh rakyat Pulau Pinang. Sekian.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih, YB. Dato' Speaker Datok Keramat. Seterusnya saya ingin persilakan, soalan 58.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan, soalan saya ialah 58.

No. 58. Senaraikan semua tanah dan hartanah dengan terperinci (nama/lokasi/lot nombor/luasan/kegunaan nya/status kini dan lain-lan) yang diserahkan kepada dan diperolehi CMI. Juga senaraikan tanah atau Hartanah CMI yang telah dipajakan ,dijualkan,diTOLkan dan lain-lain dengan terperinci. Huraikan tujuan/struktur/mekanisme/polisi CMI. Huraikan peruntukan kepada CMI.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

YB. Dato' Speaker, saya ambil peluang ini untuk menjawab soalan nombor 58. Senarai tanah dan hartanah yang diserahkan kepada dan diperolehi Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang iaitu CMI berserta status semasa penggunaannya adalah seperti di Lampiran 'A', yang akan diletak di meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan ini yang banyak *detail* lah.

CMI yang ditubuhkan pada 21 Julai 2009, bertujuan untuk menjana pendapatan dan hasil yang lebih tinggi kepada Kerajaan Negeri melalui aset-aset sedia ada, khususnya tanah dan hartanah Kerajaan Negeri. Melalui Enakmen 9, Enakmen Ketua Menteri Pulau Pinang Perbadanan 2009, Perkara 4 boleh membolehkan CMI iaitu membuat kontrak. Yang kedua, memperolehi, memegang dan menikmati apa-apa perihal harta alih dan harta tidak alih. Dan yang ketiga, menjual, menggadai, janji, menggadai janji atau selainnya melupuskan apa-apa harta alih atau harta tidak alih yang terletak hak pada Perbadanan.

CMI bertanggungjawab merancang dan menilai peluang-peluang pelaburan yang berkelas besar dan berpotensi menjadi ekonomi negeri. CMI juga dibenarkan memasuki usaha niaga komersial atau perusahaan atau usahasama dengan mana-mana orang atau organisasi. Mekanisma pelaburan projek yang digunakan oleh CMI adalah secara pengiklanan sebut harga, tender dan juga *Request For Proposal* (RFP)...(dengan izin) berdasarkan arahan Kerajaan Negeri dan diputuskan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Negeri dan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Pertubuhan pada CMI sejak penubuhannya adalah berjumlah dengan RM16,758,473.99 juta yang diselaraskan bersama Bajet Mengurus dibawah maksud Bekalan B01. Aktiviti 033 Pejabat Ketua Menteri. Perincian peruntukkan tersebut adalah seperti berikut, saya rasa ada 9 tahun ini di sini, saya cuma bagi tahun yang kebelakangan iaitu yang lain saya akan serahkan, letak di meja YB. Tanjong Bunga.

Untuk tahun 2017, adalah RM2,900,830.00 juta Untuk 2016, RM2,632,263.99 juta Untuk tahun 2015, lebih kurang semua lebih kurang RM2 juta lebih RM2,509,430.00 juta yang tadi saya sebutkan tadi jumlahnya adalah RM16,738,473.99 juta untuk senaraikan yang tadi iaitu lampiran memang ada lebih kurang lebih 10 muka dan tajuknya adalah seperti *plan*, mukim, keluasan minta, syarat nyata, nama pengusaha dan tempat sewaan, pajakan dan status tarikh, semua akan diberikan yang diminta oleh YB. Tanjong Bunga.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Soalan tambahan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila Tanjong Bunga.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Cuma huraikan berapa lot telah dipelompokan semula telah dibuat, dibenarkan, diluluskan dan untuk kegunaan apa? Dan berapa lot untuk kegunaan pendidikan?

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

Saya rasa semua ini adalah tersenarai didalam sini, dan saya rasa kemudian akan diletak di meja. Memang ada dalam lampiran ini.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Soalan tambahan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Telok Ayer Tawar.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Terima kasih, Batu Lancang. Terima kasih, YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan. CMI, Ketua Menteri diperbadankan adalah satu jentera ataupun *vehicle* untuk memegang harta hartanah yang dahulunya, sepatutnya diserahkan kepada beberapa agensi. Antara contohnya ialah tanah-tanah untuk tapak masjid, tanah untuk sekolah, dan sebagainya. Dan saya nak tanya di sini, apakah peranan CMI selain daripada memegang harta-harta ini kerana disini dimaklumkan peruntukan diberi RM2 juta lebih setahun. RM2 juta ini jumlah yang besar juga, mengambil kira bahawa sepatutnya CMI tidak melibatkan diri di dalam aktiviti-aktiviti perdagangan, komersial dan sebagainya kerana kalau kata nak buat pemajuan, kita ada PDC. Dan kalau tanah itu adalah bertujuan untuk sekolah, sepatutnya diserahkan kepada Jabatan Pendidikan ataupun Kementerian Pendidikan, dan peruntukkan diberi oleh *federal*. Jadi setakat manakah skop bidang tugas CMI ini selain daripada memegang kerana saya nampak peruntukan yang banyak disediakan dan perolehan itu pula bagaimana ianya dibelanjakan. Perolehan daripada penjualan tanah dan pembangunan.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

Untuk Yang Berhormat....

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Telok Ayer Tawar.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

YB. Dato' Speaker, Telok Ayer Tawar, saya rasa tadi / sudah kata yang ada pengiklanan dan semua kakitangan pejabat, dan yang lebih teliti saya akan serahkan dalam jawapan bertulislah.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih, YB. Batu Lancang. Saya ingin persilakan, soalan YB. Pulau Betong, soalan 59. Pulau Betong tiada, saya akan seterusnya minta soalan 60.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Soalan 60, YB. Dato' Speaker. Soalan saya.

- No. 60. Berapa projek tebatan banjir yang dibangunkan dengan peruntukan kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan di setiap daerah dari tahun 2008 hingga kini? Sila nyatakan.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih YB. Jawi, kerana telah membangkitkan peruntukan Kerajaan Negeri dan Persekutuan untuk projek Tebatan Banjir.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sejak tahun 2008 hingga September 2017, sebanyak 2,207 projek Tebatan Banjir dengan kos RM300 juta ringgit telah dilaksanakan dengan menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri dan caruman Perparitan. Projek-projek ini melibatkan kerja pembinaan sistem saliran pencegahan banjir, menaikkan taraf sistem saliran sedia ada dan lain-lain. Projek-projek ini tidak termasuk kerja-kerja bagi penyelenggaraan sistem saliran sedia ada.

Manakala 32 projek bernilai RM1.074 bilion, telah dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan melalui projek-projek dibawah Peruntukan Rancangan Malaysia Ke-9 yang bermula pada tahun 2006 hingga Rancangan Malaysia Ke-11 setakat September 2017, dan bukan RM2.6 bilion yang pernah dinyatakan oleh Menteri sendiri, dan juga bukan RM2 bilion yang dinyatakan oleh Pengerusi UMNO Pulau Pinang.

Angka RM1.074 bilion, adalah berbeza dengan angka yang saya berikan sebelum ini, sebab ianya melibatkan projek-projek Persekutuan di antara dua (2) negeri, misalnya Negeri Pulau Pinang dan Kedah. Dan Negeri Pulau Pinang dan Perak. Jadi ada angka-angka yang berbeza daripada sistem yang dapat dicatatkan oleh JPS negeri.

Makluman perincian bilangan dan peruntukan bagi projek-projek ini, akan diberikan kepada Yang Berhormat setelah sesi soal jawab ini. Sekian.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Soalan tambahan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila, Jawi.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Soalan tambahan saya, adakah wakil pembangkang terutamanya khusus adalah Ketua Pembangkang yang telah membuat dakwaan bahawa Kerajaan Negeri telah kutip wang caruman, banyak wang caruman yang dikutip, caruman perparitan tetapi tidak guna dan ada penyelewangan, adakah ini benar?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan. Terima kasih YB. Jawi atas soalan tambahan. Pertamanya Kerajaan Negeri amat bersyukur sebab ada Tabung Caruman Perparitan. Selain daripada peruntukan negeri dan juga peruntukan persekutuan. Dana daripada caruman perparitan yang mula sejak tahun 1994 itu sehingga kini, berjumlah saya rasa melebihi RM100 lebih juta. Jadi itu dana yang amat penting bagi usaha Tebatan Banjir di Negeri Pulau Pinang. Dalam jawapan kepada YB. Bukit Tengah tadi, bagi tahun 2013 sehingga 2017, wang yang dibelanjakan adalah RM135.5 juta tetapi kutipan pada jangka tempoh ini cuma RM95.76 juta. Itu....(gangguan)

Ahli Kawasan Telok Air Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Bagi habis dulu.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Semasa saya jadi EXCO Tebatan Banjir, dalam tempoh 2013 sehingga Julai ini dibelanjakan RM135.5 juta tetapi yang dipungut RM90.7 juta memang ada baki-baki yang di bawah setiap tahun. Ini membuktikan bahawa caruman perparitan digunakan dengan penuhnya sebaik-baiknya dan baki sekarang pun saya rasa dalam lingkungan RM20 juta lebih sahaja. Ini bermakna sejak YB. Dato' Yang di-Pertua memegang *port-folio* ini sehingga kini melebihi RM100 lebih juta hampir RM200, mungkin tidak ada angka yang tepat RM200 lebih juta ringgit digunakan untuk tujuan tebatan banjir. Ini sudah banyak kali kita jelaskan di dalam Dewan ini dan luar Dewan namun khususnya Ketua Pembangkang masih membuat dakwaan dan tuduhan kita pungut tetapi kita tidak belanja. Angka ini... (gangguan)

Ahli Kawasan Telok Air Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Bagi saya tanya soalan.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Saya belum habis. Angka-angka ini menunjukkan dakwaan ini tidak berasas. Kita cuba menggunakan sumber yang penting ini untuk melaksanakan projek-projek sementara menunggu peruntukan Persekutuan, sementara menunggu peruntukan negeri itu di bawah peruntukan bajet tahun lepas kita dapat RM150 juta. Itu menunjukkan kesungguhan kita, kita memang memandang berat tentang isu banjir di Negeri Pulau Pinang dan setakat mana boleh dapat peruntukan-peruntukan maka projek-projek akan dilaksanakan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

Ahli Kawasan Telok Air Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

YB. Dato' Speaker dan Padang Kota, saya ingat jangan dikelirukan isunya di sini, yang saya bangkitkan ialah caruman perparitan dan ianya tidak betul kalau menyatakan bahawa tabung ini wujud pada 2004. Tadi YB. Padang Kota kata.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

1994.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

1994.

Ahli Kawasan Telok Air Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

1994. Tabung ini telah wujud lama, ia adalah caruman yang dibuat oleh pemaju-pemaju projek yang mana dahulunya caruman ini dikutip oleh PBT. Betul Padang Kota? Dahulunya kadar caruman ini adalah RM10,000.00 seekar. Kadar bayaran caruman ini telah pun dilipat gandakan 500% sekarang menjadi RM50,000.00 seekar dan saya bertanya ada juga soalan bertulis ini saya dok cari jawapan berapa banyakkah kutipan itu dan kenapakah kutipan itu tidak digunakan sepenuhnya untuk projek-projek perparitan? Itu soalan saya. Soalan saya itu tepat dan memang jumlah yang dikutip tak dibelanja

sepenuhnya. Jangan kelirukan dengan jumlah peruntukan untuk perparitan dan lain-lain di bawah Kerajaan Negeri sebab ini adalah jumlah kutipan caruman yang dikutip dari pemaju.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih Yang Berhormat. YB. Dato' Yang di-Pertua pun amat faham bahawa Ketua Pembangkang amat mengelirukan Dewan ini. Saya sudah jawab bagi tempoh 2013 sehingga kini dalam tempoh saya jadi EXCO Tebatan Banjir, apa yang dikutip RM95.7 juta. Apa yang jawatankuasa lulus RM135 juta. Tidak cukup pun.

Ahli Kawasan Telok Air Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Jawapan tidak sama yang bagi kepada saya.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey, Padang Kota.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Ini menunjukkan bahawa dalam khususnya dalam dua (2), tiga (3) tahun ini segala pasukan JPS Negeri dipimpin oleh Pengarah yang dinamik kita melipatganda usaha kita sampai apa yang ada baki dalam tabung itu kita belanja sehingga mungkin. Saya terpaksa menyatakan baiklah kita tambah caruman itu dari RM10,000.00 seekor pembangunan kepada RM50,000.00 seekor pembangunan sebab ingin menambahkan dana supaya pasukan JPS Negeri dan juga PBT dan juga Pejabat Daerah masing-masing dapat menerima rungutan masyarakat dan membangkitkan projek-projek untuk kelulusan Jawatankuasa Tebatan Banjir. Saya rasa itu jelas sekali.

Ahli Kawasan Telok Air Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Boleh saya minta penjelasan.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Cuma Ahli....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Nanti bagi habis dulu.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Ahli Telok Air Tawar yang tidak mahu difahamkan. Sebenarnya penambahan RM10,000.00 hingga RM50,000.00 kalau dikatakan di bawah Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) kebanyakan projek-projek melibatkan tapak yang kecil sebab banyak *high rise*. Keluasan saiz ia seekor, dua (2) ekar. Kalau dulunya kutip RM10,000.00 sekarang kutip RM50,000.00 pun tidak amat membebankan sebab *high rise* ia melibatkan beratus-ratus unit. Mungkin di Seberang Perai kebanyakan pembangunan *landed*. Itu membabitkan caruman yang lebih kerana melibatkan keluasan tanah yang lebih besar berbanding dengan *high rise development*. Setakat ini saya rasa jawatankuasa ini tidak terima apa-apa rungutan daripada pihak pemaju bahawa kita tambah dari RM10,000.00 se ekar kepada RM50,000.00 se ekar adalah membebankan tidak ada sebab mereka nampak projek-projek yang dijalankan menggunakan caruman ini dengan berkesannya.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila Telok Ayer Tawar, soalan terakhir.

Ahli Kawasan Telok Air Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

YB. Dato' Speaker, saya rasa Kerajaan Negeri tidak seharusnya hanya bergantung kepada duit caruman perparitan kerana duit caruman itu tidak seberapa banyak kerana ia juga adalah sumbangan daripada pemaju-pemaju perumahan dan projek. Memang patutnya ditambah, memang sikit dan tidak cukup. Tidak seharusnya dibebankan masalah untuk menyelesaikan masalah perparitan negeri kepada segelintir pemaju yang baru yang buat pemajuan kerana masalah perparitan bukan masalah pemaju yang baru ini sahaja. Tidak seharusnya dibebankan ke atas pemaju-pemaju sahaja. Kerajaan Negeri harus memikul tanggungjawab untuk menyelesaikan masalah perparitan.

Saya harapkan kaedah ini juga tadi YB. Padang Kota mengatakan berdasarkan jumlah keluasan dan di kawasan Pulau tapak-tapak projek adalah kecil-kecil dan tentu sekali kutipannya tidak setimpal dengan jumlah penduduk yang tinggal di atas projek itu, kepadatan penduduk. Mungkin perlu dikaji semula kaedah bayarannya kepada bukan sahaja keluasan tapak tetapi juga kepadatan projek-projek berkenaan.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih YB. Dato' Yang di-Pertua, terima kasih YB. Teluk Air Tawar yang akhirnya mengeluarkan satu pandangan yang amat bernas sekali selama sembilan (9) lebih tahun saya berada di sini sebab akui caruman perparitan tidak cukup memang tidak cukup sebab kutip-kutip berpuluh-puluh tahun pun RM100, RM200, RM300 juta sahaja berbanding dengan peruntukan kalau datangnya daripada Kerajaan Persekutuan. Isu ini sudah banyak kali dibahas. Menteri tuduh kita bahawa Kerajaan Persekutuan membiayai projek RM2.58 bilion tetapi angka menunjukkan tidak sampai RM1 bilion pun Pengerusi UMNO Pulau Pinang juga kata projek bernilai RM2 bilion sudah dibelanjakan oleh Kerajaan Persekutuan. Saya pun sudah hantar angka kepada Yang Berhormat sesi dulu Yang Berhormat dengan Pulau Betong nampaknya faham, hendak bantu dapat Kerajaan Persekutuan tambah peruntukan sebab kita sama-sama hendak menangani masalah banjir di Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Telok Air Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Baiklah apa yang di...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Air Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Wait., peruntukan untuk Tebatan Banjir Sungai Pinang YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri .

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Apa yang dikatakan...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Air Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Peruntukan untuk Tebatan Sungai Pinang YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri adalah bersyarat supaya Kerajaan Negeri menyelesaikan masalah setinggan di kawasan sungai.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Saya tidak sentuh Sungai Pinang.

Ahli Kawasan Telok Air Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Ya. Jadi itu yang merupakan masalah besar....(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Biar saya habis.

Ahli Kawasan Telok Air Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Di Sungai Pinang.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Biar saya habis...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Air Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Tapi masalah itu duit tambahan yang akan diberikan...(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Biar saya habis. Jangan saya puji bernas sekarang tidak bernas pula. Biar apa berlaku sama ada 2.8, 2.58 bilion, 2 bilion, 1 bilion takpalah itu kisah-kisah lama. Baru-baru ini Perdana Menteri melawat Pulau Pinang telah mendengar taklimat daripada Pengarah JPS Negeri yang mengemukakan projek-

projek bernilai RM1 bilion banyak projek 13 projek. Kalau ikhlas mahu membantu Negeri Pulau Pinang. Projek RM1 bilion ini pun cukup baik khususnya RM500 dari RM1 bilion itu RM500 lebih diberikan kepada RTB Sungai Pinang. RM150 juta itu pun untuk fasa ketiga tidak sampai dari *Petani Road* sampai Dhobi Ghaut sahaja. Manakala cabang-cabang sungai, Sungai Dondang, Sungai Air Itam, Sungai Air Terjun, Sungai Jelutong masih tidak ada projek dan apa yang dikemukakan adalah tambahan RM500 dan RM8 juta dari RM1 bilion itu untuk Sungai Pinang. Kalau itu boleh diluluskan, saya rasa kita amat syukurlah walaupun ada perbezaan politik kita melakukan untuk rakyat jelata yang menderita sepanjang 18 tahun Projek Sungai Pinang tidak diteruskan apabila Fasa satu (1) siap. Datok Keramat ada boleh mengesahkan apa yang saya kata. Itulah hakikatnya kita jangan main politik di sini, saya pun tidak suka main politik saya suka main angka-angka supaya walaupun saya bukan akauntan, supaya rakyat yang menerima faedah daripada apa yang kita usahakan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Padang Kota. Seterusnya 61 soalan. Saya persilakan YB. Permatang Berangan. YB. Permatang Berangan tidak ada, silap saya ingat YB. Permatang Berangan ada. Saya ingin persilakan soalan 62.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Terima kasih YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Soalan saya soalan 62.

- No. 62. Sejauh manakah konsep *Gender Responsive Participatory Budgeting*, GRPB di aplikasi dalam proses pembentukan belanjawan Kerajaan Negeri? Terangkan peranan ADUN dan badan bukan kerajaan NGO dalam proses pembentukan belanjawan Kerajaan Negeri? Nyatakan kesediaan Kerajaan Negeri membuka ruang kepada wakil rakyat dan *stake holders* untuk menyuarakan pandangan dan cadangan dalam bajet dialog Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih YB. Dato' Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Ahli Kawasan Machang Bubuk yang memang sangat peka isu *gender*. Jawapan ialah konsep *Gender Responsive and Participatory Budgeting* ataupun dengan pendeknya GRPB telah mula diaplikasikan sejak penubuhan Perbadanan Kemajuan Wanita Pulau Pinang ataupun *in short* (PWDC) pada November 2011. Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersama-sama dengan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MPPP) dan MPSP telah menzahirkan komitmen, ketegasan dan kesungguhan mereka untuk menyerlah sebagai institusi-institusi *responsive gender* dengan memperuntukkan dana kepada PWDC untuk tujuan tersebut.

Kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan dan Kerajaan Negeri sedar akan hakikat bahawa setiap kelompok masyarakat mempunyai keperluan berlainan dan berbekalkan kesedaran ini Kerajaan Negeri sentiasa memastikan setiap keputusan di dalam Belanjawan Negeri adalah berpaksikan kepada penentuan keperluan yang harus diutamakan serta memastikan sumber sedia ada memberi manfaat yang optimum kepada setiap kumpulan sasar Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri dengan kerjasama PWDC akan terus berusaha untuk memastikan pengaplikasian GRPB dalam penyediaan belanjawan dapat ditingkatkan pada masa akan datang. Belanjawan Kerajaan Negeri terutama sekali Bajet Pembangunan sememangnya disediakan dengan mendapatkan *input* daripada pelbagai pihak termasuk ADUN dan Badan Bukan Kerajaan ataupun NGO. Projek-projek pembangunan yang dirancang untuk pelaksanaan dikemukakan oleh jabatan-jabatan kerajaan seperti Pejabat Daerah dan Tanah, Bahagian Perancang Ekonomi Negeri dan lain-lain setelah mengambil kira *input* yang diterima di dalam mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah, JKKK dan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan atau MMK. Mesyuarat-mesyuarat ini yang dianggotai oleh Yang Berhormat MMK, Yang Berhormat ADUN, ketua-ketua jabatan dan Badan-badan Bukan Kerajaan menjadi *platform* terbaik untuk memberi *input* berkaitan projek yang perlu dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri serta maklumat ini akan digunakan untuk penyediaan Belanjawan Kerajaan Negeri nanti.

Sehubungan itu, ADUN dan NGO memang memainkan peranan yang penting di antara jabatan-jabatan yang lain dalam mengenalpasti masalah dan keperluan masyarakat setempat dan maklumat tersebut menjadi sumber penting dalam penyediaan Belanjawan Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri bersedia untuk membuka ruang kepada wakil rakyat dan *stake holders* bagi memberi pandangan dan cadangan sekiranya Sesi Dialog Bajet Kerajaan Negeri dilaksanakan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Soalan tambahan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila Tanjung Bunga.

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (YB. Teh Yee Cheu):

Terima kasih maklum balas daripada YB. Padang Lalang. Saya sangat mengalu-alukan ucapan YB. Padang Lalang. Bolehkah saya juga memohon jasa baik Yang Berhormat juga sokongan dan dapatkan maklumat dari tiga (3) simposium yang telah dilakukan oleh Jawatankuasa *Transgender* Negeri Pulau Pinang dan satu (1) permohonan sudah dikemukakan kepada jabatan, pejabat, Jawatankuasa Perlembagaan supaya tiga (3) simposium itu dijadikan Penyata Rasmi Dewan ini supaya dia boleh dirujuk bila, peruntukkan untuk *Gender Responsive* pada bajet pada masa kelak, masa depan boleh diambil kira juga. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Saya akan mempertimbangkan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Soalan tambahan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Machang Bubuk.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Terima kasih YB. Padang Lalang yang telah menjawab soalan saya dan saya cuma hendak tambah satu soalan tambahan di mana kita pun sedia maklum bahawa buat setakat ini memang ada bajet dialog di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan dan juga di peringkat ADUN-ADUN masing-masing pun ada yang menjalankan bajet dialog di peringkat KADUN. Tetapi untuk Kerajaan Negeri, bukan sekadar untuk pembangunan wanita atau keluarga tetapi untuk aspek-aspek lain yang di bawah Kerajaan Negeri seperti perparitan, lain-lain aspek, adakah ia juga akan, bajet-bajet untuk jabatan-jabatan tersebut akan dibentuk berdasarkan dengan bajet dialog yang akan diadakan di peringkat Kerajaan Negeri?

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih kepada ADUN, YB. Machang Bubuk. Kita melaksanakan peringkat demi peringkat. Jadi peringkat pertama ialah di MBPP dan MPSP dan mereka pun telah laksanakan. Walaupun saya rasa pelaksanaan itu boleh diperbaiki, ada ruang untuk diperbaiki lagi tetapi sekarang kita akan masuk kepada MMK yang lain, umpamanya yang saya cadangkan ialah di MMK Agama, surau-surau. Kalau mereka, untuk perbaiki surau-surau, menaikkan surau-surau, jadi mungkin boleh melaksanakan proses ini juga, GRPB juga. Untuk urusan pentadbiran ataupun *management* di rumah-rumah pangsa kos rendah di seluruh negeri di bawah Perumahan, sekarang kita pun sudah hendak mula pakai proses ini juga, GRPB. Umpamanya di Jalan Sungai, Desa Wawasan, kita sekarang akan laksanakan di Desa Wawasan. Sekiranya dia berjaya kita akan pergi ke semua *low cost flat*. Jadi dari peringkat ke peringkat kerana kita memerlukan lebih kakitangan dan dana untuk melaksanakan. Sekian, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Padang Lalang. Saya seterusnya, soalan 63.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

YB. Dato' Speaker, soalan saya soalan 63.

- No. 63. (a) Apakah usaha yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mempromosikan durian tempatan Pulau Pinang?
- (b) Apakah insentif yang Kerajaan Negeri bercadang untuk membantu petani durian tempatan?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Terima kasih YB. Yang di-Pertua Dewan dan YB. Paya Terubong. Pertama saya ingin merakamkan ucapan terima kasih saya kepada rakan-rakan Yang Berhormat daripada pihak kerajaan yang telah membantu untuk saya menjawab soalan lisan sejak beberapa hari yang lepas.

Ini soalan lisan yang pertama yang dapat saya jawab. Durian Pulau Pinang telah pun menjadi produk identiti atau *signature product* bagi Negeri Pulau Pinang. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian telah menjalankan pelbagai langkah dalam usaha membantu petani untuk meningkatkan produktiviti, kualiti dan seterusnya mengukuhkan jenama Durian Pulau Pinang. Antara inisiatif yang telah dijalankan ialah dengan bekerjasama dengan pihak *Intellectual Property Corporation of Malaysia* (MyIPO) bagi mendaftar Petunjuk Geografi atau GI bagi 'Durian Balik Pulau'. Ini bertujuan untuk memperkukuhkan lagi identiti produk durian dan seterusnya bertindak sebagai satu mekanisme dalam mempromosikan durian Pulau Pinang di peringkat antarabangsa. Sehingga kini, D11, D15, D163 (Horlor), D164 (Ang Bak), D166 (Balik Pulau 604) dan D175 (Udang Merah), ini nombor durian, telah berjaya didaftarkan. Kerajaan juga berhasrat supaya lebih banyak klon, dan *variety* durian dapat didaftarkan bagi tujuan ini.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut menganjurkan Pesta Durian di Daerah Balik Pulau yang bertujuan mempromosikan durian selain menyokong kepada Pesta Durian yang dianjurkan oleh pihak swasta dan persendirian seperti Pesta Durian di Jawi, Seberang Perai Selatan yang dianjurkan oleh Persatuan Penanam Durian. Selain itu, Kerajaan Negeri juga menganjurkan Pertandingan Durian Terbaik bagi membolehkan klon-klon durian baru diketengahkan.

Kerajaan Negeri telah menyediakan pelbagai insentif dalam membantu petani durian tempatan. Antara insentif dan bantuan yang diberikan ialah Program Cantuman Dewasa. Melalui program ini, tanaman durian yang tua dan tidak produktif ditebang dan dilakukan cantuman dengan menggunakan benih klon-klon bermutu tinggi seperti D200 (Ochee), D197 (Musang King), D175 (Ang Hea) dan D163 (Horlor). Selain itu juga, kerajaan turut memberikan insentif dalam bentuk latihan seperti Program Pengembangan Teknologi Pertanian dalam melatih petani ke arah pengamalan pertanian moden yang seterusnya meningkatkan kualiti dan kuantiti durian yang dihasilkan. Dalam masa yang sama, bagi petani-petani durian yang mengamalkan Amalan Pertanian Baik, Kerajaan Negeri turut menyediakan peruntukkan *Intellectual Property Corporation of Malaysia* (MyIPO) berbentuk insentif teknologi pertanian kepada petani sebagai bantuan peralatan yang bersesuaian. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri turut menyediakan khidmat nasihat dan bantuan dalam memantau perkembangan tanaman durian supaya pokok bebas daripada serangan dan penyakit berbahaya.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila, Paya Terubong.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Ya, Yang Berhormat. Pada masa dalam mempromosikan durian tempatan di peringkat antarabangsa, jadi adakah apa-apa langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan bahawa harga durian tidak melampau tinggi supaya orang tempatan dapat membeli. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Harga sekarang YB. Paya Terubong, harga durian ini bukan dalam harga barang kawalan. Dan durian ini bergantung kepada pasaran. Jadi cara terbaik untuk mengurangkan harganya adalah untuk menghasilkan lebih banyak. Ini *supply and demand*. Tetapi saya percaya *demand* sekarang ini semakin tinggi dengan ada kemasukan daripada pelancong-pelancong daripada China, bahkan Perdana Menteri kita pun sibuk promosikan durian di China. Baru-baru ini Kementerian Pertanian juga buat promosi di China. Jadi saya jangka harganya akan terus meningkat. Kekhuatiran sama ada penduduk tempatan dapat merasai atau tidak itu memang kita rasa tetapi kita akan cuba untuk menyeru petani-petani kita untuk menghasilkan lebih banyak dan ianya *seasonal*. Ada masa dia tinggi, ada masa dia rendah. Dan saya sendiri terasa sebagai EXCO Pertanian yang kerap menganjurkan Pesta Durian, peruntukan sentiasa tidak cukup sebab hasil, nilainya semakin banyak dan setiap kali saya buat Pesta Durian, tidak payah promosi besar-besaran sebab orang memang ramai datang sebab dia *free*. Jadi ini masalah yang kita hadapi. Sebab itu, dalam usaha kita, saya percaya, bukan sahaja di Pulau Pinang bahkan di negeri-negeri lain pun saya dimaklumkan oleh Kementerian Pertanian memang ada ladang-ladang baru dibuka terutamanya di kawasan Pahang untuk menambah lagi *supply* untuk memenuhi keperluan pasaran.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Soalan tambahan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seri Delima.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terima kasih YB. Seberang Jaya di atas penjelasan diberikan. Bolehkah Kerajaan Negeri mempertimbangkan cadangan-cadangan seperti memperkenalkan mungkin program-program baru di mana dengan warga di Pulau Pinang, rakyat di Pulau Pinang dapat menikmati durian ini dengan harga yang lebih murah daripada pelancong asing seperti penggunaan keretapi di Bukit Bendera dan sebagainya. Ini adalah sebab kita lihat peniaga dan petani lebih cenderung untuk menjual buah-buahan itu kepada pelancong dengan harga yang lebih tinggi. Satu (1). Sekarang dengan cadangan Kerajaan Negeri untuk mencadangkan pemberian kad '*I Love Penang*' umpamanya. Dengan penggunaan kad itu kalau saya seorang daripada Pulau Pinang, sekurang-kurangnya saya dapat menikmati buah-buahan ini dengan harga yang lebih berpatutan sebab dengan kita mempromosikan durian ini ke luar negara, kita lihat rakyat di Pulau Pinang tidak boleh makan durian dah di Pulau Pinang. Kalau saya ada anak-anak, lima (5) atau enam (6) orang, isteri surirumah, pendapatan saya RM2,000.00, hendak makan durian, pergi ke tempat tersebut, harganya sekurang-kurangnya RM300.00, RM400.00, saya tidak mampu beli. Saya sendiri pun tidak mampu beli. Hendak beli yang mereka jual RM10.00, RM15.00, yang itu pun tidak begitu sedaplah sebab yang itu dah *reject*.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Boleh pendekkan soalan?

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Jadi saya hendak tanya kalau Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Saya tidak menyalahkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, saya menyalahkan Kerajaan Persekutuan dengan Perdana Menteri sahaja. Buah durian pun dia sudah mula eksport ke negara-negara luar. Jadi bolehkah Kerajaan Negeri mempertimbangkan, semua sudah naik, GST kena, petrol naik, harga gula naik, durian pun sudah mula naik. Semua angkara Barisan Nasional. Boleh Kerajaan Negeri bantu kita? Terima kasih.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Saya ingat saya jawab soalan durian ini...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Telok Ayer Tawar, *you're bigger joker than me. You know that?*

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang lain diam.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Kalau berani, *you* bangun. *You* berani, *you* bangun Telok Ayer Tawar.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Jangan ganggukan Dewan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Jangan kurang ajar.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Jangan ganggukan Dewan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

I've said jangan kurang ajar. *Behave yourself. You behave yourself* Telok Ayer Tawar. Jangan kurang ajar.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seri Delima. Sudah-sudah. Kalau tidak saya hantar dua-dua keluar.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

You're bigger jockey than me.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Berani bangun.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah Seri Delima. Saya kata sudah, sudah. Sesi akhir, saya minta hantar keluar. Durian ini bagus, macam mana sudah jadi panas. Sila.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan, saya rasa pagi ini kita tidak ada jamu durian pun, tapi panas dah semua dalam Dewan. Saya ingat jawapan saya ini untuk durian ini tidak politik apa pun hari ini tapi nampaknya susah hendak jawab. YB. Seri Delima kita faham situasi harga durian ini. Seperti saya sebut *I think this is nature of business*. Yang mana dia ada *supply* dan *demand* kalau ada *demand*, *supply* kurang harga akan melambung. Masalah dia sekarang untuk yang peniaga tempatan, majoritinya macam contoh saya beli durianlah hujung minggu ni. Di belah *Penang* harga sampai RM105 sekilo untuk *Musang King* dan *Ochee* saya pergi Chai Leng Park ada tempat selalu saya pergi namanya *Ah Mee* bolehlah pergi lepas ni. Di Chai Leng Park RM58 sahaja sekilo beza dia. *Half the prize*, itu beza di Pulau Pinang dan di Seberang jadi *is always about supply and demand* dan saya percaya *as consumer* kita kena *educate* kita punya pengguna siapa yang nak beli *they have to find a proper place* yang jual dengan harga yang berpatutan.

Dan *brand-brand* macam contoh yang saya sebut tadi *Musang King*, *Ochee* ini semua premium *brand* macam beli keretalah ada orang beli kereta yang murah kelas rendah ada yang beli kereta kelas tinggi dan dia jadi begitu. Dan durian ini bukan macam beras mana keperluan harian yang kita perlu makan hari-hari kita boleh kawal harga. Kalau durian kita nak bawa masuk dalam "*I Love Penang*" card saya rasa kurang sesuai YB. Seri Delima. Lebih baik kita beri fokus kepada memberikan bantuan yang perlu kepada mereka yang perlu. Durian ini saya anggap *is a luxury* lah, dak untuk yang premium *brand*. Tetapi sebab itu fokus dia sekarang *if we could achieve more supply* kita dapat tingkatkan *supply* kita akan dapat kurangkan *demand* dan bahkan durian-durian ini kalau tak datang ke Pulau Pinang dia tak mahal macam ini. Dia kalau pergi negeri lain dia kurang mahal sikit. Macam contoh saya bagi *comparison* di Pulau dan di Seberang. Dan saya pun percaya peniaga kita kalau dia jual terlampau mahal kepada *local* kita kepada orang tempatan, orang tempatan tak akan beli. Jadi sebab itu kita kena *understand this nature* saya rasa sampai satu tahap nanti dia akan *stabilized*.

There's a lumrahnya apa ni *business* dan juga harga pasaran barang. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Seberang Jaya seterusnya soalan yang saya nak minta silakan Soalan 64, Berapit. YB. Berapit tak ada dalam Dewan soalan dilangkau soalan seterusnya soalan dari YB. Penaga.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Soalan saya Soalan Nombor 65.

No. 65. Dilaporkan di akhbar Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan umum *ranking* kementerian berdasarkan kedudukan isu rasuah dan salah guna kuasa hujung 2017 merangkumi senarai sepuluh (10) kementerian paling bermasalah dan lima (5) paling bersih bertujuan ke arah perkhidmatan berintegriti. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat melaksanakan cara yang sama untuk kebaikan Pentadbiran Negeri dan jelaskan kaedah yang akan dilaksanakan.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih kepada YB. Penaga atas soalan Kerajaan Negeri masih lagi sedang menunggu pengumuman *ranking* kementerian berdasarkan kedudukan isu rasuah dan salah guna kuasa yang merangkumi sepuluh (10) kementerian paling bermasalah dan lima (5) paling bersih yang akan dibuat oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Kerajaan Negeri yang selama ini mengamalkan amalan pentadbiran berlandaskan prinsip C.A.T Cekap, Akauntabiliti dan Telus amat mengalu-alukan langkah tersebut dan bersedia untuk melaksanakan pendekatan yang dilaksanakan oleh SPRM demi kebaikan dan manfaat terhadap kualiti penyampaian perkhidmatan awam dan pembudayaan integriti pentadbiran Negeri Pulau Pinang. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Perai.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Soalan Tambahan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terima kasih YB. Perai di atas penjelasan ini. Adakah perlu Kerajaan Negeri mematuhi segala arahan yang diberikan oleh SPRM? Itu soalan saya. Kita lihat SPRM sendiri pun sekarang integriti mereka dipersoalkan. Terdapat tuduhan bahawa Pesuruhjaya SPRM terlibat dalam satu skandal seks di Bali. Soalan telah ditanya oleh YB. Puchong di Parlimen kepada pesuruhjaya ini untuk menjawab sama ada benar atau tidak beliaulah orang yang terlibat dalam video skandal seks di Bali. Dan kita lihat juga SPRM lebih cenderung untuk membuat tangkapan dan tuduhan terhadap pihak-pihak yang menyokong Pakatan Harapan.

Di Pulau Pinang umpamanya, setiap kali terdapat satu laporan dibuat baru-baru ini kita lihat YB. Sungai Puyu telah ditangkap sehingga beliau dibebaskan. Jadi SPRM sendiri integriti mereka dipersoalkan Pesuruhjaya Tinggi yang terlibat juga terdapat skandal seks yang membelenggu beliau. Perlukah Kerajaan Negeri memenuhi setiap arahan-arahan yang diberikan oleh SPRM? Bolehkah kita meneruskan pentadbiran tanpa memenuhi apa-apa peraturan atau SOP yang diberikan oleh pihak SPRM? Terima kasih.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih YB. Seri Delima di atas soalan tadi, soalan panjang. Penjelasan ataupun jawapan saya begini, kita mengalu-alukan SPRM ini mengemukakan syarat-syarat ataupun di mana kita boleh memperbaiki sistem kita memperbaiki agensi-agensi kerajaan dari segi kita mengurangkan apa ni rasuah dan sebagainya. Dan baru-baru ini kita rasa SPRM ini mengeluarkan sepuluh (10) prinsip yang dibuat oleh semua agensi kerajaan dan kita rasa perlu kita tambah lagi kita tidak semestinya ikut apa ini buta-buta apa yang dicadangkan oleh SPRM dan kita rasa kita berhak untuk memperbaiki supaya kita boleh melaksanakan program ini akan mencegah rasuah. Jadi isu SPRM ini saya rasa, SPRM sendiri bermasalah sebab saya rasa satu skandal yang begitu besar bukan dari segi domestik tetapi dari segi antarabangsa iaitu 1MDB dia tidak pernah tidak mahu siasat.

Tapi di samping itu, saya rasa SPRM ini mengambil tindakan terhadap beberapa Pegawai Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan baru-baru ini dia memang sudah ambil tindakan terhadap YB. Sungai Puyu dan sebelum itu YB., Y.A.B. Ketua Menteri. Jadi saya rasa ini bahawa *is* bahawa pelaksanaan pencegah rasuah ini bukanlah satu yang saya rasa sama rata. Mungkin saya tidak rasa sama ada ini berbau politik atau tidak tapi saya rasa apabila SPRM ini tidak menjalankan tugas dengan baik maka SPRM ini sendiri telah dipersoalkan sebagai satu agensi eksekutif. Satu agensi di bawah Perdana Menteri maka mereka akan melaksanakan apa yang dikehendaki oleh eksekutif. Biasa ini di negara lain....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Minta laluan.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Bagi saya habiskan dahulu.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Tidak betul. Mana boleh...(gangguan).

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Habiskan dulu. Habiskan dulu. Duduk. Duduklah.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Pulau betong duduklah.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Duduk dulu. Yang lain duduk.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Suara selalu kuat sikit.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Baik-baik sikit...(gangguan).

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Apa amaran ka? Bagilah amaran.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Ingat saya MIC takut sama *you* ka?

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Perai sambungkan.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Jadi bagi amaranlah cakap baik....(gangguan). *You* tidak beri. Ini saya punya *floor*.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah yang lain jangan ganggu. Yang lain jangan ganggu.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Mau bagi amaran bagi amaran saya bersedia..(gangguan), hadapi cabaran.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sambungkan okey.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Biar saya habiskan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang lain diam.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Lepas itu *you* boleh jawab *you* boleh tanya so jadi berbalik kepada soalan Seri Delima ini. Saya rasa SPRM ini adalah satu badan saya rasa tidak adil tidak buat kerja-kerja yang boleh diterima dalam semua lapisan masyarakat so jadi isu ini baru-baru ini skandal saya pun tidak taulah secara dalam apa itu

skandal, apa yang kita baca daripada media massa. Saya dengar Polis mahu siasat jadi kita biarlah Polis siasat seks skandal yang berlaku di Bali. Ini melibatkan seorang apa ni Pegawai Kanan, pegawai yang tertinggi dalam SPRM so sama ada ini betul atau tidak saya tidak tahu jadi kita serahkan apa ni serahkan kepada pihak Polis untuk siasat dan ambil tindakan tetapi seperti perkara-perkara lain saya rasa kita akhir sekali tidak ada apa-apalah.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat belum jawab soalan saya yang saya tanya adalah berkenaan sama ada Pengerusi ataupun SPRM ini yang sekarang ini yang sekarang digelar sebagai *playboy* yang terhebat perlu letak jawatan dia perlu letak jawatan dia sendiri terlibat dalam skandal seks di Bali.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Ini tak sesuai. Ini soalan tambahan ka apa. Tak sesuai lah.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Tanya tadi perlukah beliau letak jawatan memandangkan beliau dipanggil *playboy* yang paling hebat sekarang di Malaysia, Yang Berhormat Perai.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Mereka yang rasa makan cili dia rasa pedas dia mesti letak jawatan. Kalau dia tak salah tak ada apa-apa. Dari segi *morality* memang dia melakukan perbuatan ini saya rasa lebih baik dia letak jawatan. Tapi saya rasa saya pun tidak tahulah Seri Delima sama ada dia akan meletak jawatan tapi saya rasa siasatan akan dijalankan sama ada ini akan membawa hasil saya tidak tahu.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah. Soalan yang seterusnya.YB. Permatang Pasir.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Tambahan....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

No. tak payah. Saya sudah sampai soalan yang sudah ditambahkan tiga (3).

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Tak apa tak apa saya tak apalah.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudahlah nanti di luar....(gangguan). Nanti di luar. Yang soalan Dewan seterusnya saya persilakan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Bagi *chance*. Bagi *chance*.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Duduklah nak cabar-cabar keluar....(gangguan) .

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Telok Bahang sudah bagi *chance*.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah-sudah YB. Perai pun sudah. Seterusnya Soalan Nombor 66 soalan Permatang Pasir, YB. Permatang Pasir tak ada soalan langkau. Soalan 67 telah pun dijawab bersamaan dengan Soalan Nombor 2, maka Soalan 67 telah pun dijawab. Seterusnya soalan daripada YB. Pinang Tunggal. YB. Pinang Tunggal tak ada, soalan dilangkau soalan seterusnya Soalan 69. Saya persilakan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Terima kasih YB. Dato' Speaker, soalan saya soalan 69.

- No. 69. Kawasan Kampung Batu Gantung, Taman Lumba Kuda yang terperangkap di antara Sungai Air Itam (Masjid Negeri) dan sungai Batu Gantong (*Turf Club*, Bukit Perkuburan Batu Gantong) sentiasa mengalami perbanjiran yang teruk, selain daripada kaedah semasa yang dilaksanakan yang terbukti tidak berapa berkesan, apakah strategi kerajaan untuk menyelesaikan masalah banjir di situ?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, terima kasih YB. Kebun Bunga. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, masalah banjir di kawasan Kampung Batu Gantung dan juga Taman Lumba Kuda adalah disebabkan oleh pertemuan Sungai Ayer Itam dan Sungai Kecil di tepi Jalan Scotland yang menyebabkan air hujan tidak dapat disalurkan dengan cepatnya ke Sungai Pinang dan air sungai melimpah di kawasan ini. Untuk itu dua (2) strategi akan dilaksanakan oleh JPS bagi mengatasi dan mengurangkan risiko kejadian banjir kilat di kawasan tersebut merangkumi jangka masa pendek dan jangka masa panjang. Bagi strategi jangka masa pendek, JPS akan menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan sungai dan parit Monsun secara berkala.

Selain itu, JPS juga menjalankan kerja-kerja kecemasan dengan menggunakan peruntukan mengurus dan caruman perparitan. Manakala bagi penyelesaian jangka panjang pula Sungai Pinang *is the mother of all rivers on the Island*. Jadi ini menyentuh juga Projek Tebatan Banjir Sungai Pinang bagi mengatasi banjir di kawasan lembangan Sungai Pinang termasuk kawasan-kawasan di sekitar kawasan Sungai Pinang dan juga kawasan-kawasan di KADUN Yang Berhormat.

Dengan RM150 juta yang diluluskan baru-baru ini ia akan merangkumi skop seperti berikut:-

- (i) Pelebaran dan mendalamkan Sungai Pinang serta enam (6) cabang sungai;
- (ii) Meningkatkan tebing Sungai Pinang;
- (iii) Pembinaan kolam takungan di Sungai Air Itam.
- (iv) Menaik taraf tiga (3) jambatan yang dikenal pasti rendah dan menghalang laluan air;
- (v) Membina *river mouth barrage*;
- (vi) Membina rumah pam;
- (vii) Menaik taraf sistem saliran sedia ada; dan
- (viii) memasang sistem sekata info banjir.

Dengan terlaksananya Projek RTB Sungai Pinang ini maka kejadian banjir kilat di kawasan Yang Berhormat dapat dikurangkan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Silakan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Soalan tambahan, terima kasih YB. Padang Kota. Hanya pada peringkat yang jangka pendek tadi yang disebutkan oleh YB. Padang Kota, bahawa kerja-kerja penyelenggaraan secara berkala bolehkah Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Pusat juga termasuk JPS mengambil kira juga cadangan untuk menyalurkan air melalui saliran yang tambahan. Saya tau saluran tambahan adalah mungkin tak cukup tanah untuk saluran yang lain, tapi mungkin dengan lebih mendalamkan juga, cari saluran yang lebih lebar untuk bantuan jangka masa pendek ini. Bolehkah pihak pihak berkuasa mengambil kira kesemua ini?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Satu langkah yang boleh diambil dalam jangka pendek adalah pengorekan dan mendalam yang perlu dijalankan lebih kerap dari apa yang sedia ada kalau mungkin sekarang tiga (3) atau empat (4) kali setahun mungkin perlu ditambah kekerapannya sehingga satu (1) atau dua (2) bulan sekali untuk memastikan sentiasa sungai-sungai dalam keadaan dapat menampung air.

Kalau kita lihat komponen-komponen yang dicadangkan dalam masa panjang amat menarik sebab melibatkan pembinaan kolam takungan, pembinaan *river month barrage*, dan rumah pam dan sebagainya yang sememangnya menelan perbelanjaan lebih harap dengan komponen-komponen ini ianya akan membawa penyelesaian yang lebih baik dan lebih berpanjangan tempohnya kepada kawasan kawasan di KADUN Yang Berhormat.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Padang Kota. Seterusnya soalan, saya persilakan YB. Sungai Acheh.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, soalan saya, soalan 69...eh 70 *sorry*.

- No. 70. Berapakah peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah banjir yang sering berlaku di Pulau Pinang dan berapakah peruntukan sumbangan yang diberikan kepada mangsa-mangsa banjir?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, Terima kasih YB. Sungai Acheh atas soalan berhubung dengan peruntukan untuk mengatasi banjir di Negeri Pulau Pinang dan juga peruntukan sumbangan yang diberikan kepada mangsa-mangsa banjir. Secara ringkasnya RM150 juta telah pun diperuntukkan kepada JPS Negeri untuk melaksanakan 9 projek-projek impak tinggi mulai akhir tahun ini, di samping itu Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang juga telah memperuntukkan RM11.61 juta bagi melaksanakan projek Tebatan Banjir di kawasan bandaraya antaranya menaiktaraf Sistem Saliran Bandar S10, parit Lumba Kuda, lencongan Sungai Jelutong di Jalan Tengku serta Jalan Merican dan Lebuhraya McNair.

Melalui MPSP dicadangkan projek-projek sebanyak RM9.45 juta bagi menangani banjir kilat antaranya RM7.5 juta adalah untuk kerja selenggara parit Monsun dan kolam takungan rumah pam, RM250,000 dan RM1.7 juta bagi projek penyelenggaraan di kawasan perindustrian. Kerajaan Negeri telah putus bagi mangsa banjir pada 15 September untuk memberi sumbangan *one-off* sebanyak RM400 kepada mangsa-mangsa berkenaan yang mengalami kerugian akibat kerosakan bangunan dan kenderaan dan ianya akan dibayar pada 18 minggu akan datang ini, sekian.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Soalan tambahan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila YB. Penaga.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):

Terima kasih YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya nak tanya berkaitan dengan peruntukan kepada MPSP saya rasa ini peruntukan diberi kepada ucapan bajet Y.A.B. Ketua Menteri pada tahun sudah untuk dilaksanakan pada tahun 2017. Saya nak tanya setakat hari ini, daripada jumlah yang diberikan kepada MPSP berjumlah RM9.45 juta, setakat hari ini kerja-kerja yang telah dibuat di kawasan Parlimen Kepala Batas untuk mengatasi banjir kilat oleh pihak MPSP dan berapa jumlah yang telah dibelanjakan dan adakah ia berkesan, Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih, YB. Penaga kerana telah membangkitkan soalan tambahan seperti mana yang dikatakan oleh YB. Telok Ayer Tawar Projek Persekutuan di SPU, sebelum banjir besar ini memang berkesan untuk menangani isu banjir di banyak kawasan SPU namun dalam mana-mana projek reka bentuk satu projek adalah kapasiti yang direkabentuk kalau hujan datang melebihi reka bentuk itu maka ianya juga dalam keadaan itu akan menyebabkan banjir berlaku.

Di MPSP apa yang kita sebutkan adalah untuk perbelanjaan yang berskala untuk menjalankan penyelenggaraan dan sebagainya. Bagi MPSP, MPSP juga dipertanggungjawabkan melaksanakan projek-projek di bawah caruman perparitan yang melibatkan kawasan mereka. Jadi sebenarnya MPSP menggunakan dana caruman perparitan untuk melaksanakan kebanyakan projek dan sumber yang ada pada mereka adalah terhad kepada kerja-kerja penyelenggaraan.

Tadi saya ada sebut angka-angka di mana melalui caruman perparitan di tiga daerah SPU, SPT, SPS bagi tempoh 2013 hingga 2017. Di SPU RM3.97 juta, di SPT pula lebih banyak RM52.28 juta, manakala di SPS RM10.89 juta. Ini dapat lihat bahawa setelah terlaksananya projek Persekutuan di SPU maka insiden banjir adalah kurang jadi kita memang tak terima banyak permohonan untuk projek projek di SPU berbanding dengan SPT dan SPS pun dalam lingkungan RM10.8 juta jadi kita memang sentiasa peka kepada keperluan setempat sekiranya Pejabat Daerah atau PBT mahupun JPS. Daerah kemukakan permohonan untuk menangani atau menjalahnkan projek projek setempat maka kita akan beri pertimbangan sewajarnya.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Soalan saya tadi belum dijawab saya rasa. saya tanya berkaitan kerja-kerja yang dibuat di kawasan Parlimen Kepala Batas.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Kalau tanya satu soalan yang amat spesifik yang memerlukan jawapan yang spesifik memang tak disediakan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Sungai Acheh.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

YB. Dato' Speaker, RM150 juta JPS negeri peruntukan, kemudian di bawah sumbangan perparitan untuk SPS RM10.89 juta kedua dua peruntukan ini, adakah tidak kiranya ianya diberi untuk tujuan menyelesaikan masalah yang pertama, banjir di Sungai Kechil di kawasan YB. Dato' Timbalan Speaker kerap sangat saya duk timbul ni, kasihan kat dia bila banjir dia susah.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Di Sungai Kechil memang....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Tak habis lagi, ada satu lagi sabar sat, sabar, sabar Padang Kota, saya nak buat sekali. Yang keduanya terlibat dak untuk menyelesaikan masalah Kampung Surau, Sungai Udang. Dua (2) perkara ini dan kemudian yang berikutnya penyampaian sumbangan RM400 yang dinyatakan disampaikan nanti atas mangsa-mangsa banjir yang berlaku September hari itu. Saya nak mencadang boleh dak kita jadikan RM500 juga supaya selari dengan yang kita umum baru ni. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih YB. Sungai Acheh, bagi RTB Sungai Kechil setakat ini tak ada rancangan. Tetapi, dalam senarai yang dikemukakan oleh JPS kepada Perdana Menteri baru-baru ini termasuk RTB Sungai Kechil yang dianggarkan RM12 juta dan harap permohonan ini dapat dilaksanakan. Bagi kes khusus, saya bercadang untuk mendapat jawapan semasa memberi penggulungan nanti. Bagi ketiga saya percaya Kerajaan Negeri telah putuskan sebelum ini RM400 diberikan kepada mangsa banjir 15 September tetapi cadangan Yang Berhormat akan diberi pertimbangan tetapi saya tak ada jawapan untuk soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Saya sokong mendengar YB. Sungai Acheh saja.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri

Dan yang terakhir saya minta YB. Sungai Dua.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Soalan saya soalan 71.

- No. 71.
- (a) Senaraikan keluasan tanah sawah yang ditambun secara haram dan yang diberi kelulusan oleh PBT dari 2008 – 2017 mengikut daerah.
 - (b) Apakah tindakan oleh PBT setelah tiada kelulusan kerja tanah?
 - (c) Apakah yang akan jadi kepada tanah sawah yang telah ditambun secara haram?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih YB. Sungai Dua dan YB. Yang di-Pertua Dewan. Tanah sawah yang berkeluasan 95.4684 ekar telah ditambun di Pulau Pinang. Senarai tanah sawah yang telah ditambun dengan kelulusan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan secara haram adalah seperti di Lampiran A yang akan diletak atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soal-an lisan. Antara langkah-langkah yang diambil Kerajaan Negeri bagi menghalang penambahan tanah sawah yang aktif untuk projek pembangunan atas tanah lot ialah seperti berikut :

- (i) Mengeluarkan Notis Berhenti Kerja di bawah Seksyen 70A, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974;
- (ii) Mengambil tindakan Mahkamah di bawah Seksyen 70A, Akta Parit dan Bangunan 174 yang memperuntukkan apabila disabitkan, denda RM50 ribu atau penjara tidak lebih lima (5) tahun atau kedua-duanya. Bagi kesalahan yang berterusan selepas disabitkan denda boleh meningkat sebanyak RM500 setiap hari kesalahan diteruskan;
- (iii) Tindakan penguatkuasaan terhadap kerja-kerja tambun tanpa kebenaran majlis di bawah Seksyen 27 atau 28 Akta Perancang Bandar & Desa 1976; dan
- (iv) Memindahkan peralatan, mesin, jentera, kenderaan dan lain-lain bagi memastikan kerja tanah diberhentikan. Tanah sawah yang telah ditambun secara haram akan diambil tindakan penguatkuasaan di bawah Akta Perancang Bandar dan Desa 1974. Melalui Akta ini, pihak Berkuasa Tempatan boleh mengarahkan pemilik dan juga penduduk di tanah terbabit untuk menghentikan pemajuan dengan serta merta dan memulihkan semula keadaan di tapak tersebut seperti pemajuan itu dimulakan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sungai Dua.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Soalan tambahan, tanah sawah yang telah ditambun secara haram *illegal*....(dengan izin) yang berlaku di kawasan sungai dua dan juga lain-lain kawasan telah menyebabkan sistem pengairan dan saliran terganggu dan juga ditempat musuh-musuh tanaman berkumpul dan membiak di situ termasuk tikus dan sebagainya dan mengganggu sawah sekitarnya. Jadi, apakah tindakan yang lebih drastik yang boleh dibuat oleh Kerajaan Negeri untuk mempercepatkan proses menjadikan bendang yang ditambun itu balik kepada asal. Tak payah tunggu keputusan mahkamah terlalu lama, itu satu.

Kedua saya nampak penyelarasan antara jabatan, pejabat daerah, pejabat MPSP JPS kadang-kadang dia orang ini dia salahkan atau pun serah kepada jabatan ni, orang yang nak tambun ni dia akan tambun pada hari cuti Sabtu dan Ahad dia akan tambun secara segera, mai tambun, kadang-kadang pihak MPSP datang untuk tahan pun dia tak peduli, dia akan tambun terus. Jadi kita minta satu penyelarasan saya faham, kita dah ada satu komuniti, jadi kena tegas sungguh-sungguh kalau nak tahan dia tak ada kerja pengurusan kerja tanah tahan kadang-kadang yang pemaju dia tahan dia buang saja papan tanda yang kita buat tu, dia akan terus tambun, dia tak peduli dengan jabatan dia musnahkan JPS punya palang dan apa penyelarasan tindakan bersepadu antara jabatan untuk membanteras kerja-kerja menambak tanah sawah yang berlaku secara besar-besaran.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih YB. Sungai Dua, saya setuju dengan pandangan YB. Sungai Dua bahawa penyelarasan di antara agensi itu masih lagi belum mencapai tahap yang optimum antara agensi-agensi terlibat bukan hanya teknikal tetapi juga dibidang penguatkuasaan termasuk menghulurkan bantuan daripada pihak Polis Diraja Malaysia dan juga pihak pihak berkuasa yang lain, Kerana pada masa sekarang ini saya sendiri bertanya pada pegawai-pegawai kita ada juga elemen-elemen contohnya yang seperti disebut tadi berlaku pada hujung minggu, waktu pegawai kita tidak terlibat, bercuti. Jadi benda-benda ini adalah halangan untuk kita melaksanakan penguatkuasaan buat masa sekarang banyak ini hanya dapat kita laksanakan sehinggalah ke tahap memberhentikan, untuk memulihkan semula memang saya akui belum ada lagi yang betul-betul kita dapat laksanakan secara menyeluruh yang mana pemaju atau pemilik tanah itu terpaksa betulkan tanah balik semula, saya ambil maklum perkara ini dan saya akan bawa benda ini kepada pihak berkuasa kita ketengahkan lagi tegaskan lagi supaya kita boleh buat satu atau dua kes untuk tunjuk, saya percaya kita lebih ramai lagi pemaju atau mereka yang tidak bertanggungjawab ini tidak berani untuk meneruskan kegiatan mereka mengikut peraturan, terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Soalan tambahan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah tamat, Ahli-ahli Yang Berhormat 1 jam 30 minit untuk soalan lisan pun sudah tamat, saya minta soalan yang telah dijawab Y.A.B. Ketua Menteri memberi jawapan secara bertulis kot.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, jawapan kepada soalan-soalan lisan yang telah dijawab sebentar lagi akan diletakkan di atas meja ahli-ahli yang bertanya sebentar lagi dan akan dimasukkan ke dalam Penyata Rasmi.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Pantai Jerejak, rakan-rakan Yang Berhormat kita masih dalam sesi perbahasan. Saya ingin persilakan YB. Pulau Tikus, sila.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Terima kasih Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri kerana diberikan peluang untuk membahaskan Bajet Negeri Pulau Pinang tahun 2018. Sebelum saya bermula saya ingin menyentuh kepada tentang Bomba, dalam pengalaman saya sebagai seorang wakil rakyat beberapa tahun ini peranan yang dimainkan oleh Bomba adalah amat penting sekali. Tidak kira sama ada semasa banjir ataupun selepas banjir. Semasa banjir Bomba bertindak dengan cepat untuk menangani masalah pokok runtuh, masalah kena pam air daripada rumah. Selepas banjir kita telah perlukan bantuan bomba untuk mencuci jalan raya yang penuh dengan selut. Semasa kebakaran tanpa peranan bomba banyak lagi rumah-rumah kedai di.... (gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Pulau Tikus.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Sekejap sahaja, terima kasih Yang di-Pertua Dato' Dewan Undangan Negeri selaras dengan peraturan 6A(1) Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya mohon supaya masa persidangan hari ini 13 November 2017 (Isnin) dilanjutkan sehingga jam 11.45 malam.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sokongan?

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Saya mohon menyokong usul ini.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, YAB Ketua Menteri telah mengemukakan usul di bawah Peraturan 6A(1) untuk melanjutkan tempoh masa persidangan hari ini 13 November hari Isnin sehingga jam 11.45 malam. Ahli-ahli Yang Berhormat yang setuju, katakan "Ya".

Ahli-ahli Dewan:

"Ya".

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak setuju, katakan "Tidak". Sebulat suara setuju usul dipersetujui. Sila YB. Pulau Tikus, sambung.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Yang pentingnya tanpa Bomba banyak rumah kedai dikawasan UNESCO, Warisan UNESCO George Town sudah tentu telah lenyap. Di kawasan saya setiap kali pada awal tahun kira-kira Mac akan ada kebakaran hampir setiap hari minta di kawasan perkuburan saya percaya kawasan Kebun Bunga, Ayer Itam, Paya Terubong tempat lain yang ada perkuburan juga mengalami masalah yang sama. Tanpa

Jabatan Bomba dan Bomba Sukarelawan sudah tentu kita akan menghadapi bencana api setiap tahun. Tahun lalu saya lihat Jabatan Bomba, lima (5) jam melebihi lima (5) jam cuba menjarakkan api daripada Sekolah Perempuan Cina atau dikenali sebagai Peng Hua, setiap tahun Peng Hua menghadapi risiko api daripada tempat perkuburan. Jadi institusi yang begitu penting, institusi pendidikan yang begitu penting di Pulau Pinang bagi saya rasa masih lagi berdiri disebabkan Bomba yang sentiasa menjaga api daripada berlaku di tempat perkuburan. Tapak warisan UNESCO masih ada disebabkan peranan Bomba ini oleh kerana banyak nyawa rakyat Pulau Pinang yang dilindungi oleh Bomba semasa Lembah Permai pun tanpa Bomba siapa yang akan mengali mayat, saya berharap bahawa pihak EXCO Eksekutif Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi bajet mereka tahun hadapan akan mengingati peranan bomba dan memasukkan peruntukan tahunan untuk Jabatan Bomba agar mereka boleh menambahkan peralatan mereka sama ada pam, *truck* dan sebagainya agar semasa situasi kritikal sering kali ada kesuntukan ataupun peralatan yang terhad itu boleh diatasi.

Seterusnya saya ingin pergi kepada Penyata Kewangan daripada pihak MBPP pada muka surat 31, saya tertarik dengan bayaran kemajuan pelingkungan semula telah dinaik. Kutipan ini telah dinaikkan dua (2) kali ganda, melebihi dua kali ganda daripada RM4 juta lebih pada tahun 2015 kepada 8.79 juta tahun lalu. Saya amat berminat ingin tahu RM8.79 juta ini perlingkungan semula di tempat mana? Berapa projek yang terlibat?

Saya juga tertarik kepada muka surat 36, sumbangan bagi menggantikan tapak kemudahan masyarakat RM1 juta lebih, sumbangan untuk tapak penjaja RM4.4 juta lebih. Di kawasan KADUN Pulau Tikus atau dipersempadannya ada projek-projek mewah ataupun yang lebih dikenali ramai seperti Setia B Residences, Woman Rice, The Cantonment, The Peak, The Latitude, The Tri Pinnacle, Sky Rich. Bagi kesemua projek ini dimanakah tapak kemudahan masyarakat dan dimanakah tapak penjaja yang disediakan? Terutama sekali di kawasan The Peak dan The Latitude ketumpatan banyak projek yang belanja di sana tersebut amat memberi tekanan kepada masyarakat dari segi kesediaan infrastruktur dan kemudahan. Maka adalah amat penting perlu kita mengetahui dimanakah kemudahan-kemudahan masyarakat yang telah pun disediakan.

Seterusnya mungkin boleh dianggap perkara kecil banyak orang tetapi ini sebenarnya amat penting untuk golongan OKU, saya terfikir tentang tandas bergerak, sebab muka surat 39 ada MBPP sendiri pun kena sewa tandas bergerak namun tahun ini saya ada dua (2) contoh di mana OKU yang saya kenal telah menghadapi masalah. Pertama, semasa menghadiri Sambutan Warisan George Town saya rasa pada bulan Julai dan kedua semasa menghadiri The Great Britain Circus walaupun bukan anjuran Kerajaan tetapi saya tahu seringkali sewaan tandas bergerak adalah daripada MBPP ataupun sewaan mana-mana pun tandas bergerak masalah yang dihadapi kita di Negeri Pulau Pinang ataupun mungkin Malaysia ini tiada tandas bergerak untuk golongan OKU. Memang wujud tandas bergerak untuk OKU tetapi tiada di Malaysia dan bagi OKU ini akan memberi impak bahawa mereka tidak boleh menghadiri sambutan apa-apa perayaan apa-apa yang orang awam boleh pergi disebabkan tiada tandas untuk mereka. Tandas adalah satu keperluan asas dan saya berharap pihak MBPP untuk mempertimbangkan dan membeli satu biji pun cukup untuk tandas bergerak OKU, terima kasih.

Sekarang saya masuk kepada Bajet Negeri Pulau Pinang banyak orang amat tertarik kepada pengumuman kad "*I Love Penang*" yang telah dimasukkan dalam bajet. Namun jangka masa pelaksanaan kad ini tidak diumumkan ataupun jangkaan masa tidak diumumkan saya rasa memandangkan kita telah pun memaklumkan kepada orang awam, saya berminat ingin mengetahui jangkaan masa yang difikirkan tersebut. Pada muka surat 9 Bajet Negeri Pulau Pinang ada dibangkitkan tentang kesediaan bas percuma di waktu puncak dan juga cadangan ataupun permohonan harapan 200 bas baru. Saya ingin menghuraikan sedikit tentang perancangan pengangkutan awam. Antara faktor-faktor yang haruslah dipertimbangkan oleh kerajaan semasa cadangan seperti bas percuma pada waktu puncak ataupun tambahan 200 bas, faktor pertama sebenarnya penggunaan bas pada waktu puncak sudah pun amat tinggi. Jika anda lihat bas awam, bas Rapid Penang pada waktu puncak tempat berdiri pun tidak mencukupi. Dalam perancangan pengangkutan awam adalah diketahui bahawa adalah tidak optima untuk hanya menambahkan bilangan bas pada laluan-laluan sebagai cara untuk menangani kesesakan pada waktu puncak. Ini adalah kerana, bagi bas-bas Rapid, banyak orang semasa waktu puncak tetapi kosong semasa bukan waktu puncak. Maksudnya *efficiency* perbelanjaan tersebut untuk menggerakkan tambahan bas dan disebabkan dia tidak optima semasa waktu puncak, sebenarnya adalah tidak *efficiency* dan meningkatkan kadar beban perbelanjaan bagi Rapid Penang.

Bagi perancangan pengangkutan awam adalah lebih optima untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas jika menambah laluan daripada menambah bas bagi laluan yang pesat. Maksud saya selain daripada laluan-laluan sedia ada untuk menangani kesesakan lalu lintas, kita harus tambah laluan yang

sekarang tiada maksudnya dari rumah anda sekarang jika anda tidak boleh pergi ke destinasi-destinasi tertentu dengan bas. Misalnya daripada Pulau Tikus ingin pergi ataupun dari Tanjung Bunga ingin pergi ke hospital besar, tidak boleh naik bas terus kepada hospital besar sebenarnya banyak kawasan di Pulau Pinang tidak boleh naik bas terus kepada hospital besar jadi untuk menangani kesesakan lalu lintas adalah lebih optima untuk menambah bas untuk mewujudkan laluan baru. Maksudnya anda tidak begitu perlu jaga pengguna bas yang sedia ada kerana pengguna bas yang sedia ada sudah boleh naik bas dan sudah pilih untuk menaiki bas. Untuk menangani kesesakan lalu lintas anda perlu menyediakan bas untuk mereka yang nak naik tetapi tiada laluan untuk mereka, jadi saya berharap bahawa pihak kerajaan tidak akan mengambil langkah *simplystic* dengan menambah bas kepada laluan yang sedia ada sahaja tetapi perlulah dalam bahasa Inggeris (dengan izin)....*take the step back and understands where do people want to go to*. Bagi mereka yang tinggal di Paya Terubong sebenarnya adakah mereka semua ingin pergi ke Komtar atau ada destinasi-destinasi yang lain yang kita ingin pergi biarlah kita fahami....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta laluan Yang Berhormat, terima kasih saya ingin berbalik kepada isu yang dibangkitkan berkenaan penyediaan tandas kepada Orang Kurang Upaya.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Kita sudah kesuntukan masa dan itu sudah pun berlalu.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Cuma satu perkara saya ingin tambah kepada Pihak Berkuasa Tempatan, semasa hari-hari perayaan bila berlakunya perarakan seperti Thaipusam, Hari Wesak kita lihat kita menganjurkan perarakan, Sambutan Maal Hijrah ada perarakan, ketika kita mengadakan perarakan-perarakan ini kita perlukan tandas bergerak yang lebih banyak disediakan, itu adalah permintaan saya. Tujuan saya membangkitkan isu ini bukanlah hanya menyediakan tandas untuk orang-orang kurang upaya tetapi juga kepada masyarakat umum di Pulau Pinang bila melibatkan diri di dalam perarakan-perarakan, terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Baik saya rasa sudah diterima, jadi dalam pemahaman pengangkutan awam saya juga berminat mengetahui tentang penyediaan perkhidmatan CAT di George Town ini. Adakah kita tahu, adakah kita ada data di mana waktu-waktu puncak penggunaan bas CAT? Bilakah paling sibuk, berapa bilangan purata pada waktu sibuk ini dan adakah keperluan untuk menambah laluan bas CAT tersebut?

Untuk menjawab pelbagai soalan tentang keperluan merancang pengangkutan, saya amat sukacita membaca bahawa akan diwujudkan *Unit Transport Penang* ini. Namun adalah tidak bermakna untuk mewujudkan *Unit Transport Penang* jika *Unit Transport Penang* ini tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi untuk menjalankan aktiviti-aktiviti seperti soal selidik, pemahaman kegunaan bas dan juga melantik perunding-perunding yang bersesuaian. Ramai yang tidak tahu bahawa Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang yang telah digubal oleh *Health Pro* ada perubahan apabila SRS Gamuda telah memasukkan cadangan mereka sebagai *tender delivery project partner* untuk pelaksana pelan induk tersebut. Ramai yang mempersoalkan SRS Gamuda ini adalah syarikat pembinaan, ya mereka ada pengalaman yang luas untuk membina stesen-stesen untuk membina *rail-rail* dan sebagainya. Tetapi perniagaan mereka bukan sebagai perancang pengangkutan. Mereka boleh melantik perancang pengangkutan, namun objektif perniagaan mereka bukan untuk merancang pengangkutan yang baik, *network* yang baik untuk Negeri Pulau Pinang. Perancangan pengangkutan untuk Negeri Pulau Pinang adalah tugas Negeri Pulau Pinang dan bukan tugas sesuatu syarikat. Maka di sini saya panjangkan adalah bahawa negeri Pulau Pinang sendiri memerlukan perundingnya sendiri untuk merancang dan meneliti sama ada laluan-laluan yang dicadangkan itu akan berkesan, jika tidak, jika kita hanya berjaya melaksanakan satu LRT sahaja bagi lapangan terbang sampai ke George Town dan tidak boleh menyempunakan *network-network* yang lain, maka pada masa hadapan negeri Pulau Pinang akan dibebankan dengan kos untuk menggerakkan satu LRT tersebut dan sudah tentu akan mempunyai impak yang amat mendadak kepada Pulau Pinang.

Seterusnya muka surat 11 dalam Bajet Negeri Pulau Pinang, Pelan Taman Pulau Pinang, sama juga sebenarnya di Pulau Pinang kita telah pun mengiktirafkan bahawa demi masa depan yang cerah *talents* adalah yang paling penting, kemahiran dan bakat sumber manusia kita yang paling penting. Apa-apa perancangan pun tidak akan boleh berjaya tanpa bakat. Maka jika kita lihat di negeri kita sekarang ada wakil rakyat-wakil rakyat dalam Dewan yang mulia ini yang telah menyuarakan kerisauan mereka

tentang pokok-pokok besar di Pulau Pinang. Sebenarnya bagi pakar-pakar *horticulture* pernah menyuarakan kepada saya kerisauan mereka apabila melihat penyelenggaraan pokok, apabila melihat kerja penyelenggaraan jalan raya yang di mana akar pokok telah dipotong. Tidak perlu seorang pakar untuk menjelaskan kepada anda, saya rasa semua orang kalau boleh gunakan imaginasi anda, ini jalan raya, di sini pokok, di sini bangunan, disebabkan dahan di sebelah jalan raya itu lebih terbuka, lebih senang dicantas maka seringkali cantasan pokok di sebelah jalan raya itu akan lebih banyak dicantas mungkin yang dekat dengan bangunan susah dicantas, Tambahan lagi semasa pelebaran jalan akar dipotong, Ya, kadang kala Jabatan Landskap akan menjelaskan bahawa selain daripada akar di luar permukaan ada lagi akar di dalam. Namun disebabkan akar di sebelah jalan telah dipotong cantasan pokok di sebelah atas pun lebih banyak di sebelah jalan raya maka berat pokok di sebelah bangunan lebih tinggi dan lebih berat, akar sudah tidak ada, di sini lebih berat, apabila hujan angin kencang di mana pokok akan tumbang? Di sebelah bangunan, akar sudah tiada, di sini lebih berat, ia akan tumbang ke sebelah bangunan. Di kawasan Pulau Tikus berhadapan Baskin Robbins CIMB ada yang mungkin tahu, saya telah mengusahakan projek *landscaping* jalan raya kita menggunakan pokok-pokok renek tetapi ini perlu diselenggara oleh pihak swasta kerana kemampuan Pihak Berkuasa Tempatan sekarang buat pada masa kini mereka tidak mencukupi sumber manusia untuk menjaga pokok-pokok renek. Mereka tidak mempunyai sumber manusia yang mencukupi untuk merancang *landscaping* jalan raya yang lebih rumit sedikit daripada tumbuh pokok sahaja. Maka saya rasa tanpa menunggu Pelan Taman Pulau Pinang ini sudah pun boleh kita memasukkan peruntukan dan mengusahakan agar kita dapat menambahkan bilangan sumber manusia bagi *landscaping* sejak tahun 2008 Penang kata *Cleaner, Greener and Healthier Penang* dengan ungkapan *greener* ini adalah logik kita mempunyai satu sumber manusia yang lebih banyak dan lebih tinggi untuk mengusahakan *landscaping* dan peralatan yang bersesuaian juga.

Selain daripada itu polisi dan diperingkat kebenaran merancang juga dan perlu dirombak semula, buat masa sekarang diperingkat kebenaran merancang bagi projek-projek pembangunan *priority* masih di tangan Jabatan Bangunan dan Jabatan Kejuruteraan maka keluasan jalan raya, keperluan parit dan sebagainya di *priority* kan tetapi bukan pokok. Jika tidak ada tempat memang kita tidak akan ada pokok di sana. Kebolehan memasukkan kehijauan perlulah fleksibiliti daripada pihak-pihak berkuasa, daripada JKR atau pun mana-mana jabatan yang terlibat dan ini perlu diusahakan dengan segera.

Ada juga dibangkitkan Gurney Wharf di dalam bajet, Gurney Wharf terletak di kawasan Pulau Tikus, Gurney Wharf adalah amat penting kerana sekarang sudah hampir satu (1) tahun tambakan laut dijalankan mungkin ada yang sudah lupa Persiaran Gurney, saya harap tidak akan lupa tentang Persiaran Gurney sebab dahulu sebelum projek tambakan laut, Persiaran Gurney adalah satu lokasi di mana orang ramai pergi *jogging* pada waktu pagi atau pun selepas waktu kerja. Persiaran Gurney adalah salah satu tempat di mana senang untuk orang ramai sekurang-kurangnya boleh lihat air akan tahu kita memang sebuah pulau, jadi untuk mengembalikan tempat awam ini Gurney Wharf lah yang dinanti-nantikan oleh orang ramai. Bajet Pulau Pinang menggunakan diskripsi *waterfront* bertaraf antarabangsa dalam bajet. Tetapi apakah sebenarnya *waterfront* bertaraf antarabangsa ini? Taraf antarabangsa boleh banyak corak, corak yang *glamour*, yang banyak *lot of shimmer* pun ada, corak yang lebih kepada Taman Botani pun ada. Taman Botani di negara-negara berlainan *style* mereka juga berlainan. Apakah kehendak rakyat Pulau Pinang? Apakah visi Negeri Pulau Pinang? Bilakah Negeri Pulau Pinang akan memberi butiran-butiran visi, ini butiran perancangan ini kepada rakyat Negeri Pulau Pinang? Cadangan saya Gurney Wharf akan sekurang-kurangnya hampir penting seperti Taman Botani. Taman Botani, Bukit Bendera telahpun ada rancangan khas untuk membutirkan perancangan untuk mereka. Gurney Wharf walaupun tidak ingin memulakan rancangan khas secara rasmi perlu juga proses yang sama agar butiran Gurney Wharf itu terbuka kepada orang awam dan orang awam diberi peluang untuk memberi maklum balas yang terperinci dan disiasat oleh panel yang berdikari (*independent*).

Seterusnya laluan basikal di tepi pantai, pada keseluruhannya RM45 juta akan dibelanjakan untuk 39.3 kilometer. Ini bermakna satu kilometer laluan basikal ini *cost* nya RM1.15 juta. RM 1.15 juta untuk satu kilometer laluan basikal, saya memang berharap laluan basikal ini berjaya tetapi saya risau kerana laluan basikal ini di tepi pantai sahaja boleh pergi sekeliling Negeri Pulau Pinang ini. Tetapi kalau rumah anda di Green Lane rumah saya bukan Green Lane tetapi di Jalan Jones pun saya kena naik basikal daripada rumah saya baru boleh sampai kepada persisiran pantai. Saya berharap bahawa siapa pun rakyat Pulau Pinang di mana-mana pun rumah anda, anda boleh selamat menggunakan basikal, mengayuh basikal daripada rumah anda pergi ke persisiran pantai. Demi menjayakannya agar selamat untuk anda dari rumah anda kayuh ke persisiran pantai adalah perlu simpang jalan raya, reka bentuk jalan raya, kelebaran jalan raya, pembinaan lampu isyarat dan sebagainya dikerjakan. Jadi saya berharap bahawa pihak yang berkuasa meneliti bahawa perbelanjaan RM1.15 juta satu kilometer ini masih memerlukan polisi dalam Pulau agar semua rakyat boleh selamat daripada rumah mereka ke persisiran pantai.

Pada muka surat 13 kita telah dimaklumkan bahawa ada kolam renang dan gelanggang badminton yang akan dibina, bukan cemburu YB. Sungai Pinang, saya cuma hanya hendak bagi pandangan, di Sungai Pinang ada 13 gelanggang badminton, *sorry*, maaf, di Sungai Pinang ada 12 gelanggang badminton dan di Persiaran Karpal Singh yang juga di dalam Sungai Pinang ada 16 gelanggang badminton. Maksudnya di kawasan yang amat dekat, kawasan yang sama 28 gelanggang badminton akan diwujudkan. Tahniah kepada YB. Sungai Pinang. Namun saya ingin menasihati perancangan Negeri Pulau Pinang agar kalau boleh kita elakkan projek besar kerana masalah utama kerajaan kita selain daripada banjir, tanah runtuh adalah juga kesesakan jalan raya. Jika semua gelanggang, kolam renang kita buat besar-besar di satu tempat maksudnya di mana pun anda tinggal di Pulau Pinang kalau hendak main badminton kena pergi ke Sungai Pinang kan? Jadi seelok-eloknya kita cuba usahakan kemudahan sukan dan komuniti di peringkat yang lebih tempatan lagi agar Tanjung Bunga juga ada peluang untuk lebih akses kepada gelanggang badminton punya tambahan tanpa perlu sesak jalan ke Sungai Pinang ini. Elakkanlah projek-projek besar biarlah projek-projek kecil-kecilan secara tempatan yang lebih senang menyentuh kehidupan masyarakat kita. Sama juga dengan 30 gelanggang di Butterworth, saya rasa di Seberang Perai lebih luas lagi daripada Pulau, Seberang Perai kalau daripada Nibong Tebal, Jawi kena sampai ke Butterworth untuk main badminton agak jauh juga ya.

Muka surat 15 dibangkitkan *Penang Leadership Academy* akan diwujudkan dengan pakar-pakar dalam industri, pemantauan saya beberapa tahun ini sama ada CAT Centre iaitu *Career and Talents Centre* kata akan membantu untuk mencari kerja tetapi sebenarnya mereka tidak jelas menyatakan bahawa kerja yang mereka cari di sektor pembuatan sahaja. Pelbagai pelaburan dalam peningkatan kemahiran *talents up skilling* bagi negeri Pulau Pinang ada banyak tertumpu kepada sektor pembuatan namun saya rasa ada banyak disini anak-anak ataupun dulu-dulu pernah adalah pelajar di sekolah juga, kita semua pelajar di sekolah, kita juga tidak boleh paksa semua orang berkebolehan dalam sains, kita tidak boleh paksa semua orang berminat dalam sains, dalam satu negara yang maju tentu akan ada saintis, ada akauntan, ada pereka fesyen dan sebagainya. Jadi saya berharap bagi *Penang Leadership Academy* ini janganlah terlalu tertumpu kepada sektor teknologi atau pembuatan sahaja. Dan biarlah *leadership* ini dipelbagai sektor sama ada F&B dan sebagainya juga diberi tumpuan. Di bajet juga dibangkitkan tentang RM2 juta yang diperuntukkan untuk program latihan vokasional *Jerman Myster* dan juga bahawa RM300 *one-off* akan diberi bagi pelajar tahun pertama Sekolah Vokasional tempatan. Usaha untuk mengiktirafkan keperluan latihan vokasional ini adalah penting, namun latihan sahaja adalah tidak mencukupi. Ini adalah kerana selepas mereka lulus kecuali jika mereka ingin kerja kilang ada dan sebenarnya bagi mereka yang kerja kilang juga masalah di mana kita tidak boleh 100% menyalahkan orang tempatan mengapa tidak ingin bekerja di kilang. Tapi saya tidak ingin mendalami isu ini, saya ingin mendalami bahawa sebenarnya untuk negara kita maju ke hadapan naik satu peringkat lagi semua mereka yang *electrician* yang membaiki *plumbing* di rumah-rumah kita kontraktor untuk projek pembinaan sebenarnya keperluan untuk memantau dan menguatkuasaan sijil-sijil CIDB ini adalah amat penting. Tanpa mengiktiraf kepentingan sijil CIDB bagi semua orang yang membaiki apa paip, *electricity* dan sebagainya di rumah kita. Maka adalah amat sukar untuk Kerajaan memastikan bahawa mereka yang membuat kerja benar-benar tahu apa yang patut, apa yang tidak patut, apa yang perlu dijalankan mengikut undang-undang atau garis panduan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Sekarang ramai *electrician* dan plumber mereka belajar daripada mentor dan membuka *business*. Untuk membantu, kita mengadakan satu sistem yang lebih sistematik, perlu la kita mula merancang, *how do we transition them...*(dengan izin). Kita perlu kita membuat promosi kepada *electrician* dan *plumber* agar mereka tahu tentang kepentingan sistem dan pensijilan dan membantu mereka mendapatkan sijil-sijil yang perlu. Ini adalah kerana sekarang belia kita kurang nak belajar nak sertai latihan vokasional. Kerana mereka tidak lihat bahawa *electrician* adalah begitu penting, *plumber* adalah begitu penting. Mekanik adalah begitu penting. Ramai yang rasa tidak *glamour*. Jika kita boleh menjadikan sektor vokasional ini *glamour*, bayaran pun lebih tinggi. Persijilan adalah jelas. Garis panduan adalah jelas. Maka bolehlah kita galakkan lebih banyak belia kita. Mereka tidak perlu dapat Straight A untuk masuk Universiti belajar Sains. Mereka masih boleh kerja dengan tangan mereka, membaiki mekanik kereta dan sebagainya. Dan inilah adalah pekerjaan yang disanjung ramai kerana merupakan perkhidmatan yang penting dalam masyarakat kita.

Sama juga tentang ruang 13,000 kaki yang di Wisma Yap Chor Ee untuk ruang *co-working* ini. Saya berharap ruang *co-working* ini bukan sahaja untuk mereka yang kerja dengan teknologi tetapi juga terbuka kepada usahawan yang bukan mereka cipta teknologi. Misalnya *interior designer*, pereka fesyen perunding lalu lintas pun boleh menggunakan *co-working space* tersebut. Dan sebenarnya saya lihat *co-working space* ini contohnya dalam dua (2) bulan lalu diumumkan di Lebuhraya Victoria kita letakkan belanja yang banyak untuk *co-working space* ini. Jika kita lihat di San Diego, di Taiwan, di Seoul banyak usahawan *entrepreneur start-up* ini mereka tidak perlukan persekitaran yang amat cantik. Ada yang dalam bilik yang kecil di belakang kedai dobi, di bilik yang kecil di atas kopitiam pun boleh mereka

memulakan *start-up* yang amat berjaya dan cemerlang.

Sekarang di Pulau Pinang sebenarnya ada banyak ruang yang tidak, yang kurang digunakan. Misalnya di atas banyak kopitiam kosong, Misalnya One-Stop, Island Plaza banyak kedai rumah di George Town atas sebenarnya kosong. Semua ruang ini adalah terbiar *under optimize* tidak perlu kita bina yang baru, tidak perlu kita menggunakan ruang yang banyak untuk kita buat cantik. Usaha untuk menggunakan ruang-ruang yang terbiar ini, mengenalpasti ruang-ruang yang terbiar ini akan banyak membantu kita memberi sewa yang rendah kepada artis kepada usahawan-usahawan *start-up*. Mereka tidak perlu persekitaran yang cantik tetapi hanya dorongan daripada kerajaan. Bagi Daerah Seni Pulau Pinang yang telah diumumkan dengan mewujudkan galeri ataupun mungkin tempat kerja untuk ahli seni sebenarnya adalah tidak mencukupi. Tempat tinggal untuk usahawan ini. Tempat tinggal untuk artis ini juga amatlah penting. Jika saya biasanya masyarakat kita masih konservatif, yang kena bayar yuran sekolah tu biasanya masih lelaki juga. So, saya gambarkan sebagai seorang bapa. Jika saya seorang bapa dan saya sebenarnya ada impian nak mengusahakan perniagaan saya sendiri atau saya ada impian nak jadi artis. Saya akan terhalang daripada untuk cuba mengejarkan impian saya kerana saya perlu menyediakan tempat tinggal untuk isteri dan anak saya. Saya perlu menyediakan makanan untuk mereka. Jadi sewa rumah, kos sewa ini adalah amat penting kepada mereka yang ingin mengejar impian.

Buat masa sekarang saya tau YB. Datok Keramat tugas dia di perumahan adalah amat sukar sekali kita memang tak cukup perumahan. Namun pihak Kerajaan masih perlu tahu dan mengiktirafkan bahawa tempat tinggal untuk mereka yang nak kejarkan impian adalah amat penting. Jadi Projek PPR, Projek Perumahan yang lain kita tidak boleh mengelaskan, mengkategorikan mereka yang had yang *low medium income* sebagainya sahaja. Ada juga di tempat-tempat tertentu yang mungkin boleh diperuntukkan untuk artis, untuk usahawan. Bilik kecil mungkin sudahpun cukup jika mereka tidak kahwin. Biarlah membantu mereka dalam mengejarkan impian mereka tersebut.

Tadi saya ada menyatakan banyak kedai rumah di George Town adalah kosong di atas. Boleh tak Kerajaan memainkan peranan sebagai *mediator* untuk membantu menghubungkan artis yang ingin berada di Daerah Seni Pulau Pinang kepada tempat-tempat tinggal ini.

Saya tertarik kepada muka surat 20, Geran Premis Warisan, di mana tidak dibutirkan bagaimana Geran Premis Warisan ini akan diusahakan garis panduan dia. Namun saya berharap bahawa geran ini tidak boleh hanya didalam Tapak Warisan UNESCO. Kerana di luar Tapak Warisan UNESCO misalnya Sekolah Pykett ke, misalnya banyak bangunan di KADUN saya juga merupakan bangunan warisan. Saya berharap bahawa Geran Warisan ini tidak mengikut lokasi tetapi mengikut kategori bangunan. Asalkan bangunan itu kategori 1, kategori 2, tuan punya bangunan boleh memohon geran tersebut dan dipertimbangkan mengikut kesesuaian bangunannya.

Okey. Saya juga tertarik pada muka surat 21. RM9.6 juta akan diperuntukkan untuk Festival dan Sambutan. Sudah banyak kali di sini saya menyuarakan bahawa sambutan tidak patut begitu fokus kepada George Town sahaja. Air itam, Paya Terubong, Seri Delima, Tanjong Bunga tempat-tempat lain pun boleh diadakan warisan untuk meransangkan ekonomi mereka. Jika pihak MBPP ataupun pihak kerajaan rasa tidak perlu menjadi tanggungjawab mereka untuk menganjurkan sambutan besar-besaran di tempat-tempat lain. Saya memohon agar peruntukan berlebihan bagi P.16 03 pihak ADUN kita diberikan peruntukan tambahan untuk sambutan warisan sahaja. Setiap KADUN boleh mengadakan sambutan warisan ataupun sambutan besar-besaran di KADUN mereka. Sebab peruntukkan kita aktiviti kecil okey. Sambutan besar tidak mencukupi.

Untuk program "*Penang Sihat*". Saya membaca bahawa setiap isi rumah berpendapatan kurang daripada RM5,000 akan diberi kredit RM300 dalam kad "*I Love Penang*". Saya ingin bertanya adakah semua keluarga akan menerima RM300 tanpa mengira bilangan orang dalam keluarga. Keluarga tujuh (7) orang pun RM300. Keluarga tiga (3) orang pun RM300. Dan apakah tujuan RM300 ini? Adakah digunakan di klinik swasta ataupun hospital swasta? Bolehkan digunakan di klinik hospital awam? Latar belakang ini atau konteks ini adalah penting kerana awal tahun ini dalam surat khabar telah ada berita bahawa banyak klinik swasta yang sedang, yang kian tutup, banyak klinik swasta telah tutup kerana maklum balas daripada doktor-doktor yang menjalankan klinik swasta adalah bahawa garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan sekarang adalah terlalu tinggi dan terlalu ketat untuk mereka. Mereka tidak berupaya untuk menampung klinik swasta mereka dengan garis panduan yang ada. Jika demikian sebenarnya dari segi akses perkhidmatan perubatan bukan sahaja RM300 ini sahaja. Saya rasa demi kebajikan rakyat kita adalah perlu kerajaan meneliti bagaimana boleh kita membantu klinik-klinik swasta ini untuk terus berniaga. Ini adalah kerana jarak dari rumah seorang sampai ke Hospital Besar sampai ke klinik kerajaan adalah amat penting untuk mempengaruhi sama ada orang itu pergi ke doktor ataupun tidak. Sering kali kita lihat mereka yang mati daripada denggi adalah kerana orang itu pergi ke

hospital lewat. Mengapa dia pergi ke hospital lewat? Adakah kurang senang untuk sampai ke hospital? Banyak pesakit *stroke* sebagainya mereka tidak pergi jumpa doktor kerana terlalu susah untuk pergi jumpa doktor. Jadi dengan adanya klinik swasta yang mampu bayar bolehlah rakyat kita dapat berjumpa dengan doktor dalam jarak yang tidak terlalu jauh.

Saya ingin mengkongsikan dua (2) maklum balas dari rakyat KADUN Pulau Tikus semasa hari banjir ataupun selepas hari banjir tersebut. Yang pertama, seorang *aunty* dia naik bas, dia boleh naik bas sampai ke Hospital Besar tetapi dia tidak tahu selepas itu Bas Rapid telah berhenti berkhidmat kerana banyak tempat Bas Rapid tidak boleh lalu. Jadi walaupun dia habis berjumpa doktor pada pukul 5.00 dia tidak dapat sampai rumah sampai pukul 9.00. Kerana dia tunggu, tunggu, tunggu, tunggu, tunggu Bas Rapid tak datang dia tak tahu, dia tak tahu Bas Rapid tidak akan datang. Ada satu lagi orang dia hantar isteri dia pergi hospital. Selepas itu cadangan mereka adalah untuk menggunakan *Grab* ataupun *Uber* untuk balik. Mereka asyik tekan untuk gunakan *Grab* atau *Uber* tetapi *trip* mereka asyik dibatalkan oleh pemandu *Uber* dan *Grab trip* kerana takut pergi ke kawasan berselut.

Sebenarnya kita tidak boleh menafikan bahawa seluruh pulau satu Hospital Besar sahaja tetapi hospital itu amat susah untuk sampai dengan pengangkutan awam. Dan oleh itu tempat letak kereta di hospital itu adalah *you know* penuh. Jadi kita perlulah benar-benar meneliti rangkaian pengangkutan kita, rangkaian laluan bas kita untuk sampai ke hospital kerana memberi impak yang besar kepada rakyat dan saya ingin bertanya kepada kerajaan memandangkan di Pulau Pinang semakin kurang tanah terutamanya di sebelah pulau. Bolehkah kita memperuntukkan sebidang tanah untuk pembinaan hospital baru bukan sahaja berdekatan dengan hospital sedia ada tapi di kawasan lain sudah kita menawarkan sebidang tanah kepada Kementerian Pendidikan untuk membina Sekolah Menengah Tamil. Ini adalah amat penting, namun selain daripada Sekolah Menengah Tamil, saya rasa penambahan bilangan hospital juga amatlah penting kerana Rakyat kita perlukannya dan ini untuk pertimbangan Kerajaan.

Bagi Mamogram juga, buat masa sekarang Mamogram yang kita berikan, setiap seorang hanya boleh pergi sekali sahaja dan selepas itu tahun-tahun hadapan sudah tidak boleh tidak boleh menggunakan program Mamogram percuma Kerajaan. Saya memohon ini dilihat semula dan membenarkan orang membuat Mamogram melebihi satu kali dalam program tersebut.

Untuk program RM300 untuk wanita yang berkerja, muka surat 24, sebenarnya saya rasa ini hanya meneruskan *stereotype* sahaja antara *gender* dan saya rasa adalah, sudahlah cukup masa bahawa Kerajaan Negeri juga memberi penghargaan kepada Bapa Emas iaitu lelaki yang menghadapi cabaran untuk mendapatkan kerja dan isteri dia yang bekerja untuk mendapatkan pendapatan untuk keluarga. Jika kita memberikan penghargaan usaha menjaga rumah oleh Ibu Emas mengapa tidak Bapa Emas? Cadangan saya, namun saya rasa mungkin Kerajaan takut lelaki itu minum arak sahaja, tak pergi kerja lepas itu dia datang untuk memohon Bapa Emas. Mungkin boleh kita cuba menggalakkan lebih ramai lelaki untuk mengenali bagaimana menjaga *baby* mereka, untuk mengenali bagaimana memasak makanan yang berkhasiat untuk kanak-kanak mereka, untuk lelaki tahu bagaimana cuci pakaian mereka sendiri. Saya cadangkan Kerajaan boleh memulakan kursus satu (1) kali seminggu empat (4) minggu. Satu (1) kali seminggu empat minggu terbuka kepada lelaki dalam kursus ini boleh belajar mop lantai, cuci pakaian, basuh pinggan, masak, jaga *baby*, mandi *baby*, bagaimana berbincang dengan kanak-kanak, kalau remaja mereka ada masalah emosi atau masalah bagaimana hendak berbincang dengan mereka. Selepas tamat kursus empat (4) minggu seminggu sekali bapa itu boleh memohon Bapa Emas setiap tahun.

Okey, untuk OKU RM130 sebulan, selain daripada itu saya berharap bahawa Kerajaan boleh, *no*, wajar memperuntukkan wang yang mencukupi untuk merombak semula KOMTAR. Sebenarnya sering kali kita dengar aduan daripada OKU tentang KOMTAR. Kadang kala bila OKU jumpa saya untuk membuat aduan tentang KOMTAR, pernah saya jawab mereka, *Aiyoo!* KOMTAR ini, *why don't you* putus asa sahaja tak banyak kawasan KOMTAR, di bangunan KOMTAR tersebut tak mungkin sudah tidak mungkin disebabkan kekangan wang, disebabkan reka bentuk yang sedia ada tak mungkin ditambah baik lagi memang KOMTAR ini memang sukar untuk digunakan oleh golongan OKU tetapi mereka menjelaskan kepada saya, tiada tempat lain di Negeri Pulau Pinang seperti KOMTAR, pertama, di KOMTAR mereka boleh pergi ke Pacific, kos membeli-belah di Pacific adalah lebih rendah daripada tempat-tempat yang lain. Yang kedua pada masa yang sama mereka boleh pergi membayar yuran PBA, membayar PBA, membayar yuran PBT dan sebagainya. Untuk OKU adalah amat susah untuk mereka keluar daripada rumah. Jadi sekali mereka keluar, mereka ingin buat banyak perkara dalam satu tempat, hanya di KOMTAR sahaja mereka boleh membeli pakaian, membeli kegunaan rumah, membayar yuran dan sebagainya di satu tempat. Namun kos untuk membuat semula KOMTAR adalah amat tinggi tetapi disebabkan banyak OKU yang memerlukan KOMTAR ini, saya memohon agar Kerajaan

memperuntukkan wang yang besar untuk melihat semula di peringkat bawah KOMTAR dan tempat letak kereta dan latihan kepada pekerja-pekerja PDC juga yang menjaga KOMTAR tersebut.

Hampir nak habis dah. Muka surat 47 tentang RM600 untuk pemandu bas selain daripada itu saya rasa Kerajaan perlu melihat bagaimana kita boleh memberi insentif ataupun (dengan izin)....*incentive's rise* ibu bapa untuk menggunakan bas sekolah untuk membawa anak mereka. Di KADUN saya ada Sekolah Perempuan Cina dan saya ada bertanya kepada pihak sekolah, "Eh, kesesakan lalu lintas di Jalan Gottlieb semakin teruk, adakah peningkatan bilangan murid?". Sebenarnya tiada banyak peningkatan bilangan murid 10 tahun ini tetapi hanya tabiat Ibu Bapa sahaja yang tidak berubah, dalam berpuluh-puluh tahun ini bilangan tidak meningkat banyak tetapi dulu 10, 20 tahun dulu lebih ramai kanak-kanak menggunakan bas sekolah. Tetapi sekarang ibu bapa tak selesa menggunakan bas sekolah takut dan sebagainya jadi setiap orang datang bawa anak sendiri kereta persendirian, satu kereta bawa satu kanak-kanak dan itu menyebabkan kesesakan lalu lintas bertambah teruk. Apa-apa kerisauan ibu bapa dalam menggunakan bas sekolah ini saya rasa wajar kita telitikan masalah keselamatan, masalah keselesaan dan sebagainya demi menangani masalah lalu lintas, kereta ibu bapa bukan sahaja berhenti di hadapan Sekolah tetapi selepas itu mereka akan masuk ke jalan raya jalan raya lain di Pulau Pinang ini, maka masalah kerisauan ibu bapa menggunakan bas sekolah ini patut diteliti demi menangani masalah lalu lintas.

Dan satu lagi tentang kedai motorsikal telah, ini mungkin kali ketiga ataupun keempat saya bangkit di dalam DUN tetapi masih belum diselesai lagi perlulah saya beri peringatan, pihak PBT *especially* MBPP menyatakan bahawa kedai membaiki motorsikal hanya boleh dibuka di kawasan perindustrian sahaja, maksudnya secara halal tidak melanggar undang-undang, garis panduan MBPP, semua kedai membaiki motorsikal hanya boleh terletak di Jelutong, kalau motorsikal anda rosak di Batu Ferringhi, tolong tolak motorsikal daripada Batu Ferringhi ke Jelutong untuk dibaiki kerana tiada kedai motorsikal untuk membaiki motorsikal dibenarkan oleh MBPP diluar kawasan perindustrian ini tidak logik tetapi sudah bertahun-tahun masih belum diselesaikan lagi, pohon disegerakan.

Dan akhir sekali tuan-tuan dan puan-puan saya ingin menyentuh tentang pekerja asing. Pada 5 November iaitu selepas banjir yang teruk tersebut seorang warga Indonesia telah telefon saya, lelaki, dia menangis, dia kata, "YB. Tolong, tolonglah saya boleh anda tolong saya, saya tak ada gaji sejak tanah runtuh di Lembah Permai tersebut, sekarang banjir semua rumah barang saya rosak dan sekarang saya apa pun tak ada". Dia menangis lelaki menangis. "Sekarang YB, saya apa pun tak ada gaji pun tak ada semua barang saya rosak boleh YB. tolong saya hubungi Konsulat Indonesia". So saya pun telah pun membantu dia menghubungi Konsulat Indonesia tetapi panggilan telefon ini telah mengingatkan saya bahawa sementara kita pergi cuci rumah-rumah kampung-Kampung rakyat Malaysia saya pasti bahawa warga asing yang biasanya yang kita tak nampak di kawasan luar bandar kita adalah kawasan tertentu yang ada banyak warga asing tetapi banyak warga asing yang tinggal di tapak pembinaan dan banyak warga asing yang tak tau majikan mereka letak di mana tahukah kita kebajikan mereka selepas banjir ini?

Untuk makluman apabila berlakunya tanah runtuh di Lembah Permai sebab antara mereka yang mati, sepuluh adalah warga asing. Jadi saya pun ada NGO yang menghubungi saya mereka kata takut sama ada warga-warga asing yang masih ada mereka okey ataupun tidak dan semasa usaha tersebut saya telah mengenali ramai pekerja asing. Semasa berlakunya tanah runtuh ada pekerja asing yang datang daripada Melaka, daripada Klang ada yang datang Bukit Gambier Pulau Pinang pun ada mereka naik bas kerana mereka dengar mungkin kawan mereka mungkin terperangkap dalam tanah runtuh.

Pada masa itu, dulu saya tak banyak bercakap dengan warga asing saya jujur tapi masa itu saya nampak mereka begitu mengambil berat terhadap kawan mereka yang mati, mereka menangis kerana ahli keluarga mereka mati. Sekarang, berbanding dengan sebelum tanah runtuh saya mengenali warga asing sebagai manusia lebih sebagai manusia daripada dahulu. Saya tinggal di Australia 10 tahun, semasa saya di Australia saya pernah sakit teruk, hantar kepada kecemasan hospital. Saya pernah, Krismas, bandar pun kosong saya tiada ahli keluarga tapi selepas 10 tahun saya ada kawan-kawan di Australia yang seperti ahli keluarga saya. Saya anggap mereka sebagai seperti ahli keluarga tanpa kawan-kawan di Australia dulu tentu kehidupan saya di Australia adalah teruk.

Tetapi warga asing kita di Malaysia tahukah kita sama ada majikan mereka masih membayar gaji mereka selepas tanah runtuh tersebut, majikan yang telah di *blacklist*, majikan yang kadang kala mereka sendiri tidak tahu siapa yang bertanggungjawab ke atas pekerja asing tersebut kerana ada pemaju, ada *main contractor*, ada *sub contractor*, *sub contractor* dapatkan pekerja asing daripada *agent*.

Semasa kejadian tanah runtuh Lembah Permai, saya telah sedaya upaya untuk mengenal pasti mengesahkan identiti setiap orang yang mati tersebut. Pengalaman saya sangat amat susah untuk mengenalkan identiti sebab ada terlalu banyak lapisan. Selepas habis tanah runtuh ada lagi kontraktor yang hubungi saya sebenarnya *insurance* siapa yang perlu bayar? Jadi telah pun saya bersama dengan pihak NGO cuba berhubung dengan Jabatan Buruh dan memang tanggungjawab Jabatan Buruh untuk memastikan sama ada pekerja-pekerja tersebut telah pun dibayar tetapi dalam pengalaman ini pihak Konsul General telah menceritakan kepada saya, "Ya memang amat kerap, terlalu kerap pekerja asing tidak dibayar gaji. Bukan sahaja selepas tanah runtuh, majikan kerap mereka cuba menangguhkan bayaran gaji kepada pekerja asing dan gaji mereka sudah pun rendah maka apabila tak cukup makan mereka lari, mereka lari menjadi pekerja asing haram". Ini menjadi satu isu yang patut kita bagi perhatian kerana bila pekerja asing tersebut tidak dibayar gaji, mereka kena makan, mereka kena lari, mereka menjadi haram, mereka menjadi masalah kepada negeri kita rakyat kita, sama ada mereka memberi impak kepada peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan, sama ada mereka memberi impak kepada kawasan perumahan rakyat tempatan dan atas faktor keperimanasian tidak bolehkah kita mengambil berat? Sebenarnya bagaimana kebajikan warga asing ini selepas banjir. Apakah situasi warga asing yang majikan mereka tidak begitu profesional dalam pengendalian warga asing ini? Saya memohon kepada pihak Kerajaan untuk proaktif untuk mengenali kebajikan warga asing di tapak pembinaan untuk menyiasat sama ada semua warga asing yang bekerja di tapak Granito tersebut yang masih hidup, adakah mereka diberi gaji dan apakah situasi mereka selepas banjir yang teruk ini? Mereka pun manusia. Tanpa warga asing siapa yang membina bangunan anda, tanpa warga asing bolehkah banyak kilang kecil, kontraktor kecil, hotel dan sebagainya, bolehkah ekonomi Malaysia bergerak tanpa pekerja asing ini?

Ahli-ahli Dewan yang mulia ini saya mengakhiri perbahasan saya bagi tahun 2018 saya berharap bahawa kebajikan golongan OKU dan kebajikan pekerja asing ini diberi sedikit tumpuan daripada pihak Kerajaan Negeri kerana jika kebajikan mereka ditelitikan, keselamatan tapak pembinaan kita juga akan meningkat, keselesaan kawasan perumahan kita juga akan meningkat dan masalah keselamatan disebabkan pekerja asing yang tidak menerima gaji juga akan boleh ditangani. Sekian terima kasih. Terima kasih Yang di-Pertua.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Pulau Tikus. YB. Air Itam, sila.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Ya, terima kasih YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan. Saya turut bangun untuk menyertai dalam *debate* untuk bajet yang dibentangkan dan hari ini masuk hari kesembilan insiden yang berlaku pada 4 dan 5 November iaitu ribut hujan dan banjir yang teramat besar yang melanda Pulau Pinang dan minggu lalu saya tak dapat menyertai Dewan secara sepenuhnya, hari ini hanya boleh tarik nafas sikit dan datang ke Dewan untuk memberikan input saya terhadap bajet ini dan bajet ini saya rasa pembangunan semua ia program-program yang dinyatakan pelbagai.

Tetapi bajet ini dihantar ataupun diumumkan sebelum insiden 4 dan 5 November dan walaupun Ketua Menteri telah ada satu *Ministry of Statement* yang julung-julung kali pertama mengumumkan bantuan dan juga pelbagai pertolongan, PBA, Cukai Pintu dan juga program yang *rebuilding* ataupun *Penang Build Spec*, membina semula sebagainya saya rasa itu, saya nak berikan input saya dari segi itu kerana kenyataan itu lebih utamakan kepada bantuan segera tetapi perlu ada program-program, program-program yang berkenaan dengan bencana. Apabila dalam sistem pendidikan kita, kita selalu diberitahu bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang elok, kita yang bersyukur, kerana tidak dilanda bencana, kita tak seperti *Philippine* setiap tahun taufan, setiap kali taufan Indonesia gempa bumi gunung berapi, kemarau panjang dan sebagainya. Malaysia kita selalu diberitahu bahawa kita tak ada *nature disaster* tapi hari ini saya bangun di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang saya menyatakan itu silap, silap. Manusia hidup di Negeri Pulau Pinang ini sejak 5,000 tahun. Bagaimana saya tau 5,000 tahun? Kerana kita telah menggali ataupun menemui tengkorak, *Penang human* yang telah diuji melebihi 5,000 tahun di Guar Kepah, baru-baru ini kita nak tubuhkan arkeologi di Guar Kepah. Sepanjang 5,000 tahun manusia hidup di Negeri Pulau Pinang dan kita kata tamadun moden ataupun penemuan British itu hanya 200 tahun sahaja dan kita hanya ada rekod hujan turun berapa milimeter, insiden-insiden pelbagai alam sekitar hanya dalam puluhan tahun saja, dalam masa ratusan tahun, ribuan tahun di sini kita tidak merekodkan apa-apa bencana kerana kita tak ada rekod, kita hanya mempunyai *limited memory* sahaja. Macam Tsunami, kita tak pernah diingatkan bahawa di Malaysia, di Pulau Pinang ada Tsunami, tapi tahun saya rasa 2004, 2005, 2004 lah saya rasa mungkin....??

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

2004.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

2004, *boxing day*. Tsunami melanda Pulau Pinang. Saya rasa kita hari ini dengan ribut kencang, hujan lebat yang mencecah rekod sejarah, mengingatkan kita bahawa Tsunami dan insiden kita baru-baru ini bahawa bukan saja ada *climate change*, perubahan iklim bahawa kita perlu bersiap-sedia terhadap perkara-perkara bencana dan sebelum ini kita hendaklah mengubah segala-gala, segala-gala persepsi kita bahawa kita ini tidak pernah berlaku dan sebagainya. Kerana kalau kita tidak bersedia, maka kita akan menghadapi masalah. Dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui MBPP mereka banyak ada nak pelbagai program *international*, saya baca surat khabar bahawa ada Hari Tandas Sedunia (*World Toilet Day*). Kita boleh sambut satu Hari Tandas Sedunia, saya juga boleh mencadangkan bahawa kita sambut kita membuat program, *publicity*, pendidikan, *awareness campaign*, untuk bukan sahaja Kerajaan Negeri, untuk kerajaan *civil servants*, wakil rakyat, NGO dan masyarakat setempat kerana *United Nation*, Bangsa-Bangsa Bersatu telah menetapkan dua (2) hari yang penting, saya rasa dua (2) hari penting ini perlu kita masukkan dalam program ataupun Kerajaan Negeri. Hari yang penting ialah "*World Tsunami Awareness Day*" yang disambut bukan disambut yang ditetapkan, kita bukan sambut, *sorry*, saya tarik balik, kita tak sambut Tsunami, tapi kita "*World Tsunami Awareness Day*" ditetapkan pada setiap tahun pada 5 November oleh Bangsa-Bangsa Bersatu. Lagi satu hari, *International For Disaster Reduction* ditetapkan pada 13 Oktober pada setiap tahun. "*International Days For World Reduction*". Kalau kita boleh adakan "*World Toilets Day*", kenapa kita tak masukkan dua-dua ini yang begitu penting, yang begitu penting untuk kita meningkat, meningkatkan kesiapsiagaan, *our readiness* terhadap bencana. Dan *of course* definisi bencana seperti saya kata, banjir, ribut kencang, yang taufan, gempa bumi, kemarau berpanjangan, *haze* dan sebagainya. Kita perlu meningkatkan kesiapsiagaan kita terhadap bencana. Dan saya, buku ini Laporan Suruhanjaya Siasatan mengenai kegagalan dan struktur awam Negeri Pulau Pinang telah dibentangkan pada 6 November tahun 2015, dalam muka surat 190, menyatakan bahawa "*Jawatankuasa Inkuiri mengesyorkan agar Kerajaan Negeri membentuk jawatankuasa untuk mengkaji dan melaksanakan pelan logistik yang sesuai dan perancangan lain supaya dapat bersedia menghadapi kecemasan masa, pada masa depan sekiranya bencana berlaku di negeri ini. Dengan berpanduan peruntukan Arahan 20, dan pada sama mempertingkatkan peruntukan kewangan tersebut*".

Arahan 20, tentang persiapan kita terhadap segala bencana, peralatan, kemudahan, program, pembekalan, logistik dan sebagainya. Saya ingin mengucapkan *I means* menanyakan Kerajaan Negeri sama ada Arahan 20 ini dan laporan yang telah dibentangkan dua (2) tahun ini, adakah Jawatankuasa Kerajaan untuk mengkaji Pelan Logistik untuk bencana, apakah kesiapsiagaan kita? Ya?

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Soalan tambahan. Saya setuju dengan apa yang dibangkitkan oleh Air Itam. Cuma saya melihat walaupun kita dah dilanda bencana banjir ini banyak kali dah. Banjir, bencana ribut dan sebagainya, tapi kesiapsiagaan, kesediaan kita nak menyusun, pada peringkat awal lagi, selalunya satu dua hari itu akan jadi masalah, makanan, dan sebagainya. Tak pernah betul lagi sampai hari, duk jadi masalah sampai hari ini, sampai kita Yang Berhormat, semua Yang Berhormat ni yang terlibat macam-macam diberi tohmahan, macam-macam tak ada persediaan yang cukup rapi, kita minta dibuat persediaan itu, supaya bila berlaku saja, semua pihak bersedia, semua masyarakat bersedia, semua pemimpin masyarakat bersedia. Tak jadi masalah. Ini cuma Yang Berhormat saja yang nak buat, mampos Yang Berhormat, mati.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Ya, kita setuju. Kita setuju, muka saya sudah gelap sudah apa, kelmarin baru saya ada masa untuk baca surat khabar. Sudah enam, tujuh hari sudah lari, lari menyusun semua, dan kita memang perlu belajar daripada bencana ini. Saya rasa bukan sahaja kita memberikan insentif apa bantuan RM500 itu dan kerana memang di kawasan Air Itam saya ingin kawasan Air Itam melebihi 20 komuniti, apabila saya maksud komunitinya, kampung, Kampung Sheik Madar, Kampung Syed Yusuf, semua dan Jalan Balik Pulau, Mata Kuching semua kerana kawasan saya Sungai Air Itam, sebelah kiri dan sebelah kanan, dan semua seluruh Sungai Air Itam. Sampai ke Sungai Pinang, seluruh tebing sungai, rumah-rumah yang penempatan yang tidak pernah dilanda banjir kali ini dilanda banjir, melebihi 20 komuniti, melebihi 1000 unit rumah, melebihi 2000 unit kenderaan. Dan saya rasa kita perlu, kita perlu dari segi jentera, pelbagai peringkat, pelbagai peringkat perlu meningkatkan kesiapsiagaan.

Seperti saya kata tadi, *international* dalam *disaster*, dalam bencana ini kita perlu, kita perlu ada seperti kesiapsiagaan terhadap bencana. Kaji cuaca, dan sebagainya. Dan di samping mengurangkan risiko bencana, bagaimana kita reaksi apabila bencana berlaku dan bagaimana kita menyalurkan bantuan apabila bencana berlaku. Ini bukan, ini satu tugas yang amat berat, bukan atas seseorang sahaja, ini kena dari atas sampai bawah sekali semua peringkat, semua pegawai, wakil rakyat, EXCO, semua jentera kerajaan, semua NGO, komuniti, semua-semua masyarakat kampung, rakyat semua untuk membina sebuah masyarakat yang tahan lasak, *resilience*, *building resilience city*, untuk membina sebuah bandar yang boleh tahan lasak terhadap boleh tahan terhadap sebarang bencana. Membina satu komuniti yang *resilience* yang boleh tahan terhadap kejadian bencana. Adakah kita mempunyai ramai, kita mempunyai, *food stock*, makanan yang simpanan? Adakah kita mempunyai minuman simpanan? Kalau di negara-negara Jepun, negara yang banyak dilanda pelbagai bencana, budak-budak kecil dari budak sekolah lagi telah belajar dari segala ini. Ada program mengajar mereka bagaimana untuk melindungi diri sendiri apabila dilanda gempa bumi tak dapat dihubungi untuk lima (5) hari, tujuh (7) hari boleh hidup, boleh *react* terhadap itu.

Saya rasa kita mempunyai tugas yang berat kerana kita selalu *perception* kita, masyarakat kita, semua kita hanya persekitaran kita adalah sebuah negara yang tak ada bencana, itu silap. Itu kurikulum kita silap, Tsunami, ribut, bencana semua dia tak pernah berlaku dalam rekod, peringatan kepada kita sahaja. Tapi seperti saya kata sudah 5,000 tahun manusia hidup di kawasan ini. So sepanjang tahun ini berbagai kejadian berlaku tidak direkodkan, kita tidak. Oleh itu saya menyatakan bahawa kesiapsiagaan terhadap bencana ini dan kelemahan-kelemahan Arahan 20 yang tidak ditangani perlu dibuat. Itu amat penting. Itu amat penting kerana cadangkan supaya satu peringkat *post mortem* yang serius dilakukan oleh kerajaan untuk memperbaiki dalam segala masalah, *respond times* dan sebagainya. Perlu ada bengkel-bengkel untuk kita menetapkan berbagai SOP ataupun berbagai *reacting plan* sekiranya berlaku kejadian kemarau, apakah reaksi kita apabila telah berlakunya Tsunami, apakah reaksi kita, apakah peranan setiap orang, setiap agensi, setiap gerak kerja, kita perlu, setiap tahun apabila kita menandakan International "Day For Disaster Reduction" ataupun "World Tsunami Awareness Day" kita perlu ambil balik SOP itu. Semua orang kena duduk, belajar sekali lagi, seperti apa yang berlaku di Negara Jepun dan Taiwan yang selalu dilanda gempa bumi. Perlu mendapat satu dan *continue building resilient society* kerana Malaysia dan Pulau Pinang sebenarnya tidak terkecuali dari bencana alam, kita tidak terkecuali. Saya rasa kita perlu satu *post mortem* yang serius kerana memang terdapat kelemahan dalam *respond* tentang kecemasan. Saya mempunyai pengalaman dari segi *handling responding* terhadap *disaster* dan saya rasa kita bukan, wakil rakyat bukan *superman*. Saya bercakap bukan bagi pihak saya tetapi semua terlibat, wakil rakyat bukan *superman*. Kita tidak boleh sampai untuk jumpa semua orang melebihi 1,000 rumah pada masa yang singkat, kita tidak mampu berbuat demikian. Kita perlu bergantung kepada ramai akar umbi, ramai daripada NGO dan daripada pasukan keselamatan untuk membantu kita. Oleh itu kita perlu menggerakkan semua ini dan kita perlu membuat audit tentang kesiapsiagaan di setiap agensi. Setiap tahun kena buat satu audit, sama ada stok-stok pelbagai, kita perlu ada semua *contact number* kilang-kilang, semua *contact number mineral water* dan semua kena kesiapsiagaan terhadap segala ini. Pejabat-pejabat kerajaan perlu tahu apa perlu mereka buat, setiap daripada mereka perlu mengetahui apakah tugas-tugas dan tanggungjawab mereka. Itu amat penting, seperti membuka bilik gerakan, kena ambil data-data, bila, jalan mana berlaku banjir, kampung mana berlaku banjir, semua kena ada maklumat-maklumat terkini dan bukan sampai dua tiga hari, laporan di sini dan di sana. Ia jadi menjadi merebak dan terlalu banyak tempat berlakunya sampai kita kadang-kadang terlewat untuk memberikan bantuan.

Saya rasa itu bukan itu sahaja di peringkat kerajaan, di peringkat masyarakat, kita juga perlu memberikan satu pendidikan awam kepada semua melalui pelbagai cara supaya semua dapat meningkatkan kesiapsiagaan terhadap bencana. Tadi saya menyatakan bahawa kita perlu bersiap sedia untuk bencana. Kita juga kena mengurangkan risiko bencana, bukan kita siap dan tunggu sahaja, bukan kita bereaksi terhadap perkara itu tetapi kita perlu bersiap sedia, kita juga lihat strategi kedua ialah untuk mengurangkan risiko bencana. Kita sudah tahu bahawa risiko bencana berlaku apabila banjir besar, mereka yang duduk di tebing-tebing sungai dan dan mereka yang duduk di tempat rendah akan menghadapi risiko besar. Saya hendak mengingatkan bahawa kejadian banjir sama ada banjir kilat atau besar berlaku semakin kerap, berbanding dengan 50 tahun dahulu. Saya rasa pihak MBPP, MPSP dan Kerajaan Negeri kena melihat semula kawasan-kawasan yang selalu dilanda banjir atau kenaikan air tinggi, sama ada program pembinaan semula ataupun program untuk memberikan pembangunan semula kawasan tersebut. Seperti di kawasan saya, Kampung Sheikh Madar, tanah milikan MBPP sebelum ini tidak begitu kerap banjir ataupun kekerapannya tidak begitu kerap ketinggian tidak begitu kena tetapi baru-baru ini dalam satu tahun ini saya rasa sudah tiga (3) kali banjir. Saya rasa penduduk juga, mereka tiada ada halangan atau mereka boleh menyokong kalau ada pembangunan semula di kampung tersebut.

Perlu ada satu formula keluar dari situ, perlu ada pakej supaya boleh membantu mereka dan menempatkan mereka di tempat-tempat atau di rumah-rumah yang lebih elok dan moden. Masalah kepada semua ini adalah sistem aliran longkang yang sudah lama, yang sudah umur lama dan saya rasa perlu kita lihat program-program pembangunan semula.

Di kawasan-kawasan bandar ramai yang memiliki kereta dua biji, dan di flat, kadang-kadang mereka membeli satu *car park*, satu *car park* sahaja, mereka *park* kereta kedua di tempat lain, di tempat yang lebih rendah. Apabila berlakunya banjir, itulah masalah, kereta kedua yang *park* di tempat rendah dimasuki air. Saya rasa melalui usaha Kerajaan Negeri dan pihak swasta perlu melihat bagaimana menempatkan kereta-kereta kedua ini, kereta-kereta yang terpaksa *park* di tempat yang rendah ini, boleh aturkan untuk bekerjasama dengan *shopping centre* yang berdekatan atau sebagainya supaya mereka pada waktu malam boleh *park* dengan satu harga sewa yang murah kerana apabila kereta *park* di luar, dimasuki air, semua habis, *total loss*, ada yang kena *repair* puluhan ribu. Kalau hendak beli insurans banjir, saya baca dalam surat khabar, premium RM1,800.00 setahun.

Kalau boleh ada satu *arrangement* dengan satu *shopping mall* yang dekat, jalan kaki boleh sampai, dengan satu sewa yang murah secara bulanan, pukul 10.00 malam hingga 8.00 pagi. Semestinya ia akan lebih selamat dan lebih murah dari bayaran insurans banjir dan jauh lebih murah daripada dilanda banjir dan dihantar ke *workshop* untuk dibaiki. Semasa insiden ini beribu-ribu kereta dimasuki atau dinaiki air banjir. Tadi saya katakan bahawa kita mesti mengurangkan risiko banjir. Kerajaan Negeri telah mencadangkan bahawa satu paip besar untuk sambung dari Air Itam *Dam* ke Telok Bahang *Dam*, pada mulanya saya juga ingat itu idea yang boleh dicuba kerana Air Itam *Dam* ini penuh, kalau kita salurkan ke Telok Bahang *Dam*, nampaknya ia logiklah. Jurutera beritahu saya apapun boleh buat, ini boleh buat dan itu boleh buat tetapi saya ingin meminta Kerajaan Negeri baca balik dalam masa 50 tahun ini, setiap rekod Air Itam *Dam* untuk setiap hari dalam rekod lama dari pembinaan Air Itam *Dam* sampai sekarang setiap hari, peratusnya berapa? Rekod Telok Bahang *Dam* sejak pembinaan itu dari tahun 80'an, 90'an dan sampai hari ini sama ada *feasible* ataupun sama ada boleh buat *simulation* kerana hari ini saya diberitahu juga Air Itam *Dam* 100% penuh, Telok Bahang *Dam* 100% penuh juga. Kalau ada paip pun, kalau sini penuh, sana penuh bagaimana? Saya minta ini betul-betul buat satu kajian dengan data-data saintifik sama ada *feasible* ataupun elok kerana kita mahu menggunakan wang rakyat untuk projek-projek yang dapat menyelesaikan masalah. Walaupun *solution* ini boleh juga membawa atau meredakan tekanan kepada Air Itam *Dam* tetapi harus kita meminta juga *return of investment*, belanja begitu besar hasilnya mesti ada. Kita tidak mahu nanti Air Itam 100%, Telok Bahang *Dam* 100%, paip tidak boleh diguna. Itu, *I leave it to the technical engineers* di PBA untuk memberikan cadangan teknikal kepada kerajaan kerana ini hanya *observation* saya sebagai seorang bukan pakar. Itu logik 100% bagaimana menggunakan satu paip untuk menyelesaikan masalah ini. Saya rasa Kerajaan Negeri juga bukan sahaja perlukan rancangan tebatan banjir, tetapi perlu juga *investing* dalam *rain harvesting system*, lihat bagaimana kita menggalakkan institusi-institusi, kilang-kilang, sekolah-sekolah untuk memasang *rain harvesting system* supaya mereka di institusi ini boleh kumpul air sebelum air dialir ke longkang dan apabila air alir ke longkang, masuk ke sungai dan sebagainya.

Kalau setiap *public institution* kerajaan, kilang atau sekolah boleh kumpulkan air sebelum dilepaskan ke dalam sungai, sama ada *retrenchment pond*, tangki-tangki yang besar, ini akan mengurangkan lepasan air ke dalam longkang dan sungai. Selepas *public institution* dan kilang buat, kena *roll up* kepada taman-taman, *household* dan sebagainya. Saya rasa ini perlu kita buat satu kajian dan juga satu usaha untuk mempromosikan *rain harvesting system* supaya air boleh di simpan sebelum dilepaskan ke dalam longkang.

Saya juga meminta supaya Projek Tebatan Banjir Fasa 3, Sungai Pinang perlu ada satu pemikiran semula, *rethink*, kerana apa yang dirancang ialah sebelum insiden pada 4 dan 5 November, selepas 4 November sama ada *design* awal kita masih kekal ataupun kita perlu *adjustment*. Saya rasa itu penting kerana kita minta JPS untuk melihat semula terhadap cadangan Teng Teng Lau dan sebagainya. Satu yang amat penting sekali apabila saya melawat kawasan-kawasan banjir baru-baru ini dalam minggu lalu, ramai yang datang kepada saya beritahu supaya ada *flood alert system* di pasang bagi penempatan-penempatan yang dilanda banjir, apabila air naik, perlu ada *flood alert system*, sistem siren kah yang perlu dipasang. Ini penting kerana walaupun siren itu tidak semahal membuat paip besar, membina semula dan sebagainya dan ia lebih murah dan yang penting kerana ia dapat menyelamatkan nyawa. Apabila air naik pada waktu malam, siren memainkan satu peranan yang amat penting, ia sebagai satu *alarm system* untuk *alert* penduduk-penduduk untuk berpindah.

Saya rasa itu penting dilaksanakan, jangan selalu kata buat tebatan banjir sahaja tetapi *out of the box*, ada banyak perkara yang kecil-kecil, seperti *alert* dan sebagainya boleh dibuat dan boleh menyelamatkan nyawa. Saya rasa ini juga sangat penting. Sekiranya kita perlu mendapatkan khidmat pakar luar negara-negara seperti Holland sebagainya mempunyai banyak pengalaman dari segi tebatan banjir. Kita boleh mendapatkan khidmat mereka untuk memberi kita idea-idea baru. Saya lihat kita mempunyai banyak lawatan delegasi ke luar negara untuk menarik pelancong, untuk pergi menyertai ekspo pelancongan dan sebagainya. Mengapa kita tidak hantar delegasi kerajaan pergi belajar *disaster reduction*, kenapa kita tidak hantar orang pergi belajar *disaster relief*. Saya mahu ini diberikan *priority* kerana ia sama penting. Apabila saya kata kita kena meningkatkan kesiapsiagaan terhadap bencana, kita hendak mengurangkan risiko bencana dan ketiga saya hendak menyatakan tentang *disaster relief programme*, bantuan mangsa-mangsa bencana.

Saya ingin merekodkan dalam Dewan Yang Mulia ini, ramai orang dan NGO membantu mangsa-mangsa banjir. Di kawasan saya, dari Buddhist Tzu Chi, Jelutong Christian Group, sukarelawan dari Kalliamman Temple, sukarelawan dari Pertubuhan Agama Islam, JCI dan ramai lagi saya tak dapat rekodkan nama mereka yang turun ke setiap lorong, ke setiap taman perumahan untuk membantu mereka sama ada mencuci, sama ada memberikan makanan, sama ada memberikan kaunseling, bantuan secara psikologi dan berbagai bantuan. Kita nasib baik di Malaysia ini, di Pulau Pinang, kita mendapat banyak NGO-NGO yang mempunyai semangat sukarelawan. Kelmarin hari Sabtu dan Ahad, Kerajaan Negeri menganjurkan Hari Sukarelawan. Ratusan sukarelawan dari bukan sahaja Pulau Pinang, seluruh negara turun. Di kawasan saya, kita aturkan di Kampung Pisang dan Kampung Shaik Madar. Masa dua (2) hari, kita banyak mengeluarkan sampah-sampah, membantu penghuni untuk mencuci dan sebagainya. Saya rasa kita perlu ada satu program bersama dengan NGO-NGO ini. Setiap tahun perlu ada satu (1) kerjasama ataupun MOU supaya apabila bencana yang besar dan di luar kemampuan agensi kerajaan, kita boleh dapatkan bantuan NGO-NGO ini. Sebenarnya, terus-terang saya cakap, MBPP dan MPSP tak dapat menampung segala permintaan sama ada kredit pembuangan sampah dan sebagainya, tak dapat, pencucian dan sebagainya. Saya perlu upah syarikat asing..syarikat *private contractor* untuk angkat sampah saja. Saya perlu upah, saya tak boleh tunggu MBPP dalam masa satu (1), dua (2) hari, *first two days*, saya upah. 20 tong dihantar, letak sana 20 tong diangkat lepas itu bila beberapa hari, tiga (3), empat (4) hari, kita punya *tension* sudah kurang dan kita dapatkan bantuan daripada Majlis Perbandaran Petaling Jaya, dari Selangor datang baru kita boleh bernafas sedikit. Baru boleh bernafas sedikit.

Saya juga terus-terang cakap, perkhidmatan Bomba kita tak dapat juga, kejadian bencana ini, Balai Bomba juga di luar kemampuan mereka. Kita perlu mendapatkan bantuan dari Bomba Sukarela. Bukan sahaja di Pulau Pinang, dari Seri Petaling di Kuala Lumpur datang juga. Dari *Salak South*, Kuala Lumpur datang juga. Dari Kedah, Balai Bomba Sukarela Kedah datang juga membantu kita. So kita harus berterima kasih kepada mereka kerana sudi turun di Pulau Pinang untuk membantu berbagai aspek..membantu dari segala aspek mereka memberikan bantuan kepada mangsa-mangsa bencana.

Pada masa ini, jalan-jalan utama di kawasan saya, sampah telah diangkat. Tak tau berapa lori, saya pun tak kira dan pada masa ini banyak rumah telah dicuci, telah diberikan bantuan untuk mencuci dan sebagainya dan pada masa inilah Jabatan Kebajikan Masyarakat kena masuk, kena masuk memberikan bantuan kerana ada rumah-rumah apabila dimasuki air empat (4) kaki, lima (5) kaki, enam (6) kaki, semua habis, semua habis. So saya minta Kerajaan Negeri supaya program-program *post disaster*, bantuan bencana ini perlu masuk sekarang memberikan bantuan segera khususnya untuk kawasan-kawasan yang dilanda besar, kawasan-kawasan komuniti atau penempatan-penempatan yang susah. Walaupun kita dah cuba dapatkan bantuan dan sebagainya, tapi saya rasa kita tak boleh bergantung kepada NGO sahaja. Kita tak boleh bergantung kepada wakil rakyat sahaja malah agensi-agensi kerajaan hendaklah tau apa yang perlu mereka lakukan sekarang. Bukan menunggu arahan dan sebagainya kerana bantuan bencana seperti saya kata....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang Berhormat, berapa lagi? Nanti boleh sambung.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Lagi beberapa minit cukuplah.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Tadi saya nyatakan bahawa kita meningkatkan kesiapsiagaan, mengurangkan risiko bencana, reaksi terhadap bantuan kepada bencana dan *recovering from disaster* dan itulah empat (4) strategi. Bukan digariskan oleh saya. Empat (4) strategi ini digariskan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu apabila setiap tahun mereka, apabila mereka setiap tahun ada satu (1) *international day for disaster reduction*. Itulah tiap-tiap tahun tema. Tema tahun ini "*reducing the number affected people*". Kita perlu belajar dari situ dan saya rasa kita perlu tubuhkan unit bencana dengan penglibatan semua peringkat wakil rakyat.

Saya ada pengalaman sedikit sahaja apabila banjir besar di Kelantan. YB. Seri Delima ikut saya pergi bersama juga pada tiga (3) tahun lalu, banjir besar di Kelantan. Kita mengetuai satu (1) pasukan, 27 *four wheels drive convoy* satu kontena besar 40 kaki membawa makanan dan bekalan *traveling* pergi sampai ke Bentong, naik balik pergi ke Kuala Krai. Perjalanan pergi balik 27 jam untuk memberikan bantuan kepada mangsa bencana banjir di Kuala Krai, Kelantan. Saya rasa kita perlu meningkatkan kesiapsiagaan terhadap segala bentuk bencana dan Kerajaan Negeri perlu bukan *portfolio* seorang EXCO sahaja kerana empat-empat yang saya cakap itu *disaster prevention*, empat-empat peringkat kesiapsiagaan terhadap bencana, mengurangkan risiko bencana, membuka bilik gerakan untuk menghadapi ataupun menggerakkan jentera menghadapi bencana dan juga pembinaan semula selepas bencana. Itu adalah tugas semua pentadbiran dalam Kerajaan Negeri. Kena diagih-agihkan tugas, kena dibahagikan tugas setiap daripada kerajaan kena ada MOU ataupun pemahaman bersama dengan NGO, dengan korporat, dengan segala sukarelawan yang sumber-sumber yang ada di sana. Saya rasa kita perlu memandang serius terhadap bencana banjir kali ini dan membentuk satu budaya bahawa kita perlu setiap kali bersiap-sedia terhadap segala bentuk bencana dan memberikan bantuan kepada negeri-negeri lain di Malaysia ataupun luar negara sekiranya mereka berlaku bencana supaya kita dapat kerana kita manusia sahaja, alam itu amat besar sekali, ada kuasa ..ada pelbagai insiden yang di luar jangkaan dan juga pengalaman kita. Saya harap perkara ini dapat dipandang serius oleh Kerajaan Negeri dan saya mohon supaya bajet saya menyokong bajet. *Thank you*.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Air Itam. Ahli-ahli Yang Berhormat, siapa lagi yang ingin mengambil dari sesi perbahasan? Untuk makluman Dewan, YB. Permatang Pasir kerana mohon cuti sakit, maka beliau tidak akan mengambil bahagian dalam sesi perbahasan. Maka dengan itu, sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyertai dalam sesi perbahasan tadi. Nanti selepas henti rehat, kita akan membawa Dewan masuk ke sesi penggulungan. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya nak tangguhkan Dewan dan kita bersidang semula 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada jam 12.40 tengah hari.

Dewan bersambung semula pada jam 2.30 petang.

Setiausaha Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang kita masuk ke sesi penggulungan. Silakan, YB. Seberang Jaya.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan. Ahli-ahli Yang Berhormat, izinkan saya untuk mulakan sesi penggulungan ini dengan merakamkan ucapan takziah kepada seluruh rakyat Negeri Pulau Pinang, yang telah menghadapi bencana banjir terburuk dalam sejarah negeri ini pada 4 November 2017 yang lalu. Saya ingin menjelaskan di sini bahawa, rakyat Pulau Pinang sentiasa menjadi keutamaan Kerajaan Negeri.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, anggaran awal kerugian yang dialami oleh sektor pertanian adalah sebanyak RM19.9 juta. Sektor perikanan sebanyak RM26.7 juta dan sektor penternakan sebanyak RM630,000.00. Saya akan berusaha sedaya upaya untuk membantu ketiga-tiga sektor ini untuk bangkit kembali daripada bencana yang telah dialami.

Di kesempatan ini juga, saya merakamkan jutaan terima kasih kepada semua agensi-agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan, pertubuhan bukan kerajaan dan orang awam dari seluruh pelusuk negara, yang telah bertungkus lumus tanpa mengira penat lelah, siang dan malam dalam usaha membantu mangsa banjir di negeri ini. Seperti yang kita maklum, peristiwa yang berlaku pada 4 November 2017 yang lalu bermula sekitar petang dan berlarutan sehingga pagi.

Untuk makluman YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan, pengalaman saya pada malam itu sendiri, bersama-sama dengan rakan yang lain daripada Pejabat Daerah, daripada pegawai-pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat dan semua JKKK-JKKK yang ada pada malam itu, kita bertungkus lumus untuk membantu mangsa yang terpaksa pindah dan keluar pergi ke pusat pemindahan. Malangnya, saya ingin membangkitkan dan menggunakan ruang ini untuk membangkitkan sedikit isu, kenapa pada malam itu banyak peralatan dan bantuan tidak dapat kita salurkan.

Antara perkara yang dibangkitkan oleh pegawai-pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah, untuk makluman Yang Berhormat, mereka menyebut bahawa peruntukan telah tiada. Keduanya barang-barang keperluan di stor-stor Jabatan Kebajikan Masyarakat juga telah habis. Dan kita tidak dapat salurkan bantuan terus kepada mangsa-mangsa banjir pada malam itu. Seheinggakan pada malam itu juga, sekitar menghampiri pagi, kami dan rakan-rakan lain yang telah menjadi sukarelawan, terpaksa mengeluarkan duit sendiri bertungkus lumus membawa kenderaan sendiri mengharungi banjir untuk pergi mendapatkan makanan-makanan daripada kedai-kedai serbaneka, dan juga kedai-kedai restoran yang buka 24 jam yang tidak kena banjir untuk bawa makanan ke pusat pemindahan.

Ini pengalaman saya sendiri. Daripada petang itu, sehinggalah awal pagi subuh di Pejabat Daerah Seberang Perai Tengah. Saya tidak ingin menyalahkan mana-mana pegawai mahupun agensi, tetapi yang saya sedikit terkilan dalam keadaan tiga (3) hari sebelum Perdana Menteri datang ke Pulau Pinang, mangsa-mangsa banjir kita di pusat pemindahan tidak diberi peralatan yang selayaknya. Sebagai sebuah negara yang kita kata negara Malaysia yang nak menjadi negara maju, negara terbilang, negara yang kononnya rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan, tetapi tidak disalurkan bantuan-bantuan daripada Kerajaan Pusat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Malangnya, hari ketiga Perdana Menteri datang melawat Pulau Pinang pada sebelah pagi, petangnya saya bertemu salah seorang Ahli Parlimen daripada negeri utara Malaysia ini. Ahli Parlimen ini, mudahnya sebut Ahli Parlimen Baling, yang kita maklum dan kenal rapat, sangat rapat dengan Perdana Menteri dan isteri Perdana Menteri. Dia datang memberitahu dan maklum kepada saya, oh! kita saya diarahkan Perdana Menteri untuk bawa bantuan. Esoknya bertreler-treler datang, ronda seluruh kawasan di Pulau Pinang. Pegawai-pegawai kita boleh sahkan, treler-treler datang dengan pelbagai *banner* diletakkan di treler. Sampaikan bantal pun diletakkan muka Perdana Menteri.

Hanya selepas tiga (3) hari, dan dikatakan ini disalurkan melalui Kelab Putera 1Malaysia. Saya nak tanya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan, saya nak bangkitkan disini. Apakah sebuah NGO atau kelab, mempunyai peruntukan lebih besar daripada agensi kerajaan, sehinggakan pegawai-pegawai kita langsung tidak boleh nak jawab pada Ahli Dewan Undangan Negeri, pada mangsa kita tidak ada peruntukan. Kita tidak ada barang di stor. Sedangkan bulan 11, bulan 12 memanglah bulan yang mana Malaysia ini daripada saya lahir sampai sekarang, tidak pernah tidak berlaku bencana bulan 11, bulan 12 di Malaysia ini.

Mustahil kerajaan kita tidak boleh nak bersedia. Mustahil Jabatan Kebajikan Masyarakat kita, termasuk pegawai-pegawai kita tidak memaklumkan bahawa kita perlukan peruntukan untuk beli barang. Mustahil mereka tidak maklumkan. Yang saya khuatir Yang Berhormat semua, yang ini saya kena bangkitkan dan kawan-kawan saya yang dalam Dewan ini kena sama-sama bangkitkan. Yang saya khuatir, peruntukan yang seharusnya disalurkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat, tidak sampai kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Tetapi, disalurkan kepada yang dipanggil sebagai Kelab Putera 1Malaysia ini. Yang sanggup membiarkan mangsa banjir, tiga (3) hari tidur atas lantai kerana nak hantar tilam ada muka Datuk Najib. Kerana nak hantar sarung bantal ada logo UMNO. Ini yang saya tidak faham.

Mereka gunakan bencana ini, untuk buat rakyat sengsara lagi. Walhal Jabatan Kebajikan Masyarakat saya percaya, kalau diberi peruntukan yang secukupnya, diberi peralatan dan bantuan yang secukupnya, ada stok barang di pusat-pusat Jabatan Kebajikan Masyarakat, saya percaya petang dan malam itu juga barang-barang ini akan sampai kepada mangsa-mangsa banjir. Tetapi ini tidak berlaku. *We are to that state*. Yang Amat Berhormat semua. *We are a failed state* yang dipimpin oleh Kerajaan Barisan Nasional. Sekarang tidak ada pun. *I want them to come here and defend the federal government*, kerajaan yang dipimpin oleh Perdana Menteri. Kita bukan nak pemimpin yang tampal muka atas tilam.

Kita nak pemimpin yang boleh beri kebajikan pada rakyat, yang tidak rasuah, yang urus tadbir negeri dan negara dengan baik.

Tetapi yang berlaku, mereka biarkan rakyat sengsara tiga (3) hari berturut-turut, baru datang dengan treler bawa letak *banner*. Saya ingat treler ada 10 mungkin 1 treler saja ada barang. Treler lain, kita tidak tahu. So, *I want Ahli Parlimen Baling, Perdana Menteri, come clean. Tell us where does this money came from? Don't tell us this is another donation money.* Jangan tipu rakyat, kata ini duit derma lagi. Saya yakin ini duit Jabatan Perdana Menteri diberikan kepada Kelab Putera 1Malaysia, yang mana peruntukan sepatutnya diberikan kepada jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan yang selayaknya.

Jabatan Kebajikan Masyarakat, tidak akan pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat nak usung tilam, gambar Datuk Seri Najib. Sebab itu mereka tidak beri peruntukan kepada jabatan, mereka beri kepada kelab seperti ini supaya boleh tampal muka Datuk Najib. Saya ada gambar sini. Satu set, *don't tell me this is from NGO's money.* Saya yakin ini duit rakyat Malaysia digunakan untuk buat *cheap campaign* seperti ini. Mengambil peluang, *opportunity* diatas kesengsaraan rakyat yang berlaku harini.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Minta penjelasan, YB. Seberang Jaya. Terima kasih YB. Seberang Jaya. Saya juga tertarik dengan 10 kontena bantuan yang daripada Putera Malaysia. Adakah YB. Seberang Jaya tahu, 10 kontena itu telah diagihkan dimana-mana tempat? Dan siapa penerimanya, kerana memang saya rasa rakyat tertunggu-tunggu bantuan khasnya tilam-tilam ini. Talam-tilam ini memang dikawasan saya pun banyak lagi kawasan yang memerlukan tilam-tilam tersebut. Dan saya rasa pengagihan itu, adalah satu kerja yang sangat mencabar kerana bila kita turun agihkan, ada penduduk yang tidak dapat, sudah mengamuklah. Kenapa bagi yang ini, bagi yang itu.

Maka, saya pun tidak tahu tilam-tilam yang dalam kontena itu sampai ke mana? Atau hanya satu gimik sahaja, seperti apa yang dikatakan YB. Seberang Jaya. 10 kontena, hanya 1 kontena yang bawa tilam sahaja, yang lain saya tidak tahu pergi mana.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih YB. Machang Bubuk. Ini yang saya sebut. Saya tidak pertikai kawan-kawan daripada sebelah sana, daripada Parti UMNO, ka daripada siapa pun sekali pun nak datang bantu. Saya tidak pertikai itu. Yang saya pertikai, kenapa sampai Jabatan Kebajikan kita tidak disalurkan peruntukan. Kita *keep saying that we don't have* peruntukan. Tapi macam mana kelab seperti ini boleh datang hantar, berlori-lori. *Have we failed as Government.* Kerajaan Pusat, adakah kita telah gagal sebagai Kerajaan untuk menyalurkan peruntukan kepada Jabatan Kebajikan.

Ini baru satu Jabatan Kebajikan, *we haven't talk about all the budget cut.* Setiap tahun kementerian-kementerian dipotong belanjawan. Yang naik, belanjawan Jabatan Perdana Menteri. Ini yang kita nak tanya. Kenapa sampai jadi macam ini. Apakah perlu kita letak gambar Datuk Najib, kepada mangsa-mangsa banjir.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan, YB. Seberang Jaya.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Kejap. Saya bagi. Ini yang kita persoalkan, YB. Machang Bubuk bangkitkan tadi menyebabkan orang marah. Saya tidak boleh nak jawab, orang tanya saya. Ini Kelab Putera datang bawa lori-lori apa semua ni, nak bagi agihan kemana. Saya pergi Pejabat Daerah, saya difahamkan diturunkan 50 barang hari ini. 20 ke 50, saya tidak ingat. 20 kalau tidak salah saya. Kemudian di tempat lain, diturunkan lagi 50.

Yang kita nak sekarang, Perdana Menteri beritahu kita duit ini daripada mana. Putera Arab Saudi, datang pada 1MDB, datang dari Jho Lo atau duit cukai rakyat Malaysia. Beritahu kita. Buat macam kami buat. Penang Bangkit, kita umum satu demi satu peruntukan bukan peruntukan, derma yang diberikan. Kita war-warkan. Berapa juta yang kita dah dapat, supaya orang pun faham. Telus, orang pun tidak marah.

Ini kita tidak tahu tang mana timbul, tiba-tiba rumah ada muka Datuk Najib. Sampai semua, satu bantal, dua. Talam tu sebab besar, *queen size* ada tiga pelek. Kalau *king size* mungkin ada 5. Saya, rumah Datuk Najib pun saya tidak ingat tilam dia ada gambar macam ini.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan, YB. Seberang Jaya.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Yes, sila. YB. Pulau Betong.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Hantar berapa kontena, 1 yang sampai. Saya dengar macam itu lebih kurangnya. 10 kontena 1 yang sampai. 1 lagi 5 hilang. Betul?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Soalan-soalan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Dr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya nak tanya tadi, Yang Berhormat kata apa. Berapa lori yang datang, tapi 1 yang sampai yang lagi 5 yang hilang. Berapa lori itu.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Okeylah, tidak apalah. Yang Berhormat ada soalan, ke tidak ada soalan. Tidak. Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Tidak, yang ini tuduhan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Tidak. Okey. Yang Berhormat jawab saya.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Dr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Kelab 1Malaysia.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Saya cakap macam ini.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Kelab Putera ini, institusi kerajaan ke NGO?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Itu saya tanya. Saya tanya tadi, soalan saya....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Itu tanya ke? Suruh Parlimen tanya di sana....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Kalau Yang Berhormat ada di sini. Tidak. Ini soal rakyat, Yang Berhormat....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Iya....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Saya punya ruang, ruang yang saya ada....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Datang dari Kuala Lumpur, datang sini beri sumbang....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

YB. Pulau Betong...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Salah dekat mana....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Kalau YB. Pulau Betong datang ke sini nak tegakkan benang yang basah, tidak payah. Yang Berhormat duduk. Yang Berhormat duduk. Yang Berhormat duduk....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Ini tuduhan yang bukan-bukan....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Tak. Saya....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Yang ini, NGO kerajaan 1Malaysia Putera ini.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

NGO ini *Non Governmental Organization*....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Kalau macam itu, kenapa nak sabit....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Kenapa NGO Kerajaan....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Kalau mereka menyokong kerajaan, apa salahnya?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Saya tidak kata salah.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Dah itu.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Yang saya tanya peruntukan tu mai pada mana. Kami tanya.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Dr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Peruntukan NGOliah.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Kalau NGO. Yelah *declared*. Bagi tahu kita, duit cukai rakyat Malaysia, peruntukan daripada Jabatan Perdana Menteri. Tanya.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Yang ini tanya nanti. Nanti YB. Parlimen Bagan ada di Parlimen, tanya nanti.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Apa salahnya saya bangkitkan soalan di sini.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Sebab kami tidak ada jawapan yang sepatutnya. Itu NGO bukan kerajaan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Yang Berhormat, kawan-kawan Yang Berhormat kan. Saya difahamkan ini gambar di Balik Pulau. Ya, saya terima ini....(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Tidak apa.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Yang Berhormat boleh bangkit jawab.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Even saya sendiri pun di Balik Pulau pun, saya tidak dapat maklumat itu....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Tak nak tolong jawab untuk NGO Putera.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Even saya....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Yang Berhormat pun tidak tahu. Yang Berhormat tahu ke tidak tahu? Ke tidak dapat....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya tahu benda ini ada, tapi ini cuma peruntukan NGO....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Yang Berhormat, tahu tidak peruntukan mai daripada mana.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya tidak pasti tapi saya....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Tidak pasti duduk.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Daripada NGO.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Tidak pasti duduk. Tidak payah jawab. Saya tanya Yang Berhormat Baling.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Kenapa nak sabitkan....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Yang Berhormat duduk.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Duduk Pulau Betong.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Duduk Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Ini satu tuduhan yang melulu macam ini....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Tidak, bukan tuduhan, saya tanya soalan. Saya tanya soalan....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Di mana sumbangan Kerajaan Negeri?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Hah.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Yang sampai kepada orang kampung? Mana dia sumbangan Kerajaan Negeri sekarang ini?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Kita telah umum belanjawan RM100 juta.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Umum baru. Mana dia duit itu?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

RM500.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Ini terus NGO datang hantar.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Itu kita tanya.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Ini umum. Yang RM400 pun tidak dapat lagi.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sila sorang-sorang.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Yang Berhormat, RM400 kita nak bagi 18 dengan 19 ini.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Baru nak bagi, padahal itu untuk bulan November. Kenapa tidak bagi?...(gangguan).

(Mikrofon YB. Seberang Jaya dan YB. Pulau Betong dipadamkan oleh YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sorang-sorang cakap. Sila duduk. ...(gangguan).

(Mikrofon YB. Seberang Jaya dan YB. Pulau Betong dipadamkan oleh YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Kita sebagai kerajaan buat kerja ikut flow (bergaduh). Kenapa duit itu tidak disalurkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)?

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Seorang-seorang cakap.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Yang Berhormat setuju dengan saya tak? Pegawai kita jawab kita tidak ada peruntukan? Peruntukan tidak ada di Bedong. Itu jawapan *standard* semua orang dapat jawapan begitu. Malam itu di Bedong, stor dia. Stor Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang saya *question* kenapa peruntukan tidak ada di Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)? Kenapa lepas tiga hari NGO seperti ini boleh hantar barang? Adakah NGO (gangguan). Sekejap bagi saya cakap. Adakah NGO lebih hebat daripada agensi kerajaan? Itu soalan saya. Saya tidak *question* mereka hendak bawa, hendak bagi borang hendak bagi apa? Bukan borang, hendak bagi tilam, hendak bagi apa sampai letak muka Datuk Najib tidak mengapa letak (gangguan) tapi kita hendak tahu kenapa....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Sebagai NGO, sebaik kerajaan ada tatacara perolehan, ada tatacara pelupusan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Okey.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

NGO tidak perlu. NGO buat keputusan dalam NGO sahaja.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Kelab Putera 1 Malaysia.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Ya. Itu NGO.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

You are parti politik. *Your are empower you* ada kuasa....(gangguan) untuk dapatkan duit sebab itu kita hendak tahu.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Yang Berhormat sebagai EXCO hendak keluar duit ikut tatacara kerajaan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Kerajaan Pusat diperintah oleh siapa Yang Berhormat?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Ini NGO.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Kerajaan Pusat jawab saya tanya Kerajaan Pusat di perintah oleh siapa?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Barisan Nasional.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Then? Ini NGO rapat pada Barisan Nasional. Dipimpin oleh Yang Berhormat Baling.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

NGO yang *through government* apa salahnya?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Saya tidak kata salah...(gangguan). Kenapa peruntukan Jabatan Kebajikan Masyarakat tidak ada? NGO boleh ada duit. *You declared* Yang Berhormat. Yang Berhormat pun tahu.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Ini badan asing NGO ada sumber kewangan sendiri.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Okey, *donation*. Adakah daripada *donation*? Saya hendak tahu itu.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Daripada sumbangan orang ramai bagi kepada NGO, macam mana Tzu Chi....(gangguan), yang datang dengan peralatan mereka untuk bagi sumbangan kepada masyarakat.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Telus.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Adakah NGO, Tzu Chi *declared*?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Declared.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Adakah Tzu Chi *declared*?...(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Saya minta Kelab Putra *declared*.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Suruh *declared*.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Itu yang saya minta daripada tadi. Yang Berhormat....(gangguan)

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Yang Berhormat kata tadi kata lima lori datang satu lori ada yang lain ini hilang. Apa dia?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Saya *question* sebab....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya dengar tadi Yang Berhormat ada sebut lori masuk....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Betul. Saya *question*.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Mana ada....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Saya *question*. Saya tanya,

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Tidak ada. Semua lori ada barang.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Okey. Kita hendak tahu itu. Kita hendak tahu itu sebab *you are government*.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Ini NGO faham tak?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Saya faham Yang Berhormat tetapi yang kita hendak faham sekarang... (gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Hendak bagi kepada siapa pun bagi kerana ada duit sendiri ...(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Kita hendak faham, kenapa kita tidak boleh salur melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)? Kenapa Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Kenapa Tzu Chi tidak beri sumbangan kepada Kerajaan Negeri?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Dengar dulu. Tzu Chi ini dipimpin oleh Ahli Parlimen Ke? Dipimpin oleh Penasihat Khas kepada isteri Perdana Menteri kah?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Ini kebetulan dia ada sebagai isteri NGO yang ada... (gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Yang Berhormat, *come on* Yang Berhormat...(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Yang Berhormat ada rasa malu sedikit kepada rakyat....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Kepada saya hendak malu, saya bangga....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Ini kerajaan Yang Berhormat....(gangguan). *We are government act like government*. Kita kena tunjuk....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Datuk Seri Zahid datang. Semua Menteri datang untuk bantu apa salahnya....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Mana peruntukan Kerajaan Pusat?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Ini NGO faham?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Itu saya tanya. Kalau JKM boleh bagi daripada awal rakyat kita tidak sengsara dekat pusat pemindahan banjir. Ini lepas tiga hari baru datang.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Hal ini Yang Berhormat pun tahu ini benda berlaku di luar kawalan kita. Bencana.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Yang Berhormat. Saya telah jelas tadi Yang Berhormat. Yang Berhormat duduk sekejap. Bagi saya jelas. Saya ulang balik semula. Saya sebut tadi saya tak nak salahkan Yang Berhormat atau sesiapa saja yang penting sekarang ini polisi kita. Kita ada ada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Agensi kerajaan baik pihak Persekutuan dan di Negeri. Mereka bekerjasama dengan kita tapi masalah sekarang pada ketika bencana berlaku hari pertama saya bersama dengan mereka di *ground* dari awal mula bencana sampai ke pagi esoknya 48 jam. Saya tidak tidur bersama dengan pegawai-pegawai ini. Mereka

beritahu saya jawapan peruntukan sudah tidak ada Yang Berhormat. Kedua, barang-barang kita sudah habis di stor kita Bedong. Kita sudah tidak boleh hendak salurkan kepada mangsa banjir. Saya tidak salahkan dia orang.

Saya mulakan fikir juga kenapa kalau kita tiap-tiap tahun, Yang Berhormat pun tahu Yang Berhormat lebih tua pada saya dan tahu bulan 11, bulan 12 memang musim bencana Malaysia. Mana-mana tahun mesti ada berlaku bencana bulan 11, bulan 12. Setuju Yang Berhormat? Tidak akan kita tidak boleh *prepared* daripada awal untuk *stock up* kita punya barang. Bila saya tanya kenapa barang tidak ada? Tidak ada peruntukan. Okey, *fine*. Bila sudah tidak ada peruntukan tiba-tiba lepas tiga (3) hari datang Kelab Putera 1 Malaysia bawa tilam, bawa apa semua hantar ke pusat pemindahan. Kalau betul duit ini semua duit orang awam *declared*. Saya takut-takut Yang Berhormat, Yang Berhormat saya percaya Yang Berhormat *you* pun akan setuju dengan saya. Saya takut-takut duit yang sepatutnya salur kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang telah dipotong dalam belanjawan Kerajaan Pusat disalur untuk tingkatan perbelanjaan Jabatan Perdana Menteri disalurkan untuk tujuan ini. Ini yang kita tak nak. Bukan kerana apa. Kita hendak pegawai-pegawai kita ini ada muka hendak jawab dengan mangsa banjir. Kita pun bantu mereka. *Last* sekali *volunteer* terpaksa bawa masuk makanan. Saya ingat Yang Berhormat sendiri pun terpaksa bawa masuk makanan kepada pusat pemindahan. Kita sendiri terpaksa bawa tikar masuk. *Since when* kerajaan kita jadi *fail* sampai begitu Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan. Yang Berhormat, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) ini adalah agensi gunasama. Persekutuan pun ada banjir, negeri pun ada banjir sama. Macam itu lah. Apa yang berlaku di Seberang Jaya saya tolong turun kawasan tolong. Kami bantu tidak cukup kami cari lagi bantuan untuk bagi makanan dan sebagainya. Kita sama-sama beri pertolongan. Okey, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) ada kekangan dia. Kerajaan Negeri kenapa tidak bantu pada masa itu melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga? Kenapa tidak bantu dan NGO yang datang membantu tidak ramai antaranya Kelab Pemuda 1Malaysia datang membantu dengan niat yang ikhlas untuk membantu masyarakat yang menerima bencana dan kita akan saling bantu. Apakah salahnya dekat situ?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Ahli Yang Berhormat. Saya bangkitkan di sini bukan suara saya seorang bahkan Ketua Bahagian Bukit Mertajam sekali pun bangkit dalam mesyuarat bersama Perdana Menteri mempertikaikan perkara ini. Saya pun fikir sampai saya cakap kepada Ahli Parlimen Baling. Saya jumpa dia saya cakap Ahli Parlimen Baling tolong UMNO Bahagian Bukit Mertajam ini. Pagi tadi dia baru marah-marah depan PM. Saya sendiri cakap tapi saya faham situasi ini sebab kita semua mengharapkan *agency at least the agency will be able supply the necessity need immediately*. So ini agensi kerajaan yang saya tahu di sini polisi, dasar macam mana sampai agensi kita terpaksa jawab tidak ada peruntukan. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), *Federal Government I understand* memang kita ada dan kita tidak berjaya untuk *prepared* perkara ini. Itu saya tanya Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) tidak ada peruntukan. Tidak ada peruntukan. *Federal* tidak ada.....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Kenapa *State* tidak berjaya bantu pada masa itu?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Kita bantu *immediately*.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

JKM.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Makanan semua kita terus *supply*.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Kita *supply* juga.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

lalah itu saya sebut....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Kenapa *state* tidak bantu JKM melalui *fund* yang ada di *state*(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Jabatan Kebajikan Masyarakat *under Federal Government*.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Dan juga *state government*.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Kita bantu Yang Berhormat....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Siapa MP Kebajikan?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Kita di Bedong.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Siapa MP Kebajikan?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Yang Berhormat kebajikan daripada Sungai Puyu sendiri telah sebut dan bincang pandangan kami sudah beritahu memang kita sudah *offer* macam-macam untuk bantu dan kita buat. Makanan kita *supply* bukan kita tidak buat. Buat *don't say is that* kenapa sampai kita ke tahap itu pegawai kita terpaksa jawab tidak ada peruntukan. Tidak ada stor barang kita di Bedong. Di Kedah sana kosong. Tidak ada barang. Ini Yang Berhormat, saya takut-takut itu saya sebut tadi saya *question, declared* mai mana duit ini? Senang kalau bukan daripada Kerajaan Pusat bukan daripada Jabatan Perdana Menteri *okay fine*. Kita *find up* kena Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) tidak ada peruntukan atau mungkin Kerajaan Negeri patut bayar *tax* yang kurang lagi kepada Kerajaan Pusat supaya kita boleh salurkan kepada jabatan-jabatan kerajaan. *Lets discuss*. Benda macam ini akan berlaku lagi Yang Berhormat. *Do you want repeat the same mistake?* Saya tidak *question* bahawa kata Yang Berhormat tidak kata Yang Berhormat tidak turun atau sesiapa tidak turun, semua turun pada hari itu. Cuma saya *question* mana polisi kita hendak *govern* kerajaan ini? Ini yang kita hendak. Rakyat meletakkan harapan kepada kita rakyat hendak sebuah kerajaan yang bersih, kerajaan yang cekap dan *accountable*. Kerajaan bukan hendak tilam ada muka Datuk Najib. Saya ingat cukup Yang Berhormat. Yang Berhormat pun tidak ada jawapan.....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Sedikit saja Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Yang Berhormat pun tak ada jawapan. Saya pun tidak ada....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Bagi saya 10 minit YB. Seberang Jaya okey. Kita tahu ada kekurangan kewangan peruntukan kepada JKM okey. Bersetujukah dalam Dewan ini apabila Kerajaan Negeri akan membentang meluluskan bajet nanti tambah peruntukan untuk kebajikan bagi menghadapi mangsa banjir ini khusus untuk kebajikan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Yang Berhormat ini sudah bincang. Kami ada perbincangan dan ini memang sudah melihat kepada kegagalan Kerajaan Pusat untuk salurkan peruntukan macam contoh isu banjir berapa soalan dekat 30, 40 soalan. Persoalannya peruntukan tidak ada. *Is that pearl view of federal government to....* (gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Soalan itu sepatutnya Kerajaan Negeri....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Bagi....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Masalahnya bukan pasal itu.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Yang Berhormat pun tahu kita daripada *state* kita bentang bajet tidak sampai satu bilion. *Federal* bentang bajet RM280 bilion....(gangguan). Ia betul Yang Berhormat tetapi *priority. Priority just because of our political different* so projek-projek ini semua di tahan di sekat. Projek-projek *high impact* yang boleh membantu menyelesaikan masalah di Pulau Pinang. *If not if you won't some one came out in a political convention mention, oh* sebab banjir itu tanda kepada tuhan hendak kena tukar kerajaan. *Who's play politic* Yang Berhormat? Kita tidak kutuk seorang pun menteri-menteri *federal* datang. Saya sendiri sambut Datuk Zahid. Saya sendiri sambut Pekan datang ke Pulau Pinang. Kita hargai, kita terima dengan hati yang terbuka. *But like not play politic here.* Kita bukan tidak ada duit. Kalau ada kerajaan yang bersih yang cekap dan adil mana yang perlu kita akan salur *that is how we work?* Dan sehari dua kita tidak kira bulu. Saya ingat itu cukup Yang Berhormat yang saya minta ini jelaskan dari mana sumber kewangannya?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Minta laluan sikit.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Sila Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Ya, Seberang Jaya sedarkah pada 15 September apabila JKM Pulau Pinang mengagihkan barangan bantuan kepada mangsa-mangsa, dia sudah tahu bahawa stok di Gurun telah habis juga kerana ada banjir di Negeri Kedah dan telah memohon peruntukan, memohon peruntukan untuk tambah balik apa yang telah habiskan di stor tetapi kerana perkara-perkara tertentu di luar kawalan Negeri Pulau Pinang stok itu tidak sampai. Stok itu tiada, itulah realiti iaitu kata September sehingga November. Apabila juga tahu hujung tahun memang akan banjir.

Apabila sudah tahu dalam kajian-kajian ada banjir yang akan berlaku keseluruhan Malaysia mengapa di sini juga saya hendak tanya satu soalan benarkah bahawanya selepas banjir ini terdapat Menteri-Menteri tertentu yang pergi satu *supermarket* beli barangan dengan satu beg lebih kurang satu juga dia ada hak dan kuasa untuk beli secara tunai. Akan tetapi bila siap sedia untuk menghadapi banjir lebih kurang satu bulan setengah tidak boleh beri stok itu amat malu. Di sini tadi ada orang tertentu atau khususnya Ahli Yang Berhormat Pulau Betong telah sentuh Tzu Chi. Tzu Chi ini tidak langsung terlibat dengan politik. Bila mereka pergi mereka pergi daripada hati tidak kira bangsa agama atau kefahaman politik dan tidak ada langsung logo-logo Lim Guan Eng. Tidak ada logo saya yang cuma ada logo dia satu satu saja hati ke hati. Mereka bukan hanya untuk selamatkan mereka, mereka juga bagi rawatan dari *medical* aspek mereka juga beri rawatan dari aspek.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan Sungai Puyu.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Belum habis. *I'm here on the floor, sit down.* Mereka bagi makan, mereka juga pergi cuci rumah bersihkan rumah selepas itu mereka sampai ke setiap rumah dia bagi sumbangan kewangan. Tzu Chi memang sini ia tidak terlibat dengan agama walaupun mereka adalah satu NGO agama mereka percaya bahawa atas kemanusiaan tidak boleh ada politik tidak boleh ada orang kata kira bangsa agama langsung tidak boleh. Jika seperti Kelab Putera yang datang sini letak dia punya kenderaan di sana orang kata halang lalu lintas sehingga semua orang datang tengok dia ambil satu dua kalau tidak habis dia pergi makan minum habis lagi jalan. Ini bukan tuduhan ini adalah satu kenyataan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terima kasih. Penjelasan Sungai Puyu. Saya menyebut Tzu Chi ini kerana hendak membezakan NGO dan kerajaan di mana NGO dia boleh pada bila-bila masa dalam *board* dia untuk menyampaikan sumbangan dan bantuan kalau kerajaan ada prosedur itu yang saya compare saya tahu Tzu Chi *on the very first* datang ke Balik Pulau, saya berjumpa dengan mereka membawa mereka melawat dan sebagainya mereka hendak menyumbang dan sebagainya tidak ada bukan saya hendak mengata Tzu Chi saya hendak *compare* sebagai agensi NGO mereka ada cara sendiri pentadbiran kerajaan ada tatacaranya sendiri. So tidak sama. Saya ingat Kelab Pemuda Malaysia adalah NGO tidak boleh sama dengan kerajaan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Bila seorang wakil rakyat daripada UMNO khususnya daripada Barat Daya kutuk Tzu Chi hatiku saya saya sakit, hatiku terbuka itu luka yang lama. Saya masih ingat tahun 2004, *December 26th*. Apabila ada menghadapi tsunami, Tzu Chi turun padang untuk beri makanan dan lain-lain tetapi dihalang. Halang oleh siapa? Atas kepentingan politik. Saya dalam Dewan yang mulia ini, saya duduk di sana. Walaupun nafi tetapi...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan Sungai Puyu. Saya tidak bersetuju. Saya adalah mangsa di kawasan saya. Saya menerima Tzu Chi di situ dengan hati yang terbuka. Mereka beri sumbangan. So saya hendak nafikan di sini Sungai Puyu. Tolong jangan sebut begini Sungai Puyu. Saya juga terluka hati saya.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Saya nak kata...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Sebab saya bersama Tzu Chi membantu semasa Tsunami. Jangan mengungkit benda yang tidak betul Sungai Puyu.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Saya tahu apabila menggunakan nama Tzu Chi kemungkinannya ada udang di sebalik batu.... (gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid bin Haji Saad):

Oh, tidak-tidak. Yang ini menyakitkan hati saya YB. Sungai Puyu.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Saya sudah ada...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Dr. Haji Muhamad Farid bin Haji Saad):

Tzu Chi 2004 semasa Tsunami bersama dengan saya membantu...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Ahli Yang Berhormat, kenyataan-kenyataan yang telah dibuat, ucapan-ucapan dalam Dewan ini... (gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sila, Seberang Jaya. Yang lain boleh duduk.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Kalau hendak direkodkan bahawasanya saya amat menghargai sumbangan yang dibuat oleh Tzu Chi.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sudah rekod. Teruskan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Terima kasih YB. Pulau Betong, terima kasih YB. Sungai Puyu. Saya percaya kita berdebat dan berbahas di sini dengan *passionate*, dengan ghairahnya kerana kita semua memikirkan masalah rakyat di bawah. Yang kita hendak, agensi kerajaan kita dapat melaksanakan tanggungjawab mereka dengan sehabis baik. Ini yang kita hendak. Yang itu yang saya bangkitkan. Niat saya, saya tidak pertikai keikhlasan YB. Baling, Y.A.B. Perdana Menteri, siapa pun datang membantu tetapi kita hendak ada satu polisi, dasar, SOP, yang boleh memudahcara dan menyelesaikan masalah rakyat di bawah. Saya hendak bagi satu pantunlah mudah untuk kita redakan sedikit petang ini.

Anak gajah anak beruang,

Duduk berhenti hilangkan mengah,

Sesama gajah bila berjuang,

Pelanduk mati di tengah-tengah.

Jangan kita jadikan rakyat ini sebagai pelanduk yang mati di tengah-tengah. Itu yang saya minta...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Dr. Haji Muhamad Farid bin Haji Saad):

Penjelasan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid bin Haji Saad):

Yang Berhormat menganggap rakyat sebagai pelanduk...(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Saya teruskan dengan penggulangan saya...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid bin Haji Saad):

Jangan menganggap rakyat sebagai pelanduk Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Itu pantun.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid bin Haji Saad):

Tidak boleh kata macam itu. Kalau pantun, carilah pantun yang lain sedikit. Kenapa hendak menganggap rakyat sebagai pelanduk pula.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Yang Berhormat, saya malas hendak mengajar Yang Berhormat Bahasa Melayu balik semula. Tidak mengapa, Yang Berhormat duduklah. Yang Berhormat duduk. Warisan Melayu, warisan budaya kita ini bahasanya berkias-kias. Kalau Yang Berhormat tidak faham, itu masalah Yang Berhormatlah.

Terlebih dahulu saya hendak mengucapkan tahniah kepada Y.A.B. Ketua Menteri di atas pembentangan Bajet 2018 bertemakan 'Belanjawan Marhaen' pada 2 November 2017 di Dewan yang mulia ini. Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kerajaan Negeri yang diketuai oleh Y.A.B. Ketua Menteri kerana telah berjaya membentangkan satu belanjawan yang bakal memberi fokus kepada kebajikan rakyat marhaen iaitu merujuk kepada orang kebanyakan dan keluarga-keluarga pekerja dan seterusnya memastikan supaya kehidupan rakyat Pulau Pinang, *future proof* bagi mengelakkan rakyat tidak ketinggalan dalam ekonomi digital revolusi industri ke-4. Selaras dengan komitmen Kerajaan Negeri dalam mengamalkan dasar Cekap, Akauntabiliti dan Telus, Kerajaan Negeri sekali lagi bakal memperhebatkan usaha-usaha untuk membantu rakyat negeri ini khasnya rakyat marhaen. Inilah satu bukti komitmen kita untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dan menyuntik rangsangan dalam suasana ekonomi semasa. Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada Kerajaan Negeri khasnya Y.A.B. Ketua Menteri kerana telah menyalurkan banyak peruntukan bagi membiayai program-program di bawah Jawatankuasa MMK

Pertanian, Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan.

Sebagai menyahut seruan Ketua Menteri yang mengumumkan Belanjawan Marhaen Pulau Pinang pada tahun 2018, sektor Industri Asas Tani dan pertanian sememangnya sentiasa mengorak langkah untuk memenuhi aspirasi itu. Prestasi dan sumbangan yang ditunjukkan oleh sektor Industri Asas Tani mampu menjadi pemangkin untuk melahirkan lebih ramai usahawan tempatan dan melalui inisiatif ini Kerajaan Negeri telah menganjurkan Seberang Perai Fiesta 2017 iaitu Karnival Industri Asas Tani dan Makanan bertempat di Tapak Ekspo, Seberang Jaya pada 24 hingga 27 Ogos yang lalu. Program ini melibatkan tiga (3) komponen utama iaitu *Agro Fest*, *Penang Food Mega Festival* dan *Nusantara Art Wave*. Penganjuran program ini telah berjaya menarik kehadiran seramai 35,000 orang pengunjung dalam tempoh empat hari program berlangsung. Ini adalah satu program berskala besar seumpama ini bertujuan untuk mempromosikan Industri Asas Tani dan Perikanan serta Penternakan sebagai satu komponen utama di Negeri Pulau Pinang. Selain itu melalui penganjuran program ini jelas menunjukkan penghargaan dan pengiktirafan Kerajaan Negeri Pulau Pinang di atas sumbangan petani, penternak dan nelayan dalam pembangunan Negeri Pulau Pinang.

Selain itu Kerajaan Negeri juga telah menyertai Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan dan *Malaysia Food Festival 2017* bertempat di MAEPS, Serdang pada 28 September sehingga 1 Oktober 2017. Kerajaan Negeri telah melibatkan seramai 11 orang usahawan Industri Asas Tani dalam usaha mengetengahkan produk usahawan Negeri Pulau Pinang ke pentas nasional. Sepanjang program ini berlangsung, usahawan-usahawan ini telah berjaya mencatatkan hasil jualan berjumlah RM88,475.00. Ini membuktikan Kerajaan Negeri memandang serius untuk membantu rakyat marhaen khasnya yang bergiat aktif dalam Industri Asas Tani ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri dalam proses bagi memperkenalkan inisiatif *Smart City* melalui 'Pasar *Tab Penang*' di Pasar Bayan Baru bagi memudahkan orang awam untuk mendapatkan secara terus barang-barangan yang terdapat di pasar awam dengan hanya menggunakan aplikasi pintar di telefon bimbit. Setelah program ini dilaksanakan rakyat Pulau Pinang bukan sahaja dapat menjimatkan tenaga, wang dan masa tetapi dapat membeli barangan keperluan daripada keselesaan di rumah mereka sendiri. Ini adalah sebahagian daripada manfaat seiring dengan kesan revolusi industri ke-4.

Sehingga Oktober 2017, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan pelbagai program bagi mempromosi usahawan Negeri Pulau Pinang. Antara program yang diadakan ialah promosi Industri Asas Tani yang berlangsung di Wangsa Maju, Kuala Lumpur, melibatkan seramai 19 orang usahawan pada bulan Julai yang lalu. Manakala di Shah Alam, Selangor pada bulan April dan Mei yang lalu melibatkan seramai 20 orang usahawan. Program promosi ini telah berjaya mengutip hasil jualan mencecah RM175,000.00 dan memperkasakan lagi jaringan perniagaan usahawan-usahawan kita di Negeri Pulau Pinang. Pada 22 hingga 26 November ini, program ini akan diteruskan lagi di Tebrau, Johor Darul Takzim dan melibatkan seramai 18 orang usahawan tempatan. Kerajaan Negeri juga tidak memandang enteng usahawan tempatan yang membekalkan produk makanan. Oleh hal yang demikian, Kerajaan Negeri mengambil langkah untuk membantu produk usahawan negeri ini untuk dipasarkan ke pasaran global melalui penjenamaan '*Awesome Penang*'. Untuk permulaan sebanyak 10 produk usahawan negeri ini telah dikenalpasti bagi menembusi pasaran Singapura sebelum hujung tahun ini. Kerajaan Negeri juga berharap dapat membantu usahawan tempatan mengetengahkan produk ke pasaran yang lebih luas di masa hadapan. Sektor pertanian juga telah memberikan banyak sumbangan kepada negeri ini. Pada tahun 2016, sebanyak 148,297 tan metrik hasil padi telah berjaya dihasilkan dan Pulau Pinang telah menjadi pengeluar terbanyak padi bagi Negara Malaysia pada tahun 2016. Manakala pengeluaran hasil buah-buahan telah berjaya merekodkan sebanyak 98,578 tan dan pengeluaran sayur-sayuran adalah sebanyak 44,00 tan metrik pada tahun 2016. Pada tahun yang sama...(gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Mohon laluan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Sekejap, sedikit lagi. Pada tahun yang sama tanaman ladang sebanyak 6,489 tan metrik telah menjaya dihasilkan di negeri ini. Silakan Penanti.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Saya hendak memohon bagi pihak, mereka telah hantar surat kepada Yang Berhormat berkenaan dengan kemusnahan sawah padi selepas bencana banjir. Hari itu masa saya punya ucapan perbahasan

saya sudah bacakan pengeluaran dan berapa hektar padi di Kampung Guar Jering dan juga Kampung Terus yang 90% habis musnah disebabkan oleh banjir kali ini dan banjir selama *almost* satu minggu dan banjir baru surut pada 10 haribulan.

Jadi berdasarkan surat mereka, apakah keputusan EXCO, mereka mohon dan *petition* ditandatangani oleh 16 pesawah padi yang mempunyai 28.84 ekar. Apakah keputusan mohon bantuan segera ke atas kemusnahan sawah padi selepas bencana banjir?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih YB. Penanti. Saya percaya bukan hanya YB. Penanti sahaja terlibat, tempat saya pun, Seberang Jaya terlibat. YB. Sungai Dua juga banyak terlibat, YB. Permatang Pasir dan beberapa lagi kawasan lain. Yang ini Yang Berhormat, kita sudah kenalpasti RM14 juta iaitu jumlah kerugian daripada sektor padi sahaja kerana kebanyakan mereka sudah bubuh, sudah tanam benih dah pun, dah mula. Jadi sebab itu, saya mohon kepada Yang Berhormat untuk bersabar sebentar kerana kita sejak daripada bencana hari itu, kita belum lagi dapat bersidang Mesyuarat EXCO yang sepenuhnya kerana kita menghadapi musim minggu Dewan dan perkara ini telah saya maklumkan kepada Y.A.B. Ketua Menteri. Beri sedikit ruang kepada kami untuk dapatkan bukan hanya bantuan daripada Kerajaan Negeri tetapi juga saya sendiri akan beri komitmen untuk mohon daripada Kerajaan Pusat juga, daripada Kementerian Pertanian sendiri untuk salurkan bantuan kepada petani-petani kita. Sila YB. Sungai Dua.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Terima kasih YB. Seberang Jaya. Dari segi sektor pertanian, tanaman padi khususnya, memang sebahagian besar baru serak dalam bulan sembilan, hujung bulan sembilan baru mula serak. Saya rasa, boleh kata 60% kawasan padi musnah di kawasan Sungai Dua dan kita sudah berbincang, sudah memohon kepada pihak Kementerian Pertanian, *Insyah-Allah* pihak Menteri akan turun lusa, 15 haribulan untuk kita pergi mungkin bantuan dari segi benih dan juga pembaikan. Itu akan dibincangkan nanti. Kita mengharapkan bahawa Kerajaan Negeri juga memberi sedikit ganjaran ataupun bantuan kepada petani, bukan sekadar petani tetapi juga penternak-penternak ikan, usahawan asas tani yang mesin-mesin tepung habis musnah bila dilanda banjir.

Dan yang keduanya, saya tambah sedikit tentang sektor pertanian, sektor industri asas tani dan juga sektor yang lain. Kita hendak supaya Kerajaan Negeri bukan hanya sekadar melihat sektor-sektor industri yang lain kerana golongan marhaen ini kebanyakannya dalam sektor pertanian, banyak golongan marhaen. Banyak orang kampung yang hidupnya bergantung kepada pertanian dan kita kena buat sesuatu untuk meningkatkan dari segi sumber pasaran produk-produk yang dikeluarkan, meningkatkan kualiti, meningkatkan hasil pertanian, kita tidak mahu hanya Kerajaan Pusat yang memberikan fokus yang lebih, kita di negeri agak kurang. Jadi kita nak, kita sama-sama melihat sektor pertanian ini supaya ia menjadi penyumbang besar kepada masyarakat marhaen di Negeri Pulau Pinang. Sebab dalam pembangunan, saya nampak tidak banyak bajet difokuskan kepada pertanian dan juga cuma RM2.2 juta untuk keseluruhan tahun depan. Jadi kita hendak kalau boleh dipertingkatkan lagi dari segi bajet.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Mohon lagi satu. Bila saya jumpa dengan pesawah-pesawah di kampung, *especially* di Kampung Terus dan Guar Jering, mereka kata mereka hilang punca pendapatan selama enam (6) bulan sebab selalu musim, jadi disebabkan oleh kerosakan benih-benih semuanya, maknanya enam (6) bulan ini mereka hilang punca pendapatan, jadi dia nak kena tunggu lagi satu, jadi saya, selain daripada apa-apa pertolongan dari segi benih ke apa benda ke, peralatan saya hendak mohon bagi pesawah-pesawah dan orang-orang kampung yang punca pendapatan daripada bendang, hendak mohon pertolongan dari segi sara hidup supaya mereka mendapat menyara keluarga mereka. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih YB. Sungai Dua dan YB. Penanti. Untuk makluman Yang Berhormat, bantuan awal yang telah saya percaya boleh kita salurkan tapi melalui proses itu iaitu yang RM500 diumumkan untuk setiap isirumah iaitu yang terlibat sama ada kawasan pertanian dan semua *immediately as long they are effected by* banjir mereka boleh terus mohon untuk dapatkan yang itu. Walaupun saya percaya kalau nak menampung semua kerugian yang mereka tanggung itu belum cukup tetapi kita dah dapatkan formula dan berapa data-data petani atau pesawah dan juga usahawan-usahawan petani yang terlibat yang mana jabatan-jabatan telah salurkan kepada saya. Yang ini kita *come out with the figure* tadi hampir RM19.9 juta untuk sektor pertanian dan sektor perikanan sebanyak RM26.7 juta *losses* kerugian yang ditampung daripada akibat daripada bencana 4 November yang lepas. Jadi yang ini semua saya mohon kerjasama

Yang Berhormat untuk salurkan maklumat dahulu bahawa yang RM500 tu, *yes immediately* dan saya pun dimaklumkan juga tentang lawatan kerja YB. Dato' Seri Menteri Pertanian pada 15 hari bulan ni. Kalau tak ada halangan InsyaAllah untuk turun bersama untuk membincangkan bagaimana Kerajaan Negeri boleh turut bekerjasama dengan Kerajaan Pusat untuk kita salurkan bantuan ini *Insya-Allah*.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Ya Sila. YB. Pulau Betong.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Sebentar tadi Yang Berhormat ada menyebut tentang *Wholesome Penang, promotion Wholesome Penang* di Singapura. Salah satu kekangan yang dihadapi oleh usahawan desa adalah mendapatkan lesen premis untuk industri ini. Saya ingatkan tanpa itu mereka sukar nak mendapat pembiayaan dan sebagainya. So, mohon YB. EXCO supaya melihat untuk melesenkan premis-premis industri ini supaya mereka mendapat lesen dan mereka boleh mendapat bantuan-bantuan kewangan daripada pihak-pihak yang tertentu. Yang kedua juga tentang pertanian juga baru-baru ini diadakan Agrofest Seberang Jaya, saya difahamkan yang gimik pelancaran bunga api itu bernilai sampai RM35,000. Adakah itu betul jumlah yang besar dibelanjakan hanya untuk gimik bunga api sebanyak RM35,000?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Yang ini betul Yang Berhormat disalurkan RM35,000 untuk bunga api. Tapi itu untuk peruntukan yang kita *collect* daripada fi apa ni hotel yang mana dimasukkan dalam tabung Kerajaan Negeri supaya kita boleh promosikan salah satu sumbangan untuk program itu kerana kita buat itu kerana orang Seberang Perai kurang tengok bunga api. Jadi kita buat satu untuk Seberang Perai kerana kita nak jadikan Seberang Perai Fiesta ini *as equal as Penang* apa ni Pesta Pulau Pinang. Itu tujuan dia. Saya faham maksud Yang Berhormat tu takan nak bakar tapi dah kos dia memang begitu termasuk GST bunga api pun boleh tahan juga.

Jadi RM35,000 *cost* dia tapi *this is a small portion of the whole amount* yang kita belanja. Untuk sektor pertanian kita tak usik peruntukan-peruntukan yang RM35,000 tu bukan dari sektor pertanian. Itu daripada *fi* sumbangan daripada fi yang kita *collect* daripada hotel-hotel *part of tourism* punya *promotion* Yang Berhormat.

Untuk *Wholesome Penang*, untuk makluman Yang Berhormat, Yang Berhormat pun banyak membantu usahawan untuk promosi melalui FAMA tu semua. *Wholesome Penang* kita bergerak menjadikan satu *branding, seed of brand* mereka daripada pelbagai *supplier*. Mereka akan *supply* barang tapi menggunakan nama *Wholesome Penang* tetapi kita dapatkan *distributor* yang sama daripada FAMA untuk tolong masuk dan *distribute* di Singapura. *So far* kita dah siapkan produk-produk tu dari segi dia punya kualiti dan juga *standard* dan penting sekarang ni kita tengah nak dapatkan *The Halal* punya *Certification* untuk produk-produk ini.

Jadi, kita tak pergi lagi kepada untuk membuka premis di sana belum. Dan saya faham tentang isu untuk mendapatkan *licensing* ini *most of* usahawan yang kita *engage* tu memang usahawan yang dah *quite established* yang mereka pun dah memang mula hantar produk melalui FAMA juga. Cuma kita nak *brand list* supaya kita boleh *promote as Penang* sebab kita nak *capitalized on* nama *Penang* itu Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya faham tu, cuma saya nak minta sama EXCO supaya memberi kelonggaran ataupun menjadikan sebarang macam peruntukan untuk bantu ini. Kawasan-kawasan baru yang baru nak naik ini yang masih belum ada lesen di premis mereka itu. Sebab mereka memerlukan bantuan kerana nak bagi tak boleh kerana premis tak ada lesen lagi.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Mohon laluan tadi EXCO menyebut yang mendapat kewangan daripada *fi* hotel jadi saya nak mohon supaya sebab saya dah minta dalam sidang DUN ni tapi tak dapat jawapan sidang DUN pun tak dapat. Jadi saya nak mohon dikatakan yang fi hotel itu hanya boleh digunakan untuk pemasaran di luar

negara. Jadi saya nak mohon EXCO Pembangunan Desa disebabkan oleh kehilangan punca pendapatan nak kena tunggu *the next six (6) months* saya nak mohon jika boleh mohon supaya pesawah-pesawah boleh tingkatkan pendapatan mereka melalui mungkin *ecotourism* sebab di Kampung Terus semua ada sungai jadi mereka kita dah EXCO pun dah tolong. YB. Danny pun dah tolong bangunkan jeti yang cantik dengan balai lintang semua itu. Kita boleh buat *River Run* lagi sekali dan kita boleh bantu pesawah-pesawah padi itu dapat *income* mungkin boleh banyakkann bot mereka. Mereka boleh buat bot sendiri tapi mereka perlukan enjin yang senyap yang kos melibatkan RM28,000 satu enjin. Jadi saya harap EXCO boleh bantu pesawah-pesawah petani untuk dapatkan duit daripada Batu Lancang. Terima kasih. Ataupun YB. Chow Padang Kota.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih YB. Penanti, Terima kasih YB. Pulau Betong juga kalau boleh usahawan-usahawan ini kalau mereka ada masalah-masalah seperti yang dibangkitkan oleh Pulau Betong tu boleh juga berhubung dengan saya terus untuk kita kenal pasti isu-isu dia dan supaya kita boleh *engage* balik dengan PBT untuk kita dapatkan *licensing* semua. YB. Penanti bangkitkan ini, yang ini bukan bidang kuasa saya untuk jawab Yang Berhormat nanti saya ingat kena mendengar jawapan daripada YB. Batu Lancang.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Dia dah jawab tak boleh tapi saya nak mohon EXCO sebab EXCO berjaya dapat duit untuk bunga apikan. Jadi saya nak mohon sangat-sangat jika EXCO boleh menggunakan kuasa EXCO untuk mendapat duit daripada fi panggil fi Kerajaan Tempatan maknanya duit itu bawah Padang Kota.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih YB. Penanti saya hanya ada kuasa pujuk rayu sahaja YB. Penanti. Jadi sama-sama kita pujuk juga. Semalam pun saya hari Sabtu saya di balai tu makan nasi di situ sambil lepas mengemas rumah-rumah mangsa banjir jadi memang kawasan tu kawasan yang cantik dan banyak hidupan liar. JPAM tangkap lepas banjir ja 25 ekor dah ular tedung ni lepas banjirkan. Jadi kawasan yang cantik jadi nanti saya akan bangkitkan minta kepada Yang Berhormat daripada Batu Lancang. Saya teruskan berkenaan perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat sebelum ini.

YB. Pulau Betong ada membangkitkan tentang isu berkenaan dengan status pembasmian ulat MOKO di pokok pisang. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah melalui Jabatan Pertanian telah pun melaksanakan tindakan bagi mengatasi masalah ini. Pada tahun 2017 Projek Pembangunan Cluster Tanaman Pisang telah dimulakan di Kampung Matang Pasir, Balik Pulau yang melibatkan lapan (8) orang petani meliputi kawasan berkeluasan 7.5 hektar dengan menggunakan peruntukan sebanyak RM100,000.

Pakej projek ini melibatkan kerja-kerja pengurusan kawasan, pembinaan parit ladang, bekalan benih pisang, mikro organisma efektif dan baja NPK 15:15:15. Walau bagaimanapun tanaman pisang tidak digalakkan oleh Jabatan Pertanian, Putrajaya. Bagi kawasan yang telah diserang penyakit MOKO kecuali setelah melalui satu (1) tempoh kuarantin. Malangnya, Yang Berhormat saya dimaklumkan petani-petani kita memberi apa ni memberi kerjasama yang baik. Tapi saya dimaklumkan baru ini banjir baru yang berlaku pada September dan November ini kawasan ini kena lagi sekali jadi kita dah ambil maklum dan kita dah *take note* untuk *cost* yang kita kata tadi kerugian yang berlaku jadi kita akan lihat balik bagaimana kita boleh turun dan bantu kepada petani-petani. Silakan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terima kasih YB. Seberang Jaya. Yang pada *my main concern* adalah penyakit itu adalah tidak dibasmikan. Penyakit itu tidak dibasmikan patut ada proses pembasmian itu, korek, matikan dan sebagainya Jadi setakat itu masih belum dibuat sebab itu saya rasa penyakit masih berada di perdu pisang dan sebagainya. Dan sampai bila pun takkan selesai masalah itu. Dan saya pun tak pasti kerana ke berapa ratus ekar pisang yang ini langsung tidak ada pengawasan pisang ini merugikan. Kalau dulu mereka dapat 1 ekar lebih kurang dalam RM500 yang ini hilang pendapatan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Yang Berhormat saya dimaklumkan oleh pakar-pakar dari jabatan dia perlu ada satu tempoh kuarantin yang agak lama saya tak pasti berapa lama tetapi memang perlu. Jadi sebenarnya ada cadangan

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Tiga (3) tahun dah berlalu dah.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Ada cadangan supaya ganti dengan tanam lain tapi petani kita masih nak buat pisang juga Yang Berhormat. Jadi kalau ada yang....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Mereka tak tanam pisang tetapi tetapi sebab pemulihan tidak dibuat. Mereka tak tanam pisang dah sekarang ni. Tapi mereka menunggu untuk tanah mereka dipulihkan. Tapi pemulihan ini tidak berlaku tiga (3) tahun dan masih lagi belum ada sebarang usaha dibuat.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Baik Yang Berhormat saya akan mengambil maklum Yang Berhormat bangkitkan ini dan saya akan lihat balik semula tentang isu ini. Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat saya teruskan penggulungan saya pada petang ini. Kerajaan Negeri dalam Industri Penternakan Kerajaan Negeri turut membiayai pelbagai projek bagi memastikan industri penternakan di negeri ini tidak ketinggalan.

Secara keseluruhannya, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah membelanjakan peruntukan bernilai RM1.451 juta bagi meningkatkan industri penternakan di Negeri Pulau Pinang. Antara inisiatif Kerajaan Negeri termasuklah perolehan anak ayam pirus dari United Kingdom yang melibatkan kos RM49,500 dan kambing tenusu pejantan dari Australia melibatkan kos hampir RM100,000.00. Kambing-kambing tersebut dan juga ayam pirus ini telah diagihkan pada 24 Oktober yang lalu yang disempurnakan oleh saya sendiri.

Yang mana proses ini adalah untuk menghasilkan baka-baka yang terbaik untuk mewujudkan satu industri ayam pirus dan juga kambing tenusu yang berkembang di Negeri Pulau Pinang. Kerajaan Negeri juga telah meluluskan Enakmen Penternakan Babi pada tahun 2016 dan sedang memperkemaskan syarat dan peraturan penternakan babi yang akan dikuatkuasakan mulai 1 Januari 2018 ini. Syarat dan peraturan babi ini akan menekankan empat (4) aspek utama iaitu empat (4) kriteria utama iaitu *closed house*, zon penampungan 200 meter, *zero discharge* dan *Good Animal Husbandry Practice* (GAHP). Walaupun masih terlalu awal untuk mengukur pencapaian hasil daripada pengenalan enakmen ini, namun terdapat 22 kandang babi yang telah bertukar kepada kandang tertutup sehingga hari ini. Ini membuktikan tindakan *educational enforcement* ini telah mula memberikan kesan kepada penternak babi di Negeri Pulau Pinang.

Bagi bantuan nelayan pesisir pantai, Kerajaan Negeri telah melaksanakan Program Bantuan secara dua (2) kali setahun sejak tahun 2013. Namun begitu kami menghadapi pelbagai cabaran dan halangan dalam melaksanakan program ini dan juga mengambil kira rungutan daripada golongan nelayan. Bagi mengatasi masalah ini, bermula tahun 2017, Kerajaan Negeri akan memperkenalkan kaedah pemberian bantuan nelayan dalam bentuk baucar yang bernilai RM200 yang akan diberikan dua (2) kali setahun. Bermakna jumlah RM400 setahun. Kerajaan Negeri akan memberikan bantuan berbentuk baucar ini untuk nelayan-nelayan ini mendapatkan barang-barang kelengkapan untuk mereka untuk nelayan daripada syarikat dan kedai-kedai pembekal yang telah kita senaraikan. Melalui pelaksanaan kaedah ini, saya berharap nelayan dapat meningkatkan produktiviti mereka dan dalam masa yang sama sebenarnya kita telah menaikkan daripada jumlah sebanyak RM360 jumlah bantuan nelayan, bantuan untuk seorang nelayan kepada RM400 seorang nelayan melalui pemberian baucar ini.

Berkenaan isu jeti LKIM Bagan Ajam. Yang Berhormat Telok Ayer Tawar telah membangkitkan isu jeti nelayan Bagan Ajam saya ingin menyatakan....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

YB. Seberang Jaya sikit. Bila sebut nelayan tadi. Susah nak dapat penjelasan daripada Seberang Jaya berkaitan dengan penternak-penternak ikan dalam sangkar. Saya dimaklumkan YB. Seberang Jaya baru-baru ni pernah pergi ke tapak pelupusan Pulau Burung saya difahamkan, bersama penternak-penternak ikan dalam sangkar. Jadi penternak-penternak maklumkan bahawa ikan-ikan dalam sangkar di persekitaran itu banyak yang mati berpunca daripada air-air kotor yang mengalir di situ. Katanya salah satu air kotor daripada pelupusan sampah. Adakah benar perkara itu berlaku? Kerana bila saya bertanya dengan pihak pengurusan tapak pelupusan Pulau Burung mereka kata air-air yang datang daripada industri kilang-kilang termasuk air-air yang datang daripada ladang-ladang kelapa sawit. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

YB. Sungai Acheh untuk makluman Yang Berhormat, saya betul telah melawat kawasan tapak pelupusan Pulau Burung berhampiran kawasan Sungai Udang di Nibong Tebal pada 11 Oktober yang lalu bersama dengan penternak dan kita telah dapat maklumat daripada Jabatan Perikanan, Jabatan Alam Sekitar ada laporan yang mengatakan tidak bukan disebabkan oleh pelupusan licit itu tapi bila kita lihat *on the ground* memang berlaku sedikit masalah-masalah dari segi pencemaran di situ dan saya tak boleh nak *pick point* 100% adakah ini saja punca kematian ikan-ikan ini kerana yang kita maklum dan disahkan sendiri oleh Jabatan Perikanan *multi factorial*, banyak faktor-faktor, cuaca, kemarau yang panjang, masalah penyakit disitu, masalah kualiti air jadi beberapa faktor.

Cuma saya nak maklumkan Yang Berhormat Sungai Acheh tentang isu tapak pelupusan Pulau Burung ini 11 Oktober saya buat lawatan, 24 Oktober yang lalu kita membincangkan perkara ini dalam mesyuarat bersama YB. Jawi, bersama saya ketika itu, beberapa pelan mitigasi telah kita setuju dengan pihak syarikat di Pulau Burung dalam memperkukuhkan lagi dan menambahkan ketinggian ban kolam lecet ini dan memperkukuhkan tebing kolam lecet menggunakan cerucuk bakau dan meletakkan lapisan *lining* di sepanjang tebing kolam lecet tersebut dan saya *Alhamdulillah*, hasil daripada mungkin kita war-warkan perkara itu dalam media semua saya difahamkan kelulusan DIA telah diperolehi pada 31 Oktober yang lepas. Daripada Jabatan Alam Sekitar, bagi Fasa tiga tapak pelupusan Pulau Burung yang seterusnya membolehkan kerja kerja tanah pembinaan kolam licit dan pusat rawatan air lecet, *Lecet Treatment Plan* kerana sekarang ni lecet ni *overflow dah*, terlalu banyak, jadi yang perlu kita buat sekarang ni nak selesaikan licit ni, ada di dalam fasa tiga yang mana sebelum tertangguh keputusan DIA ni belum kita dapat dan *Alhamdulillah* 31 Oktober yang lepas saya dimaklumkan bahawa Jabatan Alam Sekitar telah meluluskan DIA untuk fasa 3. Jadi InsyaAllah satu faktor kenapa masalah ikan akuakultur berlaku kita dapat kurangkan dengan terlaksana projek Fasa tiga tapak pelupusan Pulau Burung ini *Insya-Allah*.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Bila sebut Pulau Burung tidakkah Kerajaan Negeri menentukan supaya rawatan air kotor dibuat, bila air itu bersih mengalir ke laut mungkin dapat mengelak daripada matinya ikan, satu, yang kedua kalau lah perikanan, Jabatan Perikanan atau Jabatan Alam Sekitar mengesahkan ataupun tak beri pengakuan bahawa air kotor yang ikan mati itu berpunca daripada lecet, so apakah tindakan Kerajaan Negeri nak membantu supaya penternak-penternak itu selamat daripada ikan itu mati sebab ternakan ikan dalam sangkar merupakan produk yang utama di Negeri Pulau Pinang yang pernah disuarakan oleh Y.A.B. Air Putih, terima kasih.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih YB. Sungai Acheh seperti yang saya sebut tadi pusat rawatan air lecet, *Lecet Treatment Plan* tu dalam fasa tiga, yang dah *clear* kat tepi tapak pelupusan Pulau Buaurng tu, yang baru kita dapat kelulusan DIA pada 31 Oktober, 2 minggu lepas yang ini memang dah ada dalam perancangan untuk selesaikan masalah kerana yang berlaku Yang Berhormat, saya ingat Yang Berhormat pun maklum ditapak pelupusan ini ban-ban yang ada adalah *parameter drain* bukannya licit punya *storage pond*, yang itu menyebabkan pada kami benda tu bukan perkara yang sepatutnya berlaku. Jadi selepas siap saja *treatment plan* ini tempat untuk proses licit ini di bersihkan balik semua licit-licit ini akan di pam di situ jadi fasa tiga ni baru diluluskan YB. Sungai Acheh jadi itulah yang kita sebut penyelesaian jangka panjang untuk masalah yang berlaku di tapak pelupusan ini.

Untuk makluman YB. Teluk Ayer Tawar, saya dimaklumkan(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Tak jawab lagi itu saya tanya kalau Jabatan Perikanan, Jabatan Alam Sekitar mengatakan bukan daripada bukan kerana air itu so air-air yang lain daripada kilang daripada ladang kelapa sawit contohnya jadi apakah tindakan Kerajaan Negeri nak membantu supaya penternak ini tidak timbul masalah dengan ikan mati berpunca dari air kotor ini.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Itu yang saya sebut tadi YB. Sungai Acheh *multi factorial* ada banyak faktor yang menyebabkan ikan-ikan ni mati bahkan baru ni pun saya dalam tiga (3) bulan sudah kita berbincang dengan Jabatan Perikanan tentang masalah parasit yang ada di situ pun menyebabkan mati baru ni pun berlaku ribut pun habis sangkar-sangkar ikan pecah sampaikan banyak orang hantar gambar pergi mengail dapat ikan

kerapu apa semua. Ini semua berlaku, masalah-masalah ini termasuk masalah air Yang Berhormat bangkitkan tadi itu adalah pemantauan pihak Majlis dan juga pihak Jabatan Alam Sekitar ia akan terus memantau kilang-kilang termasuk juga kilang haram semua ladang-ladang bahkan daripada bukan hanya kelapa sawit bahkan penggunaan racun-racun di sawah bendang pun boleh menyebabkan pencemaran ke dalam sungai kita. Jadi ini saya percaya perlukan penglibatan semua agensi untuk mengatakan bahawa hanya satu saja penyebab apa yang berlaku di kawasan Pulau Burung dan Sungai Udang ini saya tak setuju. Ia *multi factorial* jadi kita perlukan kesedaran umum awam yang tinggi untuk kalangan semua untuk atasi masalah dan saya alu-alukan penglibatan penternak-penternak sendiri yang sering memberikan kita maklumat dan maklum balas, bahkan saya sendiri turun tu hasil daripada maklum balas daripada penternak-penternak kita yang pergi ambil gambar dan tunjuk kat kita masalah yang berlaku. Jadi saya hargai dalam mereka bukan hanya melakukan perniagaan dalam masa yang sama mereka membantu kita untuk memantau keadaan kawasan alam sekitar tempat kita di Pulau Pinang ini.

Untuk makluman YB. Teluk Ayer Tawar yang membangkitkan isu Jeti Nelayan Bagan Ajam.... (gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Mohon laluan sekejap.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Sekejap bagi saya nak jawab YB. Telok Ayer Tawar daripada tadi lagi ...(gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Saya nak tanya pasal lecet, lecet yang di Pulau Burung ya nak tanya benda tu kan dijadikan *biofuel or something* nak tanya soalan tu sebab masa dialog di Kampung Terus semasa dengan penduduk hari itu TNB pun turun so TNB saya dah bagitau dekat Yang Berhormat kot yang TNB dia nak lici tu sebab dia nak *turn to electricity* so kalau kita ada masalah lici di Pulau Burung saya harap pihak Kerajaan Negeri boleh berbincang dengan TNB kerana TNB memang nak sangat air lecet ni.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih YB. Penanti atas makluman tu saya percaya Yang Berhormat daripada Padang Kota dan juga YB. Sungai Puyu yang bertanggungjawab soalan dan akan melihat kepada perkara itu. YB. Telok Ayer Tawar membangkitkan isu Jeti Nelayan Bagan Ajam saya menyatakan bahawa Kerajaan Negeri akan sentiasa membantu LKIM, nelayan Bagan Ajam walau bagaimanapun sebarang permohonan mestilah mengikut peraturan yang sedia ada termasuklah permohonan kebenaran merancang dan pelan bangunan jika berkaitan struktur.

Untuk makluman Yang Berhormat, LKIM telah pun menghantar salinan ukuran asas dan butiran tapak jeti tersebut ke ibu pejabat LKIM untuk mendapatkan kelulusan Ketua Pengarah LKIM dan sedang menunggu keputusan selanjutnya daripada ibu pejabat LKIM. Oleh yang demikian LKIM dan mana-mana agensi Persekutuan akan memperbanyakan perbincangan bersama agensi negeri agar agensi negeri dapat bertindak sebagai pemudahcara bagi perancangan memenuhi piawaian serta memberi faedah langsung kepada golongan sasar, Yang Berhormat Telok Ayer Tawar juga telah membangkitkan tentang isu berkaitan hasil laut yang semakin berkurangan....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Sebelum pergi ke tajuk yang lain, Terima kasih YB. Seberang Jaya, saya berterima kasih di atas kesedian Kerajaan Negeri untuk bekerjasama membantu nelayan dan LKIM untuk pembinaan fasa kedua jeti nelayan, fasa pertama telah siap pun dibina. Isu di sini ialah sebarang perancangan untuk pembangunan fasa kedua iaitu untuk industri hiliran dan kemudahan-kemudahan untuk nelayan dan persatuan nelayan di situ tak boleh lagi dibuat dengan sempurna kerana isu tapak, tapak *headland* atau dataran yang telah ditambah di situ yang akan digunakan untuk fasa ke dua.

Jadi permohonan mereka yang telah dibuat dua (2) tahun yang lepas ialah untuk pendudukan sementara tapak itu ataupun sekurang-kurangnya kebenaran untuk menggunakan tapak itu walaupun kos untuk tambakan itu ditanggung oleh Kerajaan Pusat. Tapak itu telah pun diserahkan kepada LKIM tetapi LKIM perlu pengesahan penggunaan tapak itu untuk menyediakan dan membuat permohonan untuk fasa kedua sebab ianya melibatkan puluhan juta juga, jadi itu saya mohon kerjasama daripada Kerajaan Negeri, terima kasih.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Yang Berhormat, saya cadang pada Yang Berhormat untuk, LKIM turut datang berjumpa untuk kita *seat down* dan *discuss* betul-betul perkara ini kerana bukan mudah sebab ia melibatkan termasuk juga Pihak Berkuasa Tempatan MPSP semuanya dan juga pihak Kerajaan Negeri untuk kita lihat secara menyeluruh, dan saya faham di pihak LKIM sendiri pun sekarang dalam usaha sedang mendapatkan kelulusan akhir, *the final design* semua termasuk dalam pembangunan kawasan ini.

Yang Berhormat juga turut membangkitkan isu berkenaan hasil laut yang semakin berkurangan yang dipercayai akibat projek tambak laut. Untuk makluman Yang Berhormat, sebarang projek tambakan laut perlu mendapatkan kelulusan *detail environmental impact* DIA daripada Jabatan Alam Sekitar, sebelum dilaksanakan, perkara ini bertujuan memastikan sebarang projek tambakan laut hanya memberikan kesan yang minimum pada alam sekitar dan juga ekosistem. Jika dibandingkan tahun 2015 dan 2016 sebenarnya terdapat kenaikan hasil tangkapan ikan iaitu sebanyak 7,023 tan metrik walaupun tahun ni kita belum dapat lagi *figure* 2017, tapi 2015 dan 2016 ada peningkatan.

Walau bagaimanapun ini bukanlah menjadi, saya percaya bukan titik noktah dalam usaha Kerajaan Negeri untuk meningkatkan hasil daripada laut di sekitar Negeri Pulau Pinang. Kerajaan Negeri telah pun melaksanakan dua program tukun tiruan di perairan Pulau Pinang, pada tahun 2015 sebanyak 1,000 bongkah tukun berbentuk kuboid iaitu Program -program Tukun Tiruan telah dilabuhkan di kawasan perairan Pulau Aman dan Pulau Kendi, dan pada tahun 2016 pula sebanyak 42 unit tukun yang terdiri daripada tukun tiruan jenis *Tukun Inovasi Interlock* dan *Stake On Isfat* Dan *Tukun Inovasi Triangle Triafat* dan Tukun Inovasi Tetra Hidral Trafat telah dilabuhkan di perairan Pulau Kendi. Program tukun ini merupakan usaha Kerajaan Negeri dalam peningkatan pembiakan ikan dan seterusnya dapat meningkatkan hasil laut. Bagi kenaikan harga ikan dan penetapan harga ikan jelas di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri, walau bagaimanapun segala usaha yang dibuat Kerajaan Negeri bagi meningkat hasil laut di harap dapat membantu menstabilkan harga pasaran hasil laut kita.

Saya juga ingin *respond* pada YB. Jawi yang mencadangkan memperluaskan industri ternakan ikan. Terima kasih atas cadangan tersebut dan sememangnya Kerajaan Negeri akan sentiasa berusaha memaksimumkan potensi industri ini. Untuk makluman Yang Berhormat, hasil akuakultur bagi 2016 sahaja telah mencatatkan sebanyak 31,084 tan metrik dengan nilai RM660 juta yang telah kita berjaya pungut. Hasilnya disumbangkan daripada pelbagai komuniti antaranya ialah ikan air tawar, kerang, tiram, udang laut dan lain lain lagi.

Yang Berhormat(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan sikit saya nak tanya, tadi YB. Seberang Jaya mengatakan bahawa tangkapan ataupun hasil tangkapan nelayan di Negeri Pulau Pinang meningkat, mungkin ini adalah purata atau menyeluruh dan melibatkan hasil daripada ternakan ikan sangkar, kerana kalau kita turun ke bawah bersama dengan nelayan, yang ini saya boleh nyatakan saya sendiri menyaksikan nelayan pergi ke laut seharian bila balik kadang-kala macam nak menangis bawa balik tak sampai dua (2), tiga (3) kilo ikan tak cukup untuk makan mereka sendiri. Jadi memang nyata bahawa di setengah-setengah kawasan nelayan pantai ini mengalami kekurangan tangkapan atau hasil tangkapan mereka. Mungkin yang bertambah itu adalah daripada ternakan ikan dalam sangkar dan akuakultur yang lain.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih YB. Telok Ayer Tawar, hasil tadi itu untuk semua negeri untuk keseluruhan negeri tapi itu hanya hasil tangkapan maknanya didaratkan tapi dicampur semua. Saya setuju agak tidak adil untuk kita gunakan *figure* itu hanya untuk mungkin ditempat Yang Berhormat di Telok Ayer Tawar itu saya percaya ramai nelayan di kawasan situ kita mungkin kena tengok spesifik ikut tempat, lokasi, di mana mereka menangkap ikan jadi saya akan memang saya pun memang dalam perancangannya akan berjumpa dengan persatuan nelayan dalam tempoh terdekat ini, saya akan bangkitkan tentang perkara ini dan tanya pada setiap persatuan *what is actual reality on the ground*, terima kasih Yang Berhormat Telok Ayer Tawar.

Untuk sektor kesihatan, portfolio kesihatan, saya mengucapkan terima kasih kepada Y.A.B. Ketua Menteri atas komitmen yang ditunjukkan dalam belanjawan marhaen yang diumumkan pada baru-baru ini. Bagi masalah denggi yang bukan hanya berlaku di negeri ini, wabak ini turut menghantui seluruh negara. Kerajaan Negeri tekad dalam memastikan kesejahteraan dan dalam memelihara kesihatan rakyat Negeri Pulau Pinang. Secara kumulatif sehingga 4 November 2017, sebanyak 2235 kes denggi

dilaporkan berbanding 2331 kes bagi tempoh yang sama pada tahun 2016 iaitu penurunan sebanyak 96 kes atau 4.12%. Meskipun terdapat penurunan kes denggi, saya ingin menegaskan bahawa Kerajaan Negeri sangat komited dalam memerangi nyamuk aedes.

Selaras dengan usaha ini saya kini dalam proses akhir untuk memuktamadkan sistem yang diberi nama *Crush Aedes Totally* (CAT) seperti mana yang diumumkan oleh YAB Ketua Menteri dalam ucapan belanjawan marhaen 2018 baru-baru ini. Dikesempatan ini juga saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Y.A.B. Ketua Menteri di atas peruntukan yang disalurkan untuk projek ini. *Crush Aedes Totally* adalah inisiatif yang pertama dan julung-julung kalinya diadakan di Malaysia dan kita bangga Pulau Pinang menjadi negeri pertama untuk melaksanakan sistem ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sistem ini menggunakan teknologi kecerdasan buatan atau *artificial intelligent* dan bertujuan membantu meningkatkan keupayaan Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang dalam melaksanakan tindakan pencegahan wabak denggi. Melalui sistem ini kita akan meramal kawasan-kawasan *hotspot* denggi sebelum ianya berlaku sehingga tiga (3) bulan sebelum kawasan-kawasan ini menjadi kawasan wabak denggi. Ini akan membolehkan tindakan pencegahan dilaksanakan sebelum wabak tersebut berlaku. Kalau sebelum ini melalui kaedah konvensional, agensi dan jabatan pelaksana kebiasaannya bertindak selepas sesuatu kes wabak dilaporkan, tetapi sekarang kita boleh masuk dulu ke kawasan ini sebelum wabak berlaku dan melakukan program-program pencegahan dan dapat menghindarkan wabak ini daripada berlaku dan sistem ini turut menyediakan platform yang dinamakan sebagai *predict and beat* denggi untuk dimuat turun dalam telefon pintar di mana pengguna akan dimaklumkan sekiranya memasuki kawasan-kawasan yang berisiko denggi.

Untuk Makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah mengambil langkah permulaan Penang Sihat ini antaranya adalah di Batu Maung, Pinang Tunggal dan beberapa kawasan lain dengan mengadakan pemeriksaan kesihatan secara berperingkat tanpa sebarang caj bayaran. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Bagan Specialist Hospital, BP Care Health Group, Hospital Pantai Pulau Pinang, Penang Adventist Hospital dan Islands Hospital serta KPJ Hospital di Bandar Perda di atas komitmen yang diberikan secara sukarela demi memastikan Program Penang Sihat berjaya dianjurkan dengan jayanya. Dianggarkan seramai 1000 menerima manfaat daripada program pemeriksaan kesihatan percuma yang dikenali sebagai Program Penang Sihat. Tahun hadapan kita pastinya berasa bangga apabila Y.A.B. Ketua Menteri mendengar rintihan rakyat Pulau Pinang telah mengumumkan Program Penang Sihat dengan peruntukan sebanyak RM60 juta bagi isi rumah berpendapatan bawah RM5,000 sebulan. Program ini untuk mengkreditkan RM300 dalam bentuk kad "*I Love Penang*" bagi membiayai yuran perkhidmatan pesakit luar beserta ubat dengan had RM50 setiap lawatan. Manakala bagi individu yang tidak berkahwin dan berpendapatan tidak lebih RM2,500 sebulan akan mendapat kredit RM150 setahun dengan had yang sama iaitu RM50 setiap lawatan. Ini jelas membuktikan belanjawan marhaen seperti diumumkan oleh Kerajaan Negeri sememangnya memahami denyut nadi rakyat yang terhimpit dengan kenaikan kos sara hidup dan kos perubatan yang semakin tinggi akibat pelaksanaan GST pada hari ini.

Jadi saya berharap program seperti ini ianya akan dapat meringankan beban rakyat kita dan keluarga mereka yang terutamanya daripada golongan berpendapatan rendah, silakan Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Penjelasan. Terima kasih, YB. Seberang Jaya. Saya lihat YB. Seberang Jaya pun betul-betul prihatin tentang isu-isu kesihatan rakyat dan telah melaksanakan tanggungjawab dengan begitu hebat. Baru-baru ini juga saya percaya Yang Berhormat tidak sempat masuk ke Dewan kerana sibuk kerja-kerja menyelesaikan masalah rakyat akibat daripada banjir yang berlaku baru-baru ini. Saya begitu berterima kasih mengalu-alukan pengumuman yang dibuat tentang Program Sihat untuk rakyat Pulau Pinang yang benar-benar menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri peka dan begitu prihatin tentang masalah yang dihadapi oleh rakyat Pulau Pinang terutamanya golongan berpendapatan rendah. Soalan saya yang ingin saya tanya adalah, apakah yang berlaku kepada klinik-klinik 1 Malaysia, adakah klinik-klinik ini masih lagi beroperasi. Saya difahamkan bahawa di kebanyakan tempat di Pulau Pinang tidak begitu banyaklah tapi yang ada pun telah pun tutup dan kadangkala difahamkan juga terdapat rungutan bahawa klinik-klinik ini tidak beroperasi sepenuh masa dan kadangkala ada tuduhan-tuduhan juga bahawa pegawai-pegawai perubatan tidak hadir sepenuh masa untuk memberi rawatan. So, adakah klinik 1 Malaysia atau klinik-klinik Malaysia yang dilancarkan tiga (3) tahun yang lalu ini sebenarnya satu gimik politik oleh Barisan Nasional dan tidak begitu serius dan berhasrat untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh rakyat di Pulau Pinang. Maklumlah kita pun sedia maklum daripada perbincangan yang berlaku beberapa hari ini bahawa peruntukan-peruntukan ataupun konsesi perubatan ini telah dikurangkan. Sekarang pula kita dimaklumkan bahawa klinik 1 Malaysia semuanya telah gulung tikar. Jadi adakah Yang Berhormat dalam

kedudukan yang boleh memberikan penjelasan tentang perkara ini untuk kita mengetahui apakah sebenarnya niat membuka Klinik 1 Malaysia adakah mereka boleh beroperasi di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Minta penjelasan daripada YB. Seri Delima, di mana yang dikatakan Klinik 1 Malaysia gulung tikar itu di mana? Tentu YB. Seri Delima sebab kata semua kata gulung tikar.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Biarlah Yang Berhormat EXCO yang jawab.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih YB. Seri Delima atas membangkitkan soalan itu, untuk klinik 1 Malaysia ini saya tak boleh nak jawab secara terus di sini sebab saya tak dapat maklumat dari Jabatan Kesihatan sama ada ada yang ditutup atau tidak walaupun ada laporan media mengatakan ada yang ditutup saya tak pasti di Pulau Pinang atau tidak, ada laporan media menyebut Kedai Rakyat 1 Malaysia dan Klinik 1 Malaysia bakal ditutup tetapi saya tak ada maklumat tentang di Pulau Pinang.

Untuk makluman Yang Berhormat....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan. YB. Seri Delima saya rasa dia telah terlampau trauma kalah semalam jadi dan *confius*....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat, apa kena mengena YB. Telok Ayer Tawar? Saya nak beritahu jangan kurang ajar, *telling you again on this mic don't be rudes you* jangan kurang(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Saya tak berapa gemar YB. Seri Delima, sila duduk, sila duduk semua.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Kalau nak berbahas, kita berbahaslah...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Cakap merepek ja jadi di sini....(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Duduk semua sorang-sorang cakap...(gangguan). Sekarang siapa nak bercakap?...(gangguan). YB. Seri Delima sila duduk, sila duduk semua. Biar saya buat keputusan. Takpa-takpa sila duduk, takpa-takpa...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Peraturan-peraturan, menyatakan perkataan yang *unplimentary* iaitu menyakitkan hati Ahli Dewan Undangan Negeri....(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sila duduk semua, sudah saya tak mau dengar yang lain....(gangguan). YB. Seberang Jaya teruskan...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Apa kurang ajar, mengapa cakap macam ni...(gangguan),

Ahli Kawasan Penaga (Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Timbalan Yang di-Pertua Dewan, perkataan itu digunakan dalam dewan ini, dua kali dah dia bangkitkan berkaitan Pulau....(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sila duduk semua, bukan YB. Telok Ayer Tawar tetapi YB. Seberang Jaya. Duduk dulu YB. Sungai Aceh....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Tadi YB. Telok Ayer Tawar ada yang belum habis tadi.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Terima kasih YB. Seberang Jaya, saya rasa ini dua perkara yang berbeza ya Klinik 1 Malaysia dengan Kedai Rakyat 1 Malaysia. Klinik 1 Malaysia tidak ada mana-mana berita pun yang mengatakan ditutup yang akan dibuat semula adalah Kedai Rakyat 1 Malaysia *rebranding* ya untuk dia kata Kedai Rakyat 1 Malaysia fasa dua untuk *rebrand* Kedai Rakyat 1 Malaysia bukan Klinik 1 Malaysia.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Teruskan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih penjelasan YB. Telok Ayer Tawar seperti saya maklum tadi saya tak dapat maklumat sebarang Klinik 1 Malaysia yang ditutup di Pulau Pinang saya tidak pasti negeri lain tapi di Pulau Pinang saya tak dapat maklumat itu lagi tapi kalau saya dapat sebarang maklumat itu YB. Seri Delima, saya orang pertama yang akan buat sidang media akan tanya kenapa tutup, terima kasih Yang Berhormat.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri untuk Program Mammogram Penang telah bersetuju untuk memperuntukkan RM3.2 juta untuk Program Mammogram dan akan diteruskan dalam tahun 2018 walaupun Kerajaan Pusat telah menghentikan program seperti ini yang mana peruntukan ditarik balik program ini diperkenalkan sejak tahun 2015 oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk wanita-wanita di negeri ini diteruskan. Yang mana wanita yang berumur 35 tahun ke atas dan juga merupakan orang Pulau Pinang diberikan peluang untuk mendapatkan perkhidmatan mammogram secara percuma di BP Health Care Group di Jalan Sultan Azlan Shah dan Bukit Mertajam. Ini untuk mewujudkan kesedaran di kalangan masyarakat terutamanya di kalangan wanita di Negeri Pulau Pinang mengenai kanser payudara yang merupakan pembunuh nombor satu wanita di Malaysia ini. Sehingga Oktober 2017 lebih daripada 10,560 orang wanita Pulau Pinang telah menerima kemudahan ini. Antara lain Kerajaan Pulau Pinang akan memastikan kesihatan rakyat marhaen terutamanya pesakit buah pinggang yang memerlukan rawatan dialisis. Kerajaan Negeri telah memperkenalkan program subsidi rawatan dialisis bersama beberapa organisasi antaranya Pusat Haemodialisis Masjid At-Taqwa di Bertam Daerah SPU, Pusat Dialisis Amal Medicare di Seberang Jaya dan juga Pusat Dialisis CAT di Balik Pulau. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah membelanjakan RM1.4 juta setakat ini demi memastikan kesihatan pesakit-pesakit buah pinggang ini terjamin.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Pulau Pinang semasa Mesyuarat Agong Pertubuhan Community Chest Pulau Pinang secara dasarnya bersetuju untuk menambah 12 unit mesin dialisis di Pusat Dialisis CAT di Balik Pulau. Ini merupakan langkah prihatan Kerajaan Negeri bagi menangani pertambahan pesakit buah pinggang di kawasan Barat Daya.

YB. Seri Delima dan YB. Jawi telah bertanya soalan mengapakah projek menaiktaraf hospital tidak dapat dilaksanakan dengan cepat dan Yang Berhormat juga membandingkan hospital yang dibina dikem pelarian etnik Rohingya. Untuk makluman Yang Berhormat, hospital yang dibina dikem pelarian yang menempatkan etnik Rohingya merupakan hospital lapangan. Oleh yang demikian tidak mustahil hospital tersebut boleh dibina dalam tempoh sebulan selepas mendapat kelulusan Kerajaan di Bangladesh. Berbalik kepada konteks pembinaan kemudahan kesihatan di Pulau Pinang, saya juga berharap Kerajaan Persekutuan dapat mempercepatkan pelaksanaan projek-projek kemudahan kesihatan yang telah dirancang seperti di dalam Rancangan Malaysia.

Walaupun projek-projek ini bukan dibawah bidang kuasa Kerajaan Negeri, setiap pembinaan kemudahan kesihatan mestilah mengikut tatacara perolehan dan kewangan dan berkuatkuasa demi memastikan projek yang dilaksanakan dapat memberikan yang terbaik untuk rakyat Pulau Pinang. Saya yakin dan percaya Kerajaan Persekutuan mampu melaksanakannya walaupun menghadapi kekangan dari segi peruntukan yang amat besar sekarang ini.

YB. Jawi telah bertanyakan sesuatu soalan berkenaan projek naiktaraf Hospital Sungai Bakap dan membina hospital baru di Batu Kawan dan Tambun. Saya menyambut baik sekiranya terdapat cadangan menaik taraf atau projek pembinaan hospital baru di Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, saya dimaklumkan bahawa setakat ini tiada cadangan untuk memperluaskan atau memperbesarkan lagi Hospital Sungai Bakap oleh Kementerian Kesihatan kerana lokasi bagi hospital ini tidak berhampiran dengan hospital yang tidak menyediakan kepakaran atau lebih kurang 30km dari Hospital Seberang Jaya dan 20km dari Hospital Bukit Mertajam. Saya juga difahamkan bahawa....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta laluan Yang Berhormat Ahli Kawasan Seberang Jaya, minta penjelasan YB. Seberang Jaya tentang Hospital Besar Pulau Pinang saya juga telah bangkitkan isu berkenaan dengan kekurangan kelengkapan dan kelengkapan yang dimaksudkan yang telah saya bangkitkan dalam perbahasan saya adalah kelengkapan seperti kerusi roda. Kita lihat bahawa Hospital Besar Pulau Pinang mempunyai satu Lembaga (*Board Of Directors*), Ya Lembaga Pelawat, terima kasih, dan Lembaga Pelawat ini kesemuanya pelantikan adalah daripada parti-parti politik, kesemua mereka juga tidak mempunyai sebarang kepakaran perubatan. Kesemua mereka sama ada daripada MIC, Gerakan atau UMNO atau MCA hanya bermesyuarat saya difahamkan lebih kurang 2 hingga 3 kali sebulan tetapi masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat yang pergi ke hospital tidak diberi perhatian. Apakah cadangan Yang Berhormat bagi kita menangani masalah ini, soalan saya pernahkah mereka memanggil Yang Berhormat untuk turut bermesyuarat untuk menyelesaikan masalah-masalah terutamanya tentang kekurangan kelengkapan dan kelengkapan yang saya maksudkan untuk diberi perhatian adalah kerusi roda. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Terima kasih YB. Seri Delima, saya percaya masalah pokok atau asasnya adalah peruntukan, dimana-mana tempat pun dalam Malaysia sekarang ini. Di awal tadi saya sebut tentang Jabatan Kebajikan Masyarakat, tentang hospital, ini semua masalah peruntukan. Orang bercakap bahawa *money is not everything but everything needs money*. Jadi ini situasinya. Sebab itu untuk makluman Yang Berhormat saya tidak terlibat dalam mesyuarat pembangunan kelengkapan-kelengkapan dan fasiliti-fasiliti kemudahan di bawah Kerajaan Persekutuan tetapi kita juga memantau daripada maklumat-maklumat yang kita terima dan kita salurkan kepada pihak kementerian. Bahkan saya sendiri pada bulan lepas telah melakukan kunjungan hormat kepada Y.A.B. Menteri Kesihatan untuk membincangkan tentang isu kesesakan di Hospital Pulau Pinang, isu kerusi roda ini *is only one of the many issue* yang ada, masalah yang kita hadapi di Hospital Besar Pulau Pinang sekarang ini adalah *over crowding conjunction* yang tinggi dan antara perkara yang kita bincangkan adalah usaha kerjasama di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat, pihak Kerajaan Negeri dan Kementerian Kesihatan untuk kita memudahkan memindahkan *the out patient* ke satu lokasi berhampiran dengan Hospital Pulau Pinang supaya tidak terlampau ramai pesakit berada di sana dan dalam masa yang sama semua *department-department* atau Jabatan-Jabatan di Hospital Pulau Pinang ini dapat membesarkan fasiliti mereka dengan pindahnya *out patient*. Jadi ini dalam usaha YB. Seri Delima boleh bantu juga mungkin YB. Seri Delima kenal ada ramai kawan-kawan di Kementerian Kesihatan boleh bantu juga untuk supaya Y.A.B. Menteri Kesihatan dan juga barisan kepimpinan disana yang membuat keputusan bersetuju dengan cadangan Kerajaan Negeri yang telah menawarkan kepada pihak Kementerian Kesihatan pajakan tanah di Jalan Sepoy Line untuk digunakan sebagai lokasi baru *out patient department* kerana untuk makluman YB. Seri Delima dan juga Yang Berhormat semua, Pulau Pinang adalah satu-satunya hospital *our state hospital*, hospital negeri yang masih lagi tidak memindahkan *out patient department* keluar. Semua hospital-hospital kerajaan di negeri di Malaysia telah memindahkan *out patient department* mereka, bahkan kalau kita lihat di Hospital Kuala Lumpur *out patient department* nya yang baru itu yang dikeluarkan dari Hospital Kuala Lumpur sangat besar, saya dimaklumkan lebih daripada 30 *consultation room* ada disitu, yang itu adalah usaha yang kita hendak cuba lakukan untuk Hospital Pulau Pinang sekarang ini.... (gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

YB. Seberang Jaya sedikit penjelasan juga, dalam perbahasan saya, saya juga telah membangkitkan isu audit keselamatan di Hospital Besar Pulau Pinang kerana Yang Berhormat saya percaya masih lagi ingat dalam satu kebakaran yang berlaku di Johor lebih kurang satu (1) tahun yang lalu berlaku satu kebakaran dimana ada juga pesakit-pesakit yang sedang menerima rawatan di Hospital Johor Bahru telah meninggal akibat kebakarang tersebut dan ketika itu saya percaya banyak isu-isu berkenaan dengan audit keselamatan telah dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini. Adakah Yang Berhormat dalam satu kedudukan untuk memberi ulasan sama ada pertamanya audit keselamatan telah

dilaksanakan di Hospital Besar Pulau Pinang dan kedua apakah tahap kesiapsiagaan Hospital Besar Pulau Pinang atau kakitangan yang bekerja di situ untuk menghadapi sesuatu kebakaran jikalau kebakaran itu berlaku sekarang. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Terima kasih YB. Seri Delima, untuk menzahirkan tentang kebimbangan Yang Berhormat tentang isu ini, Jabatan Kesihatan Negeri telah memaklumkan memang Hospital Besar Pulau Pinang telah pun dilengkapi dengan sistem pencegahan kebakaran seperti pili bomba, sistem penyembur air automatik, sistem pancur kering, *break glass* serta alat pemadam api dan bermula pada tahun 2016, Jabatan Kesihatan bersama dengan Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah melaksanakan audit keselamatan dan kebakaran di hospital bagi memeriksa sistem pencegahan kebakaran berfungsi dengan baik dan mengkaji kesesuaian laluan kecemasan. Dalam masa yang sama latihan kebakaran juga telah dilaksanakan setiap tahun bagi meningkatkan tahap kesediaan kakitangan untuk menghadapi kebakaran. Untuk makluman Yang Berhormat, audit daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat juga telah dilaksanakan pada 18 September 2017 yang lalu dan saya yakin dan percaya Jabatan Kesihatan Negeri akan sentiasa menitik beratkan aspek keselamatan di setiap premis dan kemudahan kesihatan yang ada di Negeri Pulau pinang. Baru-baru ini Kerajaan Negeri juga telah melakar sejarah baru dengan....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Sebelum melangkah keluar daripada hospital, kira-kira dua (2) tahun atau tiga (3) tahun dahulu pihak kerajaan negeri melalui MAINPP telah menyerahkan sekeping tanah kepada Yayasan Islam untuk membuat hospital itu, boleh saya tahu status hospital yang diidamkan itu.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Hospital itu, saya hendak jawab *on behalf* lah ye sebab yang ini di bawah Yayasan Islam di bawah YB. Dato' Haji Abdul Malik bin Abul Kassim tetapi saya dimaklumkan oleh yang Berhormat Batu Maung dan juga Yang Berhormat Pantai Jerejak prosesnya sekarang kebenaran merancang telah lulus jadi di dalam proses untuk mula kerja untuk pembangunan, ia bukan idaman ia memang realiti.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Tetapi saya difahamkan ada masalah kewangan pembiayaan itu.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Itu ada sedikit di antara kontraktor dan pihak Yayasan, yang itu sudah dalam proses untuk diselesaikan tetapi KM semua memang sudah selesai.

Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan, baru-baru ini kerajaan negeri telah mengajurkan *Penang Medical Expo* dan *Malaysian Health Care Policy Conference (PeMAC)* 2017 pada 10 dan 12 November 2017 yang lepas bertempat di *Setia SPICE Convention Centre*. Program ini telah menghimpunkan pelbagai organisasi industri berasaskan kesihatan di Pulau Pinang dan turut diadakan persidangan bagi pengamal perubatan. Pengunjung yang hadir ke program ini turut berkesempatan membuat pemeriksaan kesihatan secara percuma dan menyertai Program Derma Darah. Ini jelas menunjukkan komitmen kerajaan negeri yang ingin menjadikan Pulau Pinang sebagai hub perubatan dan kesihatan di peringkat global dan *Insyaa-Allah* program ini akan diadakan setiap dua (2) tahun bagi meletakkan Pulau Pinang di atas peta hub perubatan peringkat dunia.

Untuk pembangunan, ya sila.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan a/l A. Thambyappa):

Berkenaan dengan ekspo ini berapakah bajet yang digunakan untuk EXPO ini?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

If I'm not mistaken, sorry I forgot how much the budget, if im not mistaken its RM100 plus thousand for the promotion and also the setting up on the conference.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan YB. Seberang Jaya, mungkin ada dalam pengetahuan YB. Seberang Jaya jumlah pelancong *medical tourism* yang datang untuk berubat di Pulau Pinang ini dan juga berapakah jumlah perbelanjaan keseluruhan daripada, sumber pendapatan negeri daripada *medical tourism* ini?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Untuk *medical tourism* YB. Pulau Betong *rough average* 360,000 per year, orang, *medical tourist, estimation* nya lebih kurang 1,000 orang sehari yang akan datang for *medical tourism, we contributing 40% of the*, kita menyumbang 40% daripada jumlah *collection* daripada *medical tourism* untuk Malaysia di Pulau Pinang. untuk negeri kita tidak ada secara langsung, tidak ada, kerana kita tidak melainkan mereka *stay* di hotel jadi itu akan ada lah tetapi di hospital belum ada, kita tidak ada *direct contribution to say* tetapi dari segi ekonomi saya ingat *multiplying effect* dengan kehadiran pelancong-pelancong perubatan ini bukan hanya diterjemahkan di dalam projek-projek yang diumumkan oleh pihak-pihak swasta untuk membangunkan lagi hospital mereka tetapi kita boleh lihat sendiri *the amount* atau jumlah mereka yang hadir, bahkan saya dimaklumkan baru-baru ini ada beberapa Kerajaan Negeri bahkan EXCO Kerajaan Negeri lain datang ke Pulau Pinang dan berjumpa dengan pemain-pemain industri kita termasuk daripada Kerajaan Negeri Johor. Saya difahamkan jumpa untuk menanyakan apakah yang infra dan juga strategi yang digunakan di Pulau Pinang dan saya percaya dengan adanya kemasukan *direct flight* daripada Doha, Qatar mungkin kita boleh *tab* satu lagi pasaran yang baru kerana sekarang ini kita bergantung besar kepada pasaran daripada Indonesia.

Jadi kita perlu lihat ruang daripada pasaran-pasaran baru ini. *Just as a comparision* Yang Berhormat ketika saya pergi ke Korea tahun lepas mereka ada lebih kurang 360,000 juga *medical tourist* tetapi for the whole Korea, kita di Pulau Pinang sahaja kita ada 360,000 *the extend of our industry* di Pulau Pinang ini.

Saya teruskan ke portfolio saya yang terakhir iaitu Pembangunan Desa. Selari dan sejajar dengan pelaksanaan Dasar Pembangunan Desa Pulau Pinang 2017 - 2019 projek khas ekonomi adalah satu sub program iaitu program bina baru dan baik pulih rumah rakyat miskin, program peningkatan dan pemulihan ekonomi melalui bantuan peralatan dan program pembaikan gerai. Bagi tahun 2017 sahaja Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM133,432.00 bagi melaksanakan 23 kursus jangka pendek yang memfokuskan kepada keusahawanan yang menjadikan nilai tambah kepada penduduk desa. Antara kursus-kursus yang dijalankan adalah kursus asas pastri, penyediaan pau dan donut sejuk beku, jahitan, gubahan hantaran, *icing* dan ais krim, pembaikan telefon, kursus penyediaan rancangan perniagaan, pengiklanan atas talian dan lain-lain. Kursus-kursus tersebut dilaksanakan oleh pejabat-pejabat daerah yang menyasarkan penyertaan dari golongan ibu tunggal, penerima bantuan AES, penduduk setempat dan mereka yang berminat dikalangan masyarakat desa.

Selain itu Kerajaan Negeri juga melalui Program Peningkatan Ekonomi Bantuan Peralatan telah membelanjakan RM241,000.00 bagi menyalurkan bantuan peralatan kepada 116 penerima yang layak. Bantuan peralatan ini bertujuan untuk membantu masyarakat setempat untuk mengembangkan perniagaan sedia ada serta produk-produk sampingan yang berkaitan. Kerajaan Negeri juga telah membina 19 buah rumah dan membaik pulih 74 buah rumah sehingga Oktober 2017 bagi tahun ini bagi membantu rakyat yang tidak berkemampuan di Negeri Pulau Pinang. Bagi tujuan ini kerajaan negeri telah membelanjakan sebanyak RM1.58 juta dan ianya jelas bertepatan dengan belanjawan marhaen sebagaimana yang diumumkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri.

Selaras dengan komitmen Kerajaan Negeri memastikan kesemua golongan masyarakat menikmati hasil kutipan ekonomi, Kerajaan Negeri juga telah membelanjakan sebanyak RM1.3068 juta bagi tujuan menaik taraf jalan-jalan kampung, longkang-longkang serta parit-parit di kawasan-kawasan kampung. Selain itu Kerajaan Negeri juga telah membelanjakan RM2.075 juta bagi tujuan menaik taraf dan penyelenggaraan dewan orang ramai di kelima-lima daerah. *Insyallah* dalam masa yang terdekat ini saya akan melaksanakan satu lagi siri program jelajah desa yang telah dianjurkan sejak 2013 sehingga kini di setiap daerah, turun sendiri ke padang bagi melihat dan meninjau pelaksanaan projek khas ekonomi bagi mendekati dengan lebih dekat kawasan desa dan rakyat di Negeri Pulau Pinang. Sila YB. Sungai Dua.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Terima kasih YB. Seberang Jaya, saya cuma hendak dimasukkan sedikit dari segi pembinaan longkang-longkang di kawasan luar bandar, kampung, ini merupakan salah satu punca mengapa banjir berlaku di kawasan kampung. Saliran air tidak boleh dikeluarkan ke parit buang di belakang kampung,

jadi saya rasa tidak banyak peruntukan disalurkan untuk pembinaan longkang melalui Pejabat Daerah mahupun pihak MPSP. Pihak MPSP tumpukan banyak di taman di kampung cuma Pejabat Daerah dan saya melalui KKLW kita bantu juga. Jadi kita harap kita dapat selaraskan supaya lebih banyak longkang-longkang di bina di kampung-kampung untuk mengelakkan banjir yang teruk di kawasan perumahan di kampung-kampung. Ini yang kita minta.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih YB. Sungai Dua, saya mengambil maklum perkara itu saya percara YB. Sungai Dua pun sedar apa yang berlaku kadang bila kita buat longkang ia menjadi laluan pula untuk air daripada sungai ataupun daripada sungai-sungai kecil yang lebih besar ini masuk pula ke kawasan kampung, pun berlaku juga yang menyebabkan perbezaan ketinggian air di sungai dan juga di longkang di kawasan kampung itu. Saya ingat perkara ini kita perlu pendekatan yang lebih proaktif dan progresif termasuk pegawai-pegawai kita yang menyiasat di lapangan, mereka perlu berikan dari segi teknikal itu perlu diberikan penyelesaian yang lebih komprehensif dalam menyelesaikan isu banjir-banjir di kampung-kampung kita ini. Saya juga menghadapi masalah yang sama YB. Sungai Dua di kawasan saya, kampung-kampung yang sebelah taman-taman yang pembangunan baru ini sekarang ini menjadi kawasan banjir kilat kerana masalah perparitan ini dan saya setuju kalau kita boleh selaraskan di peringkat KKLW, Kementerian Kemajuan Luar Wilayah dan juga pihak Kerajaan Negeri kerana kadang itu sebelah-sebelah sahaja parit itu tetapi tidak bersambung, sebab satu KKLW buat yang, JKKKP mintakan, satu Kerajaan Negeri buat JKKN mintakan, jadi ini saya ingat kita kena selaraskan Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Pohon laluan. Juga di kampung seperti Sungai Lembu, Perkampungan Sungai Lembu iaitu Kampung Baru ini dibawah agensi lain iaitu dibawah Jabatan Perdana Menteri. Juga, mereka juga melakukan longkang-longkang yang menyebabkan banjir. Jadi saya nak syorkan yang saya telah syorkan sebelum ni di Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah dan juga di Mesyuarat MMK Tebatan banjir. Mungkin EXCO Pembangunan Desa bersama dengan JKR dan JPS dan Pejabat Daerah panggil semua agensi-agensi ni macam mana saya kata Sungai Lembu dia bukan di bawah KKLW dia di bawah projek khas, projek khas JPM. Makna semua orang tunjuk apa permohonan longkang yang mereka terima. Ataupun kadang kawasan tak pernah banjir tiba-tiba jadi banjir. Juga panggil MPSP sebab saya baru melawat kelmarin Mengkuang Titi memang selalu banjir tapi ni berlaku di kawasan yang tak banjir dah berpuluh tahun disebabkan oleh tambakan tanah di atas kawasan paya. Jadi saya harap mungkin semua EXCO terlibat mungkin dengan YB. Lim Hock Seng, YB. Dr. Afif dan YB. Padang Kota bersama dengan semua agensi-agensi duduk sekali supaya sama-sama bila membuat sesuatu pembangunan tu untuk pastikan tidak berlaku banjir.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih atas cadangan YB. Penanti dan saya bersetuju dengan cadangan YB Penanti. Saya akan cuba panggil semua selepas ini untuk kita cuba selaraskan. Dan saya akan jemput juga Yang Berhormat – Yang Berhormat yang terlibat untuk turut sama hadir dalam mesyuarat ini *Insyaa-Allah*. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Penanti yang membangkitkan soalan berkenaan pembinaan bilangan rumah yang dibina di daerah Seberang Perai Utara yang lebih tinggi daripada Seberang Perai Tengah....(gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

SPS bina 78 rumah. Pada tahun ini.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Untuk makluman Yang Berhormat. Kita bina rumah-rumah baru untuk masyarakat desa ini adalah berdasarkan kepada keperluan dan juga berdasarkan kepada permohonan. Kalau Yang Berhormat ada *genuine* kes yang memang memerlukan tolong *forward* kepada Pejabat Daerah dan Pejabat Daerah akan lakukan siasatan dan kita kena kejar sikit la untuk pastikan mereka masukkan dalam senarai. Dan kita takda diskriminasi mana-mana. *It's based on* laporan permohonan mana yang masuk ikut proses, lulus. Selalunya kalau surat atau dokumen berkaitan dengan kelulusan ini yang akan diangkat kepada saya *less than 24 hours* saya akan *sign* untuk beri kelulusan tetapi proses tu akan ambil masa.

Jadi sebab itu saya harap dengan maklumat-maklumat daripada Yang Berhormat kawasan akan dapat membantu kita untuk tengok dan semak *counter check* sama ada senarai-senarai ini masuk atau tidak. Jadi kalau kita kena banding daerah ke daerah, kita kena tengok pada keperluan. Di daerah SPS,

daerah SPU itu kelihatan memerlukan juga berbanding kita di daerah Seberang Perai Tengah.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Lagi satu (1) saya juga ada memohon kepada kawasan EXCO Datuk Keramat untuk melihat kepada kontraktor-kontraktor di bawah EXCO Seberang Jaya di mana mereka telah membina sebagai contohnya tahun ini 98 buah rumah....(gangguan).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kejap lagi Datuk Keramat akan buat penggulungan.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Ia la saya *just* nak tunjuk. Sebab haritu Datuk Keramat kata nak jumpa Penanti, tapi tak jumpa pun Penanti, tak pa, jumpa sebelah untuk jumpa kontraktor yang boleh buat rumah tiga (3) bilik dalam kos RM40,000.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan :

Silakan YB. Seberang Jaya.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima Kasih. Saya baru dapat maklumat YB. Seri Delima dah keluar baru nak bercakap berkenaan dengan Klinik 1 Malaysia. Tak payah la ya.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Tak payah. Tak payah.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Tapi tutup satu (1).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Boleh buat penggulungan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Tutup satu sebab pindah. Pindah pada Berjaya Times Square pindah ke Jalan Macallum pada Jun 2016 itu saja. Okey. Terima kasih.

Kesempatan ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan saya kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Bahagian Perancang Ekonomi Negeri, Jabatan Pertanian Negeri, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri, Jabatan Perikanan, Jabatan Kesihatan Negeri, Jabatan Perhutanan. Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu IADA Pulau Pinang, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, MBPP, MPSP, Pejabat-Pejabat Daerah dan lain-lain Agensi yang telah bertungkus-lumus dalam menjayakan dan melaksanakan dasar dan perancangan di bawah portfolio saya iaitu Industri Asas Tani, Pertanian, Kesihatan & Pembangunan Desa. Moga tahun 2018 bakal menjadi satu (1) lagi tahun untuk kita meneruskan gerak kerja cemerlang kita demi mencapai cita-cita untuk menjadikan Pulau Pinang Negeri yang bersih, hijau, sihat dan selamat serta sentiasa menjadi harapan bagi rakyat marhaen. Saya ingin akhiri penggulungan saya yang terakhir untuk penggal ini dengan beberapa rangkap pantun.

Anak ayam disambar helang,

Dari enam tinggalah lima,

Harimau mati meninggalkan belang,

Manusia mati meninggalkan nama.

Mega yang redup sudah beredar,

Cerah berseri angkasa timur,

Semoga hidup tabah dan sabar,

Murah rezeki negara makmur.

*Kalau ke bukit sama mendaki,
Kalau kelaut sama berenang,
Kalau kita bersatu hati,
Kerja yang berat menjadi senang.*

*Kalau ada jarum yang patah,
Jangan di simpan di dalam peti,
Kalau ada silap sepatah,
Jangan di simpan di dalam hati.*

Dengan lafaz ini saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya, YB. Datok Keramat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

YB. Dato' Timbalan Speaker. Dan pada semua rakan-rakan saya. Saya akan cuba ringkaskan penggulungan saya dan cuba menjawab pada semua soalan ataupun pertanyaan yang dibuat oleh semua pihak berkenaan kedua-dua portfolio saya iaitu sebagai EXCO Perancangan Bandar dan Desa dan Perumahan.

Saya ingat tempoh hari dalam soalan-soalan lisan banyak *area* yang telah pun saya sentuh jadi kita harap dapat kita ringkaskan *but its there any other query, I welcome to receive them....* (dengan izin) YB. Dato' Timbalan Speaker. Tetapi sebelum saya mula dalam portfolio saya, ingin mengambil kesempatan ini meluahkan rasa saya yang begitu simpati kepada semua mangsa-mangsa banjir di mana ada beberapa kematian untuk kali ini. Iaitu begitu teruk sekali, walaupun di kawasan saya di Datok Keramat kita kerap mengalami banjir tapi pada kali ini empat (4) telah meninggal akibatnya lemas dan juga *of course* seperti biasa beribu-ribu telah pun terpaksa ditempatkan semula di tempat perpindahan dan sebagainya. Dan pada kali ini ia telah pun menjejaskan bukan sahaja kawasan yang secara biasa mengalami banjir seperti kawasan saya. Tapi keseluruhan Negeri Pulau Pinang dengan izin mungkin telah *caught* banyak *unawares that mean* banyak yang tak jangka apa yang berlaku akan berlaku. Dan saya ingin meluahkan perasaan simpati saya kepada mereka semua dan harap semua dapat sabar dalam keadaan genting sekarang dan sepertimana banyak rakan saya ucapkan dalam keadaan genting sekarang kita perlu saling membantu satu (1) sama lain dan kalau kita nak politikkan, kalau kita nak guna emosi, kalau tidak bersopan, tidak beradab, saya ingat kita tak akan cari apa-apa penyelesaian yang betul.

Oleh itu saya di sini hari ini sebelum saya sentuh kedua-dua portfolio saya, ingin saya sentuh sedikit kerana Sungai Pinang. *Of course* YB. Chow telah pun banyak berucap. 30 lebih soalan sepertimana mana kita tau dia ada. Kebanyakannya majoritinya ialah berkenaan rancangan-rancangan memitigasi ataupun tebatan-tebatan banjir yang wujud di Negeri Pulau Pinang apa statusnya. *And of course* sepertimana semua orang tahu walaupun ada beberapa rancangan tebatan banjir di keseluruhan Negeri Pulau Pinang di kesemua daerah, mahupun jangka masa pendek, sederhana ataupun panjang mahupun dibahu Kerajaan Negeri mahupun dibahu Kerajaan Pusat. Sepertimana semua kata di bahagian Pulau. *Mother of all rivers* sekarang *everybody using that mother of freeze but the mother of all rivers is* Sungai Pinang *in, on the island*. Dan sekiranya saya telah kata sebelum ini sudah hampir 10 tahun saya ADUN Datok Keramat sebelum saya jadi EXCO pun. Ini bukan masalah baru. Apabila kita masuk sebagai kerajaan pada tahun 2008, saya dapati memang sudahpun ada banjir kerap kali melanda Datok Keramat akibat air limpah keluar daripada Sungai Pinang dan kita dapati bahawasanya memang ada satu (1) rancangan untuk selesaikan masalah sungai ini iaitu rancangan tebatan Sungai Pinang.

Tetapi malangnya YB. Dato' Timbalan Speaker, saya dapati bahawa apabila kita sampai pada 2008, rancangan itu telah pun tergendala. Tergendala hampir-hampir-hampir 18 tahun. 2008 di mana kita dapati bahawa pada tarikh itu dapati bahawa Fasa 1 RTB Sungai Pinang telah pun dilaksanakan. Iaitu kerja-kerja pengambilan tanah dan sebagainya. Saya takkan ulang apa YB. Padang Kota kata. Tetapi

penting kerana saya dapat satu (1) maklumat yang terkini baru sahaja dan saya baru kongsi dengan YB. Padang Kota pagi ini berkenaan status. Dan ini membimbangkan saya, apa yang berlaku 2008 kita terpaksa mulakan semula iaitu *re-start* keseluruhan RTB dengan fasa seterusnya iaitu penempatan semula mereka yang tinggal ditebing sungai yang melibatkan 232 orang dan melibatkan 101 *structure*. Ini bukan satu (1) kerja yang senang YB. Dato' Timbalan Speaker, tapi kita telah berjaya buat sedemikian. *We took some time, we started into 2008* kita pada bulan pertengahan tahun lalu, selesai. Ia mengambil masa yang banyak kerana perlu ditempatkan semula mereka yang tinggal ditebing-tebing.

Kalau kita lihat sehingga tahun, kita dapat mengalihkan penduduk-penduduk ini banyak tahun telah bazir YB. Dato' Timbalan Speaker. Kemungkinan besar sekiranya kerajaan terdahulu teruskan saja dengan usaha RTB tersebut mungkin kita bukan akan berada di sini sekarang. Kita boleh jimat beberapa tahun apabila saya gunakan perkataan itu ungkapan itu bermaksud mungkin RTB itu mungkin telah pun boleh selesai dan kita tak akan berada hari ini di mana banjir yang terbesar telah pun berlaku di kawasan saya meragut empat (4) nyawa. Begitu teruk sekali. Ini kalau mungkin ucapan gulungan saya yang terakhir begitu malang saya perlu sentuh perkara ini sebelum saya beredar daripada sini sehingga penggal yang akan datang tak tau sama ada saya masih ada di sini. *But is very sad this is what im saying* kerana pembaziran masa itu kita tak jimat bertahun-tahun apa berlaku. Kalau pun ada banjir saya percaya dengan RTB itu banjir tak akan sebesar. Saya percaya mungkin tak ada keragutan nyawa. Itu semua kemungkinan yang boleh kita harapkan atau perkara-perkara yang begitu luar biasa kita tak dapat apa ni harungi tetapi terpaksa, mengapa? Kerana kita lihat di kawasan bandar banjir yang terbesar adalah di kawasan saya. Dan di kawasan-kawasan anak-anak sungai kepada Sungai Pinang. Di mana YB. Chow telah jelaskan banyak anak-anak sungai dan apabila kita tak boleh ambil muatan ataupun jumlah air begitu besar. Semua anak sungai pun terjejas. Kepada kebiasaan saya satu (1) anak sungai saya lihat di dalam kawasan saya iaitu Sungai Jelutong yang kebiasaannya terjejas. *But this time* semua yang mengakibatkan kepada tempat luar daripada Datok Keramat dan Sungai Pinang pun terjejas kerana sungai-sungai ini merentasi keseluruhan bahagian Pulau, YB. Dato' Timbalan Speaker.

I just want to refer one (1) point. Yang membimbangkan saya tadi saya nyata. YB. Padang Kota telah pun nyatakan dalam ucapannya dan sebelum ini pun telah laporkan kepada Kerajaan Negeri dalam EXCO apa status dia. Saya gembira kerana apabila kita dah habis tanggungjawab dan beban dibahu kita sebagai ADUN Datok Keramat terutamanya dalam penempatan semula kita lihat pada pertengahan tahun dahulu apabila itu diselesaikan tak ada pergerakan. *The ball is in their caught.* Iaitu kerja-kerja fizikal pelebaran, pendalaman perlu dibuat sekarang. Tapi apa yang berlaku, tak ada apa yang berlaku. Sehingga bulan Disember baru diumumkan RM150 juta akan disalurkan untuk RTB ini. Dan daripada itu sebelum ini, saya dimaklumkan pada tahun ini mereka telah pun salurkan RM1 juta untuk kerja-kerja perunding dibuat, dan kita dimaklumkan JPS Penang yang maklumkan pada kita bahawasanya kerja rundingan selesai dan kita harap ia dapat dimulakan kerja-kerja fizikal pada bulan Januari 2018 *that is lagi dua (2) bulan lagi.*

Tapi setelah banjir besar pada 4, 5 November lalu ada satu usul tergepar dikemukakan oleh Ahli Parlimen, Ahli Parlimen Tanjong iaitu YB. Ng Wei Aik di Parlimen dan usul itu dibenarkan dan di dalam apa ini perbahasan berkenaan dengan status Sungai Pinang secara khususnya RTB Sungai Pinang, saya terkejut apabila dia maklum balik kepada saya setelah perbahasan berlaku bahawasanya ini status dia sekarang, projek ini akan, *I read* ini adalah maklumat tambahan kepada jawapan bertulis kepada soalan beliau di dalam usul tergepar itu di Parlimen, dia kata ini jawapan itu disebut "Projek ini akan dilaksanakan secara kaedah reka dan bina di mana kontraktor yang dilantik akan melaksanakan reka bentuk terperinci berpandukan keadaan semasa dan masa depan dengan mengambil kira perubahan iklim dunia". Status, statusnya sekarang adalah dalam proses *tender* yang akan ditutup pada 20 November 2017 YB. Dato' Timbalan Speaker, *tender* dia kata belum tutup *this is not the information we got and I want clarification* kita perlu ada maklumat yang betul yang tepat, *all this things we cannot we cannot be having differing information and could shock because they told me* semua dah siap runding dan semuanya dan kita nak mula Januari dan YB. Chow baru kata dua (2) tiga (3) jawapan dalam soalan lisan dan seterusnya setelah proses *tender* tutup pada 20 November 2017, Surat Setuju Terima ataupun (SST) dijangka dikeluarkan pada bulan Januari 2018. *Only the SST* yang akan dikeluarkan Januari 2018. Ini lagi menakutkan saya, pihak Kontraktor akan diberikan tempoh enam (6) bulan dari tarikh SST iaitu Surat Setuju Terima untuk mengemukakan reka bentuk terperinci. *I thought all this is over* reka bentuk semua dah over RM1 juta, *I have all this information because we have been told this I as a* Datok Keramat ADUN, *I especially after everything that is happen I get this answer it is very frightening.* Apa lagi kita nak dengar lagi satu (1) dua (2) minggu nanti lagi satu (1) dua (2) bulan nanti. Tak boleh YB. Dato' Timbalan Speaker, pihak Kontraktor akan diberi tempoh enam (6) bulan dari SST untuk mengemukakan reka bentuk terperinci berpandukan kehendak Kerajaan dan ini yang begitu menakutkan pada semua di sini dan

pembinaan dijangka dimulakan pada akhir tahun 2018 bukan pada bulan satu (1) 2018 lagi masa tidak diijamatkan, masa dibazirkan, kalau betul-betul nak buat ini perlu kita percepatkan tak boleh macam ini. Jawapan diberi kepada JPS Pulau Pinang selama ini berbeza, betul kita ada di sini Pegawai-Pegawai yang memberikan maklumat kepada kita, pagi ini apabila saya bagitau kepada Tuan Sabri dia ada di sini dia pun terkejut macam mana ini boleh berlaku. *We were told the reka bentuk dah selesai, we were told they are rushing to start in fact earlier were supposed to be Disember but never mind January okay so be but with this where are we headed* saya begitu khuatir YB. Dato' Timbalan Speaker, sebagai ADUN Datok Keramat sebagai saya ingat semua di sini perlu mendapat maklumat yang tepat dan saya harap mungkin rakan-rakan saya di sebelah *please try find out exactly what is the status because we need to have firm timeline*. Silakan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan Datok Keramat terima kasih. Saya juga terkejut sebenarnya Yang Berhormat saya terkejut kerana saya pun tak menjangka jawapan itu diberikan dalam Parlimen kerana kita juga *looking forward* supaya projek ini akan dimulakan pada bulan Januari kerana seperti kata Yang Berhormat *this is the mother of rivers in Penang* dan memang menjadi *focus* itu. So saya berharap mungkin Yang Berhormat selaku EXCO dan juga Pengarah JPS dapat mengambil perhatian, kami pun memang mahu serius sebenarnya apa yang berlaku hari ini dan jawapan ini semua tidak mengembirakan kami juga. Boleh saya nak tahu Yang Berhormat Datok Keramat apakah urusan lulus dengan *squatters* tanah dah selesai semuanya mungkin saya ada terlepas pandang. Terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Itu selesai sudah, itu memang bukan satu (1) proses yang senang tetapi akhirnya juga kita selesai, *like I said* kita selesai *in fact* pertengahan tahun lalu dan dimaklumkan kepada Kementerian *because then the next step will be to coming the fund for the actual physical work, so actually from then until now we have been waiting also....*(dengan izin) dan yang langsung tak mengembirakan kita semua jawapan ini kerana sebelum ini walaupun kita sudah tunggu satu (1) tahun setelah kerja kita habis and *very important to get the work going on you know why* YB. Dato' Timbalan Speaker, kawasan tebing yang telah pun di *clear* ini kita dah tempatkan semula kalau kita tunggu lama-lama apa akan berlaku? Orang akan masuk balik, *we know that problem so we cannot have delay, so* hampir setahun *delay* kita dimaklumkan tengah tahun ini reka bentuk sudah runding RM1 juta *how come I have all this information?* Saya tak akan sebut di macam itu di sini, *in fact I have been saying this whenever I go on the ground to my...(gangguan) because they want to know, they are the worst affected and now* tak berlaku sekarang baru SST kepada pereka bentuk.

So I agree with you thank you for having that in mind I think everybody will have this in their heart and mind and saya akan buat sedaya upaya untuk *clarify* apa yang sebenar yang sedang berlaku *because this is actually an answer. I ask sendiri Wei Aik I ask YB. Wei Aik. Please let me see the black and white because he call me and I got the black and white just a couple of days ago*. Ini jawapan di Parlimen YB. Dato' Timbalan Speaker. Silakan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Saya hanya nak *share* dengan Yang Berhormat, macam lambat satu (1) perkara yang kita tak mau *toleratelah*. Perkara-perkara yang lambat dan menyusahkan rakyat semua orang nak cepat tapi dalam masa yang sama Yang Berhormat, Yang Berhormat perasan tahun lepas kita *State Government* pun ada bagi peruntukkan untuk Kerajaan Tempatan, RM150 juta untuk buat Tebatan Banjir itu pun sampai sekarang pun kita tak tau status tak pakai pun duit tu lagi. *State Government* kelulusan Kerajaan Negeri pada kepada Kerajaan Tempatan saya sebab tanya kenapa bagi duit itu sedikit dan duit yang bagi tahun lepas pun tak pakai lagi. So menunjukkan lambat ini banyak pihak yang terlibat, *State Government* pun dapat duit RM150 juta untuk Tebatan Banjir, Kerajaan Tempatan pun sampai sekarang tak buat apa lagi, status kita tak tau lah tapi duit itu tak ni kan so isu-isu ini tolong tengoklah sekali.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Saya ingat cukup baik soalan tersebut tapi saya ingat dalam beberapa soalan lisan YB. Padang Kota telah pun menjelaskan apa status kepenggunaan dana daripada Kerajaan Negeri untuk projek-projek pendek dan sederhana jangka masa itu beliau boleh beri terperinci nanti apabila dia gulung *and I think he has already cover a bit earlier on but like I said coming back to RTB Sungai Pinang I won't*, saya tak mau lenggahkan lagi saya cuma hendak maklum ini adalah maklumat terkini yang saya terima dan kita perlulah dapat tau sebenarnya apa yang sedang berlaku dengan Rancangan Tebatan Banjir Sungai Pinang ini.

YB. Dato' Timbalan Speaker, saya pergi kepada beberapa perkara dalam portfolio saya, yang pertama saya hendak sentuh ialah berkenaan status beberapa kategori projek yang boleh dikatakan di bawah portfolio saya selain daripada Perumahan kita juga sudah pun mengambil iltizam untuk melihat kepada permasalahan kekurangan tempat yang mencukupi untuk merumahkan pekerja-pekerja bukan sahaja pekerja-pekerja asing tetapi pekerja-pekerja termasuk pekerja tempatan yang datang dari luar dan tiada tempat untuk tinggal dan dalam pada ini di Sidang DUN ini yang mungkin yang terakhir sebelum pilihan raya yang akan datang, ingin saya nyatakan bahawa saya gembira untuk nyatakan bahawa kita dalam setelah sediakan Garis Panduan Asrama Pekerja 100% di Negeri Pulau Pinang. Kita telah pun mendapat lima (5) projek dikemukakan kepada Kerajaan Negeri dan daripada lima (5) projek kuarters pekerja ini, empat (4) projek telah mendapat kelulusan Kebenaran Merancang daripada Pihak Berkuasa Tempatan. Manakala satu (1) projek baru lulus peringkat *One Stop Centre*. Saya beri perincian YB. Dato' Timbalan Speaker, *because* ini adalah satu (1) perkara perlu kita laporkan dari kala hingga kala.

Yang pertama ada satu (1) di bahagian Pulau iaitu di Permatang Damar Laut, Batu Maung, Daerah Barat Daya yang akan kita lihat kepada bilangan katil 5,000 dibina untuk 5,000 pekerja. Yang keempat yang lain adalah di bahagian Seberang, yang satu (1) ialah di Juru, Seberang Perai Tengah yang akan kita akan dapati 6,102 unit ataupun bilangan katil, ketiga adalah di Seberang Perai Selatan iaitu Bukit Minyak yang kita akan lihat pada bilangan katil yang kita dapati ialah 6,642 dan keempat ialah di Seberang Perai Tengah iaitu di Permatang Tinggi yang kita lihat kepada 4,896 bilangan katil yang akan disediakan dan yang kelima ialah di Seberang Perai Selatan juga di kawasan Perindustrian Valdor yang kita akan lihat pada 3,640 bilangan katil disediakan, yang membawa kepada jumlah katil yang kita lihat akan disediakan 26,280 dan YB. Dato' Timbalan Speaker, *actually this figures* adalah begitu rendah sekali, kalau kita lihat kepada angka ataupun statistik ataupun data yang saya dapati kita ada pekerja-pekerja asing dan tempatan di Negeri Pulau Pinang tak kurang daripada 200,000. *So when* kita lihat pada 26,000 *it is just slightly not more than 10%* jadi kita perlu tingkatkan usaha kita dan saya memang alu-alukan pihak swasta ataupun mana-mana pihak yang hendak buat projek sebegini untuk datang ke hadapan dan berbincang dengan Kerajaan Negeri dan *in fact* YB. Dato' Timbalan Speaker, *I just wanna add two (2) things* isu ini. Daripada lima (5) yang tadi saya bagitau, empat (4) sudah dapat PKM dan satu (1) *is still* peringkat OSC daripada itu yang di Seberang Perai Selatan iaitu Projek di Bukit Minyak, *I think* projek....(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

SPT.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

That one is SPT, I think YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan punya. Okey.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

YB. Bukit Tengah.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Bukit Tengah?*I don't think that one is* Bukit Tengah.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):

Bukit Tambun, Bukit Tambun yes yes SPS.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

SPS.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):

Sempadan lebih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Lebih kepada SPS lah, Dato' Bukit Tengah punya adalah Juru *that is another* projek *but that one is not yet begun*. Okay Bukit Minyak di SPS Dato' ialah saya ingin laporkan sudah pun mula pembinaan dan status pembinaannya di peringkat 40% pemajuan, 40% dan kita harap ianya akan dapat diselesaikan dalam pertengahan tahun depan dan selain daripada lima (5) permohonan ini saya juga ingin menyatakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah pun mengenal pasti dua (2) bidang tanah yang lain untuk ditawarkan kepada pihak-pihak yang berminat untuk dibangunkan asrama pekerja ini iaitu satu (1)

di Seberang Perai, *I think* Selatan juga iaitu di Batu Kawan dan satu ialah juga di Utara Bukit Minyak. YB. Dato' Timbalan Speaker, itu adalah laporan saya berkenaan dengan Asrama Pekerja. *Yes anything on that?*

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Datok Keramat, dalam penggal yang lepas saya ada bangkitkan tentang usul untuk menukar B-Suite di Bayan Baru kepada asrama dan saya bangkitkan bahawa saya dah ada seorang perintis daripada MBPP tapi tak diteruskan lagi, boleh saya tau status sekarang YB. Datok Keramat?

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Memang B-Suite ini apa yang berlaku ialah ia adalah satu (1) sebelum ini hotel digunakan sebagai hotel dan di tukar guna untuk jadi Asrama dan *of course* kita telah meminta pemaju bahawasanya sekiranya ia hendak buat projek asrama dia perlu patuhi kepada syarat-syarat dalam garis panduan seperti mana saya nyatakan tadi kerana ada syarat spesifik untuk tujuan asrama dan saya percaya YB. Padang Kota akan memberi penjelasan ataupun pencerahan yang lebih lanjut tapi secara am saya percaya memang tindakan penyerahan notis sekiranya tak silap telah pun diambil oleh pihak PBT terhadap pemaju ini dan saya juga dimaklumkan bahawa ada satu (1) kes diambil kepada *tribunal* perumahan yang kita juga tunggu jawapan atau keputusan daripada kes itu untuk lihat apa hala tuju kita yang seterusnya. Itu status B-Suite, YB. Datok Pulau Betong.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Yang Berhormat boleh ada soalan, terima kasih. Pernah saya bangkitkan bahawa di kawasan bandar di sektor F&B, Sektor Perkhidmatan ada juga banyak menggunakan pekerja asing. Adakah pihak Kerajaan apa-apa perancangan untuk menyediakan ataupun meneliti kesediaan tempat tinggal di kawasan bandar untuk sektor *hospitality*, sektor perkhidmatan . Terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Seperti mana saya nyatakan tadi, kita telah pun membuat keputusan bahawasanya garis panduan untuk membina asrama pekerja ini adalah bukan sahaja terhad kepada warga asing tetapi semua pekerja dan ia juga tidak terhad kepada apakah jenis perkhidmatan seseorang pekerja itu terlibat dengan, kita telah pun membuat keputusan bahawasanya Garis Panduan untuk membina asrama pekerja ini adalah bukan sahaja terhad kepada warga asing tetapi semua pekerja dan ia juga tidak terhad kepada apakah jenis perkhidmatan seseorang pekerja itu terlibat dengan. *So coming back to your question actually it is open in fact* kalau ada mana-mana sektor *hospitality* yang mempunyai begitu banyak ataupun ramai pekerja mereka boleh guna khidmat asrama ini, kalau perlu, *but of course at the moment* bidang tanah bidang tanah yang kita kenalpasti adalah kebanyakannya di bahagian seberang untuk kita *for...* (dengan izin) industri-industri di situ di bahagian Pulau cuma kita ada satu iaitu di Batu Maung belum mula, *but of course* sepertimana semua sedia maklum kekangan tanah di Negeri Pulau Pinang menjadikan susah ataupun sukar untuk kita buat dengan secepat mungkin *but* kita masih belum selesai atau muktamadkan betapa banyak projek yang akan ada dari kala hingga kala kalau kita dapat kenalpasti tanah sepertimana saya nyatakan untuk PPR baru-baru ini kita kenalpasti di Sungai Pinang mungkin kita boleh kenalpasti juga tanah dan bidang tanah lain untuk kita bina asrama pekerja untuk kita merumahkan pekerja-pekerja dari mana-mana bidang atau sektor pun di kawasan Pulau.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Saya hanya mengkongsikan kerisauan saya kerana tanah semakin berkurangan jadi seawal-awal boleh kita merancang, lebih senang kita mencari tanah. Terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Saya setuju dengan Pulau Tikus. Terima kasih. Baik saya teruskan YB. Dato' Timbalan Speaker, iaitu berkenaan lagi satu (1) perkara tempoh hari saya telah sentuh berkenaan masalah penolakan pinjaman yang begitu tinggi oleh pihak bank saya tak akan ulangi. Satu (1) usul bersama telah pun kita keluarkan bersama-sama dengan pihak sebelah tapi malangnya tiada jawapan sehingga sekarang untuk kita adakan satu perbincangan bersama dengan pihak Kerajaan Pusat dan Bank Negara Malaysia agar kita boleh tangani permasalahan tersebut. Dalam usul bersama itu juga saya ingin sentuh perkara yang berbangkit kerana dalam usul tersebut juga kita telah pun meminta pihak Pusat lihat berkenaan bagaimana kita boleh buat pindaan kepada undang-undang yang sedia wujud di mana perlu satu pindaan dibuat kepada Akta yang sekarang digunakan oleh pihak pemaju dan pembeli untuk perjanjian jual beli digubalkan. Di mana di dalam akta itu tidak dibenarkan, tidak dibenarkan, apa-apa yang *standard*

diletakkan di dalam perjanjian jual beli yang menghalang ataupun tidak membenarkan kita diperingkat ini untuk adakan satu (1) syarat sepertimana ada di dalam Borang PN1 supaya rumah-rumah kos rendah dan kos sederhana rendah tidak disewa keluar dan dihuni pemilik. (dengan izin).... *The housing developer act prohibits us to doing that. That is contracting out so we need....* (dengan izin) untuk pinda untuk masukkan satu (1) jadual baru untuk kita tangani permasalahan di rumah-rumah kos rendah dan kos sederhana rendah.

Ini berbalik kepada isu asrama pekerja kerana isu asrama pekerja ini walaupun secara holistik kita boleh tangani boleh melalui apa yang saya kata tadi dengan adakan asrama-asrama baru tapi kita juga mesti balik kepada masalah pokok, apa yang berlaku. Mengapa ada masalah berkenaan pekerja asing, *coming back to that*. Mereka sedang membanjiri (dengan izin) kawasan-kawasan perumahan di Negeri Pulau Pinang mahupun di Pulau ataupun di Seberang. Kita ada banyak *complaint* saya ingat semua ADUN di sini akan bersetuju. Ada perumahan lebih daripada 50% penduduk di situ adalah warga asing, pekerja-pekerja dari *factory*, industri dan sebagainya. Mereka tak ada tempat lain untuk pergi, *but coming back to* sekarang kita ada 26,000 katil yang kita hendak sediakan tak tau bila manalah lagi dua (2) tiga (3) tahun baru sampai. *And that is only affection about 10%, so we have to come back to the* masalah pokok. Kalau kita boleh buat pindaan kepada akta tersebut, dan buat secara khusus satu (1) syarat yang menghalang pembeli kos rendah, kos sederhana rendah daripada menyewa kepada pihak ketiga dan pastikan ia cuma dihuni mereka sendiri *then* kita boleh ambil balik *stock* ini dan *stock* ini tak akan disewa kepada kebanyakan pekerja asing tersebut. *We can to prompt approach* menangani masalah ini. Tetapi malangnya kita balik tadi saya menyatakan usul bersama Dato' Telok Ayer Tawar pun bersetuju bahawa perlu kita tangani masalah tersebut. *So just as for the loan* mungkin *also this* kita boleh lihat bagaimana kita boleh mara ke hadapan *in fact, i think when I was talking about the loan* YB. Telok Ayer Tawar *was not in but* saya ucapkan terima kasih kerana saya tau apabila YB. Telok Ayer Tawar aturkan satu (1) mesyuarat yang dipengerusikan beliau di ICU *I think* pertengahan tahun *to discuss many issues*, ini satu (1) isu telah pun kita bincang *so hopefully we can see some movement because the sooner we sit down the better and we can decide where to head, where we are going to head when this concern. In fact* Telok Ayer Tawar *I have one information*, setelah kita berjumpa memang Tan Sri Noh Omar, Menteri Perumahan tahu tentang isu ini, *so actually if work can be made with him had with him, maybe we can move forward a series of meeting* kita boleh (dengan izin) mulakan untuk tangani permasalahan ini. YB. Dato' Timbalan Speaker, saya juga ingin menyatakan dan menyentuh sedikit kepada....(gagguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat ada sebut PN1 itu tadi tu.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

PN1, *okay one next, one next*.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Tadi pagi pun saya nak tanya satu (1) borang perumahan kos rendah PN1 ini dia ada dua (2) muka surat begitu kan. Bukan itu borang lamakah? Borang baru? So kalau boleh dibuat dalam *internet* *because* dulu kita kena beli RM1 satu (1) saya beli banyak dan kita buat lain, kalau boleh dijadikan ia sebagai *online* supaya kita boleh *print*, mudah sikitla untuk untuk borang PN1 ini.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Is in fact baru, because have several pindaan apabila kita perkenalkan RMM *so where to do it the earlier one is to* KR, KSR. But *actually online* memang ada, cuma masalah dia ialah kita perlu *in any event* masukkan *had copy to the* perumahan *because the documentation* yang perlu *but our certainly* kita saya akan lihat pada apa yang ditanya tadi. Saya pergi balik pada isu yang disentuh oleh pihak YB. Telok Ayer Tawar iaitu berkenaan dengan Gurney Wharf. *I think you've touch on that*. YB. Dato' Timbalan Speaker, ini adalah satu (1) projek di Persiaran Gurney, Projek Gurney Wharf yang telah pun dirancang oleh Kerajaan Negeri yang adalah inisiatif Kerajaan Negeri untuk bangunkan beberapa bidang tanah untuk dijadikan taman yang menarik dan ini akan dibuka kepada orang ramai secara percuma. Apa yang berlaku ialah Gurney Wharf ini ada beberapa fasa, kita tahu pemajunya ialah *Tanjong Pinang Development Sdn. Bhd.* ataupun TPD. Mereka juga telah pun bangunkan STP 1 iaitu di Straits Quay, STP 1, ini adalah STP 2 yang akan melibatkan tambakan laut untuk satu pulau di sebelah STP 1 Sri Tanjong Pinang 1, STP 2, yang dalam STP 2 ada beberapa fasa, iaitu Fasa 2A, B, dan C. Dan untuk Fasa 2A, *first of all*, keseluruhan STP 2 ialah 760 ekar YB. Dato' Timbalan Speaker dan daripada STP 2 keseluruhan ini, STP 2A telah bermula dan STP 2A melibatkan 253 ekar yang sedang dilaksanakan. *The first one is 2A, 2A is 253 acre the balance of 507 acre which made 760*, tadi saya kata 760 keseluruhannya, satu (1)

pulau itu nanti 760, *first phase* 253, B and C 507, tapi B dan C *contract* belum keluar lagi, *tender* belum keluar lagi jadi kita tumpu perhatian sekarang pada STP 2A. Dan STP 2A ada beberapa komponen. Satu (1) daripada komponennya ialah *Gurney Drive For Show Reserve*. *Gurney Drive For Show Reserve* ini merangkumi ataupun akan melibatkan penambakan 131 ekar dan daripada 131 ekar ini, 40 ekar adalah untuk Gurney Wharf dan 19 ekar adalah untuk *Express Way* dan ini adalah apa yang akan diserahkan pada kita Kerajaan Negeri. Dan lagi 60 ekar akan bakal diserahkan kepada Kerajaan Negeri setelah STP 2B dan C selesai, yang mana dijangka untuk diselesaikan secara kontrak 2022. So itu adalah perincian berapa jumlah tanah, *and then* berapa komponennya dan sebagainya dan untuk makluman semua, ia telah pun bermula semua orang boleh lihat apabila kita pergi ke Gurney Drive kita boleh lihat kerja-kerja penambakan sedang giat dijalankan.

Untuk makluman semua, *status* tahap tambakannya keseluruhannya untuk apa yang saya katakan tadi *the 2A, 253 acre* yang merangkumi STP 2A bahagian pulau, *the first part of the* pulau, *2B and 2C is second and third part of the* Pulau. A has started on the island, *The Gurney Drive foreshore reserve has started is very visible to everyone and for everyone information, we have 42.42% progress, 42.42% progress* and komponen-komponen yang dicadangkan di dalam *Gurney Wharf*, komponen *Gurney Wharf* itu *is one of the component in the entire STP 2A that I has just explain but in Gurney Wharf itself they are several other component* (dengan izin) iaitu kita akan sediakan premis makanan dan minuman runcit pantai, ataupun *seaside retail food and beverage*. Nombor dua (2), Taman Perairan ataupun *Water Gurney Garden*, nombor tiga (3), pantai, *main made beaches...*(dengan izin) YB. Dato' Timbalan Speaker, dan juga nombor empat (4), kelompok pokok pantai, *coaster groove four* selain daripada *express way* yang saya nyatakan *which it gonna be eight (8) lane express way 90 acre so we have four (4) components in the Gurney Wharf component it self*.

Untuk makluman YB. Dato' Timbalan Speaker, sebelum kita laksanakan Projek Gurney Wharf ini, satu (1) pameran dan publisiti awam telah diadakan pada 23 hingga 26 Februari 2016 di Foyer Paras 2, KOMTAR, dan juga dari 27 Februari 2016 hingga 6 Mac 2016 di Gurney Plaza, di Persiaran Gurney di mana kita terima maklum balas daripada pihak awam dan setelah kita lihat kepada semua maklumat-maklumat awam, pandangan-pandangan awam tersebut, kesimpulan yang kita dapati adalah cuma 5.7% atau peratus yang tidak menyokong projek, 5.7%. Yang baki sokong projek ataupun sokong projek dengan beberapa cadangan pembaikkan dan itu adalah satu (1) jumlah yang memberangsangkan dan menunjukkan majoriti mereka yang telah pun memberi maklumbalas sememangnya bersetuju dan hendak *in fact* banyak yang tanya bila boleh selesaikan, *so that, so I'm reporting as of today 42.42%*.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

You want me to finish all, just a one more, two.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Just a little bit ya. Saya tertarik dengan usaha kerajaan untuk menambahkan kawasan dataran pantai ini yang akan ditebus guna. Saya ingin bertanya, 760 ekar yang akan ditambah ni, berapa jauhkah, berapa kilometer dari pantai yang akan ditambah? Kerana ada juga konsensi kepada Rayston di sebelah Seberang Perai, Rayston yang telah buat Butterworth *Outer Ring Road* yang mana Rayston juga akan menambak ke laut, saya pun tak pasti berapa kilometer jadi belah Seberang Perai akan ditambah, belah Pulau akan ditambah ini semua *opposite* setahu sayalah, Datuk Maidin masa dia berenang hari itu, Malek Maidin, dari Butterworth ke Pulau jaraknya hanya empat (4) kilometer dari Pulau ke Seberang. Jarak dia empat (4) kilometer, jadi Rayston tambak di sini STP 2 tambakkan 760 meter, tinggal banyak mana saja *channel* itu ya, yang memisahkan Seberang Perai dan Butterworth ini yang akan tinggal dan sekarang pun kita dah lihat kesan dia, kesan laluan laut yang mana menghakiskan pantai di Seberang Perai dan BORR itu sendiri, jalan itu jaraknya dari sini ke situ saja laut. Sebab hakisan yang sedang berlaku. Jadi minta penjelasan, terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih Dato' Telok Ayer Tawar untuk soalan tersebut. Memang kompenen 760 ekar ini merangkumi dua (2) perkara yang saya sebut tadi. Satu (1) ialah *man made island* yang akan ditambah *that is 2A, B and C, 2A is on the way*. Untuk secara khusus jawapan berapa jauh daripada STP 1 kepada 2A saya tidak ada tetapi saya akan dapatkan maklumat dan saya akan bekalkan. Rayston kepada saya kalau tidak silap, mereka belum mula, mereka akan buat tetapi mereka di peringkat yang terawal. *In fact*

di Pulau Pinang saya diminta untuk pantau semua tambakan laut. Dan daripada saya ingat ada lima (5) yang hidup sekarang, Rayston *not in the list of advance stage*, so itu saya akan semak nanti. Daripada Rayston kepada STP 2, A, B and C, iaitu pulau saya akan dapat maklumat yang terperinci berapa jarak daripada STP 1 to STP 2 because dari STP 1 to STP 2 *there will be man made channel between the island and new man made island, nombor satu (1) then there will be* jarak daripada situ kepada Butterworth sekarang dan pada masa hadapan. Setelah Rayston, saya akan dapatkan semua maklumat yang terperinci yang sebanyak mana yang boleh, itu nombor 1.

Nombor 2, tadi juga ditanya tentang laluan laut yang saya ditanya tadi. Kesemua keperluan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa yang saya sudah sentuh tadi 1976, perkaedahannya untuk kelulusan Kebenaran Merancang dan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 untuk kelulusan *Detailed Environment Impact Assessment*, saya sebutkan DEIA. Saya ingin laporkan telah pun untuk projek ini telah pun dipatuhi untuk memastikan alam sekitar dipelihara. Saya percaya ini juga diambil kira dan *in fact* dalam perbincangan saya dengan pihak-pihak penambak untuk semua projek memang laluan kapal di laut memang perlu diambil kira bila kerja-kerja penambakan dibuat. Datang kepada yang terakhir tadi, Dato' ada kata ada kesan dari segi pencemaran dan sebagainya seperti hakisan, apa yang berlaku ialah sememangnya di peringkat ini kita ada pembinaan, ini juga satu (1) keperluan di bawah DEIA yang telah dipatuhi untuk Pulau dan juga Gurney Wharf. *Just coming back to Gurney Wharf, I just want to point out, because you asked for distance. Gurney Walk is not...there is no channel, Gurney Wharf will joint Gurney Drive, it is on the Gurney foreshore reserve.* Itu tiada *distance* daripadanya, ia akan ditambah sehingga Gurney Drive, sama, *it will joint Gurney Drive.* But *coming back to* hakisan, di dalam DEIA yang telah pun dipatuhi agar alam sekitar dipelihara, ia diperlukan oleh mereka ataupun pemaju iaitu pembinaan satu *silk curtain*, disebut *silk curtain* yang akan memastikan tiada pemendapatan ataupun *sedimentation* yang akan keluar dari kawasan yang akan ditambah ke laut. Ini akan secara langsung mengelak daripada berlaku keadaan berlumpur dan pemendapaan ataupun *sedimentation* seperti mana telah berlaku di Persiaran Gurney, *the current* Gurney Drive akibat penambakan laut yang berlaku pada STP 1. *I think those are the measures that we are going to take.*

YB. Dato' Timbalan Speaker, saya ingin teruskan ...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

YB. Dato' Timbalan Speaker, sebelum pergi ke seterusnya, tadi pameran yang diadakan di KONKOS, KOMTAR dan juga di Gurney Plaza adalah pameran konsep sahaja namun butiran terperinci masih belum dirancang. Saya mohon agar orang awam berpeluang untuk memberi maklum balas keperluan mereka daripada segi kemudahan masyarakat agar boleh tahu butiran perancangan Gurney Wharf tersebut. Terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih untuk soalan itu dan itu pun penting, saya hampir *overlook*. *Yes, that was* pameran asal untuk *general concept*, konsep am. Untuk makluman Pulau Tikus kerana kita pun sudah maju ke hadapan, 42.22% seperti mana saya nyatakan tadi. Saya ingin umumkan bahawa baru-baru ini Kerajaan Negeri telah pun ada perbincangan semula dengan pihak pemaju, *Tanjong Pinang Development* di mana mereka pada asalnya memberi konsep sahaja pada kita tetapi kita sedang dalam perbincangan dengan mereka untuk butiran terperinci dan kaedah bagaimana ianya akan dilaksanakan. Kerana di peringkat ini pemaju cuma hendak menambak dan menyerahkan kepada Kerajaan Negeri. Pembinaan, selain daripada memuktamadkan butiran terperinci konsep tersebut, *which is what we are doing now*, kita juga hendak tahu apakah kaedah pelaksanaan yang akan dibuat. Satu (1) jawatankuasa khas telah pun ditubuhkan oleh Ketua Menteri yang akan melihat dan memantau proses seterusnya setelah Gurney Wharf tanah ditambah dan diserahkan kepada kita kerana kita hendak dicepatkan, kita tidak mahu satu (1) keadaan di mana tanah diserahkan saja begitu dan kita hendak tunggu lagi untuk apa projek yang akan dinaikkan. Di peringkat ini, secara am kita sudah ada komponen dia tetapi kita dalam proses memperincikannya dan juga penting adalah kaedah pelaksanaannya. Siapa yang akan buat kaedah mekanisma, kewangan dan sebagainya. YB. Pulau Tikus?

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Saya memohon wakil tempatan bagi jawatankuasa tersebut. Terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Ya, akan dimasukkan di dalam jawatankuasa tersebut. YB. Dato' Timbalan Speaker, saya teruskan. Untuk makluman YB. Dato' Timbalan Speaker, di bawah portfolio Perancangan Bandar dan

Desa saya, di bawah JPBD kita ada satu (1) tabung untuk mengambil kira keperluan, kita Kerajaan Negeri ini sensitif kepada semua rumah ibadat, Rumah Ibadat Islam mahupun Rumah Ibadat Bukan Islam tetapi di bawah portfolio saya, RIBI ataupun Rumah Ibadat Bukan Islam yang saya kendalikan di mana kita ada satu (1) tabung yang telah diwujudkan dan tabung ini merangkumi semua kutipan sumbangan yang diserahkan oleh pemaju-pemaju yang tidak dapat sediakan RIBI kepada Pihak Berkuasa Tempatan. Ia diwujudkan pada bulan September 2015. Ingin saya laporkan bahawa tujuan dana yang ada dalam tabung ini adalah untuk kerja-kerja penaiktarafan RIBI yang sedia ada untuk pembinaan ataupun untuk pembinaan RIBI yang baru that is *repair, renovation or new building....* (dengan izin). *In fact*, untuk makluman YB. Dato' Timbalan Speaker, akibat banjir yang berlaku baru-baru ini, saya telah pun menerima beberapa pertanyaan daripada beberapa rumah ibadat yang telah terkesan dengan teruk. Saya akan buat satu (1) pengumuman kerana memang objektif dan tujuan tabung ini walaupun sebelum banjir besar berlaku, adalah untuk penaiktarafan, pembaikan dan pembinaan baru, kalau mereka dapat mematuhi semua keperluan ataupun syarat di bawah tabung ini untuk dipertimbangkan kita memang akan pertimbangkan.

Untuk makluman YB. Dato' Timbalan Speaker, kita di peringkat ini setelah wang terkumpul di kedua-dua PBT ini untuk tabung ini kita telah pun meluluskan 48 permohonan yang merangkumi 12 tokong Cina, 14 kuil Hindu, sembilan (9) gereja dan tiga (3) gurdwara di mana wang yang disumbang di bawah tabung ini adalah berjumlah RM1.37 juta. Untuk makluman semua, baki tabung ini yang terkini ialah RM4.84 juta.

Jadi YB. Dato' Timbalan Speaker, saya akan teruskan dengan beberapa perkara untuk mengakhiri perbahasan saya. Ingin saya kembali kepada satu (1) lagi perkara yang telah disentuh oleh rakan saya daripada Pulau Betong iaitu status peruntukkan RM500 juta oleh PDC untuk tujuan perumahan rumah mampu milik. *I think you touch on that, was it you? Oh, sorry, sorry*, daripada YB. Telok Bahang. Ini adalah makluman. Peruntukan sebanyak RM500 juta telah pun dibuat secara berperingkat kepada PDC untuk program-program rumah mampu milik Kerajaan Negeri. Seperti mana saya nyatakan tadi, untuk Kerajaan Negeri, di peringkat ini kita ada 17 projek, ia adalah satu (1) angka ataupun data yang hidup dan bukan statik. Daripada apa yang saya nyatakan juga, daripada 17 ini, lima (5) telah pun bermula iaitu di Daerah Barat Daya, dua (2) residensi, 346 unit kos sederhana rendah, 348 unit RMM, rumah mampu milik, dia punya kos dijangka ialah RM145 juta, *this is for that project*. Di sebelah Seberang Perai Utara, jiran residensi, kos sederhana rendah merangkumi 353 unit kos sederhana rendah dan 354 unit rumah mampu milik yang akan memakan belanja sebanyak RM121.4 juta. S.P. Chelliah di Daerah Timur Laut yang kita boleh lihat sudahpun membangun sekarang 770 unit kos sederhana rendah dan 1,323 unit kos RMM ataupun rumah mampu milik yang akan merangkumi belanja RM453 juta, Bandar Cassia Fasa 1 di Seberang Perai Selatan, 149 unit kos sederhana rendah dan 321 unit rumah mampu milik yang akan memakan belanja RM123.1 juta. Akhirnya yang kelima baru-baru ini kita ada Majlis Pecah Tanah, Sandilands Foreshore di Daerah Timur laut iaitu kos sederhana rendah 321 unit dan rumah mampu milik 482 unit yang akan memakan belanja RM220 juta. *I want to inform walaupun if you look at the five (5) that have begun, actually the actual total cost that at this point in time, not taking into account any increase along the way is nearly RM1.06 billion, it is double the RM500 million that has already been channel. But as of today, because I have already shared....* (dengan izin), YB. Dato' Timbalan Speaker, bahawasanya liam (5) projek ini bukan semua telah habis dibina, ia di dalam pelbagai peringkat pembinaan. Saya telah pun kongsi Bandar Cassia Fasa 1 *almost 100%, that one (1) is almost completed*, Jiran Residensi di Kampong Jawa, Butterworth *is 83%*, Telok Kumbar 2 Residensi *62%*, S.P. Chelliah, The Rise, *45% and of course Sandiland has just begun*. Di peringkat ini daripada maklumat yang saya terima setakat ini, setakat bulan Oktober 2017, walaupun keseluruhan kos *is about RM1.02 that I mentioned, sorry, RM1.06*, setakat bulan Oktober rekod yang saya ada menunjukkan jumlah keseluruhan yang telah dibina telah dibelanjakan daripada dana ini adalah RM216.83 juta. *And of course* setelah projek-projek diselesaikan kita harap wang yang akan kita perolehi akan kita guna untuk *rolling* balik kepada tabung ini supaya ia akan terus hidup. *Of course as I pointed out, actually 500 is only half of only the five (5) projects that we have began. Any question?*

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Yang Berhormat, saya ada dua (2) persoalan, saya harap Yang Berhormat boleh jawab dua-dua sekali. Yang pertama sekali saya tanya, pinjaman berisiko itu bermaksud pembangunan yang berimbang, berimbang dari segi jumlah kepadatan pembeli ataupun berimbang dari segi terlibat dengan infra. Kebetulan kita ada banyak permasalahan banjir dan sebagainya, kalau kita buat rumah yang banyak, tapi dalam duit itu termasuk tak dengan infra seperti parit dan sebagainya, itu satu (1).

Kedua Yang Berhormat, pada sesi lepas kita ada minta supaya Kerajaan Negeri melihat balik tarikan Rumah Mampu Milik yang berharga RM300,000.00 sebab daripada statistik yang saya minta daripada Kerajaan Negeri yang diberi kepada saya, majoriti atau purata pendapatan rakyat di Pulau Pinang ini, *between* RM3,000 hingga RM7,000 adalah sebanyak 52%. Walaupun saya tahu Yang Berhormat akan cakap ini dasar yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan, RM300,00.00 dikatakan rumah mampu milik itu dasar yang ditetapkan. Tapi suka saya cadangkan kita lihat kemampuan penduduk Pulau Pinang itu sendiri, sebab kita tidak terikat sangat dengan dasar yang ditetapkan tetapi masalah di Pulau Pinang ini lebih daripada 50% adalah mereka yang berpendapatan RM5,000.00 ke bawah, tidak campur dengan 1,500, kalau campur dengan itu sudah jadi 60%. Dan kita lihat kalau kita tolak, sebab tiap-tiap hari jadi macam igauan, bagaimana kita *drive the figure*? Kalau saya ambil bayaran orang yang berpendapatan RM7,000 ke bawah ini lepas tolak semua kereta, sewa, insuran, telefon, bayaran keperluan nafkah, makan dan sebagainya, baki dia ni akan tinggal RM800.00 ke RM900.00. Kalau 52% lebih penduduk Pulau Pinang yang baki dia berpendapatan RM800 hingga RM900, mereka sudah tentu tak dapat membeli rumah yang RM300,00.00 ke atas sebab itu akan memerlukan baki pendapatan RM1,800. Bila kita dok jaga *this two (2) things* Yang Berhormat...(dengan izin) Bank Negara satu (1), kita *force* Bank Negara. Kita *force this one* tapi kita tidak letak di mana *demand*, itu satu (1).

Kedua, sekiranya kita boleh *come out* dasar yang tepat mengenai *demand* penduduk rumah tentulah kita dapat mengawal harga tanah. Sebab apa? *Developer* tak akan dapat, tidak akan membeli tanah yang *simply* letak harga. Sekarang ini saya tengok masalah, bila nak beli rumah..nak buat, *developer* nak beli rumah, orang letak RM100, orang letak RM120, orang letak RM500, so *developer* macam tak ada *bargaining power* sebab apa, *here's no choice* dia akan terlepas pada *another bidder*. So apa yang saya cadang, kalau kita betul-betul *study* kemampuan rakyat Pulau Pinang dan itulah garis panduan kita, so *developer carry on to sell hundred ringgit the land*. So I tak boleh buat rumah RM1 juta sebab penduduk Pulau Pinang *demand* dia macam ni. So saya minta supaya ini kita perhalusi betul-betul, kita kaji betul-betul dan kita *stressed* dia sehingga kemampuan *demand* itu dan daripada *demand* yang kita dapat *channel* ini, sudah tentulah kita dapat kawal harga tanah. Ini salah satu (1) perkara yang boleh kita kawal harga tanah, salah satu (1) ciri. Sebab apa Yang Berhormat, saya nampak rakyat Pulau Pinang tidak boleh *stress*, kita kena kasihan pada rakyat Pulau Pinang, kalau harga rumah sampai macam tu kita letak, dasar kita kalau kita boleh *amend*, kita boleh *adjust*, kita jangan bagi mereka *stress*. Kerja *overtime* itu ini *husband and wife* tak dapat jumpa. Semua nak hambat OT dan sebagainya, so kita akan jadi satu (1) rakyat yang *robotic*, rakyat yang tidak ada perasaan kasih sayang, rakyat yang akan jadi *you know they had to run for their life*.

Jadi Yang Berhormat, saya minta sekali lagi pada Yang Berhormat. Saya tau Yang Berhormat kerja siang malam itu okay dan sebab saya cakap begini pun saya tau Yang Berhormat boleh *consider* pandangan saya supaya rakyat Pulau Pinang dapat betul-betul kita *target group* dengan harga rumah yang berpatutan. Sekian, terima kasih Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih YB. Telok Bahang, rakan saya. Apabila kita berbincang sebegini baru kita boleh dapat satu (1) cara penyelesaian kepada apa-apa masalah pun sepertimana apa yang saya nyatakan tadi di permulaan. *I think your questions*, saya *actually* hampir-hampir nak jawab Pulau Betong *on the* sumbangan. So *it's all interconnected I will directly answer because it's in relations to* harga hartanah di Negeri Pulau Pinang *and* dikatakan tidak mendapat, mampu dimiliki. *Of course* tadi Telok Bahang ada beri pandangan beliau *which is important* kerana *median income I think you correctly pointed out RM3,500 to RM7,000 which is correct and the second thing of course* YB. Pulau Betong nyatakan *one (1) of the factors that causes of stresses out property market....(dengan izin) is the* sumbangan-sumbangan. *I will come to your mean income first, before I touch on* YB. Pulau Betong. *Of course mean income* memang ini pendapatan *median* ataupun purata, penting. Oleh itu kita ada had pendapatan kelayakkan, had kelayakkan di mana satu (1) daripada syarat kelayakan *sorry it's had* pendapatan untuk pelbagai jenis produk. Saya telah pun maklum sebelum ini tapi saya ingat perlu saya ulangi kerana ini adalah hakikat dia. Di Negeri Pulau Pinang, Rumah Mampu Milik A ataupun kos rendah RM42 ribu dan rumah kos sederhana rendah ialah RM72,500.00. Walhal Kerajaan Pusat telah benarkan beberapa negeri ataupun semua negeri sekiranya mereka mahu untuk buat keputusan supaya menaikannya daripada RM42,000.00 kepada RM60,000.00 untuk kos rendah dan RM72,500.00 kepada RM100,000.00 kos sederhana rendah. Selain daripada permasalahan bank untuk dapat *loan*. Had pendapatan, *first*, yang pertamanya untuk kos rendah is RM2,500 *and below*. Kalau kita RM2,500 *and above*, sekiranya kita tak dapat kebenaran melalui Jawatankuasa Rayuan, *then you are automatically not allowed. You are refer to that* Jawatankuasa Rayuan *because we want to ensured only those in the lower income group*, yang golongan berpendapatan rendah dapat *access* produk ini.

Untuk kos sederhana rendah, *same thing. It is RM3,500* dan ke bawah. Kalau satu (1) sen atas pun perlu rujuk pada Jawatankuasa Rayuan. *In fact, for your information* Telok Bahang, tadi ada Telok Bahang ada beri satu (1) contoh di mana setelah kita campur kita punya pendapatan kasar tolak ini tolak itu, *do you I have one (1) case* baru-baru ini, SPEC, *any of my SPEC members here? I think you in SPEC Jawi? no? But SPEC*, Jawatankuasa Pemilihan. *We go through and one (1) of the..no, sorry..*Jawatankuasa Rayuan. Satu (1) daripada permohonan, *you are there, you remember this case.* Satu (1) daripada permohonan ini lebih daripada RMB, *this is for the seventy two thousand. I give you one real life example, you will be shocked. After* tolak all the, *because she's income, is* sepasangan ni *is more than 3.5k, about 4 something 5 thousand whatever. There's* kasarliah. *After* Bank Negara Malaysia *visited Penang a year or two (2) years back, I spoke in this Dewan about CCRIS...*(dengan izin) sekarang perlu check CCRIS supaya kita lihat *what is our status economy* kita. Dari CCRIS *you can see all will be captured* berapa dia perlu dia punya kredit kad, dia punya kereta la sebagainya. *So, we started to have that practice and we use that also whenever they come to* Jawatankuasa Rayuan Perumahan dan kita semak apa dia punya *expenses* dan sebagainya. Selain daripada apa ada dalam CCRIS, dalam permohonan beliau kepada Jawatankuasa Rayuan, beliau juga ada maklum sampai berapa dia perlu belanja untuk makan, minum, biyai anak-anak dia dan sebagainya. *Very detailed and you know how much his baki was? Dua (2) digit, RM40. Tau dak? Itu masalah dia. So that is the reason why we have this program now, kita minta Perumahan balik pada dia, kita cuba tingkatkan keadaan ekonomi dia kerana no point. Tawar room, okay. Kalau tolak semua, you got RM40, memang you layak la you under RM3,500, no point.*

You go to the bank, you will be ditolak but anyway coming back to that example, kita akan buat saringan kepada setiap permohonan. Kalau layak betul-betul, *chance is there to get loan then we will sent them* surat tawaran. *Otherwise,* kita akan minta mereka tingkatkan ekonomi mereka. Balik kepada pendapatan purata ataupun *median income, very good things to raise because everybody should know that term because when we look at all agensi hartanah, that is one (1) of the factors, one (1) of the major factors it take into consideration. That is the reason why* saya tidak setuju dan saya telah maklum kepada Kementerian Perumahan pendirian Negeri Pulau Pinang bahawasanya kita tidak akan naikan harga perumahan kos rendah dan kos sederhana rendah daripada RM42,000.00 kepada RM60,000.00 dan juga kos sederhana rendah daripada RM72,500.00 kepada RM100,000.00 *as it is* YB. Dato' Timbalan Speaker, *42k and 72k* mereka sudahpun mengalami banyak keperitan dan kesusahan, *that is one(1).* Ini antara langkah yang kita boleh ambil untuk kita pastikan bahawasanya mereka yang golongan berpendapatan rendah masih dapat *access* produk-produk yang tertentu seperti kos rendah dan kos sederhana rendah dan *of course* saya juga hendak datang balik kepada YB Pulau Betong. YB Pulau Betong juga ada tanya, beritahu, *before that,* YB. Telok Bahang, satu lagi penting yang disentuh tadi YB. Telok Bahang, berkenaan oh kalau saya tak boleh beli tanah yang murah, bagaimana saya sebagai pemaju nak bina rumah yang murah. *Simplelah. That's what you said* secara ringkaslah kerana tanah begitu mahal. *Yes, you see the problem is like this.* Saya selalu kata, harga tanah itu akan berdasarkan *demand* dan *supply*. Kalau *supply* dia kurang, *without looking demand also* harga sudah akan naik dan di Negeri Pulau Pinang terutamanya di Pulau, memang kurang. Kita memang ada kekangan tanah kerana kita sebuah pulau, *number one (1).* *Demand,* kalau *demand* pun tinggi, selain daripada kekangan tanah, lagi dia akan menjunam naik kerana *demand* tinggi dan *I have said this before,* kerana kita satu (1) kerajaan Cepak, Akautabiliti, Telus, banyak orang hendak datang ke Pulau Pinang, banyak orang yang hendak beli hartanah di Negeri Pulau Pinang menjadikan *demand* pun naik. Jadi itu ekonomi terbuka dan kita perlu tangani keadaan ini dengan beberapa cara. Satu daripada caranya, *coming to* YB. Telok Bahang *first before* YB. Pulau Betong *because it's connected. In relations to* tanah, *yes,* dari segi pemajuan tanah kalau tanah pun sudah begitu tinggi harganya, apa yang kita buat untuk menggalakkan pembinaan hartanah yang mampu dimiliki pelbagai jenis, terutamanya yang RM42,000.00 hingga RM300,00.00 kita ada pakej ataupun garis panduan 100% pembinaan rumah mampu milik. Di mana, banyak insentif diberikan kalau kita nak bina kos rendah, kos sederhana rendah banyak insentif dibinakan, banyak sumbangan-sumbangan yang dicaj tak dikenakan. *Okay, number one.*

Number two, kepada rumah mampu milik banyak insentif juga dikecualikan atau diberikan di mana banyak sumbangan-sumbangan dikecualikan ataupun dikurangkan apa yang perlu dibayar. Ini adalah untuk *encourage* atau pun galak banyak daripada sektor awam untuk datang dan membina rumah-rumah maju. Berbincang dengan sektor awam, saya telah pun nyatakan tempoh hari, di bawah garis panduan ini, daripada tarikh ia diperkenalkan sampai sekarang unit yang telah diluluskan kebenaran merancang adalah di peringkat ini 35 projek yang bakal menyediakan 32,248 unit pelbagai jenis rumah mampu milik kos rendah, kos sederhana dan rumah mampu milik. Saya telah pun menyatakan *at this stage it self,* dalam dua (2), tiga (3) tahun diperkenalkan kita sudahpun ada satu (1) respon yang memberangsangkan iaitu 32,248. Ini tak kira sepertimana saya nyatakan tapi saya nyatakan di sini

kerana penting soalan kedua-dua pihak YB. Pulau Betong dan juga kepada YB. Telok Bahang, bagaimana kita boleh pastikan ada bekalan stok perumahan yang mampu dimiliki yang mencukupi untuk rakyat Negeri Pulau Pinang.

Saya telah nyatakan tempoh hari, dari 2008 hingga 2017 tahun ini bulan lalu ataupun September, 24,227 unit kos rendah dan kos sederhana telah pun secara fizikal dibina. Senarai pun saya telah berikan kepada soalan lisan nanti saya ingat semua orang pun boleh dapat *go through, I've put down in particular each and every project this time for you all to check yourself because this is what CCC dikeluarkan and on top of this, like I said* itu sudah bina, sedang dibina 39 projek, 17,686 unit. *I'm repeating but in best repetition.* Pelbagai jenis, A,B dan C. Jenis kos rendah, kos sederhana rendah *and RMM and this include also just now the 17 projects,* 17 projek Kerajaan Negeri yang bakal akan sediakan 27,230 unit Perumahan Mampu Milik Pelbagai Jenis *and this is one of the ways* kita akan cuba memastikan ada bekalan yang begitu mencukupi dan saya balik secara khususnya kepada soalan rakan saya daripada Pulau Betong....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Saya ada sedikit lagi. Saya punya *angle* macam ni Yang Berhormat. Saya nak tau Kerajaan Negeri selain daripada *supply and demand*, kita boleh *come in to slow down this one (1) supply through our policies....* (dengan izin) dengan polisi. So saya minta apakah peranan Kerajaan Negeri untuk mengekalkan kenaikan harga tanah dengan polisi-polisi dia. *First* kita tau kita punya *based 52%* orang *below* macamni. *So whether* kita *open the market, we have to open the market, understand but how we to* kekangan kenaikan ini dengan kita punya *strong policies.*

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Facts saya baru sampai, YB Telok Bahang *can read my mind. Both questions, that question actually is also in relation to YB. Pulau Betong because the answer that will answer your question that is also answering YB. Pulau Betong.* So YB. Pulau Betong tadi kata saya tak mau ulang berkenaan permasalahan dari segi ada banyak sumbangan yang perlu dibayar. *Now for everybody information like I said just now, in relations to* sumbangan yang perlu dibayar, walaupun sudah ada kenaikan kalau banding dengan terdahulu, sumbangan-sumbangan ini adalah penting sekali, di mana ia akan diguna oleh kedua-dua PBT dan Kerajaan Negeri, kerana tertakluk kepada jenis sumbangan yang dibayar kepada *either PBT or the state.* Untuk projek-projek mereka terutamanya projek-projek *infrastructure*, perparitan. *That's the whole reason why. That's why YB. Pulau Betong, I just come back to what YB. Telok Ayer Tawar said YB. Pulau Betong suggested yesterday* dari segi sumbangan ini, perlu kita lihat mengapa begitu tinggi IE secara menyatakan *by implication*, kita patut rendahkannya.

But this morning, YB. Telok Ayer Tawar *said where* perparitan sumbangan *is concerned, although it was increase* dari RM10 hingga RM50 ribu, *maybe is not enough. That actually happen this morning because ya, exactly. So, you all rakan is saying* patut ditingkatkan sumbangan, kerana sumbangan yang diterima itu tidak cukup untuk projek-projek *infrastructure* yang akan dibina. *But, let me put it very clearly to you. Yes,* sumbangan mungkin ada beberapa *impact* kepada harga, tetapi kita memang ada banyak langkah-langkah lain untuk kawal harga, *coming back to YB. Telok Bahang's question, that why is interconnected.*

It, first of all in relation to sumbangan *as per say,* memang ada banyak sumbangan. Betul. Dan terutamanya memandangkan keadaan ekonomi yang begitu lembab beberapa tahun kebelakangan ini, *especially the last few years when we can see everybody is very uncertain because of the global economy especially* penurunan mata wang kita yang begitu membimbangkanlah.

The last one, two years. So, apa yang kita buat kita telah pun, *infact* Pulau Betong, *we have already engaged with all* pihak yang berkepentingan ataupun *state holder for(gangguan)* PDCMC iaitu Chambers, *...(gangguan)* *this all property state holders and of course Radar Penang* di mana mereka telah beri secara bertulis dan kita ada bengkel bersama untuk bincang, bagaimana kita boleh lihat kepada sumbangan-sumbangan yang wujud, dan bagaimana kita boleh cuba kurangkannya ataupun seperti mana dicadangkan mereka sendiri.

They, we are an open government and always say that, so we are always open to listening to your views. Infact they will confirmed they came for the meeting they have forwarded cadangan mereka. Bagaimana ia dapat kita tangani nombor satu atau kurangi dia atau ada alternatif lain. Dan *infact* untuk makluman semua di sini, *I can say for the fact this meeting has* berlangsung *infact even before the last state assembly and is on going today, but like I said on going* ia masih berterusan.

So, beberapa isu tentang sumbangan memang kita telah selesai dengan pihak-pihak berkepentingan ini. *This* termasuk sumbangan untuk penyediaan pasar dan tapak penjaja, penyediaan tadika, penyediaan *infrastructure and the also* kaedah pembayaran, di mana untuk meringankan beban ke atas mereka kaedah pembayaran daripada pembayaran dari segi mengeluarkan *bank guarantee*, kita tukar kepada *corporate guarantee*. *All these have assisted them and actually is as the result of their request*. Ini semua di atas permintaan mereka.

Coming back to YB. Telok Bahang, very important and also YB. Pulau Betong have you said that subsidy persay, we also look at langkah-langkah penyejukan *and I said this a lot of time, but YB. Telok Bahang correctly pointed out and this answer that is included to YB. Pulau Betong as well*. Saya nak laporkan, saya tidak mahu ulangi tetapi kawalan harga untuk rumah saya telah nyatakan daripada had siling RM400,000.00, kita turunkan kepada RM300,000.00. Daripada had yang terkurang dari RMM RM200,000.00 kita kurangkan lagi satu produk RM150,000.00 *makes it more accessible, more mampu dimiliki. That's number 1*.

Number 2, moratorium. Moratorium work is there, has been there but we also included untuk rumah mampu milik. *Moratorium* itu menghalang kita daripada menjual kos rendah, kos sederhana rendah didalam tempoh 10 tahun daripada pembelian rumah mampu milik pelbagai jenis sehingga RM300,000.00 ataupun terdahulu RM400,000.00 dalam tempoh lima (5) tahun daripada tarikh pembelian agar tidak ada spekulasi. *So, this are one of the second* langkah yang kita adakan. *I want to report on two (2) things*, kita juga ada fi kelulusan iaitu 2% untuk penjualan hartanah dalam tempoh tiga (3) tahun daripada tarikh pembelian asal. *That's means* kalau saya beli hari ini, tiga (3) tahun saya nak jual sebelum akhir tiga (3) tahun saya nak jual, *you are considered a speculator. So, you have to pay on top of the transaction price 2% to the state, number 1*.

Number 2, for warga asing, pembeli warga asing. Kita dikenakan *on top of the price that they have to buy and infact*, kita pun ada had siling untuk pembeli asing. Saya sudah nyatakan tadi, RM3,000,000.00 bagi hartanah *landed* di Pulau, RM1,000.000.00 *for* Seberang Perai dan untuk Strata, RM1,000,000.00 pulau, RM500,000.00 Seberang Perai. *On top of the price they have to pay 3%, fi kelulusan 3%*.

And for makluman Dewan yang mulia ini, *I just want to say this just now I spoke about* bagai betapa banyaknya mata wang kita menjunam. *I just want to share some information with you. Since this fees were introduced*, diperkenalkan, untuk fi kelulusan 2% terhadap penjualan hartanah dalam tempoh tiga (3) tahun, sudah pun kita kutip RM2.02 juta. Manakala yang begitu besar sekali, fi kelulusan 3% pembelian hartanah warga asing, dari permulaan sampai sekarang kita sudah kutip RM53.5 juta. *When I say that it means maybe is too little. So, sometimes you might have to semak. Of course we need to seat down with all respective parties*.

When I was in Hong Kong, delivering a paper. I just want to share dengan YB. Dato' Timbalan Speaker, dengan semua, saya ada buat satu saya diminta berucap di satu *conference* di Hong Kong. Mereka pun ada ini, *infact all this* kita perkenalkan bukannya baru, ini sudah pun ada di bidang kuasa-bidang kuasa lain negara-negara lain. Di Hong Kong, fi-fi kelulusan yang kita ada 2%, 3% disitu hampir 10 kali ganda. Dan masih tidak boleh kawal harga hartanah pasaran mereka. *We are still very small in numbers, 2% and 3% but the collection especially for* warga negara asing RM53,000,000.00. *That means 3% might not be tak ada effect. So, dia bayar berapa. Beli dan bayar. That's why is because of our depreciating currency, I would say....(gangguan)*.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan. Ingin saya tanya disini *fee* atau yuran yang dikenakan ke atas penjualan hartanah kepada warga asing. Adakah ia juga meliputi bukan sahaja rumah, tetapi juga hartanah-hartanah lain seperti kedai dan sebagainya? Dan ini termasuklah penjualan kepada warga asing hartanah di dalam kawasan-kawasan warisan. Sama ada ini akan dikategorikan sebagai satu kawasan yang *special* kerana ia jumlahnya tidak banyak manapun yang ada, dan kita bimbang pertukaran hak milik ini yang makin meningkat oleh sebab pertukaran wang kita yang rendah, menyebabkan begitu menarik sekali untuk pembeli-pembeli dari luar negara untuk datang membeli hartanah di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Kepada soalan itu, ya. Ia merangkumi semua jenis hartanah. Ia merangkumi semua jenis hartanah yang dibeli oleh warga-warga asing. Dan sepertimana saya nyatakan, ini fi kelulusan adalah yang baru kita perkenalkan *and so far* RM53,000,000.00. *And I thinks that is just about two years*, kalau tidak silap *two (2) years and RM53 million. So that's the information that I just want to shared. But coming to an end...(gangguan)*.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

YB, boleh tanya sikit.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Boleh. Boleh.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Berkaitan dengan. Terima kasih. Terima kasih YB. Dato' Timbalan Speaker. Ya, soalan saya berkaitan juga dengan pembeli asing ini yang dikenakan 3%. Saya rasa mungkin kita Kerajaan Negeri patut, kalau bolehlah macam kita bagi cadangan tadi supaya dinaikkan lagilah, sebab saya nampak daripada jumlah yang diterima dikutip iaitu RM53.5 juta. Saya nak tanya jumlah tersebut, dikutip sejak bila? *From when it's started?*

Soalan yang kedua, setakat hari ini sejak 2008 lah kita ambil. Sejak 2008 berapa orang warga asing telah memiliki hartanah di Negeri Pulau Pinang. Dan kalau boleh soalan yang ketiga, berkaitan dengan kadar pembeli yang tidak *loan rejection by the bank*, kadarnya agak tinggi. Dan mungkin juga saya nak tahu sama ada pihak YB. boleh beri jawapan tentang kelonggaran kepada Akta Kebankrapan yang sedang di saya rasa telah diluluskan sama ada berapa ramai, berapa ramai, penduduk Pulau Pinang ataupun rakyat Pulau Pinang yang mungkin boleh dikeluarkan daripada status bankrap. Terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

YB. Dato' Timbalan Speaker, kebanyakan soalan itu perlu saya dapat maklumat terperinci dan saya akan serahkan kepada Penaga. Tapi untuk fi kelulusan 3% yang kita kutip RM53 juta ini, adalah sejak ia diperkenalkan, yang ia *came into force* kuatkuasa *in April of 2014*. So, *we are talking about three years. Three and a half years.*

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan sebelum Yang Berhormat Datok Keramat mengakhiri.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

I just want...., Okay. Can. Please.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Tiga (3) perkara tadi saya berbalik kepada yang YB. Sungai Pinang tadi itu. Saya dengar tadi memang, mungkin ada *revision to the original design*. So, saya berharaplah yang ianya mengambil kira *trend* hujan hari ini dan juga kepesatan pembangunan perumahan di kawasan di sekeliling.

Yang keduanya, YB. Datok Keramat, saya mendapati juga di Balik Pulau terutamanya ada banyak rumah-rumah kos tinggi ini, semi-D *bungalows* yang telah dirizabkan 3, 4 tahun, tetapi tidak dihuni. Kosong sampai ke hari ini, banyak dekat Balik Pulau, Balik Pulau itu memang banyak. Depan IPD ada dua (2) projek yang sebahagian diduduki di *Botanical City*, di Air Putih dan sebagainya. Ini juga satu keadaan yang tidak sihat sebenarnya. Rumah yang dibeli, tidak dihuni dan ini menimbulkan masalah sosial.

Dan Yang Berhormat tidak langsung menyentuh persoalan yang timbul tentang Kampung Trang, Kampung Trang. Bagaimana projek yang begitu banyak, 800 unit lebih di Kampung Trang yang dibina, tetapi tidak ada masjid.

Yang keduanya, bagaimana Kerajaan Negeri meluluskan projek rumah kos rendah yang sepatutnya dibina di Sungai Tiram itu, dibawa ke Balik Pulau. So, saya harap tidak ada pengasingan yang sebegini. Kalau boleh setiap perumahan yang besar, harus ada komuniti kerana rumah kos rendah diperlukan di tempat-tempat lain juga. Itu Yang Berhormat belum beri komen lagi.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Okey. Berkenaan Kampung Trang yang terakhir tadi. *I would have to get exact information* tetapi, secara am. Apabila seseorang pemaju membuat pemajuan bukan 100% RMM, tetapi kemajuan biasa di mana dia boleh bina rumah mewah sepertimana Datuk YB. Pulau Betong tahu, dia diperlukan untuk menyediakan *compliance* kouta yang saya sebut tempoh hari, 30% *either* kos rendah atau kos sederhana rendah.

Soalan dia ialah di mana ia akan dibina, kerana saya kalau saya faham, soalan Datuk *is that you are saying that some of the pemajuan is in town*, tapi dia punya kos rendah, kos sederhana dia hantar pi Balik Pulau, betulkan? *Is there is a crux of the matter, now the issue is this policy* yang kita wujudkan berkenaan pembinaan ataupun pematuhan *compliance* kos ini, kos rendah, kos sederhana rendah ialah ia adalah mengikut daerah. Kalau saya bina di Daerah Timur Laut, saya diperlukan untuk bina perumahan kos rendah dan kos sederhana rendah di kawasan Daerah Timur Laut. Kalau saya bina di Daerah Barat Daya, saya diperlukan untuk bina di kawasan daerah Barat Daya. Dan ini adalah permasalahannya.

Kawasan Daerah Barat Daya di Negeri Pulau Pinang, boleh dikatakan mula sekarang saya kepada saya di Pulau Pinang *no boundary anymore, because* pembangunan sudah begitu pesat. *People are every where, last time no body want to go to Balik Pulau, now people are going there. Coming back to your question, that* rumah mewah di situ banyak yang masih kosong. *But the point is*, Daerah Barat Daya kalau pemaju sampai mungkin daripada *I think is not mistaken* Bukil Jambul *there, is already* Daerah Barat Daya *on this side of the river*. Betul. So, *technically speaking*, sampai Mukim 6 Telok Kumbar, *we are no longer, you can not say* Daerah Timur Laut and Daerah Barat Daya.

So, banyak pemaju di kawasan itu, mereka masih boleh guna polisi itu dimana mereka boleh pindah komponen kos rendah, kos sederhana rendah mereka kepada Balik Pulau *proper. That is how this all came out*. Ini satu isu yang memang kita sudah lihat kepada, kerana kita hendak lihat. *I agree with you, we must have* satu taburan sama rata pelbagai jenis perumahan kos rendah, kos sederhana rendah, rumah mampu milik dan mewah secara sama rata. *We can't put one golongan in one place, but we have seen this trend. I agree with you* YB. Pulau Betong. *And we are looking into it. Me and YB Chow, YB Padang Kota* memang sudah lihat didalam Jawatankuasa-Jawatankuasa Teknikal, kita sudah lihat perkara ini dan kita akan bincangkan, *that issue*.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Datuk Keramat, yang berkaitan juga adalah kerana apabila pembangunan Kampung Trang dibuat, *you know* tetapi *drain system* tidak dibesarkan. Jalan tidak dibesarkan, semuanya menggunakan parit sedia ada yang lama. Kemudian masjid, *populationnya just imagine* 135 unit kali dengan 4 dah 3,000 lebih. *The same mosque* tidak mencukupi. So, *we need* benda-benda yang menyebabkan sosial, masyarakat setempat ini, yang memang kita memang tidak boleh terimalah dan sebagainya.

Yang keduanya adalah tentang apabila diberi kelulusan aras tanah yang begitu tinggi, *almost 2 meters, 2.3 meters different between the exit condition size level* dengan *the new ground level, 2.5 meters*. Habis sekeliling itu banjir. So ini *something* yang tak boleh dibenarkan kalau sebab itu saya kata, kalau boleh *do the proper drainage* dulu dan baru buat pembangunan. Kalau *you* buat pembangunan dulu, tanpa ambil kira sistemnya, mana air nak pergi? Ini menunjukkan masalah yang cukup besar di Balik Pulau buat sekarang ini.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Berkenaan kehendak ataupun syarat untuk pastikan ada tempat ibadat seperti masjid dan rumah ibadat bukan Islam yang lain, memang ini semua disyaratkan di dalam mana-mana KM *so that's why I have to check* dengan kes ini secara khusus dan mungkin YB. Padang Kota juga mungkin boleh bantu kita untuk kes Kampung Trang di Balik Pulau. Dan *of course* juga apabila sesuatu pembangunan itu dilaksanakan seperti mana YB. Padang Kota telah pun ulangi banyak kali, memang ia ada kehendak-kehendak berkenaan INFRA yang juga perlu juga disediakan termasuk *drainage* dan sebagainya. Jadi untuk projek ini mungkin kita akan semak semula dan saya akan beri maklumat yang selanjutnya kepada YB. Datuk.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Isu yang di *compromise* ini bukan sahaja tentang pelepasan kuota Bumiputera, saya juga difahamkan yang rumah kos rendah masih belum diberi secara automatik bukan lagi ada pelepasan itu sahaja.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Okey begini, untuk pelepasan kuota Bumiputera seperti mana YB. Datuk ada *point of* tadi, prosesnya untuk projek-projek biasa, projek-projek biasa kita hantar 80% siap fizikal, enam (6) kali dapat diiklankan. Dan kita saya untuk makluman YB. Dato' Timbalan Speaker, kita mungkin satu-satu negeri di Malaysia yang mempunyai keperluan itu agar kita boleh memenuhi kehendak agar Bumiputera dapat mengakses perumahan *very important. So we want to ensure that* pemaju-pemaju cuba sedaya upaya

mereka, mereka jual kepada pihak Bumiputera sebelum kita lepaskan. Dan saya punya jawatankuasa begitu ketat dengan ia, sehingga banyak pemaju atau pun *stakeholders* sudah *approach* kita minta dilonggarkan lebih awal lagi dan tak perlu enam (6) bulan iklan dan sebagainya, saya tak setuju. Kita tak setuju, kita akan kekalkan dengan itu dan itu untuk yang biasa....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Itu untuk *high cost*?

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

The normal one, yes they have to pay sumbangan untuk lepas *this normal procedure*. But for your other questions, because it is for Rumah Mampu Milik (RMM), sorry. It is the same as Kos Rendah (KR), Kos Sederhana Rendah (KSR). *That one* kita mesti ikut apa ini kuota yang disediakan Rancangan Struktur Negeri (RSN) di mana ada kuota untuk kos rendah, kos sederhana rendah. Tapi rumah mampu milik memandangkan tiada dalam RSN, kita telah membuat keputusan setelah diperkenalkan dengan 100% *guidelines* itu, ia akan ikut KSR. Cuma berkenaan rumah mampu milik ini yang dahulu mencecah sehingga RM400,000.00, sekarang kita dah rendahkan kepada RM300,000.00. Kita dapat permintaan daripada pemaju-pemaju melihat kepada betapa lembut *market* mereka RM72,000.00 pun susah nak jual, kalau sehingga RM300,000.00 lebih susah untuk dijual. Jadi kita buat keputusan untuk membenarkan mereka lepaskan seperti KR dan KSR tanpa sumbangan. *Because this one all is cause subsidy*. Dengan sumbangan *they have to pay for* pelepasan, tak jadi *viable*, projek-projek KR, KSR dan RMM tak boleh jalan. So kita benarkan tetapi kita masih syaratkan. Daripada tarikh penjualan, mereka tak boleh mohon untuk pelepasan dalam tempoh tidak kurang daripada enam (6) bulan. Lepas enam (6) bulan kalau mereka boleh tunjuk bahawasanya mereka tak boleh capai kuota yang diperlukan, maka mereka dapat memohon untuk kebenaran untuk menjual.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Datok Keramat, kalau beli rumah RM72,000.00, RM150,000.00 dan RM200,000.00 ke bawah ini, kalau boleh dibuat iklan secara menyeluruh sebab orang ramai tak tahu, tiba-tiba dibuat pelepasan kuota. Kalau boleh iklan supaya semua orang tahu sebab, saya tahu permintaan RM72,000.00, RM150,000.00 memang orang ramai dinanti-nanti, tapi sebab orang tak tahu tentang projek itu. So minta projek ini dibuat hebahan secara menyeluruh.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Itu saya memang akan pertimbangkan dan impak itu memang begitu baik di mana sepertimana untuk yang biasa juga mereka perlu iklan, so kita boleh minta untuk RMM mereka cuba iklan kerana itu kita beri kelonggaran untuk mereka jual kepada *non-bumi* tersebut.

Tadi juga ada soalan tentang rumah mewah ini. Saya nak jawab itu susah, kerana seperti mana saya selalu nyatakan, kalau sesuatu pemaju itu tak boleh jual rumah yang kos dikatakan tinggi di sesuatu lokasi itu, memang ia tak akan inilah, tetapi mereka masih minat, yang menunjukkan ada *demand*. Cuma saya berpendapat mungkin banyak yang dibeli untuk *investment purposes speculator* tersebut. *So that is a problem*. So itulah masalahnya yang kita tak boleh kawal tentang orang yang boleh kawal tapi tak undi, mereka beli tujuan untuk menjualnya dalam tempoh yang tertentu agar dapat keuntungan. Dan *one more point* yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Datuk tadi ialah Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang. *We will look into it, but like I said, we don't want anymore delays. We really have to push forward for this because I think this is a problem that we cannot afford to wait anymore*, kita tak boleh bazirkan masa lagi.

Cuma saya nak kata tentang langkah-langkah penyejukan saya. *I need have to said this before buat I think, latest statistic* menunjukkan apabila kita lihat pada bidang kuasa lain seperti Singapura dan Hong Kong yang mengalami permasalahan harga hartanah yang begitu hangat, *very hot property market*, mereka juga memperkenalkan langkah-langkah, kita lihat juga bidang kuasa ini, kita akan lihat hasil lepas dua (2) atau tiga (3) tahun. Dan saya hendak laporkan bahawa daripada *National Property Information Centre* (NAPIC) yang juga dipetik daripada YB. Pulau Betong, kita dapat beberapa statistik yang mungkin begitu memberangsangkan dan baik untuk kita di dalam usaha kita dalam memperkenalkan langkah-langkah penyejukan tersebut iaitu antara lain, kita lihat pada tahun, *year on year, 2015 to 2016, which should be* dalam dua (2) tahun, 2016 *two (2) years* lepas kita memperkenalkan 2015 kepada 2016 di seluruh Malaysia, Malaysia pusat pun ada langkah-langkah penyejukan Cukai Keuntungan Harta Tanah (RPGT) dan sebagainya. Di seluruh Malaysia *they was and then of course* lembap ekonomi, *that was a slow down, that was 0.4 percent* secara purata kepada semua harga hartanah, *residential* yang

ditransaksi, 0.4% purata *all of Malaysia*. Tetapi negeri yang dengan kekurangan *I means* ia turun tertinggi, *that means one that down the most is Penang, in the whole of Malaysia* 3.2%. As **(kurang jelas)** *average of 0.4. and also I'm very happy to* umum, saya gembira untuk umum, di bawah unit-unit yang ditransaksikan, yang kita dapat daripada maklumat daripada NAPIC ini, daripada tahun 2015 sehingga 2016, suku terakhir 2016 dan ini diikuti *the latest number, trans* sama, konsisten, suku pertama 2017, *I don't have the second quarter yet*. Sehingga suku pertama 2017, hampir-hampir 80% semua hartanah yang *residential* yang ditransaksikan di Pulau Pinang adalah di bawah RM500,000.00. Yang adalah satu saya ingat pencapaian yang baik, dan saya harap dengan kita teruskan atau pun kita tingkatkan lagi langkah-langkah penyejukan, sejukkan lagi, mungkin ini dapat kita turunkan lagi daripada RM500,000.00, *but I think for the start in the first two years, bringing it down to a stabilize level of daily 80 percent at RM500,000.00 and below is something that we have achieved that is quite good*.

Dengan itu YB. Dato' Timbalan Speaker, saya bagi pihak Kerajaan Negeri memberi komitmen di sini, bahawasanya kita akan teruskan dengan usaha kita untuk memastikan ada bekalan dan stok pelbagai jenis perumahan mampu milik daripada RM42,000.00 sehingga RM300,000.00 kepada semua rakyat Negeri Pulau Pinang yang layak dan kita memang akan cuba tingkatkan usaha ini dan apabila saya jumpa lagi pada mesyuarat yang akan datang, mungkin saya dapat berita yang lebih baik. Sekian, saya mohon menyokong.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Seterusnya, YB. Sungai Puyu. Silakan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Terima kasih YB. Dato' Timbalan Speaker, saya memohon untuk menggulung. Terlebih dahulu izinkan saya untuk merakamkan salam takziah kepada semua mangsa yang terlibat dalam bencana banjir pada 4 dan 5 November 2017. Kejadian banjir kilat tersebut telah menyebabkan lebih 50 kawasan dinaiki air, kebanyakan adalah di Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Tengah, dan juga di semua lain-lain daerah iaitu Barat Daya, Daerah Timur Laut dan termasuk Seberang Perai Selatan. Kerajaan Negeri memang prihatin kepada kebajikan rakyat dan terus akan berusaha untuk membantu mangsa-mangsa banjir dan berharap semua mangsa banjir dalam dihadapi masalah ini. YB. Dato' Timbalan Speaker, memang pada 4 November 2017, menghadapi banyak masalah seperti yang telah disebut oleh Yang Berhormat daripada Seberang Jaya. Ini adalah kerana kepada 15 September 2017 yang banjir. Stok-stok keperluan asas telah habis digunakan dan kami telah memaklumkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Pusat, bahawa di Bedong, kehendak tambahan ini telah dibuat. Pada 4 November 2017 waktu malam, adalah keluaran *red alert* di mana JKM telah memohon dan kami hanya dapat dua (2) lori daripada Bedong. Mereka tak bagi apa yang kami minta, tetapi hanya sedikit sahaja kami memohon. Ini juga kerana Negeri Kedah menghadapi masalah banjir juga. Di sini pada 05hb, kami telah memohon daripada JKM Selangor dan JKM Selangor telah juga bagi bantuan menggunakan lori *storm* kerana tiada lori dan juga satu lori daripada JKM Negeri Pulau Pinang untuk ambil, kami juga dapat hanya dua (2) lori. Itulah keadaan yang terjadi. Oleh kerana kami hanya dapat bantuan daripada JKM Selangor pada jam 2:00 pagi, tarikh 6 November 2017. Dan selepas itu semua adalah dibantu oleh pihak swasta. Untuk menzahirkan kepada mangsa banjir, Kerajaan Negeri mengumumkan lebih RM100 juta untuk pasca banjir dan membantu membangunkan semula Negeri Pulau Pinang setelah dilanda banjir teruk pada 15 September 2017 dan 4 November 2017 yang lalu. Selain daripada itu, sumbangan RM400 kita telah siap disediakan dan sepatutnya akan dibayar pada 4 haribulan dan 5 haribulan, akan tetapi kerana terdapat masalah-masalah tertentu, iaitu kata telah dibatalkan untuk menghadapi bencana ini. RM400.00 ini akan dibayar pada 18 haribulan, bulan ini juga.

YB. Dato' Timbalan Speaker, di kesempatan ini saya mengambil peluang untuk menzahirkan rasa kesyukuran terima kasih kerana telah diberi peluang untuk menjawab apa yang telah disoal di dalam Dewan ini. Saya akan terus kerana semua yang lain-lain adalah satu laporan yang bila-bila masa mereka boleh dapat daripada saya, hanya ada isu-isu yang dibangkit seperti Ahli Yang Berhormat daripada Pulau Betong. Ahli Yang Berhormat daripada Pulau Betong, Sungai Pinang dan ADUN Komtar. Untuk menjawab apa yang dibangkit oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ini, berkenaan bantuan mangsa pada banjir 14 September 2017 dan 4 November 2017, saya telah maklumkan bahawa 18 November 2017 akan dibayar. Dan Kerajaan Negeri amat prihatin kepada kebajikan, sememangnya akan bantu, khusus mangsa dengan apa-apa yang ada melalui Program Pulau Pinang Bangkit. Bencana banjir pada 15 September 2017, di sini memang jumlah 7,037 yang akan dapat bayaran. Untuk cadangan peruntukan tahunan kepada NGO oleh ADUN Berapit. Yang Berhormat Berapit telah mencadangkan Kerajaan Negeri patut memberi peruntukan tahunan kepada NGO-NGO yang terlibat dan pengkhususan kebajikan agar dapat melalui, membantu NGO-NGO dari segi masalah kewangan dan menguruskan pusat jagaan masing-

masing.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) Kebajikan dan Masyarakat Penyayang, sentiasa bekerjasama dengan NGO-NGO. Kebajikan saban tahun iaitu dapat dibuktikan melalui sumbangan-sumbangan kewangan kepada NGO seperti Persatuan Kebajikan Anak Yatim Islam Negeri Pulau Pinang, The Salvation Army Penang Children Home, The Ramakrishna, di Pusat Kanak-kanak Cacat Pulau Pinang, Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang, Pertubuhan Pelindungan Kanak-kanak Pulau Pinang, Rumah Kanak-kanak St. Joseph, Persatuan Kebajikan Anak-anak Yatim dan Sekolah-sekolah St. Nicholas, Persatuan Down Syndrome, dan juga Persatuan Orang Cacat. Namun demikian, cadangan Yang Berhormat untuk memberi peruntukan tahunan seperti mana peruntukan kepada sekolah-sekolah jenis kebangsaan dan lain-lain perlu dipertimbangkan dan teliti dahulu dan mengambil kira faktor kewangan sebelum putus untuk dilakukan. Iaitu mereka memang minta dari sini kita hendak kaji semula dan lain-lain. Iaitu jumlah berapa orang, jumlah kos dan lain-lain. Bukan yang diberi tetapi kena faham apa program-program mereka sedia ada.

Untuk Alam Sekitar, saya telah ada satu (1) soalan yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat Seri Delima berkenaan dengan potong pokok. Kerajaan Negeri memang tidak menggalakkan potong pokok, tetapi hanya cantas, *trimming*. Kerana pokok-pokok memang jikalau berbahaya, kita harus dapat *arborist* untuk buat siasatan dan jika *arborist* kata kehendak ditebang, maka tebang. Memang saya dapat bantuan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), mereka ada *arborist* khasnya Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), mereka akan bagi nasihat dan jika kehendak, akan potong. Tetapi yang lain, jika tidak, kami akan cantas mereka. Memang satu (1) soalan yang ada tanya apakah program-program dan seperti yang ditanya oleh Ahli Berhormat dari Sungai Dua, mengatakan bahawa RM10 juta ini tidak cukup. Kami tidak lihat pada jumlah kewangan, akan tetapi jumlah program-program yang akan dijalankan. Iaitu program-program perintis seperti *food waste* yang telah dijalankan, *reduce of this household recycle programme* telah dijalankan oleh Kerajaan Tempatan, *waste energy* juga ada di Pulau Burung dan yang penting sekali adalah di *CnD Waste iaitu construction and demolition waste* di mana ambil yang *recycle* untuk jadi *resources* untuk *infrastructure*. Negeri Pulau Pinang juga telah dapat pengiktirafan Peringkat Antarabangsa sebagai Sektor Excellence In Asia Pacific dan menghadapi iklim melalui program *implementation of short lived Mitigating Short-Lived Climate Pollutants iaitu* SLCPs. Ini telah juga dijalankan dan sistem-sistem untuk macam mana di *food waste* dan macam mana tawarkan ini juga telah dijalankan.

Untuk program melihat kualiti air, berhubung dengan perkara ini, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini berkaitan dengan keperluan untuk menaiktaraf loji-loji rawatan membuat Indah Water Konsortium (IWK) iaitu mempersoalkan *code water* kualiti sungai-sungai dan lain-lain. Ini dapat dilihat bahawa kebaikan loji-loji IWK mereka adalah yang bagi sumbangan itu. Itu kata selepas rawatan air, mereka telah dibuang masuk melalui perparitan dan masuk melalui sungai. Khasnya satu yang di Mak Mandin, di SP 228, di mana apabila dibina pada masa bina, ia mereka telah mencadangkan 130,000 PE loji dan mereka bina hanya 65. Pada kini kalau ada sebanyak 128 PE loji, iaitu kata *over capacity almost by hundred percent*. Kami telah memohon bahawanya Kerajaan Pusat melalui Sekuriti Pengurusan Air Negara (SPAN) dibagi peruntukan untuk *upgrade* ini sehingga mereka sampai 300 loji. Ini telah dimohon tetapi malangnya telah begitu lama kami minta tetapi belum ada apa-apa jawapan positif, hanya akan dibagi pertimbangan. So dengan ini kami merayu bahawanya *over capacity by 97% maximum* pada tahap 63,286 penduduk serentak. Walaupun pihak IWK telah mengambil langkah-langkah mitigasi secara manual, tetapi limbah bila masa boleh berlaku sekiranya hujan lebat dan membawa pencemaran sistem saliran dan sungai. Dalam isu ini, Ketua Menteri sendiri telah memohon kepada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KETTHA) melalui surat nombor rujukan PSUKPP/21/0353/46 (43) bertarikh 15 Mac 2017.

Menarik perhatian bahawa ini kena buat dengan sekali lagi tidak boleh tunggu. Berkenaan dengan satu soalan yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat daripada ADUN Permatang Berangan, mereka ada membangkit isu berkenaan meningkat populasi monyet dan babi hutan yang merosakkan tanaman. Ahli Yang Berhormat Permatang Berangan juga bertanya bagaimana ada alternatif untuk mengawalkan haiwan tersebut daripada merosakkan tanaman selain daripada tindakan membunuh haiwan berkenaan. Memang daripada Perhilitan kami ada minta buat satu *population control* untuk *balanced ecosystem*. Itu kalau terpaksa tembak, tembak, kalau tiada akan ditangkap perangkap dan hantar di lain tempat supaya boleh *balancing ecosystem*. Ini amat penting bahawa ini juga adalah satu *food resources* untuk lain-lain binatang. Sebagai maklum Ahli Yang Berhormat Permatang Berangan, pada masa ini terdapat dua (2) pendekatan atau *Standard Operating Procedure* (SOP) yang digunapakai oleh Jabatan Perhilitan untuk mengawalkan konflik di antara *human* iaitu manusia dan haiwan. Iaitu

pendekatan pertama, adalah pemeliharaan haiwan-haiwan tersebut dengan sebaiknya mengikut habitat sedia dan tanpa melihat unsur kacau ganggu *interference by human*. Pendekatan kedua adalah dengan mengurangkan konflik akibat tumbuhan antara haiwan-haiwan tersebut khususnya berdasarkan SOP yang digunakan oleh Jabatan Perhilitan adalah dipercayai bahawa adalah konflik di antara *human* dan haiwan so dapat diminimumkan. Ini telah dijalankan khususnya seperti di Kuala Muda. Di Kuala Muda apabila Tebatan Banjir Sungai Muda telah dibuat, memang ada banyak yang masuk di kampung. Yang itu kami telah adakan tangkap, ada yang terpaksa kerana terdapat ada banyak insiden di sini khususnya di Kampung Penaga.

Di sini juga saya telah disoalkan pengkhususan bencana oleh ADUN Berapit, Telok Ayer Tawar, Jawi, Air Itam, Machang Bubuk, Tanjong Bunga, Komtar, Sungai Pinang dan Seri Delima telah bangkitkan perkara-perkara ini di dalam Dewan ini. Memang Kerajaan Negeri telah terlibat diri dalam *esocity relevance disaster*. Ini sejak tiga (3) tahun yang dahulu. Dan di sini kami telah ada beberapa perbincangan dan juga ada dasar macam mana kawal khususnya *disaster waste management*. Saya di sini nak ucapkan ribuan terima kasih kepada dua-dua PBT jikanya melihat apa terjadi di lain-lain negara berkenaan ini *disaster waste*, khususnya macam di Jepun. Sehingga kini mereka tak dapat tangani dan di sini memang melalui program-program yang disokong oleh semua rakyat bukan hanya di Negeri Pulau Pinang, akan tetapi di seluruh jauh daripada Johor juga daripada Perlis, lihat bahawa mereka adalah jumlah daripada 'Pulau Pinang Bangkit'.

Di dalam program ini memang bantu dan disokong oleh swasta. Kami dapat bahawa keadaan dalam satu (1) minggu, ini adalah satu tanda yang begitu baik bahawanya kesemua kakitangan kerajaan khususnya daripada PBT, biar pun daripada Jabatan Pengairan dan Saliran, biar pun daripada lain-lain telah berusaha begitu 24 jam, satu (1) minggu mereka turun padang buat pembersihan dan lain-lain. Akan tetapi di sini saya ada satu yang saya rasa amat dukacita. Apabila lihat begitu banyak orang turun padang untuk membantu, ada orang yang buat kenyataan bukan daripada apa, tetapi daripada politik. Di sini kami ada lihat dalam banjir dan kecemasannya ada lihat orang Melayu yang bantu, kalau orang Cina, orang Cina yang bantu. Kalau orang Melayu dan juga orang Hindu, *that's not something as religion of politician*. Hanya ada di pemimpin-pemimpin dan tertentu dan mereka duduk dalam *air cond room*, dia buat kenyataan di dalam sakit hati semua orang.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta laluan Yang Berhormat. Pertamanya ingin berterima kasihlah kepada YB. Sungai Puyu dan seluruh Barisan EXCO di atas dedikasi dan kerja yang telah dilakukan semasa menghadapi pasca banjir ini. Dua (2), tiga (3) hari yang lalu, kita lihat Yang Berhormat daripada Pinang Tunggal telah semasa berbahas, melemparkan beberapa tuduhan kononnya kita telah mencaci dan menghina Perdana Menteri, isteri Perdana Menteri, tapi mereka telah turun ke padang dan memberi sumbangan kepada rakyat Pulau Pinang.

Saya ingin tanya dalam Dewan yang mulia ini, sejak 2008 di kawasan-kawasan di mana Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada sebelah Barisan telah menang. Di mana wakil rakyatnya terdiri daripada wakil rakyat UMNO. Kita juga telah sedia maklum tentang tuduhan-tuduhan yang dilemparkan terhadap Kerajaan Negeri Pulau Pinang, hasutan-hasutan yang telah dibuat terhadap Kerajaan Negeri Pulau Pinang, maki dan caci yang telah dilemparkan kepada Ketua Menteri kita, Barisan EXCO kita, Yang Berhormat sendiri. Semasa banjir ini berlaku, adakah Kerajaan Negeri menunjukkan apa-apa sikap pilih bulu, pilih kasih? Ataupun adakah kita telah memberi bantuan, segala bantuan yang diperlukan? Bantuan banjir, bantuan makanan. Walaupun kawasan-kawasan tersebut adalah kawasan-kawasan yang dimenangi oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada UMNO dan Barisan Nasional. Saya telah mendapat maklum balas bahawa perkhidmatan bantuan yang telah dihulurkan oleh Yang Berhormat sendiri dan Kerajaan Negeri tidak memilih kawasan-kawasan tertentu. Kita telah memberi bantuan di semua kawasan-kawasan yang terlibat. Jadi saya ingin Yang Berhormat memberi ulasan walaupun semenjak 2008 kawasan-kawasan ini dimenangi oleh Barisan Nasional dan UMNO khususnya Kerjaan Negeri walaupun telah dihasut, walaupun telah dimaki dan dicaci Ketua Menteri sendiri dan macam-macam tuduhan yang dilemparkan, kita masih terus memberi bantuan kepada rakyat-rakyat. Maafkan saya. Di kawasan-kawasan di mana wakil-wakilnya rakyatnya daripada Barisan Nasional dan UMNO. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Bon Poh):

Terima kasih Seri Delima. Saya bila mengatakan prihatinan dan bantuan menarik saya pada 2014 semasa Tsunami ada begitu banyak di dapat di berbanding. Pada hari itu saya cuba telefon EXCO-EXCO yang tertentu kerana Tsunami telah kena Tsunami dan tidak dapat dihubungi. Dalam Dewan yang mulia

bila saya duduk di sana sebagai Ketua Pembangkang saya telah mempersoal *where are you?* Mereka kata, oh! kami ada di *operation centre* di KOMTAR. Itu lah Kerajaan Barisan Nasional tetapi kali ini Pulau Pinang menghadapi bencana itu. Dimanakah Ketua Menteri? Ketua Menteri ada di Kampung Malaysia di Mak Mandin di sana ada banyak orang Melayu yang duduk di sana. D daripada petang sampai waktu 6.00 pagi, Ketua Menteri juga bersama dengan Ahli Yang Berhormat EXCO Bagan Jermal kita semua sedang pergi menyelamatkan orang di Mak Mandin dan tempat-tempat di sana. Ini adalah perbandingannya.

Saya telah ditugas untuk bantuan untuk SPU dan semua bantuan saya telah salur kepada Dewan Besar Sungai Dua. Saya juga dapat kritik-kritik kerana tidak bagi bantuan pada pusat-pusat pemindahan yang tertentu, mereka buat aduan dan lain-lain juga aduan ini di buat kepada Perdana Menteri semasa dia pergi SPT. Apakah kisah benar? Terdapat ahli-ahli politik yang tidak mahu kerjasama dengan Kerajaan Negeri buka pusat pemindahan diri sendiri tanpa rujukan kepada kebajikan tanpa maklum kepada Pegawai Daerah.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Minta laluan. Terima kasih YB. Sungai Puyu. Terima kasih YB. Dato' Timbalan Speaker. Saya bangun untuk perbetulkan apa yang YB. Sungai Puyu sebut kalau YB. Sungai Puyu sebut kata ahli politik tidak ada kerjasama, ahli politik berkepentingan dan sebagainya apa semua seolah-olah YB. Sungai Puyu menyembunyikan fakta yang sebenar. Dunia dapat lihat macam mana keakraban yang ada di antara Y.A.B. Air Putih Ketua Menteri dengan Y.A.B. Perdana Menteri, Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri. Bukankah mereka itu ahli politik semua? Ini gambar sebagai bukti. Saya hendak beritahu kepada YB. Sungai Puyu. YB. Sungai Puyu duduk dulu, duduk. YB. Sungai Puyu duduk. Ini Timbalan Perdana Menteri. Y.A.B. Air Putih Ketua Menteri dengan Timbalan Perdana Menteri, yang ini pun sama. Jadi YB. Sungai Puyu duduk dulu saya hendak berhujah ini. Saya sudah sekali sekali datang Dewan sibuk dengan jaga orang banjir. Duduk dulu. Duduklah. Tidak mengapa, duduk bagi saya bercakap. Tidak boleh tahankah? Tidak boleh sabarkah? EXCO yang *senior* kena sabar wakil rakyat telah lama. Saya jadi wakil rakyat dulu saya duduk dekat penjurong sana Yang Berhormat duduk di sini sebagai Ketua Pembangkang saya dapat melihat kewibawaan Yang Berhormat masa itu tiga jam, enam jam berucap bercakap. Saya hendak bercakap sedikit Yang Berhormat bangun. Duduklah. Duduk. Sila duduk dulu. Saya tahu. Duduk dulu. Kalau tidak duduk macam mana saya hendak bercakap. Mana boleh, duduklah. YB. Dato' Timbalan Speaker minta YB. Sungai Puyu duduk elok-elok.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Duduk.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Hah, dengar dengar. Tengok YB. Dato' Timbalan Speaker kata apa, tidak menghormati YB. Dato' Timbalan Speaker nanti saya buat usul suruh... (gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Ada lima minit lagi.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Jadi, dengar baik-baik apa yang Pinang Tunggal hendak cakap. Dunia dapat lihat macam mana keakraban yang ada jadi saya menerima hakikat, saya menerima pesanan Y.A.B. Perdana Menteri supaya ahli-ahli Yang Berhormat semua kalau boleh tidak payah timbul isu banjir ini buat kerja saja bagi selesai elok-elok. Kami akur yang penting kita pergi tolong rakyat kita sama ada pihak kerajaan Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri bantu tolong rakyat. Itu lebih baik dan lebih penting dalam suasana dan keadaan hari ini. Jangan main politik lebih-lebih. Ini jawab melelong habis, cerita pasal sejarah lama dulu, EXCO masa itu tidak boleh jawab telefon ini semua Sungai Puyu bohong saja.

YB. Seri Delima saya baru duduk dia terus kait dengan Pinang Tunggal dia pun satu. YB. Dato' Timbalan Speaker, saja. Jadi saya tidak mahu sebut pasal pilihan saya tidak mahu sebut saya tahu saya tahu lebih banyak daripada YB. Telok Bahang pasal YB. Seri Delima saya tahu lebih banyak daripada YB. Telok Bahang. Saya tahu, pengaruh dia tidak ada. Dia cita-cita pergi Parlimen selepas ini tidak pasal. Betul tidak? YB. Dato' Timbalan Speaker angguk banyak kali dia setuju dengan saya. Pasal YB. Seri Delima...(gangguan). Siapa sebut? Perai?

Jadi kita tahu rakyat di sana rakyat di luar sana di Negeri Pulau Pinang sama ada kaum Cina, kaum India, kaum Melayu hari ini menyucuk-nyucuk perasaan mereka marah, mereka kepada kerajaan sedia di Negeri Pulau Pinang ini bagaimana yang mereka alami hari ini. Banjirnya, tanah runtuhnya. Mereka tidak sakit hatinya? Yang berniaga kedai motor kata, yang motor baru motor lama lingkup habis. Air yang turun itu semua tahu keruhkah jernihkah kalau keruh kita tahu di belah Pulau ini, kalau jernih dekat tempat saya di Bertam Indah, air jernih tidak sangkut-paut dengan pembangunan sebagainya semua tapi kalau di belah Pulau kita tengok macam mana bukit digondolkan dibotakkan, pokok-pokok yang sepatutnya menahan air, tadah air dipotong. Jadi sepertimana hari ini. Kalau sebelum ini tidak pernah berlaku. Penguatkuasaan ada tapi Kerajaan Negeri Pakatan Harapan tidak tahu hendak guna penguatkuasaan sebab itu berlaku sepertimana yang berlaku hari ini. Kenapa diam? Kenapa di sebelah sana diam? Sebab mengakui apa yang saya sebut ini betul.... (gangguan). Iyalah saya tahu bagi jalan tapi hakikatnya sudah *blur, blur*. Hak di sebelah sana bermula daripada Air Putih...(gangguan) naik ikut situ pergi ke sana Seri Delima. Terutama sekali Seri Delima *blur* tunggu masa saja. Tunggu masa saja keputusan rakyat untuk sebelah sini pergi duduk sebelah sana. Tunggu masa.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Mimpilah Pinang Tunggal...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Jangan lari, jangan lari. Kalau berani duduk. Duduk. Pinang Tunggal. Duduk. Saya cabar Pinang Tunggal dengar perbincangan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Bon Poh):

Duduk, duduk. Itulah....(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Apa pasal lari?

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat....(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan berhenti rehat dan akan sambung semula pada jam 8.00 malam.

Dewan ditangguhkan pada jam 6.30 petang

Dewan bersambung semula pada jam 8.00 malam.

Setiausaha Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi penggulungan disambungkan. Sila YB. Sungai Puyu. Sepertimana yang dijanji, 15 minit dari sekarang.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Baik, YB. Dato' Speaker, tadi saya ada kata bahawa dalam rumusan bencana, kami ada banyak masalah yang bertimbun di mana ada kenyataan-kenyataan dan tuduhan-tuduhan seperti yang ke semasa mesyuarat di mana Dato' Seri Setiausaha Kerajaan Negeri memberi laporan kepada Y.A.B. Perdana Menteri dan juga dari JPS, pegawai JPS bagi laporan. Tiba-tiba seorang yang, dia bukan ada apa-apa jabatan, jawatan dalam kerajaan akan tetapi wakil parti-parti tertentu berdiri dan buat tuduhan. Jikanya tuduhan kata Kerajaan Negeri tidak bagi apa-apa bantuan memang ini saya boleh faham. Akan tetapi mengatakan bahawa tidak ada bantuan daripada kakitangan kerajaan. Walhalnya dalam siasatan saya dan terus kepada masa itu, saya juga berdiri dan soal pada dia. Dato' buka satu (1) pusat

permindahan, adakah mengikut SOP? Adakah mengikut arahan MKN dan arahan 20? Adakah selepas buka maklum kepada Pejabat Daerah? Tuan DO bahawa terpaksa membuka satu (1) pusat permindahan. Jikanya semua tidak dilaporkan, macam mana orang tahu *you* buka (1) satu pusat permindahan dalam kampung? Tetapi itu bukannya untuk siapa, hanya ahli-ahli sendiri. Di sebaliknya saya ada tanya sama dia, adakah bantuan disalurkan? Dia mengaku adalah, bukan tidak ada tetapi dia kena beritahu kepada Perdana Menteri seolah-olah tidak dapat kerjasama daripada pegawai-pegawai kerajaan. Nasib saya kurang baik kerana Ketua Pembangkang yang ada di sana, dia boleh cabar saya. Adakah kenyataan saya betul atau tidak betul, benar atau tidak benar? Kalau hendak kata saya boleh mengesahkan bahawa dalam urusan bencana kali ini, saya sudah nampak dan bersama dengan pegawai-pegawai kerajaan. Kebanyakan lebih daripada 36 jam tidak tidur. Sejak malam 4 haribulan November sehingga malam 5 haribulan, Ahad, mereka masih ada bersama saya. Itulah, saya kata, main politik dalam bencana. Kalau *you* tidak mahu bagi penghargaan kepada orang-orang yang tertentu, janganlah buat kenyataan yang akan menjatuhkan semangat mereka. Peristiwa main politik begitu seperti kes di Sekolah Jit Sin, satu (1) paip lima (5) orang, ada orang ambil paip, tembak sedikit, dia tembak, kuat kata, wah! Parti kita pemuda kita yang bersihkan sekolah ini. Walhalnya, itu saya pun tidak mahu kata banyaklah itu. Itu MCA lah. Dia buat kenyataan macam ini. Habis di Dewan yang mulia ini kami ada dengar bahawa kerajaan punya NGO, apakah NGO? *Non Government Organization* tetapi ada dengar sekarang dalam Dewan yang mulia ini, kerajaan punya NGO. Teruklah. *Now*, saya tidak mahu buang masa sebab saya pegang kepada janji saya. Di sini ada satu (1) soalan, soalnya iaitu kata pengurusan bencana.

Pengurusan bencana memang kami pegang pada prinsip dan arahan MKN arahan 20 di mana di sini ada sedikit perubahan berkenaan dengan setiap urusetia, di mana JPAM pada masa kini telah menjadi urusetia dan telah terbukti pada masa bencana di Tanjong Bunga di mana banyak pegawai-pegawai daripada Kerajaan Pusat, *the federal level* baikpun daripada *SMART Team*, baik daripada *STORM*, mereka puji Negeri Pulau Pinang, di mana semua telah tersusun atur semasa kami buat kawalan bencana. *We followed every details* seperti pada kini, dalam satu (1) minggu, dapat membersihkan lebih kurang 80%. Apa yang kita lihat adalah cara kawalan, cara urus kerja di mana *we created temporary disaster down site* dan kami buat dua (2) tiga (3) hari di mana untuk mengawalkan *communal disease* daripada kesihatan, pergi setiap jalan, tiap-tiap parit dan letak *enzymes*, *that's how we control*. Daripada dia punya *temporary down site*, mereka juga ada *spray enzymes*, yang ini saya lagi dapat *one consignment* daripada satu (1) syarikat dia bagi secara CSR. *150 cartons so that we can use this*. Dari semua aspek, ini semua orang tidak lihat. Orang tidak lihat tetapi orang Kuala Lumpur boleh buat kenyataan-kenyataan berkenaan ini. Apa ini? Tadi YB. Pinang Tunggal kata jangan main politik. Saya merayu pada dia, cakaplah kepada pemimpin-pemimpin Barisan Nasional daripada *federal*, jangan buat kenyataan-kenyataan yang mereka tidak faham tetapi saya selalu kata, saya tidak salahkan mereka kerana mereka adalah satu (1) parti BN dan BN saya kata apa? *Bo now*, tidak ada otak. Betul tidak? Kenyataan. Bila orang kata menghadapi masalah, tadi YB. Pinang Tunggal dia tunjuk, wah! Tengok ada gambar ini ada gambar tu, itu apa, sandiwara. Jika betul-betul mengapa tidak ada sebarang bantuan sehingga kini.

Oleh yang demikian YB. Dato' Speaker, memang mereka tidak ada minat, rakan saya sendiri jumpa saya, 7/24, 7 to 5, selain ada apa-apa soalan, saya boleh jawab kalau tidak sempat jawab kerana masa yang tidak izin, *met me at the office, I give you the answer* atau pada yang berminat, tulis kepada saya, saya akan jawab bertulis. Dengan ini YB. Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Janji ditepati. Sila duduk. Seterusnya, silakan YB. Batu Lancang.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan, YB. Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri, Ketua-ketua Jabatan Kerajaan. Salam sejahtera, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dewan yang mulia ini kerana memberi peluang kepada saya untuk membentangkan ucapan penggulungan bagi menjawab soalan-soalan tambahan berkaitan isu-isu pembangunan pelancongan yang telah dibangkitkan semasa perbahasan Bajet 2018.

YB. Dato' Yang di-Pertua, di atas usaha Kerajaan Negeri, Pulau Pinang kini menjadi salah satu (1) destinasi pelancongan yang amat popular dengan kadar kedatangan pelancong yang semakin meningkat saban tahun. Kita perlu bangga kerana Pulau Pinang menjadi jaguh dengan mendapat tempat pertama dalam empat (4) kategori iaitu yang pertama, dalam kategori pelaburan. Pulau Pinang mendapat tempat pertama dalam sektor industri pembuatan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM7.7 bilion dalam separuh tahun 2017 berbanding dengan RM4.3 bilion sepanjang tahun 2016. Yang kedua, Perdana

Menteri Malaysia Dato' Seri Najib Razak juga turut mengumumkan bahawa Pulau Pinang mendapat tempat pertama dalam kutipan cukai pelancongan yang diimplimentasikan pada bulan September pada tahun ini iaitu sebanyak RM241,460.00 dari 292 buah hotel. Yang ketiga, sektor Pelancongan *Cruise* di Pulau Pinang juga menjadi juara dengan jumlah 125 kedatangan kapal *cruise* sehingga Jun tahun ini berbanding dengan hanya 78 buah di Pelabuhan Port Klang. Yang keempat, sektor Pelancongan Perubatan di Pulau Pinang pula telah menjadi jaguh di Malaysia dengan menyumbang 48% jumlah pendapatan Pelancongan Perubatan di Malaysia. Sehingga bulan Jun 2017, hospital-hospital telah mengaut keuntungan sebanyak RM259 juta berbanding dengan RM231 juta pada tahun 2016 dengan peningkatan sebanyak 11.9%.

Selain daripada itu, mengikut statistik daripada Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB), jumlah penumpang di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang bagi tempoh Januari hingga September tahun ini adalah seramai 5.3 juta orang penumpang. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 8.67% dari tahun 2006 yang mencatatkan jumlah penumpang sebanyak 4.9 juta dari bulan Januari 2016 hingga September 2016. Kerajaan Negeri yakin jumlah penumpang akan terus meningkat lebih-lebih lagi pada musim cuti sekolah dan cuti musim sejuk. Jangkaan jumlah penumpang bagi tahun 2017 ialah mencapai 7.1 juta orang penumpang berbanding dengan 6.7 juta orang penumpang pada tahun 2016.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Dewan, kapasiti Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang hanyalah dibina untuk 6.5 juta penumpang sahaja. Oleh itu, di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dato' Seri Najib kerana telah berjanji untuk menaiktaraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang di dalam ucapan Bajet 2018 di Parlimen yang lalu.

Penaiktarafan ini amat dialu-alukan kerana dengan usaha Kerajaan Negeri untuk frekuensi penerbangan domestik dan antarabangsa serta penerbangan langsung terus ke Pulau Pinang telah pun meningkat. Contohnya penerbangan terus dari Qatar Airlines akan mula beroperasi pada 5 Februari tahun depan ke Doha, tiga (3) kali seminggu. Penerbangan ke Kunming, China oleh Lucky Air sebanyak dua (2) kali seminggu. Penerbangan ke Ho Chin Minh oleh Air Asia sebanyak tujuh (7) kali seminggu sejak tahun lepas. Penerbangan ke Haiko, Wuhan dan Sanya dari Negara China oleh Malindo.

YB. Dato' Yang di-Pertua, berkuat kuasa 1 Julai 2014, fi hotel dikenakan kepada penginap hotel pada kadar RM3.00 sebilik semalam bagi hotel bertaraf empat (4) dan lima (5) bintang dan RM2.00 untuk sebilik semalam bagi hotel bertaraf tiga (3) bintang dan ke bawah termasuk *dormitory*, hotel bajet, hostel dan rumah tumpangan. Pihak Berkuasa Tempatan bertanggungjawab untuk melaksanakan kutipan ke atas hotel-hotel yang terlibat di seluruh kawasan pentadbiran dan kemudiannya diserahkan kepada Kerajaan Negeri.

Perincian kutipan mengikut kawasan pentadbiran adalah seperti berikut;

Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sehingga 30 September tahun ini telah mengutip RM24,384,093.70 juta.

Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) juga telah mengutip RM3,436,320.00 juta dan jumlah kutipan di MBPP bercampur dengan MPSP sehingga sekarang adalah RM27,820,413.70 juta. Hasil kutipan fi hotel adalah digunakan bagi tujuan pembangunan dan promosi pelancongan Pulau Pinang. Lebih-lebih lagi pameran pelancongan di luar negara dan kempen-kempen pengiklanan dan promosi antarabangsa.

Untuk menjawab isu yang berbangkit daripada YB. Telok Bahang, Pelancongan Muslim atau *Muslim Friendly Tourism*....(dengan izin) menubuhkan satu (1) destinasi yang sedang berkembang pesat di seluruh dunia. Pelancong Muslim lebih-lebih lagi daripada Timur Tengah mempunyai kuasa pembelian yang tinggi. Walau bagaimanapun mereka mempunyai banyak kriteria dan keperluan sebagai orang Islam.

Pulau Pinang memang sudah lama menjadi destinasi pelancongan Islam yang menarik ramai para pelancong lebih-lebih lagi dari Negara Arab seperti Saudi Arabia, Oman dan sebagainya kerana kemudahan-kemudahan seperti masjid dan makanan halal di negeri ini dapat memenuhi kriteria pelancong pelancongan Muslim. Kita dapat lihat sendiri di Batu Feringghi terdapat banyak restoran-restoran Arab dan *service* untuk memudahkan pelancong Arab seperti bilik khas dan sebagainya. Dengan kewujudan penerbangan terus *Qatar Airline* dari Doha pada bulan Februari tahun depan, saya yakin kita akan mendapat lebih ramai lagi pelancong daripada Timur Tengah.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah menyenaraikan masjid dan premis makanan halal melalui risalah “*Experience Penang Muslim Travel Guide*” Selain itu risalah ini juga memaparkan tempat-tempat tarikan yang boleh dilawati di samping penginapan mesra Muslim. Inisiatif ini adalah hasil kerjasama antara *Penang International Halal Hub* dan *Penang Global Tourism*. Pulau Pinang juga kaya dengan masyhur dengan kesenian Islam dan tarikan seperti Masjid Kapitan Keling, Masjid Acheh yang turut dipromosikan di pameran pelancongan di luar negara.

Kerajaan Negeri juga menyertai Pameran Pelancongan *Arab Travel Mart* (ATM)....(dengan izin) sejak tahun 2008 bersama dengan EXCO Hal Ehwal Agama dan Perdagangan Dalam Negeri. ATM merupakan pameran pelancongan yang terbesar bagi rantau Timur Tengah. Pada tahun 2014, risalah “*Muslim Travel Guide*” telah dilancarkan oleh Datuk Seri Nazri Abdul Aziz, Menteri Pelancongan dan Kebudayaan di ATM iaitu di Dubai. Edisi kedua juga dilancarkan oleh Datuk Seri Nazri pada tahun 2016.

Kerajaan Negeri juga telah mengadakan satu (1) perbincangan dengan CEO Emirates *Airline*, Ethihad dan *Qatar Airline* bersama-sama dengan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan untuk membincangkan penerbangan terus dari Timur Tengah ke Pulau Pinang. Kerajaan Negeri juga mengadakan mesyuarat bersama-sama agen-agen pelancongan di negara-negara Timur Tengah seperti UAE, Qatar, Arab Saudi, Iman, Bahrain, Kuwait, Yemen dan banyak lagi untuk membincangkan pakej-pakej pelancongan yang bermula di Pulau Pinang.

Pakej-pakej *outbound* juga turut dibincangkan termasuklah menjadikan Pulau Pinang sebagai *hub* untuk penduduk di kawasan utara untuk menunaikan Haji dan Umrah. Dengan itu saya mohon untuk menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Batu Lancang. Saya mempersilakan YB. Bagan Jermal.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

YB. Dato' Yang di-Pertua, di kesempatan ini saya ingin merakamkan kesyukuran kerana masih berpeluang untuk menyampaikan ucapan penggulungan di Dewan yang mulia ini bagi Jawatankuasa MMK Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam seisi perbahasan Bajet 2018 khususnya berkaitan dengan isu-isu Portfolio Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan untuk dibawa ke perhatian Kerajaan Negeri. Walaupun masing-masing kesuntukkan masa dan demi menjaga kebajikan rakyat yang terlibat dalam bencana alam baru-baru ini.

YB. Dato' Speaker, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan prihatin kepada semua warga Pulau Pinang yang terlibat dalam kejadian bencana alam di negeri kita pada November ini. Adalah didoakan agar keadaan semakin pulih dan yakni Kerajaan Negeri sedaya upaya mengambil pelbagai inisiatif melalui pelbagai saluran untuk menangani masalah ini demi menjaga keselamatan dan kebajikan rakyat Negeri Pulau Pinang tanpa mengira politik, agama dan bangsa.

YB. Dato' Speaker, berikutan kejadian dengan bencana alam, angin ribut kencang dan banjir yang menimpa kita, izinkan saya maklumkan bahawa tindakan segera telah diambil oleh JKR untuk melantik kontraktor dan mengarahkan konsesi Jalan Persekutuan bagi menjalankan kerja-kerja kecemasan dan juga baik pulih tempat-tempat yang mengalami runtuh tanah.

Ini bertujuan untuk menyegerakan tindakan pembaikan segala kerosakan. Sebagai makluman, sebanyak 131 kejadian cerun runtuh telah berlaku di Pulau Pinang iaitu sebanyak 46 kejadian tanah runtuh pada 15 hari bulan September tahun ini dan juga 85 bilangan cerun runtuh pada 4 November ini. Di sepanjang rizab jalan JKR jalan-jalan yang terkesan iaitu Jalan Persekutuan, Jalan Paya Terubong, Jalan Tanjong Tokong, Batu Feringghi, Telok Bahang, Balik Pulau, Jalan Tun Sardon dan juga jalan jeep Bukit Bendera.

Buat masa sekarang Jalan Tun Sardon masih tertutup kepada lalu lintas kerana kerja-kerja pembersihan tanah runtuh dan juga kerja-kerja pembaikan masih sedang dijalankan. Dan jalan ini akan dibuka kepada trafik pada 15 hari bulan November jam pukul 5.00 petang. Manakala Jalan Paya Terubong yang telah tutup pada 4 hari bulan November untuk kerja-kerja pembersihan telah pun dibuka pada 7 hari bulan November, petang, pagi maaf. Di samping itu jalan jeep di Bukit Bendera juga telah ditutup sejak 5 hari bulan November juga telah boleh dilalui pada 10 hari bulan November, pagi. Walau bagaimanapun kerja-kerja pembersihan masih berjalan di tapak.

Sebanyak 61 buah jentera seperti *accelerator*, *backhole* dan lori telah digunakan bagi pembersihan runtuhan melibatkan sisa tanah, pokok dan juga pemindahan batu *boulders* yang telah jatuh. Keutamaan pada masa ini adalah untuk memastikan jalan boleh dilalui, perparitan yang tersumbat dibuka semula, serta pemasangan perlindungan cerun sementara dilaksanakan bagi memastikan hakisan tidak berlaku apabila hujan lebat. Buat masa ini perkembangan banjir terkini adalah masih tertumpu kepada SPU di mana limpahan air sungai dari Sungai Jarak dan Sungai Kulim merupakan satu-satu punca air bah yang membanjiri kawasan sekeliling.

JKR memberikan keutamaan untuk mengawal trafik dengan meletak papan tanda dan turut menjalankan kerja-kerja pembersihan runtuhan. Pembersihan pokok tumbang dan pembaikan kecil. Selain itu JKR juga telah menumpu kepada semua usaha dan membaik pulih jalan yang rosak bagi menjaminnya keselesaan pengguna jalan raya.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta laluan Yang Berhormat, berkenaan isu tanah runtuh di Bukit Bendera saya telah bangkitkan semasa perbahasan saya dan saya masih lagi ada di sini gambar yang diambil daripada helikopter yang membuat kerja-kerja mengambil orang-orang yang ada di Bukit Bendera ketika kejadian ini berlaku. Soalan saya bertumpukan kawasan cerun bukit berdekatan dengan satu (1) masjid dan kuil. Saya cuma bangkitkan soalan ini kerana kita lihat daripada gambar-gambar ini kejadian tanah runtuh itu berlaku betul-betul berdekatan dengan masjid dan kuil. Persoalan saya adalah apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi menjamin keselamatan pengguna-pengguna di masjid dan juga kuil? Penganut-penganut di kuil dan juga Qariah Masjid akan hadir untuk sembahyang dan sebagainya kerana ini adalah perkara yang begitu serius. Adakah langkah-langkah akan diambil bagi memastikan kerja-kerja itu dijalankan dengan segera Yang Berhormat. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Tadi saya ada menyatakan bahawa keutamaan diberi kepada jalan-jalan yang telah dirosak atau ada tanah runtuh di atas jalan supaya kita membersihkan dan untuk dibuka semula untuk lalu lintas.

Yang dua (2) lokasi Yang Berhormat sebut tadi iaitu di masjid atau di kuil itu JKR sedang meminta juru perunding untuk menyiasat dan membuat cadangan bagaimana hendak dibaiki. Buat masa ini cerun itu masih *stable* dan kita JKR sedang memantau dengan rapat dengan kejadian tersebut.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

(Dengan izin Yang Berhormat, berbalik dengan isu yang sama baru-baru ini kita dengar semenjak Dewan ini bersidang bermula dan sebelum itu, tuduhan-tuduhan dilemparkan oleh beberapa NGO terhadap Kerajaan Negeri ataupun kerajaan sekarang mengatakan bahawa kebanyakan kejadian tanah runtuh ini berlaku disebabkan oleh pembangunan-pembangunan di kawasan cerun bukit. Tapi kita lihat dalam gambar ini dengan jelas tidak ada sebarang pembangunan baru dan walaupun tidak ada sebarang pembangunan baru, kejadian tanah runtuh masih lagi berlaku.

Jadi bolehkah Yang Berhormat sedikit sebanyak memberi penjelasan bagaimanakah perkara ini berlaku kerana daripada Perlis ke Singapura sekarang semua kejadian tanah runtuh di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dituduh kononnya kita memotong cerun bukit, membina bangunan di cerun bukit dan sebagainya tetapi ini gambar ini dengan jelas menunjukkan tidak ada sebarang pembangunan.

Bolehkah Yang Berhormat memberi penjelasan supaya perkara ini diberi liputan supaya kita tidak disalahkan. Pembangunan di sini kedua-dua bangunan yang ada di sini pun dibina masa zaman Barisan Nasional. Soalan saya belum tamat lagi Yang Berhormat. Memandangkan kedua-dua bangunan ini dibina di cerun bukit, adakah pihak kontraktor pada masa dahulu, EXCO pada masa dahulu, kerajaan pada masa yang dahulu, mengambil langkah-langkah memastikan air yang jatuh di atas tanah itu sama ada berdekatan dengan masjid sama ada berdekatan dengan kuil itu disalurkan melalui paip-paip yang ditanam di dalam tanah?. Perkara-perkara ini langsung tidak mahu diketahui oleh pihak NGO. Mereka pakai hentam sahaja. Bolehkah Yang Berhormat memberi penjelasan atas isu ini? Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Memang dua (2) lokasi Yang Berhormat sebut tadi adalah tempat yang lama yang tidak diusik oleh pembangunan baru. Dan kerana mungkin terlalu lebat hujannya dan air telah melalui jajaran tersebut dan menyebabkan tanah runtuh. Itu kita biarkan kepada konsultan yang akan menyiasat perkara tersebut dan membuat cadangan bagaimana hendak mengalihkan laluan air-air yang lalu tempat itu. Dan kita boleh nampak di Jalan Tun Sardon dan juga Jalan Paya Terubong, Batu Feringghi di mana cerun yang

dipotong dahulu-dahulunya mungkin 20 tahun dahulu kita sekarang tak ada pembangunan di atas lereng itu. Tetapi dia runtuh juga. Dia runtuh juga. Justeru itu segala peristiwa ini kerajaan akan mengambil konsultan untuk meneliti dan mendatangkan satu (1) cadangan supaya kita boleh mencegah runtuhan dan seterusnya....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat saya cuma nak singkatkan dan beri satu (1) cadangan. Demi keselamatan Qariah Masjid yang akan hadir untuk sembahyang di masjid tersebut terutamanya pada hari Jumaat dan juga penganut-penganut di kuil juga pada hari Jumaat dan hari-hari yang lain. Bolehkah kawasan itu sementara ini ditutup, dilarang kerana kalau berlaku sesuatu semasa ada yang sembahyang di kuil dan di masjid, saya risau kita juga akan dipersalahkan. Ini adalah isu yang melibatkan keselamatan orang awam. Kita tidak boleh berdolak dalih. *We cannot risks life anymore* dan maklumlah kalau berlaku perkara ini seperti di kejadian Tanjong Bunga semua pihak di sebelah saya, di sebelah kiri kanan semua akan menyalahkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

So, pertimbangkan kalau boleh kita mengawal kawasan itu sehingga kerja-kerja pembaikan pembaik pulih itu dilaksanakan segera. *Public safety is very important* Yang Berhormat. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Terima kasih kerana prihatin kepada keselamatan manusia di dua-dua tempat ini pihak kerajaan atau melalui JKR sentiasa memantau dengan rapi keadaan runtuhan tersebut dan sekiranya didapati bahawa tempat itu adalah bahaya dan kerajaan atau melalui JKR akan mengeluarkan amaran untuk melarang manusia atau siapa-siapa memasuki kawasan tersebut tetapi buat masa sekarang masih belum sampai tahap sedemikian. Kalau kita buat larangan untuk digunapakai mungkin kerja-kerja pembaikan akan ambil satu (1) masa yang begitu panjang dan ini akan mendatangkan kesulitan kepada pengguna-pengguna atau penganut-penganut kuil dan juga masjid tersebut, tetapi kita juga tak mahu peranjatkan semua penganut-penganut itu. Jadi yakinlah kepada pihak Kerajaan atau JKR mereka sedang memantau dengan rapi. Sekiranya ada pergerakan seterusnya maka ia akan diumumkan sebagai bangunan yang bahaya dan dilarang untuk digunapakai.

YB. Dato' Speaker, kesan banjir ini juga mengakibatkan banyak ...(gangguan).

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Penjelasan, YB. Bagan Jermal, huraikan saya bangkitkan kes habitat yang dibangunkan Disember 2006 dan *plan* lokasinya?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

YB. Dato' Speaker, habitat yang membina *Canopy Walk* ini pada hari itu Pengurus Besarnya datang ke Dewan dan kita sempat berbincang dengan beliau di kantin dan beliau kata buat masa sekarang struktur-struktur semua adalah tidak terancam dan selamat dipakai dan mereka ada buat sedikit sebanyak pembaikan kecil di mana beliau juga berharap supaya apabila *ventricular train* atau keretapi Bukit Bendera dibuka semula maka habitat ini juga boleh dikunjungi oleh pelancong-pelancong, buat masa sekarang pelancong tak boleh naik maka tiada pelancong untuk melawat tempat-tempat peranginan di atas Bukit Bendera tapi apabila keretapi di buka semula maka pelancong akan naik mereka sudah bersedia untuk menerima pelancong-pelancong untuk melawat habitat itu.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Lokasi pembangunan habitat itu?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Lokasi? Di mana? Dia di Bukit Bendera bukan? Bukit Bendera, di mana bagaimana saya nak sebut di mana? Dia ada di atas Bukit Bendera, saya kalau dia jalan nama jalan saya tidak...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat, saya sikit saja, saya berbalik kepada isu yang lebih penting daripada habitat, nyawa manusia, berbalik kepada isu masjid dan kuil. Sehingga sekarang adakah pihak JKR telah memberi satu (1) taklimat terperinci? Soalan pertama saya, kedua bolehkah kita juga menubuhkan satu (1) Jawatankuasa yang khas untuk memantau kerja-kerja membaikpulih cerun-cerun bukit di dua-dua lokasi ini? *This is...*(dengan izin) saya minta maaf adalah sesuatu yang *a disaster waiting to happen*.

Sebab itu saya, saya yakin dengan kewibawaan Yang Berhormat sendiri tetapi ada perbezaannya dan kita mendapat maklum balas secara terperinci kerana perkara ini melibatkan nyawa manusia. Sebab itu saya cadangkan pihak JKR Pengarah, Jurutera Daerah dan sebagainya dan pihak-pihak yang berkepentingan dipanggil untuk mesyuarat untuk kita mengambil satu (1) langkah dengan segera supaya Yang Berhormat dimaklumkan tentang kerja-kerja yang akan dilaksanakan bagi memastikan kedua-dua lokasi ini kembali selamat semula dan adakah kedua-dua kawasan ini telah pun diliputi dengan plastik sehingga sekarang. Itu persoalan saya, Yang Berhormat, terima kasih.

Ahli Kawasan Bagai Jermal (YB. Lim Hock Seng):

JKR Pulau Pinang sudah meminta perkhidmatan atau *advising* daripada JKR bahagian cerun iaitu dari JKR Pusat dan mereka sedang bertungkus lumus untuk menjalani semua siasatan-siasatan di semua-semua tempat dan mereka akan memastikan kerja-kerja atau langkah-langkah untuk mencegah runtutan tanah dan seterusnya. Jadi yakinlah kepada jurutera-jurutera daripada JKR supaya semua akan diambil kira.

Kesan banjir ini juga telah mengakibatkan banyak pencawang elektrik atau *substation* di tenggelami air. Maka pihak TNB perlu menutup atau *shut down* stesen-stesen terlibat atas faktor keselamatan dan juga stesen-stesen terbabit akan dibuka semula setelah dibaik pulih selepas air surut. Buat masa sekarang semua *substation* sudah komisyen dan semua gangguan-gangguan elektrik pun telah dibaiki dan juga ada sedikit sebanyak di mana ada bekalan terputus tetapi TNB sentiasa mendapat *hotline* dan juga aduan-aduan dari orang ramai dan akan kerah ke tempat terjadi bekalan terganggu itu dibaiki dalam masa yang terdekat.

YB. Dato' Speaker, sukacita ingin dimaklumkan bahawa pada masa ini Kerajaan Negeri giat meneruskan pelaksanaan 14 projek pembinaan dan naik taraf jalan yang telah diperincikan dalam Bajet 2017 dengan peruntukan pembangunan berjumlah RM12.76 juta di mana satu (1) projek telah pun siap pembinaan dan empat (4) projek lagi kini dalam peringkat pembinaan selebihannya berada dalam peringkat reka bentuk.

Kerajaan Negeri sentiasa memastikan pembangunan infrastruktur yang mampan di negeri ini di mana setiap projek-projek infrastruktur di rangka dengan teliti berdasarkan keperluan semasa dan peruntukan yang disediakan. Bajet 2018 memperuntukkan RM61.2 juta, berbanding dengan RM42.3 juta pada tahun 2017, bagi kerja raya iaitu satu (1) penambahan sebanyak 45%. Kita akan pastikan kualiti kerja di Pulau Pinang adalah terbaik, selamat dan mencapai objektif memudahkan *accessibility* pengguna jalan raya. Kerajaan Negeri juga akan meneruskan pelaksanaan projek-projek infrastruktur mega yang telah dirancang kerana ianya telah dikaji mampu menyelesaikan isu kesesakan lalu lintas dan penambahbaikan perkhidmatan-perkhidmatan awam.

Walau bagaimanapun kita hanya akan melaksanakan projek ini setelah semua kelulusan dari pihak berwajib diperolehi. YB. Dato' Speaker, izinkan saya memberi maklum balas kepada isu yang dibangkitkan oleh YB. Penanti, YB. Jawi dan YB. Machang Bubok, mengenai kerja-kerja penyelenggaraan kebersihan jalan-jalan kampung menggunakan peruntukan MARRIS. Yang Berhormat-Yang Berhormat penyaluran peruntukan kepada Pejabat Daerah Dan Tanah dibawah pembiayaan penjagaan MARRIS telah bermula pada tahun 2013. Sebagai makluman, jumlah perbelanjaan bagi kerja-kerja penyelenggaraan jalan kampung oleh PBT di bawah peruntukan MARRIS bagi tahun 2013 hingga tahun 2017 setakat 31 Oktober 2017 adalah berjumlah RM11.53 juta.

Berdasarkan jumlah perbelanjaan yang direkodkan telah menunjukkan peningkatan ke atas penggunaan peruntukan MARRIS oleh PBT dari setahun ke setahun bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan jalan kampung, penyaluran peruntukan kepada PBT juga adalah berdasarkan permohonan dan kemampuan perbelanjaan oleh PBT. Setakat ini jumlah pemberian yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi pembiayaan di bawah MARRIS adalah mencukupi bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan jalan kampung, jalan kampung yang hendak diselenggara perlu memenuhi kriteria minimum dan didaftarkan di bawah MARRIS seperti mana garis panduan MARRIS yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Skop penyelenggaraan jalan negeri yang juga merangkumi jalan kampung adalah terbahagi kepada empat (4) kategori utama iaitu penyelenggaraan rutin, iaitu berjadual, penyelenggaraan berkala, penyelenggaraan kecemasan, dan juga penyelenggaraan pencegahan. Bagi projek jalan dan longkang di kampung yang tidak memenuhi piawaian minimum garis panduan MARRIS, Kerajaan Negeri turut menyediakan peruntukan di bawah pembangunan negeri untuk melaksanakan projek ini.

Dari tahun 2013 hingga 2017 Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM3.2 juta bagi tujuan ini iaitu RM2.3 juta untuk penyelenggaraan jalan kampung dan RM832,000 untuk menaiktaraf atau pembaikan longkang berdasarkan permohonan dan perakuan oleh PBT. Bagi tahun 2018 pula Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM2 juta bagi tujuan yang sama. Sebagai makluman Yang Berhormat, PBT perlu mematuhi prosedur perolehan kerajaan yang ditetapkan dalam pemilihan kontraktor yang kompeten dan memastikan bahawa kos perbelanjaan terlibat adalah lebih kompetitif dan menguntungkan kerajaan. Selain itu pusat penyelenggaraan jalan kampung juga perlu melalui proses siasatan dan penelitian terperinci sebelum dilaksanakan. Oleh yang demikian, pihak PBT sememangnya sentiasa berusaha sehabis baik memenuhi kehendak Yang Berhormat-Yang Berhormat Dewan Undangan Negeri dan masyarakat setempat untuk melaksanakan projek penyelenggaraan jalan kampung ini tanpa mengetepikan prosedur-prosedur kerja dan peraturan perolehan yang perlu dipatuhi.

Semua Yang Berhormat boleh merujuk PBT masing-masing bagi mendapatkan butiran lanjut berkaitan pelaksanaan kerja kerja penyelenggaraan jalan kampung atau mengemukakan permohonan rasmi untuk di pertimbangkan.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Minta penjelasan. Terima kasih YB. Bagan Jermal yang telah memberi jawapan tentang penyelenggaraan jalan kampung dan longkang, cuma saya nak tau dengan selanjutnya tentang adakah pembersihan seperti pemotongan rumput dan cuci longkang itu juga termasuk dalam penyelenggaraan jalan kampung dan juga longkang kerana kenapa saya bangkitkan perkara ini kerana sehingga kini masih tidak ada penyelenggaraan atau pembersihan pemotongan rumput di jalan-jalan kampung dan juga pencucian longkang.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Yang Berhormat bersabar sedikit saya akan sampai kepada jawapan YB. Machang Bubuk. Harapan saya agar Yang Berhormat-Yang Berhormat turut memahami prosedur-prosedur bagaimana peruntukan MARRIS ini boleh diguna untuk penyelenggaraan jalan. Di mana jalan-jalan yang didaftarkan di dalam sistem MARRIS dalam tahun semasa akan dilaksanakan penyelenggaraannya pada tahun hadapan sejurus selepas peruntukan di terima.

Walau bagaimanapun jalan-jalan yang memerlukan penyelenggaraan segera akan diberikan keutamaan. Hasil pemerhatian Pejabat Daerah dan Tanah mendapati pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan jalan dan longkang di kawasan kampung yang melibatkan beberapa isu, iaitu bukan saja ianya memerlukan kebenaran daripada tuan tanah tapi juga melibatkan masalah peruntukkan *ad hoc basis*.

Sehubungan itu Kerajaan Negeri menyambut baik cadangan YB. Penanti berkenaan penyediaan peruntukan khas bagi kerja-kerja penyelenggaraan jalan dan infrastruktur desa yang lain seperti secara konsisten dan akan mempertimbangkan dengan sewajarnya. Yang merujuk kepada soalan YB. Machang Bubuk yang menanya bilakah kerja-kerja pembersihan Kampung Tersusun dapat dimulakan. Suka saya memaklumkan bahawa kerja-kerja pembersihan bagi kampung tersusun termasuk pemotongan rumput dan juga pembersihan longkang, parit dan tanah bagi jalan-jalan yang didaftarkan dengan MARRIS dijangka akan bermula pada 1 Januari tahun depan. Pelaksanaan adalah di bawah pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) akan bermula memotong rumput, mengorek longkang di kampung-kampung pada 1 Januari tahun depan.

Berkenaan dengan kenyataan YB. Penanti bahawa peruntukkan MARRIS tidak dapat diguna untuk menyelenggarakan kampung, ingin saya membuat pencerahan di sini, di samping peruntukan ADUN untuk penyelenggaraan jalan-jalan kampung, Garis Panduan MARRIS juga membenarkan penggunaan 10% daripada wang MARRIS yang berjumlah RM2 juta setahun untuk membiayai projek-projek jalan kampung yang tidak mencapai piawaian minimum JKR dan tidak berdaftar dalam sistem MARRIS. Bermakna kalau jalan-jalan kampung itu belum didaftar dan tidak mematuhi piawaian JKR bukan langsung tak boleh dibaiki. Kerajaan boleh menggunakan 10% daripada peruntukan MARRIS itu untuk digunapakai untuk tujuan ini.

YB. Penanti juga turut mencadangkan agar wang sumbangan untuk pembangunan jalan disalurkan untuk menaiktaraf jalan kampung. Adalah dimaklumkan bahawa MPSP pada ketika ini tidak mengutip sebarang wang sumbangan jalan bagi pembangunan jalan untuk menaiktaraf jalan kampung. Suka saya sarankan agar Yang Berhormat memohon untuk mengguna 10% peruntukan MARRIS untuk menyelenggara jalan-jalan kampung sekiranya peruntukan ADUN bagi tujuan tersebut tidak mencukupi.

Seterusnya, beralih kepada YB. Jawi, yang memohon agar Kerajaan Negeri menaiktaraf Jalan Persekutuan di KADUN Jawi. Sebagai maklumat Jalan Persekutuan yang terlibat di KADUN Jawi adalah Jalan Persekutuan 1, FT001. Keseluruhan panjang *federal* FT001 di Seberang Perai Selatan adalah 20 kilometer panjang. Keseluruhan projek menaiktaraf Jalan Persekutuan FT001 ini sedang dilaksanakan secara berfasa. Sehingga kini, 3 fasa telah disiapkan, sebahagian daripada Jalan Persekutuan di KADUN Jawi telah pun dinaiktarafkan kepada 4 lorong dua (2) hala bermula dari Persimpangan Sungai Bakap ke Persimpangan Jalan Kerian, KEDA. Fasa 4 iaitu naik taraf di kawasan Simpang 4 sedang dalam pembinaan, sementara dari Persimpangan KEDA Kerian ke Nibong Tebal akan dinaiktaraf di fasa 6 yang kini dalam peringkat perancangan oleh Kementerian Kerja Raya.

YB. Dato' Speaker, Kerajaan Negeri mengambil maklum akan cadangan YB. Seri Delima yang menggesa Kerajaan Negeri untuk menyuruh Kerajaan Persekutuan untuk mempertimbangkan pemansuhan tol Jambatan Pertama di Pulau Pinang ataupun sekurang-kurangnya memansuhkan tol secara berperingkat ke atas kenderaan motokar terlebih dahulu. Diikuti pemansuhan tol ke atas kenderaan berat seperti lori dan bas pada peringkat kedua. Yang Berhormat sememangnya Kerajaan Negeri akur akan wujudnya perjanjian konsensi Kerajaan Persekutuan berkenaan pelaksanaan tol ke atas Jambatan Pulau Pinang ini sehingga tahun 2038...(ganguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta laluan Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Namun Kerajaan Negeri menyambut baik cadangan Yang Berhormat dan akan menggunakan platform yang sesuai. Untuk menyuarakan cadangan ini kepada Kerajaan Persekutuan memandangkan pelaksanaan tol ini telah pun bermula sejak tahun 1985 yang diikuti oleh LLM dan kutipan oleh Syarikat Konsensi pula bermula pada tahun 1993.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta maaf. Saya sedang cuba kira kalau daripada tahun 1985 hingga 2017 lebih kurang berapa tahun Yang Berhormat ya? 32 tahun, jadi dalam masa 32 tahun ini saya percaya kos pembinaan jambatan itu telah pun dibiayai, pertamanya. Keduanya kita lihat bahawa Jambatan Kedua pun telah dibina, dan kita sekarang mempunyai peluang untuk sama ada menggunakan Jambatan Pertama ataupun kemudahan Jambatan Pertama ataupun Jambatan Kedua. Tetapi agak menarik juga bahawa sesuatu yang kita fikir pada satu masa dahulu yang mustahil berlaku, berlaku sekarang. Di mana dalam pembentangan belanjawan di Parlimen, Perdana Menteri telah pun mengumumkan penghapusan tol, kutipan tol di beberapa tol di Selangor dan di Wilayah Persekutuan. Jadi kalau kita lihat sebagai perbandingan saya kurang pasti sama ada tol-tol penghapusan, ataupun kutipan tol yang dihapuskan di Selangor dan di Wilayah Persekutuan itu adalah lebih awal daripada Jambatan Pulau Pinang tetapi apa yang jelas adalah di Pulau Pinang kita memerlukan penggunaan kemudahan, penggunaan tol ini tanpa sebarang tol dikenakan. Dan saya membawa perkara ini kepada Yang Berhormat untuk tanya sama ada daripada 2008 sehingga sekarang adakah, apa-apa langkah-langkah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menghalusi perkara ini demi rakyat Pulau Pinang. Mungkin permintaan daripada Kerajaan Negeri tidak akan dilayan tetapi ini adalah sesuatu perkara yang wajib dan wajar kita memberi pertimbangan dan satu lagi persoalan yang boleh saya lontarkan kepada Yang Berhormat adalah memandangkan masalah banjir boleh berlaku baru-baru ini bolehkah sekurang-kurangnya tol itu dilonggarkan ataupun tidak dikenakan untuk tempoh masa sekurang-kurangnya sebulan? Kerana saya telah memberikan satu kesimpulan dalam perbahasan saya di mana sekiranya saya tinggal di kawasan Seberang dan saya menjadi mangsa banjir dan saya ada ahli keluarga yang tinggal di kawasan seperti Sungai Pinang, Datok Keramat dan terpaksa saya ulang-alik, mungkin tiap-tiap hari untuk memberi bantuan kepada ibu bapa saya yang tinggal di sebelah Pulau.

Kalaulah katakan sekiranya bukan semua diberi perlepasan sekurang-kurangnya kalau orang itu merupakan mangsa banjir, bolehkah perkara itu diberi perhatian oleh Kerajaan Persekutuan melalui pemegang konsensi untuk memberi perlepasan kepada mangsa-mangsa banjir yang mengalami masalah kewangan dan akan terus mengalami masalah kewangan kerana perlu membeli barang-barang yang diperlukan di rumah, maklumlah televisyen, peti ais, semuanya telah rosak, rumah pun yang telah rosak, bolehkah perkara ini diberi pertimbangan sama ada Yang Berhormat boleh dengan segera memaksa atau menyeru Kerajaan Persekutuan untuk memberi perlepasan untuk mangsa banjir yang telah mengalami masalah disebabkan oleh banjir baru-baru ini untuk kutipan tol di Jambatan Pertama.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Kalau kita menimbang atau mengira balik konsensi Jambatan Pulau Pinang ini, dia bermula pada tahun 1985 dan mengikut perjanjian hanya 30 tahun konsensi sahaja dibenarkan, maka tiap-tiap tahun tamat tempoh untuk mengutip tol itu adalah pada 2015 iaitu pada dua (2) tahun dahulu. Sepatutnya kita tak perlu bayarlah, sudah dua (2) tahun tak perlu bayar tetapi apa boleh buat Kerajaan Pusat yang mengambil alih kerana konsensi yang pertama telah gulung tikar, dan Kerajaan Persekutuan telah ambil alih dan dipanjangkan konsensi sehingga 2038 selaras dengan Lebuhraya Utara-Selatan. Lebuhraya Utara-Selatan pun serupa, sepatutnya tempoh kutipan tol pun telah tamat tetapi Kerajaan Pusat yang menyusahkan rakyat telah mengumumkan supaya lanjutan kutipan tol itu kepada 2038.

Mengenai pengecualian kutipan tol, itu setahu Yang Berhormat ini bukan dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri dan itu adalah Kerajaan Pusat yang perlu memutuskannya tetapi dalam manifesto atau Pilihan Raya Pakatan Harapan kita sudah kata sekiranya kita berjaya untuk menawan Putrajaya maka kutipan tol ini akan dikecualikan. Jadi tunggulah Yang Berhormat sabar sedikit mungkin dalam enam (6) bulan mungkin ada keputusannya.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terima kasih Yang Berhormat ke atas maklumat yang diberikan. Saya baru ambil maklum bahawa kutipan tol di mana-mana akan berakhir dalam masa 30 tahun. Ini adalah perkara yang begitu penting yang akan diketahui oleh rakyat di Pulau Pinang bahawa Kerajaan Persekutuan hanya boleh mengenakan pembayaran tol di Jambatan Pulau Pinang untuk tempoh 30 tahun dan ia telah berakhir pada tahun 2015.

Perkara yang ingin saya tanya Yang Berhormat memandangkan perkara ini telah pun kita ketahui, bolehkah kita Kerajaan Negeri Pulau Pinang memulakan satu tindakan undang-undang di mahkamah mewakili rakyat Pulau Pinang kita ada ramai peguam yang berkebolehan, memastikan bahawa, pertamanya kita memaksa Kerajaan Persekutuan untuk mengemukakan perjanjian konsensi di mahkamah dan kedua kalau dalam perjanjian konsensi itu telah jelas bahawa tempoh kutipan tol adalah hanya untuk 30 tahun sahaja, memperolehi satu Perintah Injunksi terhadap Kerajaan Persekutuan dan juga pemegang konsensi untuk menahan mereka daripada terus mengutip tol supaya kita dapat menyelesaikan masalah ini, perkara yang boleh dipertimbangkan. Dulu bila saya berbas, saya telah mencadangkan kita memulakan tindakan undang-undang untuk memastikan Kerajaan Persekutuan memberikan bantuan kewangan untuk projek-projek tebatan banjir. Sekarang saya mencadangkan kalau boleh di Dewan yang mulia ini supaya Kerajaan Negeri memulakan tindakan terhadap Kerajaan Persekutuan, dan saya yakin perkara ini akan mendapat sokongan daripada rakyat di Pulau Pinang supaya kita melarang sama sekali, menyaman Kerajaan Persekutuan, menyaman pemegang konsensi untuk menahan mereka daripada terus mengutip tol di Jambatan Pertama Pulau Pinang.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila Bagan Jermal.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Terima kasih, itu adalah satu cadangan mungkin boleh dikaji oleh YB. Seri Delima sebagai seorang peguam yang mahsyur di negeri kita ini. Jadi Yang Berhormat diberi tugas untuk menjalankan kajian ini dan memberi nasihat kepada Kerajaan Negeri sama ada kita boleh melangkah ke depan untuk satu tindakan saman kepada Kerajaan Pusat.

Yang Berhormat menjawab soalan pada YB. Sungai Acheh yang menanya jalan-jalan masuk ke Jambatan Tanjung Berembang. Sebagai makluman Yang Berhormat jalan masuk ke Jambatan Tanjung Berembang dari arah selatan adalah di Jalan Sungai Acheh manakala jalan masuk dari arah Utara adalah Jalan Teluk Ipel dan juga Jalan Victoria. JKR akan membuat reka bentuk jalan-jalan menuju ke jambatan ini seterusnya memohon peruntukkan untuk membinanya.

YB. Dato' Speaker, beralih kepada isu utiliti bagi menjawab soalan kepada YB. Telok Ayer Tawar yang mempersoalkan tindakan pemantauan Pihak Berkuasa Tempatan terhadap isu pengorekan jalan oleh pihak utiliti yang telah menyebabkan banjir lumpur dan kerosakan jalan. Sebagai makluman Yang Berhormat tindakan pemantauan oleh Pihak Berkuasa Tempatan terhadap kerosakkan jalan berikut

dengan kerja-kerja pengorekan jalan selepas kelulusan diberi adalah seperti berikut: Mengeluarkan *stock work order*;

Pengarahkan pihak utiliti membuatkan pembaikan segera; dan

Membuat pembaikan sementara dengan menggunakan wang cagaran yang diserahkan oleh pihak utiliti. Ada apa-apa tanya? Tak ada ya. *Thank you*.

Bagi menjawab persoalan YB. Penanti yang membangkitkan peranan PDC Telekomunikasi Service Sdn. Bhd. atau PDC Telco mengenai pemantauan dan kelulusan pengorekan jalan adalah dimaklumkan bahawa PDC Telco telah dilantik untuk menjalankan fungsi *One Stop Agency* dalam urusan pelaksanaan perparitan bersepadu di Pulau Pinang. PDC Telco bertindak sebagai OSA - *One Stop Agency* yang berperanan menyemak dan memproses permohonan permit kerja perparitan yang dikemukakan oleh pihak syarikat telekomunikasi dan selanjutnya akan dikemukakan kepada JKR atau PBT untuk kelulusan permit dan jalankan kerja-kerja perparitan atau pengorekan. Permit untuk melaksanakan kerja-kerja perparitan akan dikeluarkan atas nama pemohon iaitu syarikat telekomunikasi oleh pihak JKR atau PBT setelah semakan terperinci ke atas permohonan. PDC Telco juga menguruskan bayaran cagaran yang ditetapkan oleh pihak JKR atau pihak PBT bagi setiap permohonan dan bayaran cagaran ini perlu dijelaskan oleh syarikat komunikasi sebelum kerja-kerja perparitan atau pengorekan jalan dilakukan. Bagi bayaran perlu dikemukakan kepada Bendahari Kerajaan Negeri dan pemantauan bayaran serta pemulangan deposit tersebut diuruskan oleh CMI.

Semua kerja di tapak akan dikendalikan dan diuruskan oleh pihak kontraktor yang juga berdaftar dengan pihak PBT dan juga JKR, pihak pemohon dipertanggungjawabkan terhadap kerja-kerja pengorekan yang dilakukan serta kerja-kerja penyelenggaraan yang berkaitan. Sebarang masalah yang timbul berkaitan dengan kerja-kerja pengorekan perlu diambil tindakan penyelesaian yang sewajarnya oleh pihak pemohon. Wang cagaran hanya akan dipulangkan sekiranya kerja-kerja pengorekan telah dilaksanakan mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam permit dan disusuli dengan notis siap kerja tapak dalam keadaan baik serta surat pengesahan pengembalian wang cagaran daripada JKR dan juga PBT. Tempoh tanggungan kecacatan adalah satu tahun selepas tarikh notis siap kerja, sebarang kerosakan terhadap jalan-jalan tersebut dalam tempoh satu (1) tahun selepas kerja-kerja pengorekan dan penurapan jalan dilakukan adalah ditanggung oleh syarikat telekomunikasi. Sekiranya pihak syarikat telekomunikasi gagal membaiki sebarang kerosakan dengan sempurna pihak PBT dan JKR akan menarik balik permit dan melantik pihak ketiga bagi menyiapkan kerja tersebut dengan mengguna pakai wang cagaran tersebut.

YB. Dato' Speaker, sebagai makluman YB. Penanti tiada sebarang kerja-kerja pengorekan di kawasan Penanti pada tahun 2015. Terdapat dua (2) kerja-kerja pengorekan iaitu daripada Maxis Broadband Sdn. Bhd. di Jalan Sungai Lembu dan Jalan Penanti pada tahun 2016, 2015 tidak ada pengorekan, *last year* ada. Manakala pada tahun ini terdapat satu kerja pengorekan oleh Telekom Malaysia Berhad di Jalan Kampung Tok Elong

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Sebenarnya TM juga ada di depan sekolah pengorekan jalan di depan Sekolah Menengah Penanti dan banyak sangat kemalangan yang telah berlaku di situ. Yang Berhormat EXCO, adakah TNB *cooperate* kan di bawah TNB dan PBA juga di bawah PDC Telco ataupun hanya syarikat telekomunikasi?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Tadi saya sudah menjawab bahawa pemohon daripada syarikat telekomunikasi kepada PDC, PDC akan mengemukakan permohonan ini kepada JKR. Kalau jalan itu dijaga oleh JKR. Kalau jalan itu dijaga oleh PBT maka permohonan dikemukakan kepada PBT.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Boleh tak tolong *check* pada tahun 2017 ada projek Telekom Malaysia di depan Sekolah Menengah Penanti.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Yang saya dapat maklumat disini adalah pada tahun ini 2017, TM ada korek di Jalan Kampung Tok Elong yang mana dikatakan oleh Yang Berhormat di sekolah Jalan Penanti itu nanti saya minta JKR untuk semak. Terima kasih.

Perkara-perkara yang sama turut dibangkitkan oleh YB. Pulau Betong dan memohon agar pemantauan kualiti pembaikan jalan selepas kerja-kerja pengorekan dan kualiti hasil kerja penyelenggaraan menggunakan peruntukan MARRIS diberikan perhatian agar lebih berkualiti serta kerja-kerja penampungan jalan dibuat pada kadar segera selepas kerja-kerja pengorekan utiliti selesai dijalankan. Sebagai makluman Yang Berhormat, kerja-kerja pembaikan jalan selepas kerja-kerja pengorekan utiliti adalah di bawah tanggungjawab syarikat utiliti berkenaan, pihak JKR tidak akan memperakukan notis siap kerja sekiranya syarikat utiliti gagal sempurnakan kerja-kerja pembaikan mengikut syarat-syarat JKR dan wang cagaran atau deposit tidak akan dikembalikan kepada syarikat utiliti. Panjang korek terbuka atau maksimum yang dibenarkan atas jalan adalah 250 meter panjang sahaja. Oleh yang demikian syarikat perlu segera menampal jalan tersebut sebelum korekkan baru dibenarkan oleh JKR. Sekiranya syarikat utiliti gagal untuk membaiki jalan yang berkenaan, JKR akan melantik pihak ketiga dan mengenakan caj bayaran mengikut harga kos pembaikan dan penalti sebanyak 25% akan ditolak daripada wang cagaran deposit syarikat utiliti tersebut.

Merujuk kepada aduan Yang Berhormat berkenaan kerja tampalan jalan yang lambat dilaksanakan selepas pengorekan utiliti di kawasan Pulau Betong, adalah dimaklumkan kerja-kerja menaik taraf paip bekalan air sedang dilaksanakan oleh PBA di Jalan Pondok Upeh dan Jalan Pulau Betong. Buat masa ini pihak PBAPP melaksanakan penampalan sementara sahaja di tapak memandangkan projek menanam paip ini masih belum siap sepenuhnya dan mendapan masih berlaku. Apabila proses penanaman paip selesai. Pihak PBA akan menjalankan ujian tekanan dan ujian sambungan pada setiap paip secara keseluruhannya untuk paip yang ditanam selepas itu barulah kerja-kerja membarui muka jalan akan dilaksanakan oleh PBA di dua batang jalan tersebut. Sekiranya kerja-kerja membarui jalan dibuat sebelum kerja-kerja penanaman paip selesai berkemungkinan PBA akan mengorek semula jalan tersebut jika ujian tekanan dan ujian sambungan pada paip gagal. Permit pengorekan jalan JKR akan tamat pada Februari 2018. Pihak JKR akan memastikan kerja-kerja tampalan sementara oleh PBA dibuat sempurna dan diperbaiki jika rosak sehingga kerja-kerja membarui jalan dibuat oleh PBA. Pemberhentian kerja akan dibuat sekiranya PBA gagal membaiki tampalan sementara dengan sempurna.

Kerajaan negeri melalui pemantauan pihak JKR sentiasa mengambil berat berkenaan dengan kualiti-kualiti penyelenggaraan menggunakan MARRIS yang juga kerja-kerja dilaksanakan oleh pihak yang lain atas jalan yang diselenggarakan oleh JKR bagi jalan adalah selamat dan untuk diguna. CEO PBA ada disini, beliau sudah memberi jawapan sebegini dan beliau adalah bertanggungjawab atas penyelenggaraan jalan yang telah dikorek di Jalan Pondok Upeh ini.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Mohon penjelasan, hendak tanya, untuk paip PBA seperti contohnya di Kubang Semang, Mukim 20, berapa lamakah masa yang diambil sebenarnya untuk bertukar daripada 2 inci kepada 5 inci paip sebab supaya bila aduan penduduk dibuat mereka kata jalan semua sudah rosak *so far* kita sebagai ADUN ada jawapan. Lagi satu saya hendak minta jika PBA boleh juga menukar paip yang lama di Pekan Penanti sebab tekanannya terlampau rendah.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Untuk mengganti paip-paip yang lama yang bersaiz kecil, PBA senantiasanya menjalani ujian tekanan di mana-mana tempat ada meter untuk merekodkan tekanan paip-paip air itu. Sekiranya didapati tekanan air adalah di bawah yang diinginkan dan juga keperluan penduduk-penduduk setempat maka PBA akan membuat perancangan untuk menggantikan paip yang saiz kecil itu kepada saiz yang munasabah. Jadi ini bukan pertama kali kita dengar, PBA tiap-tiap tahun pun menjalani penggantian paip seperti paip asbestos yang mudah pecah digantikan dengan paip-paip yang tahan lama ataupun tahan lasak dan juga lain-lain seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat.

Seterusnya saya ingin memberi penjelasan ke atas isu yang dibangkitkan oleh YB. Penanti juga yang merujuk kepada projek pembesaran Empangan Mengkuang di mana dakwaan beliau bahawa kontraktor di Pulau Pinang tersebut iaitu China Water telah mencipta sungai buatan serta cadangan beliau supaya JPS mengarahkan China Water untuk menutup laluan sungai buatan ini dan menjadikan kolam takungan air, yang ini adalah jawapannya. Sebagai makluman Yang Berhormat, Projek Pembesaran Empangan Mengkuang adalah direka bentuk oleh perunding profesional dan projek ini berada di bawah pengawasan oleh Jabatan Bekalan Air (JBA) di bawah Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA). Pemantauan kerja-kerja yang dijalankan oleh kontraktor projek ini adalah di bawah tanggungan JBA - KeTTHA. Kedudukan sungai yang dibina adalah merupakan alur air sedia ada di mana sebelum ini memang terdapat beberapa aliran masuk daripada alur-alur kecil sepanjang alur air

berkenaan yang mana bukannya sungai buatan tetapi pelebaran sungai asal.

Untuk makluman Yang Berhormat juga terdapat analisa risiko ke atas pelebaran sungai terlibat. Mengikut analisa yang telah dibuat oleh pihak kontraktor yang menjalankan kerja-kerja menaik taraf Empangan Mengkuang iaitu China Water, kerja-kerja pelebaran sungai asal daripada 1 meter lebar kepada 3 meter lebar dapat menampung air hujan dan bukannya untuk menampung limpahan air daripada Empangan Mengkuang. Empangan Mengkuang tidak mengeluarkan air tetapi ini adalah parit tanah untuk mengalirkan air-air hujan sahaja, perluasan seksyen tersebut boleh membantu air berada dalam saliran sewaktu hujan lebat. Analisa ini juga telah dipersetujui oleh pihak Jabatan Pengairan dan Saliran iaitu JPS. Untuk makluman, Pihak JPS telah membina struktur *weeir* untuk memperlahankan aliran sungai, pemantauan dari masa ke semasa dilaksanakan oleh pihak JPS

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Mohon penjelasan, saya bangkitkan isu ini juga di sidang DUN yang lepas dan keputusan JPS dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah selepas kita pergi buat lawatan tapak dan memang kita dapati bukan air daripada Empangan Mengkuang Dam tetapi air itu saya pergi dengan JPS memang datang daripada air hujan yang turun ke parit kecil di dalam *Dam* dan pergi ke dua sungai. Memang mungkin dulu yang saya tahu dia ada paya di situ, mungkin ada sungai kecil yang tidak nampak tidak tahulah tetapi sekarang memang jadi besar kalau kata dari *1 meter to 3 meter and* memang besarlah sebab sebelum itu tidak berlaku banjir yang teruk pada 24 Mac yang kena dua (2) kampung, Mengkuang Titi dan Mengkuang dan kelmarin saya pergi di Mengkuang Titi disebabkan oleh hujan yang teruk baru ini. Tetapi *even* rumah yang dibelakang-belakang yang dahulu kalau Mengkuang Titi banjir sekarang ini rumah-rumah yang tidak pernah kena banjir dari tahun 2003 pun kena dan air semua tersekat disebabkan paya di depan rumah-rumah di Mengkuang Titi itu telah ditambah dengan tinggi *about 2 meter, I means* sangat tinggi sebab itu yang saya diberitahu jawapan oleh JPS ia akan menutup 2 daripada 4 pintu sungai, saya panggil itu sungai buatan sebab mungkin dia ada dulu sungai yang kecil tetapi sekarang ini sungai itu sudah menjadi besar dan disebabkan oleh banjir yang berlaku baru beberapa hari ini saya memang tidak setuju kalau hanya letak *weeir, what ever*, memperlahankan apa. *Please* tutup tiga (3) daripada empat (4) pintu kalau tidak mahu tutup tiga (3) pun tutup dua (2) *then* yang jadi macam *as you say* kolam takungan air kalau ia empat (4) pintu itu dia *speed* tutup tiga (3) pun, tutup dua (2) *then* ia jadi macam kolam takungan air. Kalau biar empat (4) pintu tu *still then* air *still* boleh lalu.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tak apa. Kita dengar jawapan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Baik. Saya pasti pegawai JPS dan juga JBA (Jabatan Bekalan Air) mereka ada dalam Dewan ini. Pendapat Yang Berhormat mereka telah tercatat dan mereka akan mengkaji semula sama ada cadangan Yang Berhormat itu boleh dilakukan atau tidak. Kalau saya nak huraikan keadaan tapak di mana saya selalu ada pergi tengok itu ada satu masa yang agak panjang la. Jadi kalau boleh, kita boleh juga membuat satu lawatan tapak juga takpa. Tapi....(gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela binti Ariffin):

Takpa benda tu ada *FB Live* yang saya videokan *the whole thing*. Jadi boleh tengok semula pun.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Tapi juga reka bentuk yang telah direka bentuk oleh pakar-pakar perunding itu di ambil kira. Yang Berhormat kita beralih kepada yang dibangkitkan...(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Beri laluan. Soalan. Soalan saya apakah kawalan keselamatan yang di ambil apabila ganti paip *asbestos* ka paip-paip lain.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Kita nak *face-up asbestos* paip lah. *Some face no more using asbestos* paip.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Saya mau tau apakah kawalan *what the* kawalan. *Because asbestos* bahaya sangat. So apakah langkah-langkah atau apa-apa kawalan yang di ambil, sapa yang buat tukaran ini?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Paip-paip *asbestos* yang telah dikorek itu dia akan jadi hancurlah dan akan dibawa ke tapak pelupusan untuk dilupuskan ya. Itu saja apa kita boleh buat kita pun telah pakai paip *asbestos* itu berpuluh-puluh tahun sejak lagi British punya masa. Jadi itu adalah keadaan semasa sekarang.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Tapi dalam Akta Keselamatan berkenaan dengan *asbestos* ada apa tu kawalan yang kena ambil apabila *you* tukar *asbestos* ganti *asbestos*. *Asbestos* sekarang ini bahaya sangat.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Terima kasih pendapat yang diberi oleh doktor. Doktor punya pendapat kita nanti CEO PBA boleh kaji tengok. Terima kasih.

Beralih kepada cadangan yang dibangkitkan oleh YB. Komtar yang mencadangkan Kerajaan Negeri untuk memberi pengecualian 100% bagi bil air domestik dan 50% diskaun untuk bil air komersial untuk satu (1) bulan, untuk satu bulan. Memandangkan ramai yang belum mencuci rumah yang dilanda banjir lumpur. Seperti Yang Berhormat sedia maklum akan pengumuman Y.A.B. Ketua Menteri Pada 9 November baru-baru. PBA telah bersetuju untuk mengecualikan surcaj *conservation air* atau WCS. Untuk penggunaan domestik untuk tempoh bayaran satu pusingan atau 1 *cycle* atau dua (2) bulan diskaun air sebanyak 50% juga akan diberi kepada penggunaan domestik. Manakala bagi pengguna komersial 25%, ini diharapkan dapat membantu pengurangan beban pasca banjir yang melibatkan banyak pengguna air untuk kerja-kerja pembersihan. Yang Berhormat panggil dikecualikan 100% untuk satu (1) bulan. Sekarang kita dua (2) bulan kita bagi 50% sama juga pi mai pi mai serupa juga.

Pengangkutan. YB. Dato' Speaker, izinkan saya menyentuh sedikit isu pengangkutan suka saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini berkenaan pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang seperti mana kita semua sedia maklum pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang akhirnya diberi keutamaan oleh Kerajaan Persekutuan. Berita gembira buat Negeri Pulau Pinang apabila Y.A.B. Perdana Menteri yang juga adalah Menteri Kewangan pada 27 Oktober 2017 pada sesi Pembentangan Bajet 2018 telah mengumumkan kelulusan projek Bajet 2018 untuk membesarkan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Terima kasih diucapkan kepada Y.A.B. Perdana Menteri atas keprihatinan Kerajaan Persekutuan. Oleh itu projek pembesaran ini dijangka dapat dimulakan pada tahun depan. Perancangan untuk menaiktaraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang ini mensasarkan peningkatan kapasiti untuk menampung sehingga 10 juta penumpang setahun berbanding kapasiti sedia ada yang hanya menampung 6.5 juta setahun.

Mengenai cadangan YB. Seri Delima agar Kerajaan Negeri memastikan mutu kerja menaiktarafkan Lapangan Terbang Antarabangsa yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat adalah berkualiti. Kerajaan Negeri menyambut baik cadangan Yang Berhormat dan akan menggunakan platform yang sesuai untuk menyuarakan cadangan ini kepada Kerajaan Persekutuan demi memastikan kualiti kerja menaik taraf Lapangan Terbang ini adalah terbaik.

YB. Dato' Speaker, ini penutup ucapan saya. Kerajaan Negeri sentiasa berusaha dengan gigih.... (gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela binti Ariffin):

Mohon laluan. *Just nak answer yes or no*. Yang saya minta *arch bridge* yang penjaja tu ditolak ataupun diluluskan. Kedua pengalihan paip utiliti di Ban Busuk Kubang Semang. *Sorry* paip PBA di Kubang Semang dan juga mengalihkan paip PBA di Sungai Permatang Rawa di Tanah Liat. Nak tanya boleh tak PBA keluarkan? Lepas tu saya minta juga *arch culvert* kalau tak nak bagi *arch culvert* sekurang-kurangnya alihkan paip PBA dari sungai.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Kerajaan memang sedar bahawa paip PBA ada menghalang laluan air yang deras. Jadi *arch bridge* buat masa sekarang Kerajaan Negeri belum ada rancangan untuk menaik taraf daripada *covered* yang sedia ada kepada *arch bridge*. Mengenai paip PBA itu memang saya pasti Yang Berusaha CEO PBA ada di sini beliau boleh mengambil perhatian.

Kerajaan Negeri senantiasa berusaha dengan gigih untuk memastikan Negeri Pulau Pinang memiliki infrastruktur terbaik selepas dengan agenda mentransformasikan negeri ini menjadi negeri pintar bertaraf antarabangsa dengan menyediakan kehidupan yang mampan kepada rakyat. Untuk itu Kerajaan

Negeri mengalu-alukan kerjasama semua pihak termasuk pihak swasta dan Kerajaan Persekutuan untuk merialisasikan sebarang perancangan bagi infrastruktur. Semoga dengan kerjasama yang erat di antara semua pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan terus bergerak maju ke hadapan dan membawa kemakmuran kepada rakyat.

YB. Dato' Speaker, dengan ini saya memohon menyokong.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Bagan Jermal. Dan saya ingin persilakan YB. Padang Lalang untuk buat penggulungan.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

YB. Dato' Speaker, Terlebih dahulu saya merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk menggulung perbahasan ke atas Ucapan Belanjawan Pulau Pinang 2018. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dengan komited dalam perbahasan melibatkan portfolio MMK Belia & Sukan, dan Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih ke atas kebijaksanaan dan perhatian Kerajaan Negeri dalam peruntukan bajet sebanyak RM15 juta dalam tahun 2018 untuk semua ibu bekerja sehingga usia 60 tahun yang mempunyai anak kecil yang berusia 6 tahun dan ke bawah dibayar insentif tunai sebanyak RM300 setahun. Dengan pendekatan ini lebih kurang 50,000 isi rumah di Pulau Pinang yang mempunyai sekurang-kurangnya seorang anak kecil akan mendapat manfaat dari program ini. Langkah ini juga memperlihatkan komitmen Kerajaan Negeri memberi pengiktirafan terhadap sumbangan wanita bekerja atau ibu-ibu yang bekerja dan turut memperkasakan serta menggalakkan peningkatan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan. Susulan dari galakan ini Kerajaan Negeri pasti ia akan menjadi landasan untuk golongan wanita untuk terus memperkasakan diri melalui pencapaian *economy independence*....(dengan izin).

Mengenai program-program yang bersifat kekeluargaan seperti yang diusulkan oleh YB. Telok Ayer Tawar, suka saya nyatakan bahawa Kerajaan Negeri telah menjalankan pelbagai program secara lansung dan tidak lansung melibatkan institusi kekeluargaan. Program-program Hari Ibu dan Sukan Rakyat yang melibatkan ibu bapa dan anak-anak disokong dan dibiayai oleh pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Juga kita melaksanakan beberapa program dan bengkel keibu-bapaan khusus keibu-bapaan.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada YB. Penanti di atas kenyataan yang membela serta mengiktiraf sumbangan Briged Wanita dalam hal-hal berkaitan kebajikan masyarakat setempat. Khususnya penglibatan Briged Wanita dalam membantu mangsa banjir di Pulau Pinang ketika ini khasnya di kawasan Penanti. Ini adalah bukti yang jelas tentang kebolehan dan sumbangan kaum wanita baik sebelum, semasa, mahupun selepas bencana alam. Briged Wanita diletakkan dibawah struktur pentadbiran Biro Pembangunan Wanita dalam setiap Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK). Pada masa yang sama Briged Wanita berada dibawah naungan ADUN dan Penyelaras KADUN masing-masing dalam mengurus serta menyokong semua aktiviti yang dijalankan. Cadangan YB. Penanti untuk memberi peruntukan berdasarkan per-kapita ahli Briged Wanita untuk setiap KADUN kawasan ADUN adalah baik dan harus diperhalusi untuk dipertimbangkan dalam belajawan peruntukan ADUN supaya aktiviti-aktiviti dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan sistematik dan memanfaatkan kaum wanita. Ia dapat meningkatkan kaum wanita dalam aktiviti-aktiviti setempat dan membuka peluang untuk kaum wanita untuk mengambil bahagian dalam pembuatan keputusan dengan lebih aktif.

Saya mengucapkan terima kasih kepada cadangan YB. Pulau Tikus yang memberi cadangan memperkenalkan Program Bapa Emas untuk mengimbangi kesaksamaan gender dan untuk memotivasi para bapa untuk turut berkongsi beban menjaga anak dan keluarga. Cadangan untuk mengadakan kursus asas yang melibatkan kemahiran mengurus rumah tangga atau *home leading skills* untuk menjadikan kriteria penerima Subsidi Bapa Emas adalah baik dan akan dipertimbangkan dan diperhalusi oleh pihak Kerajaan Negeri. Pihak Kerajaan Negeri melihat kesaksamaan gender sebagai landasan keluarga harmoni dan bahagia.

Bagi menjawab cadangan yang dikemukakan oleh YB. Berapit, sukacita dimaklumkan bahawa bidang keusahawan semakin diminati oleh golongan belia di Pulau Pinang baik dari segi perniagaan berkedai mahupun perniagaan secara atas talian *online*. Sehubungan itu, PYDC telah mengadakan Penang Fiesta yang berjaya membantu peniaga belia di Pulau Pinang untuk mempromosikan pelbagai produk. PYDC juga mengambil kesempatan ini untuk menjemput icon-icon golongan muda untuk turut

mengambil bahagian dalam program ini yang akan menjadi inspirasi kepada golongan belia lain.

Untuk makluman Dewan yang mulia, PYDC akan menganjurkan Penang Fiesta 2017 di Seberang Perai yang memberi penekanan terhadap unsur budaya tempatan melalui Persembahan Seni Budaya, Seni Mempertahankan Diri, Makanan Tempatan dan Hasil Kraftangan. Pada tahun 2017, PYDC juga telah menjalin hubungan dengan *King Mongkut's Institute of Technology Ladkrabang Bangkok*, Thailand dan *The Y. Elites Association Hong Kong China* untuk mengadakan Program Pertukaran Belia.

Di samping itu Pembangunan Usahawan *Technopreneurs* Tempatan melalui program printis *Penang Accelerator for Creative, Analytics & Technology* ataupun CAT membantu golongan *technopreneurs* berpotensi dalam mentransformasi idea yang bernas kepada perniagaan, ini termasuk la akses kepada *mentoring* dana dan latihan dalam *soft way coding* dan perancangan peniagaan. Mengenai penganjuran kursus kepimpinan kepada persatuan-persatuan belia yang dikemukakan oleh YB. Machang Bubuk dimaklumkan bahawa PYDC menganjurkan Sidang Muda Negeri Pulau Pinang untuk mengalakkan dan meningkatkan penyertaan belia dalam urus tadbir awam di Pulau Pinang dari segi kepimpinan dan perkongsian minda.

Keberkesanan program ini dapat dilihat dari segi politik, ekonomi dan sosial dengan peningkatan kefahaman berkenaan fungsi dan organisasi Kerajaan Negeri serta Kerajaan Tempatan, kesedaran politik dan penglibatan belia dalam masyarakat memahami Hal Ehwal Pentadbiran Awam dan membina jaringan belia dalam Komuniti Masyarakat setempat untuk meningkatkan ekonomi dan sosial mereka. Bagi penganjuran kursus kepimpinan kepada Persatuan Belia, Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan cadangan ini.

Sukan Elektronik atau e-Sukan merupakan sebuah industri baru bukan sahaja hanya kepada pembangunan permainan video, tapi ianya merupakan industri dan sumber ekonomi baru generasi masa kini, Sukan Elektronik semakin bercambah-cambah hari ini di seluruh pelusur dunia pembangunan Sukan Elektronik ini kini semakin popular di kalangan anak-anak muda sehingganya ianya kini dipertandingkan di Kejohanan Peringkat Antarabangsa dan juga bakal menjadi antara sukan yang akan diperkenalkan di Sukan Asia 2022 masa depan. Jadi Kerajaan telah memperuntukkan satu (1) sehingga RM1 juta, ini Kerajaan Negeri sebagai permula cara untuk pembangunan e-Sukan ataupun e-Games. Jadi ini adalah amat dialu-alukan oleh pemuda kaum pemuda.

Selaku EXCO Belia dan Sukan saya amat berterima kasih kepada Kerajaan Negeri yang terus menerus memajukan dan memartabatkan kesinambungan pembangunan Sukan Negeri. Komitmen dan hasrat Kerajaan Negeri dalam menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai sebuah Negeri bersukan yang aktif dan sihat khususnya dengan penjenamaan Pulau Pinang sebagai sebuah Bandaraya Sukan yang unggul dan wancananya ke arah Negeri berbasikal. Negeri Pulau Pinang kini megah dengan inisiatif progresif dengan hala tuju mampan yang merangkumi tambahan pelbagai prasarana sukan baharu seperti pembinaan laluan berbasikal Pulau Pinang yang akan mengambil bajet RM45 juta di bawah Pelan Induk Laluan Berbasikal Pulau Pinang yang dicadangkan pelaksanaannya pada tahun 2026.

Pembinaan dua (2) buah Kompleks Badminton baru iaitu sebuah di Lebuhraya Macallum yang akan memuatkan lapan (8) gelanggang badminton dan pada waktu yang sama satu (1) gelanggang bola keranjang dan sebuah Kompleks Badminton di Sungai Pinang yang memuatkan 12 gelanggang badminton. Pembinaan sebuah Kompleks Badminton bernilai RM2.5 juta yang merangkumi lima (5) buah gelanggang di Jalan Bukit Panchor, Seberang Perai Selatan. Pembinaan sebuah Kompleks Sukan di Ampang Jajar di Permatang Pauh yang akan merangkumi sebuah kolam renang dan 30 gelanggang badminton dengan kos lebih kurang RM60 juta. Cadangan untuk tambahan empat (4) kolam renang dan penyediaan sejumlah 82 gelanggang badminton baharu dalam tempoh masa empat (4) tahun. Usaha-usaha untuk terus menerus membangunkan infrastruktur Sukan Negeri sebagaimana yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri ini turut disokong oleh suntikan dari sektor swasta yang bersama mengubah arus pembaharuan Sukan Negeri melalui pertama menaiktaraf Stadium Mini Bola Sepak di Permatang Rawa dengan kos RM2.5 juta dan cadangan pembinaan baru sebuah stadium hoki baru bernilai RM7 juta akan dibiayai bersama dengan sektor swasta. Sumbangan untuk pembinaan baharu sebuah kompleks sukan baru di Pantai Jerejak di Bayan Baru yang merangkumi sebuah Velodromes tertutup. Kompleks kolam renang bersaiz Olimpik serta padang bola sepak terbuka dengan kos sehingga RM100 juta. Inisiatif yang diterima dari sektor swasta untuk membina baharu sebuah Akademik Badminton Pulau Pinang bernilai RM22 juta dengan kapasiti 16 gelanggang badminton di Persiaran Karpal Singh.

Ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang berminat dalam pembangunan bola sepak. Mengenai pembangunan bola sepak sebagaimana yang dibangkit oleh YB. Pengkalan Kota termasuk pemantapan dalam pentadbiran pengurusan sukan sememangnya kedua-dua perkara ini senantiasa diberi perhatian

dan amat dititikberatkan oleh Kerajaan Negeri berdasarkan kepada nilai tajaan yang telah disuntik bagi menjana kecemerlangan pasukan bola sepak Pulau Pinang yang beraksi di Liga Super Malaysia yang diharapkan tidak menjadi. Kemerosotan prestasi pasukan Pulau Pinang yang merosot dari awal musim sehingga tercicir keluar dari Liga Super ke Liga Premier amat mengecewakan ramai pihak termasuk Penaja-Penaja yang menyumbang. Saranan yang diutarakan oleh YB. Pantai Jerejak bagi mengadakan *post mortem* yang menyeluruh merupakan satu (1) cadangan yang amat baik. Begitu juga dengan cadangan dari YB Penanti dan YB. Seri Delima kesemua pandangan positif mereka akan diutarakan kepada pengurusan tertinggi FAP dan juga kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk mempertimbangkan lanjut mempertimbangkan lanjut Kerajaan Negeri terutamanya dalam bab tajaan dan kewangan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):

Yang Berhormat minta penjelasan, terima kasih YB. Padang Kota eh, Padang Lalang dan saya ingin nak tanya adakah kerana saya ada dengar khabar di luar bahawa FAP tengah mengalami krisis *financial* dan mungkin akan mengalami masalah untuk membayar gaji kepada *player-player* dalam masa dua (2) bulan yang akan datang, so adakah ini merupakan *rumours* sebagai satu (1) *rumours* atau betul-betul berlaku?

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB.Chong Eng):

Akan sampai ke sana. Soal pengendalian dalam pembayaran gaji serta Pengurusan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP) seperti yang dibangkitkan oleh YB. Pengkalan Kota sekarang dan juga dibangkitkan oleh YB. Telok Bahang. Secara keseluruhannya perkara ini berada di bawah bidang kuasa pihak Persatuan Bola Sepak Negeri yang berdaftar dengan Pejabat Pesuruhjaya Sukan Malaysia di bawah Akta 576, Akta Pembangunan Sukan 1997 dan juga bernaung di bawah Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM).

YB. Telok Bahang turut membangkitkan isu lewat bayar gaji pada awal musim 2017 sehingga bulan September 2017. Perkara ini tidak timbul sehinggalah Dana Persatuan Bolak Sepak Pulau Pinang telah berkurangan pada hujung bulan September 2017. Bayaran gaji pada bulan Oktober 2017 belum lagi dilaksanakan kerana kekurangan dana, FAP tidak dapat membayar gaji bukan sahaja kepada pemain-pemain dan jurulatih-jurulatih malahan staff-staff Pejabat FAP juga. Menjawab persoalan YB. Bertam secara keseluruhannya pembayaran gaji pemain bagi tahun 2017 adalah berjumlah RM667,350 sebulan, *RM667,350 per month* dan anggaran dalam RM10 juta semusim termasuk caruman KWSP dan PERKESO. Gaji pemain tempatan yang dibiayai oleh FAP berada di antara RM6,000 sehingga RM40,000 sebulan lebih daripada YB. YB. punya *allowance* lah. Manakala gaji pemain import berada di antara RM30,000 sehingga RM50,000 sebulan tertakluk kepada kelayakkan dan kemahiran pemain. Perbelanjaan ini juga melibatkan *allowance* perumahan dan *allowance* kenderaan pemain di antara RM1,000 hingga RM3,000 sebulan.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Saya kurang dengar tadi, kurang jelas minta maaf.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Kurang jelas berkaitan dengan apa itu bayaran yang dibayar kepada pemain tempatan, berapa jumlah? Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB.Chong Eng):

RM6,000 sehingga RM40,000 sebulan, ini untuk tempatan yang import punya lebih mahal lagi.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya minta laluan Yang Berhormat, sebenarnya isu berkenaan dengan pembayaran gaji telah dibangkitkan dalam perbahasan saya dan juga perbahasan YB. Pengkalan Kota tapi apa yang menghairankan ialah walaupun kita telah membayar begitu banyak, mengapakah prestasi pasukan kita begitu tercorot dan sehingga kita sekarang telah terkeluar daripada Liga Super ke Liga Premier. Itu soalan pertama saya dan keduanya saya juga ingin penjelasan Yang Berhormat boleh memberi penjelasan saya masih ingat lagi kita menggaji seorang jurulatih daripada England. Beliau dulu saya difahamkan adalah

pemain Manchester United. Jadi saya nak persoalan bagaimanakah kita melatih mengambil seorang jurulatih dan saya difahamkan bahawa selepas beliau datang ke pasukan Pulau Pinang dalam lebih kurang 3, 4 bulan seorangnya telah berlaku pemberontakan antara dalam kalangan pemain-pemain di mana cara latihan-latihan itu dijalankan oleh jurulatih ini tidak begitu disukai dan mungkin tidak mengikut iklim ataupun cara persediaan permainan untuk bola sepak di Malaysia. Bolehkah Yang Berhormat memberi penjelasan berapakah jumlah yang dibayar kepada jurulatih itu tersebut berbanding dengan jurulatih yang kita lantik selepas itu iaitu Zainal Abidin seorang pemain bekas pemain Selangor dan juga bekas pemain Kebangsaan, terima kasih Yang Berhormat.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila YB. Padang Lalang.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Saya akan pergi ke satu tapi gaji pelatih ini saya tak ada di sini mungkin selepas ini boleh diperolehi secara bertulis. Ada orang tanya sama ada peranan ini merosot kerana ini EXCO sukan ada seorang wanita ya, saya akan jelaskan. Minat EXCO wanita dalam sukan tau tidak sememangnya tidak berkaitan sama sekali saya tak main bola sepak tapi saya main bola keranjang, badminton, table tennis, boling bowl. Saya pernah menangi olahragawati di UPM, jadi saya tak main football lah hoki pun saya tak main...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Sorry Yang Berhormat saya cuma satu soalan saja saya masih lagi berbalik kepada soalan asal saya saya telah mempersoalkan kenapakah prestasi pasukan itu telah tercorot, bolehkah Yang Berhormat memberikan penjelasan dengan ringkas.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Akan pergi ke situ. Perihal bola sepak di dalam negeri atau peringkat kebangsaan adalah sama. Walhal Menteri Belia dan Sukan Malaysia selalunya seorang lelaki sehingga kini tidak mampu mencampuri atau mengubah urusan perjalanan bola sepak negara di bawah FAM yang selama ini berada diambang kejatuhan. Samalah di mana-mana ya. Malahan pada 6 Mac 2017 yang lalu, enam (6) pasukan bola sepak negeri yang lain dua (2) pasukan dari Liga Super dan empat (4) pasukan dari Liga Perdana juga telah dilaporkan tidak membayar gaji pemain melibatkan jumlah anggaran keseluruhan sebanyak RM15 juta sejak musim 2015 dan 2016. Semua pasukan ini berada di bawah tanggungjawab EXCO Belia dan Sukan lelaki di negeri tersebut.

Isu lelaki dan wanita tidak menjadi persoalan yang boleh dibahaskan dalam konteks ini. Untuk maju dan terus bergerak ke podium kejayaan pindahan dan kemajuan perlu dilakukan dilaksanakan dari dalam persatuan tersebut sendiri oleh barisan jawatankuasa yang dapat menjalankan fungsi dan tugas yang diamanahkan dengan cekap, akauntabiliti dan telus. Arus Pasukan bola sepak negara ini sudah boleh menarik nafas lega dengan peralihan pucuk pimpinan FAM pada 25 Mac 2017 sehingga tahun 2021. Transformasi bola sepak negara kini dipercayai dapat melakar revolusi baharu secara keseluruhan dan gabling dengan pelantikan Tengku Mahkota Johor sebagai Presiden baharu Persatuan Bola Sepak Malaysia FAM. Dalam kongres baru-baru ini kewibawaan pemimpin mencorak kejayaan pasukan. Kerajaan Negeri juga berharap agar perubahan positif dapat dilaksanakan dalam masa terdekat oleh Badan Induk Bola Sepak Pulau Pinang dan seterusnya membantu memulihkan kembali maruah bola sepak negeri yang tercalar ini. Selaras dengan perkembangan terkini, pengurusan bola sepak ini perlu mengorak langkah untuk beralih ke arah sebagaimana sebuah organisasi perniagaan berfungsi. Pasukan bola sepak tidak boleh lagi menjadi tajaan kewangan Kerajaan Negeri sebagai sandaran dana utama bagi menguruskan pasukan bola sepak untuk Persatuan Negeri.

Sekiranya dilihat kepada kaedah Pengurusan Bola Sepak Kelab-Kelab Eropah atau Liga Inggeris, pelbagai jenis pemasaran dilaksanakan untuk memastikan sumber kewangan kelab tersebut senantiasa mencukupi. Keadaan ini amat berbeza di Malaysia termasuk di Pulau Pinang. Pasukan Pulau Pinang tidak dikenali luas, kurang promosi, kurang idea kreatif menarik penonton ke stadium dan kurangnya inisiatif mencari wang sendiri bagi membiayai perbelanjaan pengurusan FAP. Ini amat berbeza dengan Liga paling popular di dunia iaitu Liga Perdana Inggeris. Mereka kerap menganjurkan promosi-promosi mereka yang kreatif, sesi perjumpaan bersama peminat, mengadakan majlis-majlis amal bersama peminat serta pasukan. Program menjelajah dunia, bengkel-bengkel bola sepak dan sebagainya. Jadi mereka ini adalah kelab private, *individual* mereka ini adalah satu bisnes yang begitu lumayan.... (gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Minta penjelasan. Tadi Yang Berhormat memberi contoh membandingkan antara kelab *Penang* dan juga luar negara dan di *Penang* sekalipun punca kemerosotan Yang Berhormat kata sebab kurang promosi, kurang program untuk menarik peminat ke stadium dan sebagainya. Jadi saya nak tanya siapakah yang sedang Yang Berhormat menunding jari untuk dipersalahkan?

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Susah nak tunding jari kemana-mana kerana ini merupakan *environment* kita. Sebenarnya ekonomi tahap kita ini tidak mampu membayar RM40,000 gaji sebulan untuk seorang pemain. RM40,000 sebulan doktor ka, doktor yang sangat masyhur baru dapat gaji ini. Perdana Menteri saya rasa gaji dia hanya gaji pun tak sebanyak ini. Jadi ini tak cucuklah tahap ekonomi kita dengan gaji itu tak seimbang.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Adakah Yang Berhormat mencadangkan supaya gaji-gaji semua pemain ini dikurangkan?

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Saya nak cadangkan bahawa kita kalau kita nak adakan profesional dia sekarang ini Semi-Pro jadi pemain dibayar gaji ini perlu dia jadi satu bisnis. Jadi kalau kelab-kelab ini, persatuan-persatuan ini dia boleh membangunkan bisnis bola sepak seperti di Eropah, seperti di England jadi dia boleh menjadikan satu bisnis satu industri di mana ramai orang mahu beli t-shirt mereka, baju mereka, apa-apa tandatangan mereka, semua menjadi menjana pendapatan. Kalau begitu jadi kita boleh buat. Kalau berbanding dengan Nicol David kita, dia pun seorang pemain profesional tapi dia tidak ditaja oleh kerajaan. Beliau di taja semasa dia masuk profesional atau sebelum itu, dia ditaja oleh *private sector*. Tennis pun macam itu. Jadi kita mungkin saya rasa kita perlu fikir semula. Kita mesti ada satu kaedah yang baru di mana kalau kita nak satu pasukan negeri, patutnya semuanya dia semuanya dibangunkan secara semasa kecil lagi di bawah 12, di bawah 14 di bawah 16 tak ada pemain profesional.

Kalau pemain profesional mereka main dengan kelab-kelab *private* yang mereka boleh membuatnya satu sebagai satu *bisnis* itu pandangan sayalah, seorang pandangan wanita mungkin tidak disetujui oleh Menteri Exco-Exco Lelaki yang lain....(gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Sokong.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang terhormat, untuk makluman YB. Padang Lalang, sebenarnya saya dan rakan-rakan saya di sebelah sini lah terutamanya Pengkalan Kota dan Seri Delima memang menyokong Yang Berhormat terus menjadi EXCO Sukan. Janganlah silap faham. Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, baru-baru inilah seorang wanita iaitu tarikh 8 September 2017 bernama Bibiana Stain House telah menjadi *referee* dalam permainan bola sepak di antara dua (2) kelab Berlin dan Werder Bremen di Germany. Wanita pertama untuk menjadi pengadil dalam permainan bola sepak diantara dua (2) pasukan lelaki di Germany. Saya penuh yakin dengan kewibawaan Yang Berhormat untuk terus menjadi EXCO Sukan yang mempertikaikan kewibawaan Yang Berhormat adalah Yang Berhormat yang tidak ada dalam Dewan ini, YB. Teluk Bahang. Dia yang mengatakan bahawa prestasi pasukan bola sepak telah menurun kerana disebabkan oleh seorang EXCO Wanita maklumlah sebelah sana barisan selalunya merepek dan cakap tak tentu pasal....(gangguan).

Saya berbalik kepada isu ini....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Pendekkan ini sesi penggulungan Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya juga membangkitkan isu dalam perbahasan saya penyediaan satu akademi kalau YB yang hadir masih ingat. Kedua, saya telah mencadangkan memandangkan prestasi kita telah pun menurun, kita telah pun bermula dari akar umbi pada asas lagi dengan mengambil pemain-pemain daripada yang lahir di Pulau Pinang, yang begitu bangga untuk menyalur jersi Pulau Pinang. Kita mengambil pemain-pemain daripada luar negeri dan luar negara yang tidak begitu mengambil inisiatif untuk bermain untuk menunjukkan permainan yang terserlah dan....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Seri Delima, pendekkan..ini sudah bahas mengenai....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya akan pendekkan Yang Berhormat. Jadi saya cadangkan. Pertamanya, pertubuhan satu akademi dan kedua pengambilan semua pemain-pemain daripada Pulau Pinang yang lahir di Pulau Pinang dalam jangkasa program yang panjang, dalam masa 10 tahun nanti kita boleh dapat lihat kejayaan (dengan izin).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey,

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):

Minta laluan, terima kasih YB. Padang Lalang. Selepas tadi dari pengumuman YB. Padang Lalang ada saya ingin nak *confirm* adakah YB. Padang Lalang bersetuju dengan perbincangan saya yang saya cadangkan sudah tiba masanya FAP kena mencari tajaan daripada swasta dan bukan bergantung kepada Kerajaan Negeri. *Second*, jika tak cukup wang tajaan untuk membeli pemain-pemain dari luar yang profesional luar negara gunakan pemain-pemain *local people especially* yang *stay in* Penang dan ketiga, saya ingin nak beri adakah YB. Padang Lalang dapatkan berapakah setiap kali apabila perlawanan rakyat Pulau Pinang yang membeli tiket RM20 satu tiket untuk menyaksikan pertandingan. Ini semua mereka beli jersi dengan duit sendiri, jersi yang bukannya murah, jersi Pulau Pinang mahal sangat tapi kita boleh nampak dalam stadium, semua penyokong-penyokong Pulau Pinang memakai jersi Pulau Pinang. Ini berasa *loyalty* dan berasa bangga atas Negeri Pulau Pinang dan saya yang bangkitkan, hak masalah-masalah di FAP ini kerana duit yang telah ditaja menggunakan duit rakyat, duit rakyat maksudnya bukan lelaki yang bayar saja wanita pun ada. So memang tak ada masalah tentang siapa wanita atau siapa menjadi EXCO jadi kerana kita tak mau duit rakyat kita dibazirkan begitu saja... (gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey, Sila.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

YB. Padang Lalang minta laluan...(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Nanti-nanti, memang saya tadi samada wanita ataupun lelaki menjadi EXCO saya jawab kepada YB. Teluk Bahang dah....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah jelas tadi..yang itu sudah jelas tak apa..tak apa.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Nanti, saya jawab dahulu. Saya bersetuju dengan YB. Seri Delima dan juga YB. Pengkalan Kota, sudah tiba masanya pengurusan FAP menitikberatkan permasalahan bola sepak Negeri bagi mengukuhkan kedudukan kewangan dan seterusnya menjulang baik prestasi pasukan Negeri. Calon lantikan pegawai pemasaran perlulah seorang yang profesional, mempunyai latar belakang komersial dan pengalaman luas dalam dunia korporat. FAP perlu berfikir secara ahli perniagaan, bagaimana menarik penonton, bagaimana menjana wang sendiri dan kaedah-kaedah terbaik untuk menubuhkan stadium negeri setiap kali berlangsungnya perlawanan bola sepak. Kedudukan kewangan FAP perlu distabilkan agar pembangunan sukan bola sepak dapat dibangunkan terus menerus. Bukan Negeri Pulau Pinang yang mengalami masalah ini, negeri-negeri lain juga, banyak EXCO-EXCO di negeri-negeri lain bercakap mereka kata ini perlukan bajet yang besar. Mereka memang semua bersetuju dan rasa tertekan kerana ia memakan bajet yang begitu besar. Cadangan supaya kalau boleh kita mesti memikir supaya yang profesional itu mereka main dengan swasta, dengan kelab-kelab, khasnya jangan kita *import player*.

Kalau kita *impot* pemain, jadi kita tidak gunakan atau tidak memberi peluang kepada pemain-pemain tempatan atau dalam negeri. Jadi saya bersetuju dengan YB. Pengkalan Kota dan YB. Seri Delima, kita cuba cara yang lain, modul sekarang saya rasa tidak boleh pakai, sudah sangat, apa? Perbelanjaan di semua negeri dan negara, perbelanjaan bola sepak *up* macam ini tetapi *performancenya* ini macam. Mana-mana pun sama, mengapa? Siapa yang buat untung, ada orang yang buat untung dari sukan ini, bola sepak. Mereka yang menjadi .. *bet* bola itu...(gangguan).

YB Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Pengkalan Kota, saya sudah bagi beberapa kali.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):

Tadi YB. Padang Lalang ada kata bahawa satu musim bayar gaji kena guna lebih kurang RM8 juta kan, maaf RM10 juta tetapi jawapan yang saya dapat mungkin 2016 sampai 2017 ialah dua (2) musim, bukan?

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Ianya musim-musim yang berlainan, jadi di sini jawapan adalah tidak sama.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):

Total up Kerajaan Negeri sudah menaja ialah RM34.5 juta. Jika kita tengok kita hanya bayar untuk *players* sahaja hanya RM10 juta untuk satu musim, bagaimana boleh berlakunya Oktober punya *salary* mereka masih tidak bayar lagi. Adakah Kerajaan Negeri pernah mengaudit akaun mereka, bagaimana mereka menggunakan duit. Sepatutnya selepas mereka dapat *sponsor*, mereka kena ada satu bajet macam Kerajaan Negeri ada satu bajet untuk menggunakan duit tersebut. Bagaimana mereka boleh tercicir sampai tidak kira gaji yang akan dibayar dan boleh berhutang gaji *players* tersebut.

YB Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila sambung.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Nanti saya minta PKN memberi auditan, Okey. YB. Seri Delima sudah tanya langkah-langkah yang perlu diambil untuk meningkatkan prestasi bola sepak Pulau Pinang. Ada beberapa cara, yang pertama mengukuhkan kembali pematuhan kepada *governing* persatuan dan prosedur membuat keputusan-keputusan strategik. Pengurusan kewangan yang lebih cekap, telus dan bertanggungjawab, ini *accountability*. Yang ketiga, pembentukan pasukan utama yang lebih kompetitif, berjiwa besar dan berdisiplin. Itu sahaja.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Yang Berhormat, minta laluan. Daripada jawapan Yang Berhormat, saya percaya ini adalah jawapan kepada soalan lisan, semua ADUN di sebelah sana. Cuma saya hendak dapatkan kepastian sama ada apa yang dijawab di dalam Dewan telah pun Yang Berhormat laksanakan di luar sana, di pihak FAP sekali. Adakah yang telah dijawab kepada kami, ianya juga telah dibawa kepada pengetahuan pengurusan FAP?

Saya juga hendak dapatkan jawapan daripada Yang Berhormat memandangkan YB. Seri Delima mencadangkan banyak kali tentang akademi bola sepak, jadi bilakah ianya akan dilaksanakan sebab Yang Berhormat sudah bersetuju, malah saya rasa sebelum ini telah pun bersetuju, jadi bilakah akademi ini akan dilaksanakan? Saya juga tertarik dengan saranan YB. Seri Delima yang menyatakan bahawa sepatutnya pemain-pemain ini mempunyai rasa semangat Pulau Pinang, jadi kenalah ambil cuma anak-anak Pulau Pinang. Setakat hari ini antara pemain-pemain Pulau Pinang, berapakah orang anak Pulau Pinang ada dalam pasukan bola sepak kita, bola sepak negeri, dan berapa orang anak Pulau Pinang yang bermain di dalam kelab-kelab negeri-negeri lain? Saya perlukan jawapan.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Sebenarnya, ada banyak akademi bola sepak di Pulau Pinang, bukan diuruskan oleh kerajaan, ia diurus sendiri, macam kelab-kelab. Di KADUN Penanti pun ada satu akademi bola sepak, di Seberang Jaya pun ada satu....(gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Jadi akademi yang dimaksudkan oleh YB. Seri Delima ini akademi yang macam mana? Akademi Negeri, Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Saya hendak jelaskan kalau kita adakan akademi bola sepak, kita mesti adakan akademi badminton, akademi bola keranjang, akademi hoki, akademi apa lagi, 24 jenis akademi.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat bersetuju dengan YB. Seri Delima, bila YB. Seri Delima sebut akademi, maksud dia akademi bola sepak, dia bukan maksud akademi lain.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

YB. Bertam, saya setuju dengan YB. Seri Delima ialah mengenai ambil pemain tempatan dan juga perlukan ada lebih bentuk yang sistematik...(gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Yang Berhormat, nanti sekejap, saya kena perbetulkan.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Biar saya habiskan dahulu.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman):

Okay, carry on.

YB Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Bagi habis dahulu.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih. Tadi saya hendak katakan bahawa kita ada sekolah sukan. Sekolah sukan ini semua *players*, semua pemain yang berbakat itu pergi ke situ. Jadi akademi ini hanya usaha tambahan oleh pihak-pihak NGO ataupun sesiapa yang berminat dalam sukan ini. Akan ada akademik badminton, semuanya *private*, ada orang cadang hendak adakan akademi bola keranjang tapi *private effort*, semuanya *private effort*. Sekiranya kita mampu baik juga adakan akademi semua sukan ini tetapi saya rasa adalah lebih realistik kalau kita mengadakan lebih banyak sekolah-sekolah sukan. Itu saya rasa kita boleh berusaha bersama dengan Kerajaan Pusat.

Mengenai hala tuju perancangan *sport village* di Batu Kawan beserta pengurusan penyelenggaraan melibatkan semua kompleks sukan dan stadium negeri yang dibangkitkan YB. Berapit, Perbadanan Stadium dan kawasan lapang Negeri Pulau Pinang yang kini berada di fasa awal pelaksanaannya telah dipertanggungjawabkan bagi rancangan serta melaksanakan pembangunan komprehensif terhadap pemajuan prasarana dan kemudahan sukan. Untuk makluman YB. Berapit, bilangan tempahan penggunaan Stadium Bandaraya Pulau Pinang untuk tahun 2016 adalah sebanyak 76 permohonan dan 65 permohonan pada tahun 2017 yang merangkumi latihan dan perlawanan bola sepak, liga super dan penganjuran sukan oleh sekolah-sekolah di Negeri Pulau Pinang. Manakala untuk Stadium Negeri di Batu Kawan dari Januari 2016 sehingga November 2017, sejumlah 57 tempahan telah dibuat untuk pembangunan tapak *parking* dan sebanyak 49 tempahan telah dibuat oleh FAP untuk penggunaan padang stadium tempoh dari Januari 2017 sehingga November 2017.

Saya hendak beritahu mengenai Kejohanan *Asia Pacific Master Game (APMG) 2018* adalah sukan master yang akan diadakan buat julung kalinya di Pulau Pinang dari 7 hingga 15 September 2018. Kejohanan ini dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama MBPP dengan sokongan dari Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang dan Kementerian Pelancongan Malaysia. Kejohanan ini juga telah mendapat pengiktirafan Majlis Olimpik Malaysia (OCM). Bagi acara-acara sukan akan dianjurkan oleh persatuan-persatuan sukan peringkat Negeri dan Kebangsaan. Adalah dianggar sebanyak 5,000 peserta akan menyertai kejohanan ini, 60% daripadanya adalah dianggarkan dari luar negara dan 40% daripada peserta tempatan. Sebanyak 21 acara akan dipertandingkan semasa Kejohanan *Asia Pacific Master Game* dan setiap acara adalah mengikut spesifikasi dan peraturan yang telah ditetapkan oleh badan

pentadbir tertinggi acara tersebut. Upacara perasmian Kejohanan APMG Penang 2018 akan diadakan pada 8 September 2018 di Padang Kota. Jadi saya memberikan notis dan jemputan sekarang, *block your date*, 8 September 2018.

Saya hendak katakan bahawa tadi YB. Bertam kata sama ada apa yang saya kata di sini ada sudah berlaku dengan FAP. FAP adalah seperti Penang, seperti semua persatuan sukan yang di peringkat negeri. Mereka adalah autonomi, macam mana mereka hendak uruskan *management* mereka adalah autonomi. Yang saya boleh buat adalah untuk cadangan dan cadangan ini bukan di *Penang* sahaja, ini mesti disokong dan dipersetujui oleh negeri-negeri lain dan juga Menteri Sukan di *federal* dan semua FAP. Saya rasa ianya bukan satu cara yang mudah tetapi boleh bermula di sini. YB. Pulau Tikus sudah bangun banyak kali.

YB Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Pulau Tikus, bola sepak lagi?

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Tidak tetapi oleh kerana terlalu banyak kali saya dengar mengenai FAP ini, tambahan saya seorang perempuan dan ada berminat dengan sukan, saya ingin seimbangkan bukan ADUN lelaki sahaja yang bercakap. Saya ingin membangkitkan dan menyarankan bahawa SUKMA tahun lalu, sukan-sukan yang telah memenangi pingat bagi Pulau Pinang yang paling tinggi, antaranya ialah badminton, karate, gimnastik artistik, wushu, memanah, angkat berat, pencak silat dan sepak takraw. Ini adalah sukan yang telah memenangi paling banyak pingat untuk Pulau Pinang di mana akademi mereka, berapakah wang yang mereka ada. Sebenarnya banyak lagi sukan dan saya berharap bahawa kita tidak memberi terlalu banyak fokus kepada satu sukan dan juga menyokong atlit-atlit pelbagai sukan ini yang memang susah komitmen mereka terhadap sukan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Sukan-sukan yang berjaya ini mereka mempunyai pengurusan yang sangat baik. Jadi, sukan-sukan seperti persatuan mereka pun sangat berjaya. Mereka tak selalu minta dana daripada Kerajaan Negeri. Inilah persatuan-persatuan yang saya suka. Mereka, *they are very independent, they are capable, they can find their own money*. Inilah sukan yang saya suka. Jadi, ada yang persatuan-persatuan yang sangat berjaya, persatuan-persatuan yang kurang berjaya. Untuk mereka yang berjaya, kita bagi tepukan dan pujian. Untuk mereka yang kurang berjaya, kita harapkan boleh bagi galakkan untuk membina kapasiti mereka supaya pada akhirnya, lebih seimbang untuk semua sukan. Terima kasih YB. Pulau Tikus.

Jadi, Pulau Pinang ingin menjadi negeri sebagai *we are the homes of the champions* kerana memang dahulu, kita memang *power house* dalam sukan tapi pada tahun-tahun kebelakangan ini, kita kurang *power house* ini kurang *power*. Jadi, sekarang kita mesti beri banyak, lebih banyak *power* lagilah supaya dia menjadi *power house*.

YB. Dato' Yang di-Pertua, banjir pada 5 November 2017 merupakan satu (1) bencana alam yang paling teruk dalam sejarah Negeri Pulau Pinang. Ia telah memberi impak yang amat besar kepada semua golongan penduduk di Pulau Pinang. Dalam Dewan yang mulia ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak dalam operasi bantuan bencana banjir ini khususnya kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan Agensi-Agensi Kerajaan dan juga Pejabat Daerah yang telah bertindak pantas menggerakkan tenaga kerja. Dari 4 haribulan malam sampai 5 haribulan pagi, memang ramai di antara mereka tidak tidur, dan juga syarikat-syarikat swasta yang telah menghulurkan bantuan kewangan dan peralatan. Badan-badan Bukan Kerajaan, JKKK, Briged Wanita, ramai sukarelawan dan orang awam telah bangkit untuk membantu. Di sini, saya ingin mengucapkan terima kasih khasnya kepada Bomba Sukarela kerana tanpa mereka, malam itu ramai mangsa tidak dapat dikeluarkan dari rumah mereka. Jadi, saya harap kita beri peruntukan untuk mereka membeli peralatan. Catit dalam ini....(gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Minta penjelasan sedikit. Adakah saranan Yang Berhormat itu akan kita laksanakan? Pemberian kepada semua Bomba-bomba Sukarela untuk pembelian peralatan sebab saya pun ada di kampung saya, di kawasan saya, Bomba Sukarela. Memang kita menghadapi masalah daripada segi nak *maintain* kereta bomba, pembelian perkakas dan sebagainya.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Sepatutnya Bomba Sukarelawan ini dia memainkan peranan *supplementary* sahaja iaitu bantu tetapi sekurang-kurangnya di Bukit Mertajam la, dia ada satu (1) fenomena yang sangat luar biasa. Pasukan Bomba Sukarela jauh lebih banyak daripada kerajaan punya dan selalunya ini sukarela dia punya sampai dahulu dan membantu.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Oleh itu saya rasa peruntukkan tambahan tidak patut hanya kepada pasukan sukarela sahaja tetapi ada peruntukan untuk Jabatan Bomba sendiri juga. Kita tidak boleh menjadikan agar *supplementary* akhirnya lebih kuat daripada yang sepatutnya kerana yang *supplementary* ini juga memerlukan latihan dan bantuan daripada Jabatan Bomba. Bukan semua pasukan sukarela boleh buat dan memang Jabatan Bomba pun memerlukan pertolongan. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Telok Bahang.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Nak bomba ka nak bola ka?

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Bola sudah habis.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Pasal pasukan bomba ni, selalu kita kena ingat, sukarelawan ni semua dia akan dapat kelulusan *recommendation* daripada Bomba Persekutuan. Kalau *statement* Yang Berhormat cakap macam tu seolah-olah bomba sukarela ini di luar ataupun tidak ada hubungan dengan bomba..itu satu (1). Yang kedua, selalu tak jawab soalan YB Bertam. Dia setuju nak tolong bagi bantu, adakah ini akan direalisasikan? Kebetulan Bomba Sukarela di kawasan saya Kuala Sungai Pinang, pam dia baru ni rosak. Nak belanja RM10,000 saya boleh hantar surat permohonan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey. Terima kasih semua. Ini sudah sampai ucapan penggulungan. Itu bukan portfolio YB Padang Lalang. Sila.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Saya *just* nak *add*....gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Nak ucap terima kasih saja.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Just one (1). Nak minta untuk JPAM juga. JPAM pun sukarela juga. *Seriously*.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seriously, seriously. YB Padang Lalang, habiskan ucapan penutup.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Sebenarnya, Bomba ini pasukan-pasukan bomba ini di bawah Kementerian Perumahan di Kerajaan Pusat. Banyak kali saya pun telah ucap di dalam Parlimen supaya memberi peralatan sekurang-kurangnya kerana ini semuanya pasukan sukarelawan. Tapi sekarang, peralatan pun, kereta pun, rosak pun tak ada wang nak beli kerana Kerajaan Pusat tak bagi....(gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman):

Minta laluan Yang Berhormat.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Tolonglah, yang sudah, sudahlah. Hanya mintalah supaya dapat beritahu Kerajaan Pusat bagi wang kepada....(gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Sebab ini bercanggah dengan apa Yang Berhormat sebut tadi. Saya minta laluan.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Tak payah. Tak payah.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Yang Berhormat, Yang Berhormat dalam Dewan mengatakan bahawa kita, kita *that mean* Kerajaan Negeri kena beri peruntukkan tambahan, imbuhan.. (gangguan).

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Memang kita akan bagi.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Tetapi sekarang telah meletakkan ke atas Kerajaan Pusat...(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Yang Berhormat, Yang Berhormat Bertam. Tak pernah, tak pernah berada di Parlimen mungkin kurang tahu sistemnya.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman):

Yang Berhormat, Yang Berhormat sebagai EXCO. Yang Berhormat yang sebut tadi.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Memang.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB Bertam, saya faham. YB Padang Lalang bagi habis.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Memang saya kata saya mau minta supaya bagi kepada....(gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Yang Berhormat tak sebut minta.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey, okey, okey. Tadi soalan dah minta, okey.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Saya kata kita maulah kalau boleh kita mau beri kepada ini..hanya pasukan-pasukan sukarela yang terlibat dalam membantu dalam bencana inilah. Bukan ada ramai tak dapat banyak pasukan tak dapat membantu jugalah tetapi, tetapi ini adalah di dalam portfolio Kerajaan Pusat.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Ini yang menjadi masalahnya Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat kata akan beri kepada sukarelawan bomba yang membantu di dalam banjir. Tandanya Kerajaan Negeri dan saya bertanya sama ada ini melibatkan semua sukarelawan. Maksudnya di tempat saya juga ada. Kalau macam ini saya akan perlu membawa bukti kepada Yang Berhormat bahawa bomba-bomba sukarela itu telah pun mengambil bahagian semasa membantu di dalam banjir. Setuju atau tidak Yang Berhormat?

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Tak ada apa, *there is no conflict*. Ini memang di dalam, di bawah tanggungjawab Bomba. Memang di bawah tanggungjawab Kementerian Perumahan. Betul atau tidak? Betul atau tidak?

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman):

Apa kena-mengena ni?

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Apa kena tak mengena? Ini mengenai bomba.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya faham. Semua sudah masuk dalam hansard.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman):

Saya ucap terima kasih kepada YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan kerana faham sebab EXCO masih keliru.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Takpa takpa, semua dah masuk dalam hansard.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Yang keliru adalah orang yang cakap keliru itu.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah, sudah. YB Padang Lalang.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Saya nak ucapkan kepada pasukan-pasukan bomba sukarela kerana membantu dalam bencana ini dan juga *One Hope Foundation* yang telah memberi banyak tenaga dan juga sumbangan untuk memberi semua bantuan barangan dan juga NGO Buddist Tzu Chi, tanpa mereka saya rasa kawasan saya pada hari ini pun akan dalam banyak kesusahan. Mereka sudah hantar 800 orang untuk membantu. Juga, ini Pejabat Daerah panggil dia Yellow Temple, Yellow Tokong iaitu (*Bahasa Cina*) Bukit Mertajam. Tokong sayur. Mereka telah *offer* 'hor' mereka, mereka *offer* 'hor' mereka untuk melindungi mangsa-mangsa ini menjadi pusat pindahan dan juga mereka memberikan dan membekalkan semua keperluan *and on top of that* mereka dapat memasak makanan untuk tempat yang lain. Jadi ini merupakan satu (1) tokong ataupun satu (1) NGO yang, NGO-NGO ini saya memberi kehormatan yang tertinggi kepada mereka. Sekiranya kita dapat lebih ramai lagi, lebih banyakkkan lagi NGO-NGO seperti ini, saya rasa kita punya sistem kecemasan adalah akan lebih baik.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak termasuk jabatan Agensi-agensi Kerajaan, NGO-NGO serta komuniti dan institusi swasta yang telah membantu Kerajaan Negeri untuk melaksanakan program-program belia dan sukan, pembangunan wanita keluarga dan komuniti demi kesejahteraan dan kemakmuran rakyat Negeri Pulau Pinang. Semoga kerjasama antara kerajaan dan masyarakat akan senantiasa membantu Kerajaan Negeri dalam mempertingkatkan perkhidmatannya kepada *shareholder* terbesar iaitu rakyat Negeri Pulau Pinang. Bagi mengakhiri ucapan penggulungan saya, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan pertanyaan dan kemukakan isu-isu yang berkaitan dengan portfolio saya dan kalau ada apa-apa yang belum saya jawab, sekiranya perlu saya akan jawab dengan bertulis. Sekian, terima kasih.

Saya memohon menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Padang Lalang. Sebenarnya YB. Padang Lalang ada Majlis Sukan Negeri pun sudah hantar rombongan lebih dari saya nak minta bagi peluang untuk..saya nak masuk dalam hansard untuk membantu Yang Berhormat. Terima kasih juga kepada Majlis Sukan Negeri yang telah pun hantar lebih daripada 150 orang sukarelawan. Sila. Saya nak minta YB. Batu Maung untuk seterusnya.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Assalamualaikum WBT. YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Ahli-ahli EXCO dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu izinkan saya untuk merakamkan penghargaan ucapan jutaan terima kasih di atas kesempatan yang diberi kepada saya untuk menggulung perbincangan sempena Mesyuarat Yang Kedua Bagi Penggal Yang Kelima Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang Ketiga Belas. Terutama sekali mengenai isu-isu yang menyentuh tanggungjawab di bawah portfolio saya sebagai Pengerusi MMK Hal Ehwal Agama Islam, Hal Ehwal Pengguna dan juga Perdagangan Dalam Negeri.

Ribuan terima kasih yang ingin saya rakamkan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan terutama sekali yang melibatkan portfolio. Saya menyambut baik ucapan Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang yang membentangkan Rang Undang-Undang Perbekalan dan Usul Anggaran Pembangunan 2018 di Dewan Undangan Negeri pada 2 hari-bulan November yang lalu dengan bertemakan belanjawan marhaen. Pada kesempatan ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih dan syabas atas kecekapan Y.A.B. Ketua Menteri yang telah dapat kita menghadapi masalah banjir yang kita menghadapi baru-baru ini terutama sekali peruntukan khas RM100 juta untuk Program Pulau Pinang Bangkit bagi membantu mangsa-mangsa banjir bertepatan dengan Belanjawan Marhaen Pulau Pinang.

Pulau Pinang Bangkit, sebenarnya semakin merapatkan hubungan *silaturrahim* sesama rakyat Pulau Pinang tanpa mengira kaum, agama dan ideologi politik.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan ribuan terima kasih atas keprihatinan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan yang terus menyokong usaha untuk memartabatkan Islam dengan meneruskan dasar-dasar program yang sedia ada di negeri ini. Kesungguhan ini telah diterjemahkan melalui pembentangan bajet 2018 oleh Y.A.B. Ketua Menteri yang memperuntukkan RM53 juta untuk Hal Ehwal Agama Islam, berbanding dengan RM50 juta pada tahun 2017, yang membabitkan peruntukan mengurus pembangunan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang, Jabatan Mufti, Jabatan Kehakiman Syariah.

Seperti sedia maklum, bajet Hal Ehwal Agama Islam adalah berdasarkan keperluan semasa. Di samping itu, sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat, kerana mengekalkan bajet dan bantuan, kepada tahunan kepada Pendidikan Sekolah Agama Islam, kepada Sekolah Agama Rakyat, sumbangan Ex-Gratia guru-guru KAFA, bayaran suguhati pegawai-pegawai masjid, bayaran khas kewangan / bonus kepada guru-guru KAFA, guru-guru Pondok, Sekolah Agama Rakyat, Tahfiz, Tadris dan program keagamaan di peringkat negeri.

Alhamdulillah, sejak 2008 sehingga 2017 bajet Hal Ehwal Agama Islam telah meningkat sebanyak 112.5%. Sehingga kini, secara keseluruhan bajet Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang, tetap meningkat dari segi nilai dan peratusan.

YB. Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan sekalian, tragedi banjir baru-baru ini, turut menjejaskan institusi agama khususnya surau, masjid dan sekolah-sekolah agama. Sehingga kini, dikenalpasti lebih 12 buah masjid, 6 buah surau dan beberapa sekolah-sekolah agama rakyat yang terjejas. Angka ini kemungkinan lebih besar selepas, selepas Jabatan Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang mengemaskini maklumat dan yang sedang berusaha untuk membaik pulih dengan kadar segera. *Insyallah*.

Setelah berbincang dengan Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, kita telah meminta pentadbiran masjid mewujudkan Tabung Khas Jumaat yang dijalankan pada 10 dan 17 November dan kemungkinan dilanjutkan kutipannya pada beberapa Jumaat lagi untuk membantu membaik pulih masjid-masjid, surau, sekolah agama yang terjejas akibat banjir. Semua sumbangan jariah yang disalurkan ke akaun MAIPP sebelum diagihkan ke surau-surau, masjid dan sekolah-sekolah agama rakyat mengikut keperluan.

Alhamdulillah, setelah berbincang dengan Y.A.B. Ketua Menteri dan Penasihat Strategik Ketua Menteri, Dato' Saifuddin Nasution, Y.A.B. Ketua Menteri telah setuju meluluskan sebanyak RM100,000.00 sebagai peruntukan awal untuk kerja-kerja baik pulih masjid, surau dan sekolah-sekolah agama yang terjejas dalam akibat banjir bencana banjir. Peruntukan awal ini akan digunakan bagi kerja-kerja pemulihan, sebelum kutipan Tabung Khas Jumaat yang diterima oleh Majlis Agama Islam dapat digunakan. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang akan memulakan usaha mengenalpasti dan menjalankan kerja-kerja anggaran, sebelum memilih serta melantik kontraktor-kontraktor yang akan dipertanggungjawabkan.

Pada September lalu, Selangor telah berdepan dengan tragedi hitam kebakaran Maahad Tahfiz yang meragut nyawa pelajar, guru dan lanjutan itu pada 19 September 2017, Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam (MKI) yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri dan juga sementara Peringkat Tinggi Pusat yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri, telah memutuskan untuk meminda Akta Pendidikan bagi menambah baik aspek pendaftaran dan penguatkuasaan di atas institusi-institusi pendidikan islam termasuk Maahad-maahad Tahfiz.

Saya mewakili Pulau Pinang turut hadir dalam mesyuarat MKI tersebut *Insyaa-Allah*, Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan Kerajaan Pusat bagi membantu menyuburkan lagi perkembangan maahad-maahad tahfiz di negeri ini seperti mana yang digariskan dalam Dasar Tahfiz Negara termasuk menyokong cadangan pindaan kepada Akta Pendidikan. Kerajaan Negeri telah mengambil ketetapan untuk membantu maahad-maahad tahfiz ini, khususnya di aspek keselamatan. Namun tidak akan berkompromi, terhadap mana-mana pihak yang sengaja mengabaikan aspek keselamatan sehingga boleh mencetuskan tragedi yang meragut nyawa para pelajar dan guru.

Setakat ini beberapa langkah untuk tingkatkan aspek keselamatan tahfiz telah diambil. Diantaranya ialah mengenalpasti dan mendaftar semua sekolah-sekolah Islam termasuk tahfiz, mengujjukkan Sistem Audit Keselamatan, mengadakan taklimat keselamatan, menghadapi kebakaran dan bencana, menjalankan kerjasama dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat, bagi melakukan pemantauan secara bersepadu, mengujjukkan Bomba Sukarela di maahad-maahad tahfiz, melakukan pemantauan dan penambahbaikan terhadap sistem pendawaian elektrik dengan kerjasama pihak JKR, Institut Kemahiran Belia Negeri dan juga Pejabat MARA Negeri, menjalankan program, panduan amalan keselamatan dan kesihatan serta pencegahan dengan teknik pengawal kebakaran dengan pihak swasta seperti OSH Services.

Di Pulau Pinang terdapat 59 Pusat Tahfiz di mana, 44 berdaftar dan 15 yang belum berdaftar. Terdapat 3 kategori tahfiz iaitu tahfiz tetap, tahfiz sementara dan sekolah rendah dan menengah Islam tahfiz. Kebanyakannya dimiliki, dimiliki oleh pertubuhan-pertubuhan ataupun *individual*.

Penjelasan ini dapat menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Permatang Berangan berkaitan dengan Maahad Tahfiz iaitu peranan Kerajaan Negeri bagi memastikan pusat tahfiz selamat, dan jumlah-jumlah yang terdapat di Pulau Pinang.

YB. Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan sekalian, menjawab persoalan Penanti mengenai status permohonan tanah.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Ya. Untuk membina masjid Mengkuang Titi. Silakan.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Minta laluan. Terima kasih. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Terima kasih YB. Berkaitan dengan sekolah tahfiz, tadi Yang Berhormat Batu Maung ada menyebut bahawa terdapat 15 pusat tahfiz yang belum lagi berdaftar. Saya rasa, yang berdaftar itu mungkin sudah dibawah kawalan Jabatan Agama Islam. Yang belum lagi ini, macam mana tindakan yang akan diambil untuk memastikan mereka ini didaftarkan, dan untuk memastikan bahawa mereka *comply with the* mematuhi keperluan keselamatan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Ini ada satu *challenge* yang besar bagi Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang sejak 2008 lagi, apabila terdapat maahad-maahad tahfiz yang tidak mahu memenuhi dan enggan, enggan berdaftar oleh sebab-sebab yang tertentu. Ini telah dibincang beberapa kali, dan *Insyaa-Allah*, saya di Mesyuarat MMK baru-baru ini kita juga telah meminta supaya Penasihat Undang-Undang untuk melihat Enakmen Pendidikan Islam Negeri Pulau Pinang. Begitu juga didalam Majlis Mesyuarat Kebangsaan Hal Ehwal Islam (MKI) dan Jawatankuasa Khas yang ditubuhkan oleh Timbalan Perdana Menteri kerana masalah pendaftaran maahad-maahad tahfiz ini, bukan sahaja masalah di Pulau Pinang. Tapi masalah di negeri-negeri lain. Selepas kejadian-kejadian yang berlaku baru-baru ini, maka Kerajaan Negeri Pulau Pinang *Insyaa-Allah*, dan juga kerajaan-kerajaan negeri lain dibawah juga Lembaga Penasihat Pendidikan Islam (LEPAI) akan mengambil tindakan-tindakan akan yang sepadu, yang sepadu supaya negeri-negeri

di seluruh Malaysia ini dapat mengambil tindakan-tindakan yang sepadu kepada mereka-mereka yang enggan, ataupun tidak mahu berdaftar dengan kerajaan-kerajaan negeri masing-masing.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Penjelasan.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Jap. Bagi.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Ya, berhubung dengan perkara yang sama iaitu mematuhi keperluan keselamatan. Terdapat juga sekolah-sekolah KAFA, yang mana pernah saya lawati di kawasan saya, tidak mematuhi peraturan ataupun keperluan keselamatan seperti, perlu ada kalau dua (2) tingkat itu kena ada sekurang-kurangnya 1 pintu lalu, access.

Jadi ini sebab bagi saya sekolah-sekolah KAFA ini, saya rasa sekolah-sekolah KAFA ini memanglah berdaftar dengan Jabatan Agama Islam. Jadi, bagaimana tindakan yang akan diambil untuk memastikan keperluan keselamatan ini juga diadakan di sekolah-sekolah KAFA.

Dan soalan yang kedua, berkaitan dengan sekolah KAFA ini, saya dapati bahawa terdapatlah sekolah-sekolah KAFA di kawasan saya agak daif sedikitlah. Yang memerlukan sedikit peruntukan untuk dinaiktaraf, dibaikpulih dan sebagainya. Kerana, ya kita bimbang dari segi *wiring*, kadang-kadang kalau *electrical wiring* ataupun pendawaianya terlalu lama, ini boleh menyebabkan berlakunya kebakaran. Jadi, saya harap pihak Yang Berhormat dapat melihat perkara ini. Terima kasih.

YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey, Batu Maung.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Sekolah-sekolah KAFA juga tertakluk dibawah Enakmen Pendidikan Islam dibawah pentadbiran Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang, dan in shaa allah kita akan panjangkan usaha-usaha yang tadi saya senaraikan tadi, kepada sekolah-sekolah KAFA. Kerana ini adalah satu *priority*, keutamaan yang tinggi untuk memastikan keselamatan-keselamatan sekolah-sekolah ini. Dan *Insyallah*, dalam belanjawan setiap tahun kita mempunyai satu kategori ataupun satu untuk *maintain* untuk pembangunan sekolah-sekolah. Kita ada dua *lump sum*, dalam bajet pembangunan kita. Satu adalah pembangunan untuk masjid dan surau. Satu lagi untuk pembangunan sekolah-sekolah dan ini bolehlah pihak YB. Penaga, boleh mohon dan pihak jabatan akan melihat keperluan-keperluan keutamaan untuk kita menaiktaraf dan memperbaiki sekolah yang dimaksudkan. Silakan.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Saya nak tanya soalan yang dibuang oleh Yang di-Pertua, iaitu berapakah peruntukan yang dalam bajet 2018 yang diperuntukkan untuk mengadakan langkah-langkah keselamatan dan pembangunan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Penanti, sebab dibuang.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Dibuang, sebab bajet belum di...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ya.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Ya.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Ini saya akan kerana YB. Penanti, duduk dalam MMK Agama. So, saya rasa kalau kita tengok bajet. Bajet itu ialah, macam buku macam ini. Okey. Dia *detail*, dia tebai macam ini. Buku untuk bajet, dia nipis macam ini. *Detail* dia, tebai macam ini. So, *detail*nya kita akan bincangkan dalam MMK Agama nanti, dan *Insyallah* saya akan bagi secara *detail* berapakah peruntukan untuk pembangunan, pendidikan di dalam bajet 2018, *Insyallah*.

Jawapan kepada soalan yang dibangkitkan oleh Penanti, berhubung dengan Masjid Mengkuang Titi. Pihak MAIPP sedia maklum mengenai perkara ini, dan telah memanjangkan permohonan daripada JKKK Kampung Mengkuang Titi kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang pada 19 Oktober 2016, bagi urusan pengambilan Lot 759, 760 dan sebahagian daripada Lot 28 Mukim 19 Mengkuang Titi Daerah Seberang Perai Tengah untuk tujuan pembinaan masjid baru di kawasan berkenaan. Peruntukan pengambilan tanah Lot 759, 760 dan sebahagian Lot 28 untuk pembinaan masjid baru Qaryah Mengkuang Titi masih dalam persediaan bagi proses penubuhan Qaryah berkenaan yang belum dimuktamadkan. Untuk makluman, solat Jumaat tidak pernah diadakan di Surau Mengkuang Titi. Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang pada bulan April 2017 belum memuktamadkan penubuhan qaryah baru kerana persetujuan persempadanan qaryah dengan masjid berdekatan iaitu Masjid Kampung Mengkuang, Masjid Kuala Mengkuang dan Masjid Kubang Ulu belum diperolehi.

Sehubungan dengan itu, penubuhan qaryah baru ini belum dapat diluluskan oleh Jawatankuasa Fatwa dan seterusnya oleh MAINPP sebagai mana menurut Seksyen 96, 98 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang Tahun 2004.

Bagi menjawab soalan YB. Bertam mengenai perkahwinan di bawah umur dan perkahwinan di luar negara yang melibatkan orang Islam. Untuk makluman Yang Berhormat, semua perkahwinan di luar negara oleh umat Islam sama ada dengan warga asing di negeri ini perlu didaftarkan di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri. Pasangan yang tidak berdaftar maka rekod perkahwinan mereka tiada dalam simpanan Jabatan. Pihak Jabatan akan membekalkan rekod perkahwinan warga asing mengikut daerah kepada Yang Berhormat kemudian kerana kalau apabila ada perkahwinan yang tidak didaftarkan maka tidak ada dalam rekod kerana YB. Bertam kata sungguh pun kita jawab soalan bertulisnya yang mengatakan negara-negara, nasional-nasional, negara-negara asing yang berkahwin tidak terdapat Pakistan dan Bangladesh dan sebagainya. Jawapan saya adalah jikalau mereka tidak berdaftar maka tidak ada dalam rekod kita.

Sehubungan dengan soalan YB. Permatang Berangan iaitu mengenai dengan jawapan bertulis yang menyatakan Sekolah KAFA yang ditutup terdapat dua sekolah KAFA iaitu Seberang Tok Dol dan Chegar dan jawapannya adalah benar. Untuk makluman, kelas KAFA di surau Tok Dol dan surau Kampung Cegar telah ditutup kerana tidak mematuhi garis panduan KAFA JAKIM iaitu sekurang-kurangnya 25 murid iaitu dari darjah 1 hingga darjah 6 dan digabungkan. Oleh itu, murid dan guru KAFA di Surau Tok Dol di pindahkan ke Madrasah An Nusyur Lahar Yooi manakala guru dan KAFA Kampung Chegar dipindahkan kepada Madratul Irshad Padang Menora.

Terdapat kekeliruan dalam jawapan yang asal kerana yang dimaksudkan tidak ditutup adalah ditujukan kepada Maahad Tahfiz dan Sekolah Agama Islam yang berdaftar dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam sedangkan kelas KAFA ditadbirkan oleh garis panduan KAFA yang dikeluarkan oleh JAKIM. Tambahan pula kelas KAFA yang disebutkan di atas tidak ditutup hanya dipindah ke tempat lain.

Berkenaan dengan soalan yang dibangkitkan oleh YB. Sungai Dua yang mencadangkan Kerajaan Negeri membuat *database* tapak perkuburan Islam bagi mengatasi masalah kekurangan tanah kubur. *Database* tapak perkuburan Islam Negeri Pulau Pinang telah wujud dan dikemaskini dari masa ke semasa. Sehingga kini terdapat 140 lot tanah perkuburan yang berkeluasan 168.68 ekar, pecahannya mengikut daerah seperti berikut yang saya akan serta kepada Yang Berhormat.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga sedang giat menyiapkan Program Kubur Berpusat yang merangkumi daerah-daerah di seluruh Negeri Pulau Pinang. Jawatankuasa MMK Perdagangan dan Perdagangan Dalam Negeri Pulau Pinang telah memainkan peranan bagi menyediakan polisi dasar dan perancang keseluruhan aktiviti-aktiviti serta program perdagangan dan perniagaan di Pulau Pinang. Ahli Jawatankuasanya terdiri daripada ahli-ahli dewan-dewan perniagaan, persatuan-persatuan perdagangan, perniagaan serta pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan yang terlibat secara langsung dalam aktiviti perdagangan dan perniagaan. Jawatankuasa MMK Perdagangan Dalam Negeri Pulau Pinang melalui sekretariatnya yang diketuai oleh PDC telah melaksanakan beberapa program sejak tahun 2008. Pelaksanaan program-program ini bertujuan untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai pusat perniagaan

berdaya maju dan tumpuan bagi peniaga-peniaga mempromosikan perniagaan mereka. Pencapaian bagi setiap program-program ini adalah seperti berikut:

- (i) Pelancaran *Penang Trip Event* bermula pada tahun 2009. Merupakan pelancaran tahunan yang menyenaraikan acara-acara promosi perdagangan dan perniagaan yang telah dirancang untuk dilaksanakan dalam dan memberi penjenamaan yang unik supaya ia dikenali dan dapat dipasarkan di peringkat antarabangsa.
- (ii) Pelancaran *Trade Event 2017* telah diadakan dan disempurnakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri. Kita senaraikan *trade event* yang telah bermula pada 2009 dengan hanya 15 *event* dan pada 2017, 212 *event*. Pada tahun 2018, mulai tahun 2018 tugasan ini akan diserahkan kepada *Penang Convention Bureau* ataupun *PCEB* dan sekarang pihak sekretariat yang diketuai oleh PDC sedang bekerjasama dengan *PCEB* bagi menjayakan program-program 2018.
- (iii) Penganjuran acara tahunan seperti Penang Ramadan Souq yang dimulakan pada 2011 merupakan program penjenamaan semula program dan aktiviti yang dikendalikan serentak dalam bulan Ramadan menggunakan logo dan tema yang sama. Matlamat program ini adalah bagi mewujudkan produk perdagangan dan pelancongan yang baru di Pulau Pinang yang meliputi acara promosi jualan perniagaan kebajikan kepertanggungjawaban sosial di samping mempromosikan Pulau Pinang sebagai pusat membeli-belah dan pusat makanan.
- (iv) Program sampingan yang disertai oleh Kerajaan Negeri melalui MMK Perdagangan meliputi Pemadanan Perniagaan ataupun *showcase* usahawan di peringkat tempatan dan juga ASEAN Utara melalui kerjasama IMTGT, dewan-dewan perniagaan, persatuan-persatuan perdagangan industri agensi-agensi kerajaan dan lain-lain.
- (v) *Penang International Halal EXPO* dan *Conference* yang diadakan setiap tahun yang telah diadakan pada 24 dan 26 haribulan, ke 26 haribulan Februari 2017 yang bertempat di SPICE Bandar Baru Bayan Baru. Pekan Raya Sumatera Utara, Medan Fair pada 17 Mac hingga 17 April di Pekan Malaya Medan, *Kelantan International Halal Food EXPO* pada 28 Mac hingga 1 April, *HALFEAST ASEAN 2017* pada 23 hingga 27 Ogos, *Seminar Asian Economic Community (AEC)* pada 26 Oktober. Kesemua program ini telah dianjurkan yang disertai ini telah pun memberi peluang dan pendedahan kepada para usahawan untuk menerokai pasaran-pasaran tempatan dan antarabangsa.

YB. Dato' Yang di-Pertua dan ahli-ahli Dewan sekalian, dalam pembentangan bajet Y.A.B. Ketua Menteri telah menyentuh tentang kejayaan Industri Halal di Pulau Pinang daripada sifar pada tahun 2008 kepada hampir setengah bilion yang dilaburkan oleh pemain-pemain industri halal di Pulau Pinang melalui Taman Industri Halal. Ingin dimaklumkan bahawa kejayaan ini tidak mungkin tercapai jika tidak mendapat sokongan padu oleh Y.A.B. Ketua Menteri sendiri yang mencetuskan idea ini pada tahun 2008.

Untuk makluman Ahli Dewan Undangan Negeri, pembangunan industri halal di Pulau Pinang adalah selaras dengan dasar perancangan Majlis Halal Malaysia yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri. Majlis Halal Malaysia yang ditubuhkan pada Februari 2016 merupakan antentatif khas yang dipertanggungjawabkan untuk menyelaras perancangan program agensi negeri dan Persekutuan yang membabitkan industri halal ke arah memartabatkan Malaysia sebagai peneraju halal global dalam menuju era revolusi industri 4.0.

Bagi merealisasikan visi menjadikan Pulau Pinang sebagai *Global Halal Center*. Halal Penang telah diamanahkan untuk merealisasikan tugas dan tanggungjawab tersebut selaras dengan dasar perancangan majlis halal Malaysia yang bermisikan *internationalization* atau Perantarabangsaan Industri Tempatan. Pulau Pinang hari ini berada di persada antarabangsa ke arah membangunkan industri halal dengan pelbagai inisiatif dan usaha sejak penubuhan pada tahun 2008.

Taman Industri Halal Pulau Pinang Fasa 1 di Bukit Minyak telah mencatat nilai pelaburan jumlah RM185.2 juta melalui pelaburan 10 buah syarikat. Sehingga kini empat (4) buah syarikat telah beroperasi. Memandangkan permintaan tanah yang tinggi oleh pelabur Halal Penang dengan kerjasama PDC dan *Invest Penang* telah membangunkan Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang Fasa 2 di zon makanan yang terletak di bahagian Utara Taman Industri Sains Pulau Pinang, Bukit Minyak dengan nilai pelaburan sebanyak RM243.5 juta melalui sembilan buah syarikat industri. Taman Industri Halal Fasa 1 dan Fasa 2 telah berjaya mendapatkan pengiktirafan status Hal MAS daripada HDC *Halal Development Corporation*. Perkembangan agresif sektor industri halal Pulau Pinang jelas terbukti dengan penganjuran EXPO dan

persidangan halal PIHEC selama lapan tahun berturut-turut sejak 2010 dalam usaha membangunkan dan memperkembangkan industri halal tempatan di persada dunia. Melalui penyertaan syarikat-syarikat halal dalam dan luar negara acara PIHEC dari tahun ke tahun telah menjadikan ia sebagai satu acara antarabangsa yang diiktiraf oleh IMTGT dan juga pemain-pemain industri antarabangsa seperti MIHAS dan sebagainya.

Tahun hadapan merupakan penganjuran PIHEC kali ke-9 dan akan diadakan daripada 26 hingga 29 Januari. Selain daripada mengukuhkan peranan rantau ASEAN dalam industri Halal, Halal Penang meneruskan usaha dalam mempertabatkan kedudukan Pulau Pinang di peringkat global dengan membangunkan rangkaian wujudkan jaringan perdagangan dua hala di antara dengan negara-negara dalam dan luar di antara negeri-negeri di dalam dan negara-negara luar.

Dalam bulan September 2017, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menyertai acara World Seafood Congress (WSC) 2017 di *Iceland* bagi tujuan pembidaan menjadi Pulau Pinang sebagai tuan rumah acara WSC 2019. Pada 2015 kita telah memulakan bidaan ini dan *Alhamdulillah* pada 2017 baru-baru ini kita telah, hasilnya Pulau Pinang telah di pilih sebagai destinasi Asia pertama dalam sejarah untuk tuan rumah bagi penganjuran acara World Seafood Congress 2019 mengatasi pembida-pembida dari Thailand, China dan Jepun. Hasrat Kerajaan Negeri untuk membida acara WSC ini tercetus daripada susulan penyertaan kita di misi perdagangan di United Kingdom apabila Kerajaan Negeri telah dijemput oleh *Grimbsy Institute* untuk menyertai WSC 2015 di Grimbsy, UK. Perjanjian persefahaman (MOU) juga telah ditandatangani bersama Grimbsy Institute bagi membangunkan latihan kemahiran dalam pembangunan industri perikanan seterusnya menjadikan produk marin sebagai alternatif *ingredient* dalam industri halal.

Selain daripada itu, *Humber Local Entrepreneurs Partnership* dan *North East Lincolnshire Council* turut menjalin kerjasama dengan Halal Penang bagi membangun Taman Perindustrian Halal di Grimbsy. Bagi pembangunan sektor pelancongan Halal Penang telah menerbitkan Muslim Travel Guide (MTG) edisi pertama tahun 2014 dan edisi kedua pada tahun 2016. Kedua-dua ini dilancarkan oleh Menteri Pelancongan Malaysia, Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz di Arab Travel Mart iaitu di Dubai. Selain daripada itu, dengan kerjasama Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP) untuk membangunkan aplikasi MTG digital. Aplikasi ini telah dilancarkan oleh Menteri Pelancongan baru-baru ini di ATM di Dubai pada 24 hingga 27 April 2017. Selain daripada itu, dengan usahasama *Islamic Tourism Centre*, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia serta *International Institute of Halal Research & Training*, Universiti Islam Antarabangsa dalam inisiatif menawarkan perkhidmatan dan produk pelancongan Muslim di negeri ini dalam memperkasakan sektor pelancongan Islam di Pulau Pinang. Segala perancangan dan usaha demikian jelas membuktikan ke arah memartabatkan Pulau Pinang sebagai *Halal Global Centre*. Halal Penang juga telah mendapat pengiktirafan Kementerian MITI, Kementerian Pelancongan dan juga Kementerian Kewangan dan baru-baru ini telah mendapat pengiktirafan oleh Timbalan Perdana Menteri sendiri sebagai Pengerusi Majlis Halal Malaysia dan sebagai model usaha halal di peringkat negara dan antarabangsa.

YB. Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan sekalian. Bagi menjawab soalan YB. Sungai Dua mengenai pelaksanaan projek gelatin Pulau Pinang. Untuk makluman, sebuah syarikat pengeluar gelatin tempatan telah memutuskan untuk membangun kilang memproses gelatin di Pulau Pinang dengan sokongan Kerajaan Negeri pada tahun 2008. Walau bagaimanapun, di atas sebab-sebab kewangan, projek tersebut tidak dapat dilaksanakan. Oleh yang demikian, pada 2011, Halal Penang telah mengambil alih usaha ini dan telah menubuhkan PH Gelatine Pharmz Sdn. Bhd. (PHGP) bersama-sama dengan pelabur-pelabur tempatan dan antarabangsa bagi meneruskan projek ini. Penglibatan Halal Penang di PHGP pada awalnya sebagai pemegang majoriti saham adalah bertujuan untuk menggerakkan projek ini untuk meyakinkan pemegang saham dan pelabur yang lain untuk melabur dan menggerakkan projek ini. Pada masa kini, Halal Penang mempunyai perancangan untuk melepaskan pegangan saham 50% dalam PHGP kepada pelabur yang berminat.

Dalam usaha mempromosi, Halal Penang telah berjaya menarik minat pelabur dari Timur Tengah, Arab Saudi, Pakistan dan Negara China untuk melabur dalam projek-projek di Pulau Pinang dan rundingan sedang dijalankan. Projek ini hanya akan dapat dilaksanakan apabila Kerajaan Negeri berjaya mendapat pelabur. *Insyaa-Allah* pelbagai usaha sedang dilaksanakan. Menjawab persoalan YB. Sungai Dua tentang peranan hal ehwal pengguna dalam pengawalan harga-harga barangan. Pada dasarnya Kerajaan Negeri tidak mempunyai kuasa untuk mengawal dan membendung kenaikan harga barang-barang yang meningkat dari semasa ke semasa. Ini adalah sebab oleh faktor penawaran dan permintaan dalam sistem pemasaran bebas. MMK Hal Ehwal Pengguna amat prihatin dengan kenaikan harga barangan dan perkhidmatan. Justeru, Kumpulan Pemantau Pengguna diwujudkan di setiap DUN bagi

memantau hal ehwal penggunaan ini. Terbaharu, hasil pemerhatian yang dibuat oleh Kumpulan Pemantau Pengguna, terdapat rungutan orang ramai mengenai harga barangan makanan bermasak yang turut meningkat dari masa ke semasa. Tiada penetapan harga siling bagi makanan bermasak yang dijual di pasaran. Terdapat banyak-banyak faktor yang mempengaruhi kenaikan harga makanan termasuk antaranya berpunca dari kenaikan harga bahan mentah seperti sayuran dan sebagainya dan juga yang besar, faktor adalah tentang GST. Selain daripada itu, kejatuhan nilai ringgit juga menyumbang kepada kenaikan harga barangan.

Sesungguhnya begitu, MMK Hal Ehwal Pengguna telah mengambil langkah untuk mengadakan kempen kesedaran bagi mendidik masyarakat pengguna tentang hak-hak mereka yang perlu diketahui dan dipertahankan dan melaporkan kepada Kementerian KPDNKK sekiranya terdapat aktiviti-aktiviti peniaga yang menyalahi undang-undang.

Demi mengurangkan beban kos sara hidup yang terpaksa ditanggung oleh rakyat pengguna akibat daripada kenaikan barangan dan perkhidmatan, Kerajaan Negeri telah menyediakan pelbagai inisiatif di adalah antaranya memberi pengecualian cukai pintu sejak tahun 2016 kepada semua penghuni-penghuni kos rendah dan kos sederhana rendah serta rumah-rumah kampung yang bertanah. Pengecualian ini akan diteruskan pada 2017 dan 2018 dan sekaligus dapat dimanfaatkan oleh pemilik-pemilik kos rendah, kos sederhana rendah dan rumah kampung. MMK Hal Ehwal Pengguna akan terus berusaha untuk menjalin kerjasama di antara agensi-agensi kerajaan yang berkaitan dalam mewujudkan masyarakat pengguna yang mempunyai pelindungan sendiri.

Bagi penutup, YB. Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan sekalian. Bagi mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan pertanyaan dan juga mengemukakan isu-isu berkaitan dengan Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Perkara-perkara yang telah dibangkitkan akan menjadi pemangkin bagi MMK bekerja lebih keras dan gigih bagi menambah nilai dan memperkukuhkan mutu pencapaian di bawah portfolio-portfolio ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan takziah kepada mangsa-mangsa yang terjejas dalam akibat banjir baru-baru ini dan mendoakan agar mereka supaya dapat tabah dan bersabar dalam menghadapi ujian. Kerajaan Negeri akan sentiasa bersama-sama supaya membantu meringankan beban yang ditanggung oleh rakyat yang terjejas dalam banjir ini. Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Surau Taman Free School yang telah memberi satu contoh yang baik dalam usaha mengetengahkan Al-Islam Rahmatal Lil-Alamin. Dengan itu, saya mohon menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Habis? Ahli-ahli Yang Berhormat, terima kasih saya ucapkan kepada YB. Batu Maung dan seterusnya saya hendak tangguhkan Dewan supaya kita sambung esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Dewan dan kita bersidang semula esok jam 9.30 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 11.10 malam.